

---

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KESEBELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 12**

**Isnin**

**11 April 2005**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 24)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 282)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 11 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan strategi dan tindakan untuk mengkomersialkan penyelidikan oleh IPTA/IPTS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa menggalakkan IPTA dan IPTS menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan beberapa insentif tertentu telah diberikan bagi memudahkan pihak IPTA dan IPTS membuat menjalankan kajian.

Bagi meningkat lagi pemasaran produk-produk yang dihasilkan oleh IPTA dan IPTS kerjasama dan perkongsian pintar dengan pihak swasta ditingkatkan. Peningkatan ini diwujudkan dengan penyelidikan bersama dan juga penubuhan syarikat secara usaha sama, dengan ini pengkomersialan dapat dilakukan lebih berkesan. Untuk mempromosikan sesuatu produk sememangnya memerlukan perbelanjaan yang besar, maka kerajaan telah memberikan insentif dari segi pengecualian cukai dengan izin, *tax relief* kepada IPTS dalam mempromosikan produk pendidikan.

Selain daripada itu beberapa pameran juga diadakan bagi membantu pihak IPTA dan IPTS mempromosikan produk-produk penyelidikan tersebut. Semua IPTA telah mewujudkan unit atau pusat bagi menggalakkan peningkatan penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan di peringkat IPTA. Fungsi Timbalan Naib

Chanselor juga telah disusun dengan mewujudkan Timbalan Naib Chanselor Penyelidikan dan Inovasi bagi mengawal setiap aktiviti *research and development dan commercialization* di IPTA. Selaras dengan itu juga kementerian dengan itu juga kementerian telah mewujudkan Bahagian Komersial R&D di bawah struktur barunya. Di antara fungsi bahagian ini ialah menguruskan perkara berhubung pengkomersialan paten, pembahagian harta intelek dan memudah carakan royalti, membantu universiti mewujudkan kerjasama dengan industri universiti dan pusat pendidikan antarabangsa sama ada dalam negara atau luar negara dan menyelaras pameran *expo* dalam dan luar negara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan jawapan yang telah diberi oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi itu. Persoalan saya sebagai soalan tambahan ialah apakah IPTA dan IPTS kita ini telah dapat mewujudkan satu budaya penyelidikan. Apakah sudah ada *the culture of research* dengan izin, di IPTA/IPTS kita ini dalam usaha mereka membina dan menjadikan IPTA ini sebagai pusat rujukan tempatan dan luar negara.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat. Memang kerajaan menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan kementerian telah pun mengenal pasti budaya atau langkah-langkah strategik bagi meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan produk. Dan langkah-langkah yang telah pun kita lakukan seperti berikut:

- i) seperti meningkatkan bilangan pelajar ijazah tinggi serta tenaga *post doctoral* di IPTA, kerana ia merupakan pemangkin kepada kekuatan aktiviti pendidikan di IPTA. Sehubungan itu IPTA akan meningkatkan peratusan ijazah tinggi berbanding dengan pelajar ijazah pertama daripada 17% pada masa kini ke 25% pada tahun 2010;
- ii) mewujudkan lebih banyak lagi budaya atau pusat kecemerlangan dalam bidang kekuatan atau *niche* dengan izin, untuk menjadikan IPTA sebagai pusat rujukan penyelidik tempatan dan luar negara;

- iii) meningkatkan hubungan dengan pusat kecemerlangan pendidikan di luar negara dengan mewujudkan program sangkutan atau pun pertukaran penyelidik dengan universiti atau makmal terkenal;
- iv) meningkatkan penerbitan penyelidikan dalam jurnal antarabangsa agar hasil penyelidikan dapat menjadi bahan rujukan lain-lain penyelidik antarabangsa, itulah budaya yang telah pun kita rangkakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam usaha mengkomersialkan penyelidikan oleh IPTA dan IPTS jelas kita melihat IPTS lebih berjaya sebagai contoh MMU, berbanding dengan IPTA yang telah lama ditubuhkan kita nampak kadarnya yang berjaya mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan ini adalah berkurangan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sebab kenapa MMU lebih maju daripada IPTA yang lain dan kenapa pula kementerian tidak menetapkan satu sasaran di mana kesemua IPTA dan IPTS akan mendapat hasil sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah perbelanjaan itu berdasarkan kepada hasil R&D. Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat Air Hitam, memang saya akui seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat multimedia universiti atau universiti multimedia menjalinkan banyak hubungan kerjasama dengan pihak swasta dan menerima geran bagi R&D bagi pihak *Microsoft, Intel, Mitsubishi, Hitachi* dan lain-lain dan jumlah gerannya bergantung kepada kos penyelidikan. Walau bagaimanapun, IPTS sentiasa mempunyai kekuatan masing-masing dan di antara hasil penemuan yang telah dipatenkan seperti *new method for .....* daripada USM dan *new rubber thermo plastic wood* UKM telah pun dikomersialkan dan ini telah pun sebenarnya membawa kita ke arah yang lebih baik dalam penemuan-penemuan teknologi yang harus dikomersialkan.

Sehingga akhir tahun 2003 sahaja 170 paten didaftarkan dan 50 produk berjaya dikomersialkan di peringkat IPTA dengan industri menghasilkan pulangan sebanyak RM48.1 juta dan kita juga di peringkat IPTA telah pun memenangi banyak pingat sama ada di pameran *International Exhibition New Invention, Technique And Product* di Geneva dan di pameran *In-tech 2004* di Pittsburgh, Amerika Syarikat.

2. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Poliklinik Taman Selasih, Kulim yang telah siap akan dibuka kepada orang ramai.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, Klinik Kesihatan Taman Selasih, Kulim telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan pada 22 September 2004. Klinik tersebut mula beroperasi dengan memberikan perkhidmatan Klinik Ibu dan Anak pada 1 Disember 2004. Klinik Kesihatan Taman Selasih dijangka akan bermula beroperasi sepenuhnya *satu setengah* bulan lagi iaitu pada 1 Jun tahun ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang begitu *direct* dan saya berterima kasihlah kerana dengan penjelasan ini dapatlah saya beritahu kepada penduduk di kawasan Taman Selasih ini. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan pembekalan alat-alat perubatan. Adakah pihak kementerian sedar bahawa selalunya kaedah yang digunakan ialah semasa perancangan sesuatu klinik atau pun hospital ini. Peralatan juga dirancang dalam masa yang sama tetapi apabila bangunan itu telah siap dan kita dapati bekalan yang telah dirancangkan mungkin sudah tidak lagi yang paling termoden sekali, mungkin generasi pertama tetapi apabila hendak sampai bekalkan alat-alat peralatan itu sudah jadi generasi ketiga.

Jadi kita hadapi masalah tidak dapat mendapat peralatan yang paling terkini. Adakah kementerian sedar dan apakah kaedah ataupun mekanisme yang diambil untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Lee Kah Choon:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kita memang bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa alat-alat perubatan yang kita beli itu kadangkadangkang apabila pada masa kita tempah dan pada masa ia diserahkan memang ada satu *lack time* atau masa yang kita kena tunggu dan kerana pembangunan pengetahuan dan teknologi dengan pesatnya kita memang setuju bahawa apabila ia sampai peralatan itu sudah tidak semoden seperti yang kita hendak. Bagi kita yang pentingnya bukan hanya mesin-mesin atau peralatan ini tetapi juga manusia yang menggunakan mesin ini dan juga doktor-doktor yang kita ada, sebab perubatan ini bukan bergantung hanya kepada

mesin sahaja tetapi kepada budaya yang penyayang itu berkaitan terhadap pesakit itu adalah satu aspek yang sangat-sangat penting juga dan juga bagaimana mereka *diagnose*, bincang dengan pesakit itu adalah satu aspek pengalaman dan penting juga.

Dari segi itu kita memanglah setuju bahawa kita akan ambil berat berkaitan dengan perkara ini supaya kita boleh dapatkan peralatan yang termoden sekali barangkali dengan kita boleh *refer cases* kepada *establishment* atau klinik-klinik atau hospital yang berdekatan yang lebih maju atau yang lebih moden lagi tetapi yang pentingnya seperti yang saya katakan tidak semestinya mesin itu tetapi orang atau doktor, jururawat atau sebagainya ada juga kepentingannya, sekian.

**Soalan No. 3** – Y.B. Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) tidak Hadir]

**Soalan No. 4** – Y.B. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) tidak hadir]

5. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah perlunya sistem kuota yang diberikan kepada agensi-agensi pelancongan untuk membuat tempahan tiket penerbangan oleh agensi tersebut di semua destinasi perjalanan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia (MAS) tidak mempunyai sistem *kuota* untuk mengehendkan *tempahan* yang dibuat oleh agensi-agensi pelancongan. MAS menggunakan sistem tempahan berkomputer yang dikenali sebagai KOMAS. Melalui sistem ini MAS menerima *tempahan* untuk penerbangan domestik dan juga antarabangsa. Tempahan penerbangan melalui KOMAS boleh dibuat bagi semua jenis tempahan iaitu *individu booking*, *group booking* atau *blok booking*, dengan izin. MAS mengenakan syarat-syarat tertentu bagi penempahan *individu booking*, *group booking* dan *blok booking*, dengan izin.

Dasar pengagihan tempahan di antara *individu booking* atau *group booking* yang diamalkan oleh MAS adalah bergantung pada keadaan pasaran. Pada dasarnya keutamaan akan diberi kepada tempahan yang dibuat oleh kategori *individu* kerana nilai tambang adalah lebih tinggi. Tempahan bagi *group* dan *blok booking* akan dipertimbangkan dengan mengambil kira unjuran perjalanan *individu*. Bagi

penerbangan-penerbangan antarabangsa, MAS pada dasarnya akan memberi keutamaan kepada penumpang-penumpang sama ada individu atau kumpulan yang ingin membuat perjalanan *di dalam Malaysia* yang ada berbanding dengan group passanger, dengan izin kerana nilai tambang bagi sektor adalah lebih tinggi. Walaupun demikian, penentuan tempahan kategori penumpang masih bergantung pada permintaan kesalahaan sebenarnya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang MAS mengatakan bahawa tidak ada kuota bagi mana-mana industri pelancongan tetapi masalah yang berlaku sekarang ini ialah setiap penumpang yang buat tempahan selalunya mendapati destinasi yang mereka hendak tuju dan hendak lawati selalunya sudah penuh sama ada dalam negeri dan juga luar negara tetapi apabila sampai ke *airport* ataupun apabila berada dalam pesawat, masih didapati banyak tempat-tempat duduk yang tidak dipenuhi.

Ada agensi-agensi pelancongan mendakwa yang tidak mampu terpaksa bergantung pada agensi pelancongan yang mampu untuk mendapatkan tiket-tiket yang telah dibuat blok oleh mana-mana agensi pelancongan. Ini telah menimbulkan kesulitan kepada penumpang oleh kerana agensi pelancongan yang berkenaan akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga tambang. Oleh kerana penumpang tidak tahu harga tambang sebenar kepada mana-mana destinasi. Oleh itu, apakah MAS tidak melihat perkara ini untuk mengeluarkan satu senarai tambang kepada semua destinasi sama ada domestik dengan izin ataupun di luar supaya orang ramai boleh tahu harga tambang yang sebenarnya dengan apa yang dikeluarkan oleh agensi pelancongan kerana berbeza-beza. Ini telah menimbulkan banyak kekeliruan dan kesulitan dan akhirnya akan timbul kewujudan *black market*, dengan izin. Oleh itu, apakah pihak MAS melihat supaya kekeliruan tentang harga tambang ini yang boleh diambil kesempatan oleh mana-mana pihak ke atas penumpang boleh diatasi? Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kementerian sedar bahawa banyak rungutan mengenai masalah penempahan tiket-tiket di mana mula-mula apabila kita menempah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tidak dapat tempat tetapi kalau naik kapal terbang nampak kerusi kosong. Ini

masalah dan kabinet juga telah mengambil maklum dan tindakan pun telah diambil. Jadi, pokok dan masalahnya ialah ada beberapa perkara. Ini berlaku kerana satu kadang-kadang penumpang yang telah menempah tiket ini *no show*, tidak datang. Ada juga *misconnection flight* dan ada juga penumpang-penumpang membatalkan penerbangan mereka secara dalam saat-saat terakhir dan ada juga mereka menggunakan perjalanan yang lebih awal.

Jadi, MAS memang menyedari masalah ini maka beberapa tindakan telah juga diambil. Antaranya ialah membuat satu prosedur untuk *group booking*. MAS telah mengambil tindakan untuk memantau dengan secara rapi dan prestasi *group booking* setiap penerbangan.

Yang kedua, MAS telah mengenakan tiket *time limit* di mana kalau *booking* telah dibuat mereka perlu membeli tiket itu dalam waktu yang ditetapkan, kalau tidak tempahan itu dibatalkan. Begitu juga MAS menggunakan dasar *over booking* untuk menentukan bahawa ia dapat dikawal. MAS juga menggunakan *cancellation fee* kepada mereka yang telah membeli tiket tetapi tidak menggunakan penerbangan tersebut. Inilah beberapa tindakan yang telah diambil dan MAS juga sekarang akan menimbang mengenai *ticketing time limit* dan supaya lebih diperketatkan dan MAS juga akan menggunakan satu sistem komputer baru untuk membolehkan dan meningkatkan prestasi untuk memantau masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi untuk menyenaraikan tambang saya rasa dalam sesuatu waktu memang dalam jangka masa memang MAS ada senarai tambang. Jadi untuk memberitahu perkara ini saya rasa tidak susah kerana mereka dapat akses *through the website*.

6. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah justifikasi Syarikat Pos Malaysia (SPM) menaikkan bayaran pos mulai 1 Mac, 2005. Adakah Syarikat Pos Malaysia telah meninjau implikasi kenaikan dan akan memberi jangka masa penyesuaian serta persediaan yang mencukupi sebelum dilaksanakan kenaikan secara penuh.

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa pada 1 Januari 2005, Pos Malaysia Berhad (*PMB*) telah diberi kelulusan untuk;



- (i) mengelaskan semula perkhidmatan mail dan menyusun semula tarikh mail dalam negeri; *dan*
- (ii) mengelaskan semula zon destinasi mail antarabangsa dan menyusun semula tarikh perkhidmatan mail antarabangsa.

Tujuan pengelasan semula perkhidmatan mail dalam negeri kepada standard dan bukan standard adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan mail melalui penggunaan automasi. Sehubungan itu, tarikh mail dalam negeri telah disusun semula bagi menggalakkan orang ramai dan industri menggunakan kelas mail standard yang lebih murah berbanding kelas bukan standard. Sementara itu pengelasan semula zon destinasi mail antarabangsa adalah selaras dengan keputusan Universal Postal Union (UPU) iaitu badan antarabangsa yang bertanggungjawab menentukan arah tuju pembangunan industri pos sedunia dan menyelaraskan isu-isu pos di kalangan negara-negara ahli.

Pada Kongres UPU di Beijing pada tahun 1999, UPU telah membahagikan negara-negara ahli kepada kategori tertentu berasaskan pendapatan per kapita dan menyusun semula kadar terminal dues mengikut kategori berkenaan. Terminal dues merupakan bayaran kepada negara penerima bagi penghantaran mail di negara berkenaan. Penyusunan semula tarikh mail antarabangsa mengikut zon baru ini adalah bagi meningkatkan daya saing perkhidmatan Pos Malaysia Berhad dan bagi mengelakkan Malaysia digunakan sebagai pusat aktiviti penghantaran semula *remailing* oleh pihak-pihak tertentu untuk mengaut keuntungan dari kadar pos yang rendah.

Kerajaan telah mengkaji implikasi penyusunan semula tarikh pos dan berpendapat ia tidak menjejaskan orang ramai kerana tarikh mail asas pada 30 sen adalah dikekalkan dan pengguna perkhidmatan mail standard lebih dari 20 kilogram akan mengalami kesan kenaikan tarif yang minimum iaitu sebanyak 5 sen sahaja daripada 35 sen kepada 40 sen. Sebelum menguatkuasakan penyusunan semula tarikh pos, Pos Malaysia Berhad telah mengadakan perbincangan dengan pihak industri dan membuat sidang akhbar serta mengiklankan perkembangan ini melalui semua akhbar utama untuk beberapa waktu. Untuk makluman Yang Berhormat, pada asalnya Pos Malaysia Berhad telah diberi kelulusan untuk menguatkuasakan perubahan-perubahan

di atas mulai 1 Januari 2005. Bagaimana pun Pos Malaysia Berhad mula menguatkuasakannya pada 1 Mac 2005. Oleh yang demikian, kerajaan berpendapat ianya mencukupi untuk memberi peluang kepada semua pihak bersedia dengan kadar baru tersebut, terima kasih.

**Tuan Teng Boon Soon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang terperinci. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, yang saya pertikaikan ialah cara mengenakan tarikh baru itu berkaitan dengan cara menulis, pengguna dikehendaki menaip, jika tidak menaip secara menulis dengan tangan dia dikenakan bayaran 50 sen itu. Jadi memandangkan sistem baru tarikh mail itu pada pendapat saya tidak adil kepada pengguna-pengguna khidmat pos khususnya pengguna-pengguna di luar bandar yang ramai masih tiada mesin taip dan komputer. *[Dewan menjadi riuh seketika]* Apa kata jika syarikat Pos Malaysia Berhad melaksanakan sistem bayaran mengikut kawasan bandar dan kawasan luar bandar dan tidak mewajibkan alamat menaip.

Yang kedua, satu *grace period* sekurang-kurangnya enam bulan harus diberi kepada semua kategori pengguna untuk keputusan sistem tarif yang baru itu. Minta penjelasan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia Berhad mengakui bahawa terdapat sedikit kekeliruan berhubung perkara ini. Ingin saya nyatakan tidak benar Pos Malaysia Berhad tidak menerima mereka yang menulis dengan tangan. Cuma yang Pos Malaysia Berhad minta dari segi jalan, poskod itu supaya ditulis dengan terang, kerana Pos Malaysia Berhad akan menggunakan satu mesin yang dikenali dengan nama *optical character reader*, kalau ditulis terlalu *cursive*, tulis sambung mungkin mesin ini tidak dapat membacanya. Jadi, tidak ada masalah kalau orang kampung, orang ramai hendak guna tulis tangan teruskan. Yang penting poskodnya, jalannya boleh ditulis dengan terang.

Malah kalau karakter-karakter tulisan Cina ataupun tulisan Tamil sebagai nama pun masih diterima, kerana yang pentingnya alamatnya mesti tepat. Ini memandangkan hari ini Pos Malaysia Berhad dari segi kiriman surat ataupun bungkusan lebih kurang 3.5 juta hingga 4 juta satu hari. Jika Pos Malaysia Berhad tidak bergerak ke arah automasi, bagaimanakah Pos Malaysia Berhad akan menjadi satu syarikat yang boleh menjadi

efisien. Sebab itu ia kena balik automasi, sebab itu ia menggalakkan supaya ditulis dengan komputer dan sebagainya, tetapi tidak sekali-kali Pos Malaysia Berhad menolak mereka yang menulis dengan tangan. Itu adalah untuk maklumat Yang Berhormat bagi Tebrau dan lain-lain. Terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak keliru kepada orang ramai. Sebelum tanya orang ramai, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapakah harga untuk membeli sampul ini [*sambil menunjukkan sampul surat*]. Berapakah harga untuk mengirim sampul surat ini. Yang pentingnya dalam *website*, dalam risalah, dalam taklimat yang diberi kepada orang ramai pelbagai syarat dinyatakan *standard* mestilah penggunaan 'koma' untuk membezakan jenis maklumat, tidak boleh menggunakan perkataan penterjemahan bahasa Inggeris, tiada penggunaan *asterisk* pada alamat, ini arahan yang diberi kepada pegawai-pegawai pos kalau mahu membolehkan mereka mengirim surat pada harga 30 sen, kerana dia kata, kalau tidak ikut syarat-syarat ini, ia bukan surat *standard*, jadi tidak boleh dapat 30 sen.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pos Malaysia Berhad untung RM76 juta tahun lalu, RM67 juta tahun 2003 mengapakah naik lagi kadar harganya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Kerana dengan memberi kemudahan kepada pegawai pos tidak sepatutnya mengelirukan orang ramai dan menyusahkan orang ramai dengan pelbagai syarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan panjang.

**Cik Fong Po Kuan:** Dan nyatakan apakah negara yang mempunyai syarat yang begitu banyak pada orang ramai ketika mereka hendak kirim surat. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Akhirnya dia dapat bersoal dan insya-Allah, saya akan beri jawapan. Sebenarnya dari segi 30 sen dan 50 sen atau 40 sen ini mudah sahaja. Pos dari segi surat ada dua sekarang ini – dari segi surat *standard* ataupun surat tidak *standard*. Yang Berhormat tengok sampul surat Yang Berhormat itu, Yang Berhormat lihat surat Yang Berhormat, pertamanya berat maksimumnya kalau surat *standard* tidak boleh melebihi 50 gram, saiz

minimum sampul surat itu adalah 90 mm. X 140 mm. dan maksimumnya adalah antara 165 mm. X 250 mm., tebal adalah antara 0.25 mm. sehingga 6 mm. Dengan kata-kata lain selagi surat Yang Berhormat itu boleh masuklah lubang yang disediakan oleh Pos Malaysia Berhad saiz ini, itu dikirakan surat *standard* dan dikenakan 30 sen. Itu dengan kata mudah.

Tetapi Pos Malaysia Berhad mengakui maka ada kekeliruan kepada orang ramai kerana penerangan yang tidak cukup. Semalam saya sempat berjumpa dengan Pos Malaysia Berhad sebab Yang Berhormat bertanya banyak saya berjumpa Pos Malaysia Berhad, walaupun hari Ahad semalam untuk meminta penerangan yang lebih jelas. Pos Malaysia Berhad kata dia beri jaminan, dia kata kalau ada mereka yang telah order secara pukal sampul surat ini mereka boleh minta lanjutan masa supaya Pos Malaysia Berhad tidak kenakan kadar yang baru dalam masa terdekat, walaupun sepatutnya mereka menggunakan kadar yang baru ini bermula pada tarikh terakhir kadar yang lama adalah 31 Mei, tetapi mereka sanggup lanjutkan ke tarikh yang lain, sekiranya permintaan itu ramai bolehlah berhubung dengan Pos Malaysia Berhad.

Saya harap Yang Berhormat daripada Batu Gajah boleh terima jawapan ini mengapa Pos Malaysia Berhad mengenakan kadar yang baru, ini adalah kerana Pos Malaysia Berhad terpaksa juga membuat *investment* dalam masa terdekat ini sebanyak RM200 juta untuk membeli mesin-mesin yang baru, untuk kegunaan *sorting* dan sebagainya. Kerana sebagaimana yang saya jawab tadi hari ini sahaja surat yang diterima lebih kurang 3.5 juta hingga 4 juta. Kalau hendak gunakan tangan dengan *manually* hendak *sorting* satu persatu mengambil masa yang lama. Hanya 20% daripada surat 4 juta ini yang digunakan mesin, sungguh tidak efisien. Dengan itu, Pos Malaysia Berhad minta orang ramai gunakan *standard* tertentu membolehkan automasi ini digunakan sebaik mungkin supaya surat kita menjadi lebih cepat dan lebih jitu ke alamat penerimanya, supaya surat Batu Gajah boleh sampai kepada semua orang yang Batu Gajah hantar pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan strategi dan program yang sedia ada yang dapat membantu pihak penanam-penanam padi bukit di negeri Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan keluarga mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedar bahawa masih terdapat petani tradisi yakni perusahaan padi bukit yang wujud di negeri Sabah dan Sarawak yang memerlukan pembelaan, bimbingan dan bantuan daripada kerajaan. Buat masa ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tiada mempunyai program yang khusus untuk membantu meningkatkan produktiviti bagi petani-petani padi bukit di Sabah dan Sarawak. Bantuan berupa baja subsidi hanya diberi kepada petani-petani padi sawah sahaja. Walau bagaimanapun, beberapa usaha telah dilakukan bagi membantu petani-petani tersebut melalui pemberian khidmat nasihat dan pengembangan.

Mengenai penglibatan petani-petani padi bukit di Sabah dan Sarawak kerajaan negeri Sabah dan Sarawak telah pun memberi bantuan baja padi *diamonium phosphate* sebanyak 14 kilo seorang petani dan 50 kg. seorang petani kepada petani-petani padi bukit untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh petani-petani tersebut. Dalam hubungan ini, kerajaan akan mengenal pasti bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan bagi membantu para petani padi bukit untuk meningkatkan pendapatan serta daya pengeluaran mereka. Terima kasih.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Kita sedar bahawa amalan penanaman padi bukit secara *shifting cultivation*, dengan izin, ialah satu amalan tradisi yang diamalkan oleh penanaman padi bukit semenjak turun temurun dahulu.

Mengikut satu kajian yang dibuat oleh Jabatan Pertanian Sarawak satu ketika dahulu, penanaman padi bukit hanya dapat jika diterjemah dari segi gaji hari RM3 sampai RM5 sehari, jika dibanding dengan gaji buruh mereka dapat RM15 hingga RM25 sehari. Pendapatan penanaman padi bukit ini memang dikhuatiri oleh kita semua khususnya dalam zaman yang moden ini. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan yang dihadapi oleh penanam-penanam padi bukit ini, amalan penanam padi bukit memang sangat perlu kerana ianya menjadi sumber asas untuk menampung keperluan beras untuk kehidupan mereka. Memandangkan keadaan yang seperti ini, saya ingin bertanya bolehkah kementerian mengambil langkah-langkah konkrit bagi

mentransformasikan kegiatan mereka ini supaya mereka boleh mengubah amalan tradisi mereka kepada amalan penanam padi sawah yang kita tahu lebih produktif dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, memang diakui bahawa ini adalah satu amalan tradisi dan yang berkemungkinan akan pupus juga. Sebab yang tinggal untuk menjalankan penanaman padi bukit ini adalah orang yang tua-tua, sebab generasi yang baru sudah tidak begitu berminat, sebab satu *shifting cultivation*, , dengan izin mengambil masa 10 hingga 15 tahun untuk mereka membuat pusingan dan sebagainya. Jadi, apa yang boleh dicadangkan dan saya rasa ini pendekatan yang diambil oleh Jabatan Pertanian memberi alternatif, iaitu cara-cara lain atau untuk menukar kepada tanaman lain sebab didapati Yang Berhormat sendiri telah memberitahu bahawa harganya begitu rendah dan orang hendak mengusahakan sudah kurang, jadi berkemungkinan dicadangkan untuk menanam tanaman alternatif. Seperti di bukit, ianya lebih sesuai untuk tanaman lada, dan lada memberi pulangan yang besar dan boleh dibeli beras, boleh dikatakan macam itu ataupun *terracing*, tetapi *terracing* ini adalah sesebuah yang begitu memakan belanja yang begitu besar.

Kita di Malaysia ini masih lagi banyak tanah yang sedia ada untuk menanam padi sawah. Jadi, oleh yang demikian BERNAS bersama dengan Jabatan Pertanian Sarawak telah membuat beberapa perancangan untuk mengadakan macam *commercialization of paddy planting*, dengan izin supaya pulangan lebih besar dan supaya petani-petani ini mendapat harga yang lebih baik dan juga boleh menampung keperluan kehidupan mereka dengan menjualkan padi-padi sawah atau padi paya iaitu bukan di tepi bukit tetapi lebih kepada *low land paddy*. Terima kasih.

8. **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan:

- (a) berapakah jumlah wang yang dihutang oleh orang ramai kepada Indah Water dan mengapa; dan
- (b) dengan mengambil cukai taksiran yang dikutip, bukannya bil Indah Water seharusnya dihentikan ataupun dikurangkan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah tunggakan bayaran caj perkhidmatan pemetungan sehingga bulan Februari 2005 adalah sebanyak RM497.9 juta yang mana RM290 juta adalah hutang semasa 2004-2005 manakala RM207.9 juta adalah hutang yang melebihi masa satu tahun. Di antara sebab-sebab utama atau keengganan pengguna menjelaskan bil adalah, satu kurangnya kefahaman dan kesedaran orang ramai tentang impak sistem pemetungan terhadap kesihatan umum dan kualiti alam sekitar. Walhal sistem kumbahan yang dibuang terus tanpa dirawat merupakan antara punca utama pencemaran sungai di negara ini.

Perkhidmatan pemetungan tidak dapat dilihat secara khusus. Oleh itu ramai tidak sedar terhadap perkhidmatan yang dijalankan oleh IWK. Dengan itu, kementerian bersama-sama pihak IWK akan terus memberi kesedaran kepada orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh IWK serta perlunya perkhidmatan tersebut bagi menjaga kesihatan umum, penduduk serta mencegah pencemaran alam sekitar.

- (b) cukai taksiran yang dipungut oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) adalah untuk kerja-kerja perkhidmatan perbandaran seperti pungutan sampah, pembersihan longkang awam dan penyediaan lampu-lampu jalan. Tiada sumbangan dari kutipan cukai pintu dibuat ke atas pemetungan. Dengan yang demikian, adalah tidak wajar bil IWK dihentikan atau dikurangkan. Terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebih kurang dua tahun dahulu bila kerajaan mengambil alih Indah Water Konsortium, kerajaan telah memberi satu pengecualian (*amnesty*) semua telah dikecualikan untuk membayar hutang tertunggak kepada Indah Water. Adakah hutang yang tertunggak sekarang yang sedia adalah lebih kurang RM497 juta itu, kerajaan juga akan memberi satu pengecualian. Dan berkaitan dengan ini, saya difahamkan baru-baru ini bahawa satu *letter of intent* telah diberi kepada dua konsortium iaitu Multi-Vest Recourses Berhad dan 'Nila Mas Cooperation Sdn. Bhd.' di mana kedua-dua syarikat ini

dibenarkan mengambil alih Indah Water Konsortium. Kita ada masalah dengan Indah Water Consortium dahulu bila ia diswastakan.

Supaya masyarakat Malaysia tidak diperdayakan, apakah syarat-syarat yang telah dikenal pasti oleh kementerian supaya terma-terma yang diikat, yang baik kepada *consumer* dan sebagainya, yang sedia ada sebelum kedua-dua syarikat ini diberi keutamaan untuk mengambil pengurusan *Indah Water Konsortium* dan mengapakah kedua-dua syarikat ini dipilih?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, apatah lagi dia tidak emosional ketika mengemukakan soalan berbanding dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setakat hari ini kerajaan tidak berhasrat lagi untuk menghapuskan hutang yang tertunggak kepada IWK oleh pengguna-pengguna yang lalu. Itu jawapan kepada soalan yang pertama. Kedua, dari segi penswastaaan, setakat hari ini IWK masih lagi terletak di bawah kuasa kerajaan dan kerajaan belum berhasrat untuk menswastakannya kepada mana-mana pihak. Berkenaan dengan dua syarikat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, setakat ini saya belum dimaklumkan berhubung dengan perkara itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran:** Pengesahan. *Letter of Intend* telah pun diberikan kepada *Malaysian Stock Exchange* pada hari Khamis dahulu, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Saya *refer* dari segi penswastaaan...belum ada diputuskan...belum bercadang untuk memberi mana-mana penswastaaan kepada syarikat. Itu saya boleh berikan jaminan. Penswastaaan belum ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini dalam rancangan untuk menswastakan pengurusan air kelak, sama ada perkhidmatan IWK akan diambil alih dan diuruskan oleh syarikat-syarikat yang dipilih untuk menguruskan air di bawah rancangan penswastaaan air negara?



**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Diucapkan terima kasih di atas soalan itu. Buat masa ini, kerajaan melalui kementerian ini lebih berhasrat bercadang untuk menyelesaikan isu air secara persendirian, tetapi akan tiba masanya, memandangkan air yang keluar itu merupakan air yang akan diproses semula dan menjadi air minuman, maka di satu ketika nanti air kumbahan atau air buangan ini akan digabungkan bersama-sama dengan air yang akan dijadikan air minuman dan mungkin satu syarikat akan menyelesaikan masalah ini ataupun operasi menguruskan air, daripada air mentah kemudian dijadikan minuman sehingga air yang dirawat.

Tetapi yang lebih penting daripada itu, masyarakat pada hari ini diminta supaya menjelaskan segala bil-bil tertunggak kepada IWK kerana ia lebih merupakan kesedaran daripada kesihatan. Jumlah yang diminta oleh IWK tidaklah banyak iaitu RM2 untuk rumah kos rendah, RM3 bagi kampung-kampung, RM6 bagi premis-premis yang menggunakan *septic tank* dan RM8 bagi premis-premis yang disambungkan dengan tangki berpusat. Ini adalah penting untuk memastikan alam sekitar di negara ini terus terjaga dan terpelihara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

[**Soalan No. 9** - Y.B. *Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]* tidak hadir]

**10. Datuk Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) sejak Pusat Serenti ditubuhkan dan mula beroperasi, berapa ramai penagih telah menyertai program pemulihan serta berapa ramai yang berjaya dipulihkan; dan
- (b) bilangan Pusat Pemulihan di bawah kelolaan pihak swasta yang berdaftar mengikut negeri dan bilangan penagih yang menyertai program pemulihan berjaya dipulihkan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod, sejak tahun 1983 sehingga tahun 2004 seramai 157,709 orang penagih telah menjalani program rawatan dan pemulihan dadah di 28 buah Pusat Serenti di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, adalah dianggarkan kira-kira 25% daripada mereka telah pulih sepenuhnya, bakinya sebanyak

73% adalah didapati tidak dapat mengekalkan kepulihan dan menagih semula, manakala 2% telah meninggal dunia.

Bagi jawapan kepada soalan (b), sehingga Disember 2004, bilangan pusat pemulihan persendirian (PPP) yang berdaftar dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan masih aktif ialah 61 buah. Senarai PPP mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<b>NEGERI</b>	<b>Bilangan Pusat Pemulihan Persendirian</b>
Johor	9
Kedah	3
Wilayah Persekutuan	13
Kelantan	2
Melaka	3
Negeri Sembilan	2
Perak	8
Perlis	1
Pulau Pinang	2
Sabah	1
Selangor	14
Terengganu	3
<b>Jumlah</b>	<b>61</b>

Kesemua 61 buah PPP ini dapat memuatkan seramai 1,721 orang penagih dadah pada satu-satu masa. Secara keseluruhannya jumlah penagih dadah yang sedang mengikut program rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan persendirian ialah seramai 852 orang.

Walau bagaimanapun AADK tidak mempunyai rekod bilangan penagih dadah yang telah berjaya mengekalkan kepulihan setelah mereka keluar daripada pusat-pusat pemulihan tersebut kerana mereka bukan di bawah pengawasan dan penyeliaan pegawai-pegawai AADK. Terima kasih.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pagi tadi, dalam perjalanan dari Sabak Bernam saya melalui Kuala Selangor dan singgah untuk bersarapan di sebuah kampung. Saya sempat bersarapan dengan empat orang bekas

penagih. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bekas penagih ini mengakui bahawa salah satu sebab penting kenapa berulang semula ialah kerana kerjaya.

Selepas mereka keluar daripada Pusat Serenti, mereka tidak ada pekerjaan. Oleh sebab itu, soalnya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit kerjaya di peringkat AADK dan bertindak secara agresif untuk memastikan bahawa bekas pelatih ini akan segera mendapat pekerjaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Memang dalam perancangan AADK untuk menubuhkan unit kerjaya ini. Untuk langkah pertama kita akan menubuhkan Pusat Serenti Vokasional iaitu di Sepang di mana pelatih-pelatih ini akan ditempatkan selama enam bulan sebelum mereka menamatkan latihan. Mereka ini akan dipantau oleh syarikat-syarikat tertentu yang dipanggil "mentor". Ini sedang kita buat secara kerjasama dengan Universiti Industri Selangor (UNISEL).

Di samping latihan vokasional, kita juga sedang merancang untuk memberikan latihan dalam bidang pertanian yang mana apabila mereka keluar daripada Pusat Serenti, mereka sekurang-kurangnya ada asas dalam bidang pertanian dan perancangan sedang disusun dengan FELDA *Plantation* dan beberapa syarikat pertanian yang besar dalam negara kita supaya dapat diberi peluang pekerjaan dalam bidang pertanian. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh. Selamat pagi, salam sejahtera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengikuti secara dekat dan kita mengambil perhatian yang serius, kita membelanjakan ratusan juta khusus untuk memulihkan penagih dadah tetapi hasilnya amat minimum. Ada hasil tetapi tidak memadai dengan tenaga, wang ringgit, masa dan fikiran yang dicurahkan.

Adakah kementerian bercadang antara cara kita memulihkan ini kita tiru seperti Tasik Malaya di Jawa Timur, dipulihkan penagih dadah ini melalui kerohanian, di 'pensetrian' dan kalau pusat-pusat seperti ini nampak kejayaannya kenapa tidak kita meniru? Dan bolehkah kementerian memberikan geran kalau ada mana-mana individu atau pihak-pihak yang tertentu, yang hendak mengendalikan pusat pemulihan dan

rawatan secara kerohanian ini supaya kalau ada geran bantuan mereka boleh memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan. Saya rasa ini boleh membantu, terutamanya supaya jangan berulang penagihan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading yang peka mengenai dadah. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, pusat pemulihan rawatan ini ada dua. Satu ialah Pusat Serenti di bawah kelolaan kerajaan. Mereka yang dihantar ke Pusat Serenti ini ialah kerana arahan daripada mahkamah, jadi mereka tidak ada pilihan.

Dalam masa yang sama kita juga telah mengadakan pusat-pusat persendirian yang saya nyatakan tadi iaitu sebanyak 61 buah PPP. Ia dikelolakan oleh pihak-pihak swasta dan secara persendirian. Penagih-penagih dadah yang masuk ke PPP ini ialah secara sukarela. Kita sudah pun memanggil pusat-pusat persendirian ini untuk kita membincangkan bagaimana caranya untuk kita memberikan bantuan kepada PPP ini kerana 61 buah PPP ini mereka mengikut cara mereka sendiri, ada yang buat mengikut cara melalui pendekatan agama, ada yang membuat secara tradisional dan ada juga yang membuat pendekatan secara kerohanian sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Jadi, kita sedang mengkaji sejauh mana keberkesanan dengan cara-cara mereka. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa setakat ini kita belum mendapat kesan lagi bagi laporan yang lengkap berapa ramai yang menagih semula. Kita telah pun memanggil PPP ini untuk berbincang dan jika mana-mana PPP ini kita dapati memang boleh memulihkan penagih-penagih dadah ini kita akan memberikan bantuan mengikut *per head*, sebagaimana bantuan yang mereka dapat jika mereka dirawat di Pusat Serenti. Terima kasih.

*[Soalan No. 11 - Y.B. Datuk Juslie Ajiro ( Libaran ) tidak hadir]*

**12. Tuan Jelaiing Mersat [Saratok]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan mengapa usaha FELCRA membangunkan tanah di Sarawak tidak diperluaskan ke kawasan-kawasan pedalaman.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Ahli Yang

Berhormat bagi Saratok yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua. Penglibatan FELCRA Bhd. di negeri Sarawak telah bermula dengan perjemputan daripada kerajaan negeri pada tahun 1979 untuk membangunkan seluas 772 hektar tanah di dalam kawasan Markas Keselamatan Rajang (RASCOM).

Ekoran daripada komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh FELCRA yang pada ketika itu merupakan salah sebuah agensi pembangunan Kerajaan Persekutuan telah membangunkan sektor luar bandar di negeri Sarawak, maka pada tahun 1987, kerajaan negeri telah bersetuju menjemput FELCRA untuk membangunkan kawasan-kawasan di luar kawasan keselamatan berkenaan.

Namun begitu halangan bagi FELCRA untuk memperluaskan pembangunan tanah di kawasan-kawasan pedalaman adalah disebabkan oleh faktor seperti batasan peruntukan pembangunan untuk pembukaan projek penyatuan dan juga pengelolaan tanah baru kerana peruntukan terbabit tidak lagi diterima dari kerajaan setelah FELCRA dikorporatkan. FELCRA perlu menggunakan sumber kewangan dalaman.

Faktor-faktor lain ialah pembukaan ladang-ladang baru di kawasan pedalaman memerlukan kos tambahan berbanding dengan kawasan-kawasan lain dan pelaksanaan ini juga bergantung pada persetujuan Kerajaan Negeri Sarawak. Sekian.

**Tuan Jelaing Mersat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu tepat tadi berkaitan dengan pembangunan tanah. Selepas kita diberi taklimat yang begitu terperinci daripada kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan pembangunan tanah di Semenanjung di sini, agensi seperti FELCRA, FELDA dan sebagainya, kita pun ingin juga untuk mendapatkan perkembangan dalam pembangunan tanah kita di Sarawak dan banyak permintaan berkaitan dengan pembangunan tanah ini, meminta ditanamkan kelapa sawit, getah dan sebagainya dan soalan saya, adakah kerajaan berhasrat untuk memperkembangkan ini dengan berbincang dengan pihak-pihak tertentu supaya ia boleh mempercepatkan lagi pembangunan tanah di kawasan kita. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini, sehingga kini FELCRA telah memaju dan memulihkan seluas 14,597 hektar tanah yang diusahakan dengan tanaman

komoditi seperti kelapa sawit di 76 buah projek yang dipecahkan kepada 10 buah pusat pentadbiran yang memberi manfaat kepada tidak kurang daripada 4,979 orang peserta setakat ini.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 FELCRA terus mengemukakan permohonan agar kerajaan memberikan peruntukan pembangunan bagi membolehkannya menunaikan tanggungjawab sosial iaitu *social obligation* dengan izin, tanpa menggunakan sumber sendiri yang membebankan kewangan FELCRA.

Dalam konteks negeri Sarawak, FELCRA telah menyasarkan kira-kira 4 ribu hektar ladang baru untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu di Kampung Bungin, Betong - 500 hektar telah dikenal pasti, di Kampung Balingin Tiga - 500 hektar, Kampung Soh, Kota Semarahan – 500 hektar, Kampung Mang, Semarahan – 700 hektar dan Kampung Sungai Batun, Daro – 1,800 hektar. Dan, secara kebetulan semalam saya telah berbincang membawa pegawai FELCRA ke sebuah kampung, Kampung Senggang di kawasan saya, di mana mereka memohon untuk memajukan atau memohon kepada FELCRA untuk membuka lagi ladang di kawasan luasnya tidak kurang daripada 4 ribu hektar. Sekian, terima kasih.

13. **Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk mengelakkan kejadian banjir yang telah berlaku di Kuching berturutan dalam masa Tahun Baru Cina dalam tahun 2003 dan 2004.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang menyedari tentang kejadian banjir yang melanda kawasan Bandar Kuching dan sekitarnya pada awal tahun 2003 dan 2004. Beberapa kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah banjir di kawasan Bandar Kuching dan persekitarannya pada tahun 2001.

Laporan kajian telah pun disiapkan pada tahun 2003. Dan, antara langkah utama yang telah dikenal pasti dan bersesuaian bagi mengatasi masalah ini ialah pembinaan terusan lencongan banjir, dengan izin, *flood by pass*, dan membaik pulih beberapa batang sungai utama. Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia melalui

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah pun memasukkan keperluan peruntukan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih, soalan tambahan saya. Menurut Kerajaan Negeri Sarawak, ada satu tinjauan yang dijalankan oleh *expert* dari negara China yang telah dibentangkan pada Kerajaan Pusat dan saya ingin mengetahui, adakah *report* tinjauan telah diberi kepada kerajaan pusat dan berapakah jumlah yang akan dibelanjakan untuk mengatasi masalah banjir yang dilakukan di Bandar Kuching dan kawasan sekitarnya, kerana beribu-ribu rumah telah dilanda banjir, saya harap kerajaan akan menyejajarkan hal ini.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Sepengetahuan saya, pihak kami tidak menerima apa-apa *report* daripada pemerhatian bebas daripada negara China sebab saya rasa kita mempunyai kepakaran sendiri. Dan, belanja yang kita minta untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ialah berjumlah sebanyak RM435 juta. Terima kasih.

14. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah kerajaan melalui FINAS tidak akan meneruskan pembiayaan filem-filem sejarah atau patriotik seperti yang pernah dilakukan untuk filem-filem seperti Embun dan Paloh tidak lama dulu.

**Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan akan meneruskan pembiayaan filem sejarah dan patriotik. Namun demikian, kerajaan tidak akan menanggung kos sepenuhnya memandangkan kerajaan menetapkan bantuan bagi pembiayaan kepada pengusaha filem tidak melebihi RM1.5 juta bagi sesebuah filem. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh:** Soalan tambahan saya berkaitan dengan FINAS. Saya difahamkan bahawa bulan September dan Oktober nanti akan diadakan Festival Filem Asia Pasifik di Kuala Lumpur. Jadi, pertanyaan saya, bolehkah Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan memastikan supaya dalam perasmian ataupun pembukaan *festival* filem ini tidaklah diadakan persembahan, peragaan, persembahan tarian seperti yang kita lihat di TV1 baru-baru ini, seperti persembahan di

*night club* di Las Vegas. Maknanya, pastikan bahawa kita memperagakan sesuatu yang menunjukkan jati diri Malaysia yang halus dan tinggi nilai budayanya. Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hong:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Kementerian kita memang akan memastikan nasihat Yang Berhormat itu, iaitu menunjukkan jati diri budaya Malaysia. Sekian, terima kasih.

15. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kerajaan sudah bersedia untuk menyediakan pengajian percuma kepada pelajar bumiputera termasuklah Sabah dan Sarawak supaya mereka setaraf dengan kaum yang lain di negara ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi dasar kerajaan memberikan pendidikan percuma kepada murid-murid di peringkat rendah dan menengah. Pendidikan percuma diberikan kepada semua murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan tanpa mengira keturunan termasuklah pelajar bumiputera dari Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks pendidikan percuma di negeri ini, termasuk murid atau pelajar tidak dikenakan bayaran untuk menampung kos pengoperasian sekolah, termasuklah emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti serta kawalan dan pembersihan sekolah. Malahan, kerajaan memberikan bantuan per kapita atau (PCGA) secara sama rata kepada semua sekolah, sama ada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah.

Di samping itu, kerajaan juga menyediakan beberapa jenis bantuan termasuk kewangan kepada murid-murid, khususnya dari golongan miskin dan tidak berkemampuan sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Tua Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih, di atas jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri sekejap tadi. Apa yang saya hendak bangkitkan, iaitu anjuran kepada pelajar-pelajar bumiputera yang melanjutkan pelajaran, bukan sahaja pelajar di peringkat sekolah rendah tetapi peringkat tinggi, IPTA dan IPTS di mana yuran-yuran yang dikenakan kepada mereka terlalu tinggi. Walaupun di sana ada pinjaman-pinjaman yang dikenakan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar kita, tetapi di sana ada



bayaran yang selain daripada kena bayar, ia juga dikenakan bayaran lebih ataupun dalam bentuk ada persen, faedah – sebanyak 4%.

Jadi, bebanan sedemikianlah menjadikan pelajar bumiputera Melayu, Sabah, Sarawak yang ketinggalan dari masa ke semasa dan kita lihat betapa beza di antara pelajar bumiputera dengan pelajar bukan bumiputera. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat, sebenarnya soalan yang dikemukakan ada hubung kait dengan lain-lain kementerian, iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa itu adalah pinjaman, itu bukan pemberian atau *scholarship*. Jadi, inilah salah satu bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tamatkan sekarang sesi soalan lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG PERBEKALAN 2004 (2005)**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Yang Berhormat Dato' Seri Dr Hilmi bin Yahaya]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN) (PINDAAN) 2005**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri

[Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz] dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat ada satu Usul yang akan dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan;

“Bahawa mengikut peraturan mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam selesai kesemua giliran kementerian menjawab serta diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, esok hari.”

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah satu Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujui.

Usul disetujui.

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.” **[7 April 2005]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjawab.

**11.08 pagi.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam, Kubang Kerian, Rasah, Sri Gading, Jasin, Bintulu, Santubong, Kepong, Pasir Puteh, Pendang, Jerai, Seputeh, Kalabakan, Kuala Kurau, Bentong, Johor Bahru, Rembau, Kuching dan Putrajaya kerana telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dan bidang tugas dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa membahaskan usul tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, Bintulu, Rasah, Sri Gading, Kepong, Bentong, Kuching dan Johor Bahru telah membangkitkan isu mengenai kenaikan harga dan subsidi diesel. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, penetapan jumlah jualan diesel bersubsidi di stesen-stesen

minyak telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005, adalah bertujuan untuk membendung aktiviti penyelewengan, jualan diesel bersubsidi kepada pihak yang tidak layak dan berhak menerima subsidi.

Kerajaan mengambil keputusan melaksanakan arahan ini demi mengurangkan bebanan kewangan kerajaan, membayar jumlah subsidi yang semakin meningkat ke atas produk diesel yang dijual secara runcit di stesen-stesen minyak di seluruh negara ini.

Jumlah jualan diesel di stesen-stesen minyak dalam tahun 2003 adalah berjumlah 4.11 bilion liter, sementara jumlah jualan dalam tahun 2004 adalah sebanyak 5.56 bilion liter iaitu kenaikan sebanyak 1.45 bilion liter atau meningkat sebanyak 35%. Berdasarkan jumlah jualan 4.11 bilion liter dalam tahun 2003, jumlah subsidi yang terpaksa di tanggung oleh kerajaan ke atas jualan diesel di stesen-stesen minyak adalah sebanyak RM1.2 bilion, sementara jualan diesel sebanyak 5.56 bilion liter dalam tahun 2004 mengakibatkan kerajaan terpaksa menanggung subsidi berjumlah RM3.4 bilion iaitu bertambahan RM2.2 bilion atau meningkat 183%.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah jualan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak ditetapkan oleh kementerian dengan mengambil kira purata jualan setiap bulan di stesen-stesen minyak dalam tahun 2003 dan 2004 bagi memastikan jumlah jualan yang wajar dan mampu memenuhi permintaan di setiap stesen.

Selain daripada pemberian subsidi di stesen-stesen minyak, kerajaan juga memberi subsidi diesel kepada 210 buah syarikat sektor pengangkutan darat yang berjumlah 339,914,000 liter dalam tahun 2004 atau 28,326,167 liter sebulan. Dari Januari hingga Mac 2005 kerajaan telah menanggung subsidi berjumlah RM4,846,207 sebulan ke atas syarikat-syarikat bot penumpang sungai di Sarawak dan Sabah.

Berhubung dengan sasaran supaya golongan nelayan dibantu untuk mendapatkan harga diesel yang rendah, kerajaan telah pun membelanjakan sebanyak RM752.7 juta semenjak tahun 2002 dalam bentuk pemberian subsidi ke atas diesel yang digunakan oleh bot-bot nelayan. Perbelanjaan dalam tempoh Januari hingga Mac 2005 pula adalah pada tahap RM45 juta sebulan. Isu pemberian rebat kepada industri-industri yang memerlukan bantuan sepatutnya tidak timbul kerana kerajaan ketika ini

memberi subsidi kepada golongan nelayan, sektor pengangkutan darat dan bot pengangkutan sungai di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, harga diesel yang dijual di stesen minyak di Malaysia adalah yang paling rendah jika dibandingkan dengan kebanyakan negara di rantau Asia kecuali di Brunei dan Indonesia. Dalam tahun 2000, harga diesel yang dijual di stesen minyak adalah 70.1 sen seliter, sementara harga jualan diesel ketika ini adalah 88.1 sen seliter iaitu kenaikan sebanyak 18 sen seliter atau 26% semenjak ia diperkenalkan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun] [Mengetuk pembesar suara]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Jika dilihat perkembangan harga minyak mentah di pasaran dunia dari tahun 2000 yang mana harganya adalah RM132.43 setong berbanding dengan harga sebanyak RM213.86 sen setong ketika ini iaitu kenaikan sebanyak .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan tuduhan, perkhabaran yang kurang pasti yang kita dengar desas desus di kaki lima dan seluruh kawasan di Sarawak mengatakan bahawa kekurangan diesel yang berlaku di stesen-stesen minyak sekarang ini adalah kerana aktiviti-aktiviti pihak yang tidak mendapat subsidi membeli diesel dengan banyak. Walaupun batasan telah ditetapkan oleh pihak kementerian dan pihak yang tidak mendapat subsidi ini membeli daripada stesen-stesen minyak dengan paksa. Bahkan ada yang mengatakan bahawa *gengster*, dengan izin digunakan untuk memaksa pihak operator-operator dan penjual-penjual minyak ini menjual minyak ini kepada mereka dan diguna pakai dan dengan itu, orang yang mendapat subsidi dan minyak yang di stesen itu sampai sekarang memang tidak ada lagi. Bahkan saya sekarang kereta PAJERO saya sudah tidak pakai lagi Tuan Yang di-Pertua oleh kerana tiada minyak di stesen yang mana saya biasa membeli minyak kerana minyak tersebut tidak ada minyak lagi.

Berapa lamakah perkara ini berlaku. Benarkan perkara ini berlaku dan berapa lamakah perkara berlaku dan apakah tindakan kementerian kalau perkara ini untuk mengatasi masalah *gengster* dan pihak-pihak yang menggunakan kekerasan memaksa pihak penjual ini menjual kepada mereka dan apakah mekanismenya. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong yang mempersoalkan beberapa perkara berhubung dengan pemberian diesel di negeri Sarawak. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat kita dapati bahawa di sesetengah tempat, ada kebenaran dia sebenarnya bilamana kita dapati tangkapan-tangkapan di sepanjang kita memantau, mengawal selia dalam pelaksanaan kuota ini sebenarnya.

Kita dapati apabila kita memberi kuota kepada stesen-stesen minyak di seluruh negara, kita mengambil beberapa pendekatan terlebih dahulu mengenal pasti. Contohnya kalau di suatu daerah di Kuching, di Kuching ada 70 stesen minyak. Di Miri ada 22 stesen minyak. Pada keseluruhannya di Sarawak kita mempunyai 157 stesen minyak di negeri Sarawak. Sebelum kita menetapkan kuota ini, kita kenal pasti di suatu tempat kalau contohnya ada 70 stesen minyak daripada SHELL, BP, CALTEX dan juga lain-lain, kita kenal pasti di peringkat daerah pula. Di Kuching besar, tetapi di kampung-kampung atau di tempat-tempat yang tertentu, kalau kita dapati cuma ada tiga stesen di daerah yang kecil, maka kita pertingkatkan kuota dia.

Tetapi kalau di daerah itu lebih contohnya 7 ataupun 10 stesen, dia punya kuota setiap stesen kita akan kurangkan kerana kemungkinan besar untuk pam stesen yang diberi akan berkurangan dengan stesen yang begitu besar. Di samping itu, kita meneliti penjualan daripada tahun 2000, 2001, 2002, 2003, 2004 dan kita dapati bahawa ada *artificial* dengan izin *increase* – peningkatan yang begitu besar sekali seperti yang saya telah sebutkan peningkatan berbilion liter semenjak kita laksanakan subsidi diesel ini dan kita dapati bahawa ada penyelewengan memang benar dan tindakan sudah pun kita ambil terhadap pihak-pihak tertentu di samping kompaun kita kenakan, kita tarik lesen

peniaga mereka, kita bekerjasama dengan syarikat-syarikat minyak. Memang ini adalah merupakan langkah-langkah yang kita perlu atasi.

Saya akui bahawa sebanyak mana pun kita hendak tambah stesen-stesen yang mereka kehendaki, tidak akan cukup. Hari ini kita bekalkan 10,000 liter, hari ini juga dia akan kering. Besok kita tambah kepada 20,000 liter, besok juga dia akan kering kerana sudah ada sedia, kadang-kadang saya dapati pelanggan, lorinya, tangkinya dan saya dapati contoh di Sarawak, bahawa sebahagian besar daripada yang terlibat untuk mengeringkan stesen-stesen ini ialah lori-lori yang besar yang ada hubung kaitnya dengan kayu balak, *construction, company* dan juga syarikat-syarikat tertentu yang sebenarnya tidak layak untuk mendapat subsidi minyak.

Kita nasihatkan kepada industri-industri ini mendapat bekalan menerusi syarikat minyak dengan mereka menyediakan *tank* ataupun *skip tank* di setiap tempat dengan berapa banyak diesel yang mereka hendakkan, satu bilion pun kita bagi tetapi dengan harga bukanlah 88.1 sen, dengan harga RM1.70 sen. Ini yang masalah dia. Kadang-kadang contoh – kita bagi subsidi RM1.36 sen kepada sektor pengangkutan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** [*Bangun*]

**Dato' Liow Tiong Lai:** [*Bangun*]

**Tuan Idris bin Haron:** [*Bangun*]

**Tuan Chong Chieng Jen:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri ada Jasin, Bentong, Tangga Batu dan Bandar Kuching.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, saya hendak jelaskan sebab Yang Berhormat Santubong tadi saya hendak habiskan. Lepas ini saya akan buka. RM1.36 kita bagi kepada sektor pengangkutan contohnya. Sudah kita bagi dengan mereka mengisikan *skip tank* atau tangki mereka di tempat lokasi syarikat itu terletak yang ini dia tidak guna tetapi dia galakkan lori dia masuk dekat pam stesen, *queue*. Tujuan untuk mewujudkan stesen-stesen minyak ialah *for public convenience*, dengan izin, supaya orang ramai tidak akan terbantut untuk mendapat bekalan minyak.

Tetapi kalau ada penyelewengan, di mana syarikat-syarikat pembekal ataupun *dealer* ini berhubung kait dengan lori-lori, persatuan lori, sebulan contohnya dan ada

senarai yang dia hendak bekalkan 100,000 liter. Saya bekalkan pun 20,000 liter hari ini, besok tidak cukup kerana sudah ada yang akan mengeringkan stesen-stesen ini.

Saya untuk mengambil contoh sebagaimana Yang Berhormat Santubong mempersoalkan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan dan khususnya kementerian. Saya telah berbincang dengan agensi-agensi yang terbabit. Contohnya Kementerian Kewangan, syarikat-syarikat minyak, Jabatan Kastam dan juga jabatan-jabatan yang ada hubung kaitnya dengan pemberian subsidi untuk merangka cara-cara pendekatan yang lebih berkesan. Insya-Allah sedikit masa lagi saya akan kemukakan perkara ini kepada jemaah menteri untuk mendapatkan persetujuan bagaimana kita mengatasi masalah ini untuk tidak, seperti yang telah saya nyatakan tadi, membebankan kerajaan sehingga kita terpaksa berbelanja berbilion ringgit dan juga untuk memastikan supaya hanya yang berhak mendapat bekalannya.

Yang ketiga ialah untuk mencegah supaya penyelewengan-penyelewengan ini kita akan dapat banteras. Ya, sila Bentong.

**Dato' Liow Tiong Lai :** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong penuh usaha Yang Berhormat Menteri yang cukup komited mempunyai *political will* untuk menghapuskan sehabis-habisnya penyelewengan yang berlaku pada hari ini. Saya bangga bahawa Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa memang lori-lori industri sepatutnya menggunakan minyak diesel, tidak menggunakan minyak industri tetapi menggunakan minyak diesel di stesen. Ini satu penyelewengan yang merugikan kerajaan dan kita pada hari ini menggunakan kuota untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya rasa untuk menjimatkan diesel kita, saya rasa memang itu suatu usaha yang baik. Tetapi dari segi *approachnya* kita perlu kaji semula kerana apabila kita menggunakan kuota sistem ini, kita dapat lihat kita tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan sebaik-baiknya kerana pengguna masih lagi tidak dapat menggunakan diesel dengan mudah menyebabkan sehingga saya terbaca di surat khabar kita merasa sedih bahawa *ambulance* yang membawa pesakit terpaksa mencari-cari minyak diesel sehingga menyebabkan kehilangan satu nyawa kerana tidak dapat diselamatkan pesakit tersebut.



Saya rasa perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kita perlu kaji semula kuota sistem yang ada sekarang sama ada saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa pengguna yang sebenarnya mendapat manfaat bukan daripada industri.

Oleh itu saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri adakah akan meningkatkan penguatkuasaan. Kita sudah sumbernya siapa yang silap iaitu lori-lori ataupun industri yang mengambil minyak daripada stesen minyak. Oleh itu, kita tingkatkan penguasaan terhadap industri yang mencuri minyak dari stesen ini. Saya rasa kita boleh kata dia mencuri, dia bukan menyeleweng, ia satu perkara yang amat sedihlah kerana mereka tidak menggunakan minyak yang kita sediakan untuk industri. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Bentong yang telah membangkitkan tiga perkara iaitu pertama mengenai dengan *approach* perlunya kita mengkaji semula. Yang keduanya, mengenai kes yang ditimbulkan tadi di hospital dan yang ketiga mengenai penguatkuasaannya.

Saya melihat bahawa *approach* yang kita dalam pelaksanaan ini memang langkah untuk membanteras sedikit sebanyak ada kesannya. Kita berharap dengan langkah yang kita gunakan pada hari ini ia akan dapat menjimatkan kewangan kerajaan berjumlah RM620 juta pada tahun 2005 dan ini sedikit sebanyak boleh membantu Ahli-ahli Yang Berhormat selaku Ahli Parlimen, Kewangan yang kita bekalkan untuk pembangunan yang bermanfaat daripada kita hendak serahkan RM600 juta masuk poket samseng ini, baik kita bagi untuk pembangunan rakyat, kerana dia boleh menguntungkan lebih ramai orang daripada keuntungan hanya sekumpulan sahaja yang menyelewengkan kegiatan-kegiatan ini.

Mengenai dengan kes yang telah disebutkan tadi, memang kita *arrangement* dengan izin, dengan agensi-agensi kerajaan, contohnya kalau kita hendak mendapat bekalan minyak dari mana-mana stesen memang disediakan. Contohnya kita ada *understanding* dengan suatu syarikat pembekal minyak SHELL atau PETRONAS memang sedia ada. Tidak cukup daripada itu, JKR, agensi-agensi kerajaan, tentera, polis memang kita galakkan supaya ada khusus tangki mereka sendiri.

Saya melihat kalau sekiranya keperluan terdesak untuk membekalkan minyak diesel. Kalau sekiranya tidak cukup memang kita bagi bekalan ini untuk memastikan supaya dapat menyelamatkan apatah lagi menyelamatkan nyawa manusia. Memang kita tekankan *given priority to the right people* ini yang kita hendakkan. Tetapi kita kesal bahawa akibat daripada tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab ini maka kita dapati banyak stesen di seluruh negara ini menghadapi berbagai-bagai masalah. Tetapi insya-Allah sedikit masa lagi saya bagi keyakinan bahawa langkah yang akan kita ambil ini bagi mengatasi masalah-masalah yang besar.

*[Yang Berhormat bagi Jasin dan Bandar Kuching bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai dengan cadangan untuk penguatkuasaan kita memang mempertingkatkan. Di peringkat kementerian kita telah berbincang dengan pihak polis contohnya. Dengan pihak kastam dan agensi-agensi terbabit malahan kita juga *deployed* dengan izin orang-orang tertentu untuk kita mendapatkan maklumat bagaimana kita hendak menangkap umpamanya teksi di sesuatu tempat yang berpusing di bandar setiap hari bukan untuk memuatkan penumpang tetapi dia memuatkan diesel. Begitu juga dengan lori, kita dapati sesetengah lori di sepanjang seluruh negara kita pun ada, dia berpusing di bandar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di Johor dia berpusing isi minyak lepas daripada minyak penuh dia masuk ke kilang *empty tank, after that refuel again* dan tidak akan habis. Itu yang saya nyatakan *there is some mechanism*, insya-Allah sedikit masa kita akan kemukakan cadangan ini. Daripada Jasin ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jasin dan Bandar Kuching bangun.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat Yang Berhormat Menteri. Kerajaan mengadakan subsidi untuk membantu orang ramai. Subsidi untuk nelayan kerana hendak membantu nelayan. Tetapi hari ini kita lihat segala subsidi yang diadakan oleh kerajaan tidak sampai kepada sasarannya. Nelayan tidak dapat harga yang telah kita katakan harga subsidi. Nelayan tidak dapat. Saya minggu lepas duduk dengan dua orang pengerusi. Satu nelayan barat dan juga Melaka Selatan. Dia kata dia tidak dapat harga macam itu.

Ini menunjukkan bahawa matlamat yang kerajaan hendak buat subsidi ini untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah tidak sampai. Jadi akhirnya Datuk buat apa kita adakan subsidi kerana mekanisme kita sekarang ini, jarak harga berbeza terlampau jauh. Yang *retail* dengan izin dekat pam minyak RM88.1 sen sementara industri RM1.75 sen ini bermakna lebih daripada 80 sen perbezaan harganya dan bagi orang yang berniaga minyak itu, saya sudah berhenti berniaga minyak ini tetapi berpengalaman berniaga minyak selama 15 tahun. Kalau tunggu di stesen sekarang ini 1 liter berharga 3 sen, yang ruang yang ada ini 70 sen atau 80 sen hendak kata penyangak, penyangaklah tetapi mereka buat kerja ini Datuk.

Sekarang ini kalau pencen wakil rakyat nanti kita besok kita balik jual minyak kalau macam inilah. Jadi, buat apa Datuk dan seharusnya kerajaan kena fikirkan kalau benar kita hendak menyelesaikan masalah diesel ini saya berharap kerajaan buat harga mekanisme harga yang mana industri dengan pengguna ini jangan jauh sangat jaraknya. Biar kita naikkan harga pengguna mungkin RM1.20 sen atau RM1.30 sementara harga industri kita turunkan walaupun pasaran dunia untuk diesel sekarang RM1.75 sen. Mungkin kita beri subsidi juga kepada pengilang-pengilang. Dan kita subsidi juga kepada pengguna supaya harga itu tidak jauh beza. Kalau jauh beza jawabnya orang macam Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Bandar Kuching pun dia pun hendak cari peluang jual minyak Datuk. Janganlah cakap. Ini duit bernilai berbilion, semua orang akan terbuka biji mata. Semua hendak mengambil peluang. Jadi untuk menyelamatkan duit kerajaan, duit orang ramai yang mana kalau kita hendak buat subsidi pun menguntungkan pengguna dan orang ramai dan pendapatan rendah kita kena fikirkan mekanisme harga ini.

Di Thailand baru-baru ini diesel naik harga Datuk. Orang di sana bila naik harga bila di interview oleh pihak televisyenya dia pun kata kalau dulu saya berjalan sekian kilometer tetapi dengan kenaikan harga ini kita akan berjalan kurang. Tetapi di Malaysia malang bagi kita Datuk, naik harga minyak 10 sen atau pun 5 sen bukan kata tambang akan naik malahan harga barang-barang lain akan naik juga Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Jasin sudah lama berucap.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Ini cadangan Tuan Yang di-Pertua. Ini penting. Jadi kita berharap supaya kerajaan mengadakan mekanisme yang mana menjimatkan duit kerajaan dan tidak membebankan sangat kepada pengguna kerana apa yang kita buat sekarang subsidi tidak menguntungkan kepada sasarannya. Terima kasih Datuk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Jasin yang mempunyai pengalaman penjualan diesel ini. Memang saya akui bahawa saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Jasin mengenai dengan kes-kes nelayan ini dan saya pun tahun lepas sudah pun berbincang dengan Persatuan Nelayan contohnya NIKMAT begitu juga di peringkat negeri Sabah nelayan begitu juga agensi-agensinya sepatutnya yang memberi subsidi ini kepada pihak-pihak tertentu supaya tidak mengenakan *charge commission* yang begitu tinggi. Malahan kita dapati bahawa kita memberikan subsidi minyak ini kepada Persatuan Nelayan contohnya. Untuk NIKMAT sahaja setiap bulan kita berikan 36 juta liter sebulan. Tahun lepas (2004) kita berikan hampir 400 juta liter kepada Persatuan Nelayan tidak termasuk kor nelayan, tidak termasuk persatuan-persatuan lain. Di samping kita hendak memberi melalui persatuan kita juga memberi menerusi persatuan yang kecil, kumpulan nelayan yang kecil. Di samping itu kita juga bagi kepada orang pertengahan yang boleh kita yakini untuk memberi diesel ini dengan harga yang berpatutan. Tetapi apa yang saya dapati bahawa seperti Yang Berhormat katakan ada nelayan yang tidak dapat. Kalau dapat harganya tidak berpatutan. Saya akan mengambil perhatian perkara ini. Saya pun memberi maklum kepada rakan-rakan saya di peringkat kementerian untuk mengambil tindakan terhadap perkara ini dan kita mengambil langkah yang tegas tentang perkara ini. Sehingga hari ini 206 kes telah diambil. 48 terlibat dengan stesen dan kita kompaun hampir RM1.04 juta dan kita ada tamatkan lesen PA7 mereka yang telah mengambil langkah penyelewengan.

Mengenai dengan cadangan Yang Berhormat Jasin tadi berhubung kait dengan mekanisme bagaimana supaya kita dapat membendung keadaan ini tidak terdorong masyarakat untuk mengaut keuntungan dengan harga perbezaan yang begitu tinggi 0.88 sen, RM1.70. RM1.36 sen memang saya akui bahawa ada permasalahan daripada situ. Itu sebahagian daripada pendekatan yang saya akan kemukakan insya-Allah

kepada Kabinet bagaimana kita mengatasi masalah ini dalam jangka masa yang panjang kerana saya dapati setiap kita hendak naik harga, hendak kejar supaya dia persamakan antara komersial *rate* dengan subsidi *rate* dengan izin dia tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Malahan setiap kali saya umumkan, kadang-kadang ini Menteri Naik Harga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Walhal kita naikkan seperti yang saya nyatakan perbezaan harga semenjak kita amalkan ini hanya meningkat 0.18 sen sahaja berbanding dengan negara lain. Cukup rendah kalau dilihat dari segi ..... contohnya di Malaysia, harga diesel yang kita jual 88 sen, di Thailand RM1.78 sen, di Singapore RM2.36 sen, tiga hingga empat kali ganda harganya. Ini tidak sebut negara-negara lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri hendak beri peluang kepada Bandar Kuching kah? Dia sudah lama bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bandar Kuching sudah bangun lama.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada beberapa *point* yang saya ingin bangkitkan meminta penjelasan. Pertamanya berkenaan kuota sistem yang telah dijalankan dilaksanakan oleh kerajaan buat sepanjang masa tiga atau empat bulan sudah. Dan kini nampaknya sistem kuota itu tidak berapa berkesan. Apa-apa langkah yang akan diambil oleh kerajaan yang tidak diambil sebelum ini yang akan menyebabkan sistem kuota itu lebih berkesan. Penjelasan pertama.

Keduanya adalah mengenai cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Jasin saya tidak berapa setuju mengenai meningkatkan harga diesel komersial kerana negara kita sebagai pengeksport minyak mentah. Dengan kenaikan minyak mentah negara kita telah untung lebih banyak dengan kenaikan minyak mentah antarabangsa. Bukankah ia munasabah untuk memberikan rakyat jelata apa yang Tuhan telah kurniakan kepada kita. Oleh itu saya cadangkan supaya menurunkan harga diesel untuk industri supaya ia sama harga dengan harga diesel komersial kerana industri-industri itu juga adalah penyumbang kepada negara kita dari segi pembayaran cukai pendapatan dan *creation of appointment, opportunity*. Dari segi kedua-dua inilah dan

kalau kerajaan tidak sudi untuk beri subsidi kepada industri-industri ini ia adalah senang untuk mengambil balik subsidi yang diberi kepada mereka melalui sistem cukai.

Satu tinjauan boleh dijalankan bahawa tentang oleh *operation cost* industri-industri ini. Berapa peratus *operation cost* nya akan dibelanjakan di atas diesel dan melalui tinjauan ini satu sistem cukai pendapatan boleh dikenakan untuk mengambil lebih pendapatan. Oleh itu kerana sehingga kini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Tuan Chong Chieng Jen:** Tidak, tidak, sedikit sahaja.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ingat dia soalan bukan penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak tanya boleh tanya, tetapi jangan beri penerangan pula.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Itu saya bagi idea. Sehingga kini apa yang telah dilaksanakan tidak berkesan. Ada orang 'sms' kepada saya yang berbunyi begini "*A group whose smuggle diesel three to four tanker per day earn RM700 thousand a month, who to blame? Stupid BN lah*". Itu sms lah bukan saya. Dengan izin. Oleh itu memandangkan keuntungan yang begitu banyak ia tentu akan ada orang yang menyelewengkan sistem dua harga subsidi ini. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menurunkan diesel industri supaya ia sama harga dengan diesel komersial.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya nasihatkan kepada Yang Berhormat daripada Bandar Kuching *don't be driven and influence by stupid sms like that* dengan izin *because that can fabricate and make up your mind*. Kalau kita mendengar sms, kita gunakan sms ini untuk membantu untuk dapat menyelesaikan masalah. *What is the problem?* Kerajaan tidak berniat untuk menarik balik subsidi setakat ini, tidak ada langkah-langkah yang bahawa kita perlu, cuma mekanismenya sahaja. Bagaimana untuk memastikan - barang ini barang yang baik yang boleh membantu nelayan dan boleh membantu masyarakat kita. Dan kita tahu ada sedikit permasalahan. Saya tidak setuju apa yang Yang Berhormat Bandar Kuching katakan bahawa *approach* yang kita telah laksanakan adalah *approach* yang tidak baik, tidak berkesan. Memang saya akui kita tidak dapat menyempurnakan pelaksanaan ini 100%. Keberkesanannya ada, kalau

tidak, tak kan lah kita tangkap lori, tak lah kita tangkap pemilik-pemilik pengendali stesen minyak, kalau tidak tak lah kita tangkap penyeludup sampai ke Thailand, ke Filipina dan sampai ke negara-negara jiran yang lain. Maknanya ada keberkesannya but I agree not 100%. Ada kesannya dan perlu kita pertingkatkan, inilah isunya yang harus kita buat pendekatan untuk memperbaiki supaya jangan ada penyelewengan, memastikan hanya yang berhak menerimanya. *We must address this issue. This is the important .....If you cannot address this* dengan izin maka insya-Allah dia akan membantu.

Cadangan Yang Berhormat hendak menaikkan hendak bantu industri, sebenarnya kita sudah bantu industri di negara ini. Banyak cara yang kita bantu seperti *exemption of taxes, pioneers status* dan macam-macam yang kita sudah bantu. Saya hendak bagi contoh dalam industri sahaja, daripada pelaksanaan yang kita buat untuk industri. *I just want to set the example.* Yang ini data yang kita perolehi *synchronize* dengan apa yang terdapat di Kementerian Kewangan kerana dia yang bayar, *custom submit all the bills.* Kita bagi kelulusan, *three agencies* terlibat dalam keadaan ini, 2000 stesen minyak kita bekalkan 2.8 bilion liter.

Pada tahun yang sama industri mendapat bekalan 7.1 bilion liter. Pada 2001 2.5 bilion stesen minyak, dia menurun, industri meningkat 8.0 bilion - 1 bilion meningkat. Bila mana kita memperkenalkan subsidi stesen meningkat 2.9 bilion manakala permintaan industri 6.8 bilion. Pada 2004 meningkat stesen 5.5 bilion manakala permintaan industri menurun. Industri tidak tutup, industri berkembang luas, industri terpaksa berjalan. *But, how do you drive the industry? How do you power the industry? You cannot power the industry with water,* dengan izin. Ia perlu petrol, diesel... Daripada mana ia dapat diesel? 4 bilion meningkat di stesen minyak, 4 bilion lebih menurun permintaan industri. *This is very clear,* pasal kita yang bayar. *We have to make payment to* syarikat minyak Petronas, Shell, BP, Caltex. Dia jual banyak kita bayar, yang tanggung kerajaan. Ini yang perlu kita atasi supaya pelaksanaan subsidi ini ada kesempurnaannya.

Insya-Allah, saya yakin bahawa setelah kita melaksanakan, *for me to access* dengan izin dalam jangka masa baru sahaja, Januari, Februari, Mac tidak sampai 6 bulan pun.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]**

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ingat sedikit masa kita akan melaksanakan perubahan untuk memastikan dalam jangka masa panjang kita tidak ingin melihat pendekatan-pendekatan ini setiap bulan kita gunakan dan laksanakan kerana ini boleh membebankan pihak swasta, membebankan pihak-pihak yang lain kalau dibuat pada setiap kali kita laksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Seperti yang saya nyatakan tadi... sekejap saya hendak habiskan ya. Se tong minyak berbanding harga minyak pada hari ini RM213.60 se tong ketika ini, iaitu kenaikan sebanyak RM81 se tong atau 61% maka harga diesel yang dijual di stesen-stesen minyak dalam bulan Mac 2005 sepatutnya berharga RM1.69 seliter. Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengagumi komitmen yang diberikan oleh kementerian bahawa harga subsidi ini akan dikekalkan dan kita memberi keutamaan kepada pengguna teramai walaupun ada orang jahat, di mana-mana memang ada orang jahat. Bila ada banyak orang baik, adalah seorang dua orang jahat. Macam kita dekat sinilah, ramai Barisan Nasional adalah dua, tiga pembangkang biasalah itu.

Saya tahniah pasal komitmen hendak kekalkan subsidi, tetapi yang saya hendak sebut di sini, ramai sangat hendak menyeludup ini ialah saya berpendapat kerana hukuman kita ringan. Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya selain daripada kita menguatkuasakan tangkap dia orang, rampas lesen, kita kena bagi hukuman yang lebih berat kepada penyeludup ini sebab yang mereka curi ini ialah harta rakyat, harta negara.

Pada saya patut mereka ini ditambah dengan hukum sebat, baru dia orang takut. Ini kita tangkap dia kita denda tarik lesen dia mintak lesen lain, dapat lagi. Tetapi kalau disebat pemandunya, disebat taukenya saya yakin hukuman yang berat ini akan menyebabkan mereka takut, itu yang pertama. Yang keduanya, saya hendak sebut soal petani, Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu pandangan saya ini betul atau



tidak tetapi saya diberitahu petani dan peladang tidak dapat subsidi, mereka hendak subsidi mereka kena pergi beli di petrol stesen.

Kawasan saya kawasan petani. Harga membajak sawah sekarang ini sudah naik, harga mengetam padi juga sudah naik, sebab kereta ketam ini dia besar, dia tidak boleh hendak pergi ke stesen minyak beli minyak sebab dia terlalu besar, dia tidak boleh masuk. Jadi dia terpaksa beli dengan tong. Tetapi sekarang ini larangan untuk beli di tong diesel ini sudah tidak boleh sebab itu perbuatan yang salah. Jadi bagaimana kerajaan hendak menghadapi masalah, hendak memastikan supaya petani juga dapat manfaat daripada harga subsidi diesel ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Mengenai dengan hukuman ini memang saya akui bahawa hukuman semata-mata tidak akan mencukupi. Di dalam proses semenjak negara kita merdeka, perundangan bukanlah satu jaminan yang boleh memberi keyakinan bahawa kita membanteras penyalahgunaan dadah, hendak sebatkah, hendak gantungkan, orang masih lagi melaksanakannya.

Saya akui di samping itu juga kita perlu mempertingkatkan. Setakat ini hukuman yang kita kenakan, seperti yang sedia ada ini, kompaun beberapa ratus ringgit, penjara ataupun kita tarik balik lesen dia. Saya akan melihat cadangan Yang Berhormat mengenai dengan dari segi perundangan ini. Kalau perlu untuk kita perbaiki, untuk mempertingkatkan pencegahan maka kita akan laksanakan tetapi dalam pada itu saya berharap orang ramai akan turut terpanggil membantu kerajaan sebagai bukan hanya melihat kejadian ini berlaku.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Kalau kita dapati ada penyelewengan..... kadang-kadang ada lori yang berada di satu stesen itu sampai satu, dua jam. Tangki dia kecil sahaja. Rupa-rupanya tangki yang kecil ini *connected to the beam tank* di belakang lori itu yang besarnya boleh muat 130 ribu liter, dan kalau kita dapati bahawa *queue* sampai panjang, *there must be something wrong with it*. Saya minta kerjasama daripada semua pihak, bukan sahaja dari pihak kerajaan atau pihak rakyat, malahan juga pembangkang turut untuk membantu supaya kita dapat membantu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Minta jalan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Mengenai dengan petani ini saya akui bahawa mereka adalah kumpulan yang tidak tergolong untuk mendapat subsidi, hanya bahagian pengangkutan darat, nelayan dan pihak-pihak tertentu sahaja. Walaupun demikian, ada petani-petani seperti di Cameron Highlands yang mendapat bekalan subsidi yang sedia ada daripada negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. **Yang Berhormat Menteri.**

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Walaupun yang demikian saya akan membincangkan dengan rakan saya Tan Sri Mahyuddin untuk melihat perkara ini bagaimana untuk kita dapat halusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal :** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat masalah diesel sudah bangkit lebih daripada setengah jam.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Belum selesai ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi dengan kawan saya yang lama ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya kurang setuju sedikit dengan jawapan Yang Berhormat Menteri dan saya lebih bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ketereh. Kerana di dalam masalah penyeludup ini, dalam zaman-zaman dahulu, zaman Perdana Menteri dahulu seperti zaman Tun Razak, Tun Hussein Onn, para penyeludup ini dikenakan dibuang daerah dan ia berkesan. Cuba Yang Berhormat Menteri balik tengok apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh itu satu hukuman yang patut, saya rasa hukuman yang sekarang ini tidak berkesan.

Yang kedua, saya buat tinjauan bila soal diesel ini. Saya buat tinjauan di beberapa stesen termasuk Caltex, Shell, BP dan sebagainya. Ada yang diberitahu kepada saya, bahawa sebahagian besar penyeludup-penyeludup ini mengambil diesel di Petronas dan juga daripada penyelewengan ini berlaku... kapal-kapal laut dalam yang diberi lesen oleh kerajaan kepada yang boleh dikatakan penyokong kerajaan.

Pihak saya, saya kata saya tidak boleh pasti ini, saya akan tanya Yang Berhormat Menteri. Berapa tangkapan yang dilakukan ini? Berapa banyak stesen Shell? Berapa banyak stesen Petronas, berapa banyak stesen BP dan juga cuba tengok kepada pelesen-pelesen yang mempunyai lesen daripada penyokong-penyokong kuat kerajaan, bukan daripada wakil rakyat tetapi *supporters* - penyokong-penyokong ini yang dapat lesen-lesen laut dalam itu yang menggunakan subsidi untuk menjual minyak kepada negara lain. Cuba kalau boleh Yang Berhormat Menteri terangkan. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Saya katakan tadi saya akan melihat dari segi perundangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya tidak menolak sepenuhnya apa yang beliau katakan untuk kita menghalusi dan membuat pendekatan sebagai satu mekanisme untuk kita dapat menguatkuasakan pelaksanaan *enforcement*, dengan izin, dengan penjualan diesel ini, khususnya untuk membanteras kegiatan-kegiatan penyeludupan.

Saya akui bukan hanya di Kelantan, di tempat saya sendiri pun, Semporna, ada juga penyeludup yang sampai jual minyak ke *Philippines*, negara-negara jiran kerana di *Philippines*, harga diesel di situ 1.96 sen, lebih RM1.10. Dia sampai ke *Philippines* setengah jam sahaja kalau naik bot yang laju. Dahulu bila saya, Timbalan Menteri Pertahanan, kita tangkap Abu Sayyaf dengan empat *barrel* diesel yang mereka bukan hanya tangkap orang tetapi dia seludup diesel itu. Kita akui perlu tindakan ini kita pertingkatkan, insya-Allah, di peringkat kementerian kita akan pastikan bahawa tindakan-tindakan akan berterusan.

Mengenai dengan tindakan-tindakan yang kita ambil, memang saya sudah sebutkan tadi, 206 kes telah diambil, 48 stesen terlibat, kita kompaun berjumlah RM1.04 juta telah pun kita ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyeragamkan harga diesel negara

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** ...dengan harga diesel antarabangsa akan dikaji bersama...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sedikit penjelasan?

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** ...dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi kerana ia melibatkan dasar kerajaan untuk menarik balik kemudahan subsidi rakyat jelata ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Eh, ada diskriminasi kah di sini?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hai.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sudah lama berdiri di sini, sudah lama berdiri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia baru lompat sahaja, dapat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sabarlah. Sabar, Yang Berhormat. Yang Berhormat pun akan dapat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ikut giliranlah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Ikut *queue, queue*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat bagi Bagan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** ....ikut peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri nampak Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dia nampak saya dahulu. Yang Berhormat tadi terhujung sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Selepas Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Baganlah.

**Cik Fong Po Kuan:** Buka mulut sahaja dulu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kalau Yang Berhormat hendak, datang ini nampak terang.

Yang Berhormat, saya tanya sedikit, Yang Berhormat, berlakunya perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat, ada yang mengatakan seolah-olah ada orang dalam yang saya percaya tidak berlaku dan tidak mungkin, tetapi inilah tanggapan sesetengah pihak, saya tidak tahu, mungkin daripada sebelah sana. Kemungkinan itu ada kerana mereka sekarang ini tidak ada modal atau isu-isu untuk *political mileage*.

Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat bagi satu penjelasan tentang hal ini, kalau tidak bagaimana mereka berani walaupun akan diambil tindakan, *enforcement* yang ada tetapi masih berlaku seolah-olah ada satu *network*, rangkaian dan saya percaya tidak mungkin orang dalam terlibat. Tetapi kalau perkara ini tidak diperjelaskan sejelas-jelasnya mungkin ada mereka yang akan mengambil kesempatan mengeruhkan lagi – sudah keruh dikeruhkan lagi – tahu-tahulah sebelah sana, tengok, tidak dapat bangun tanya soalan, dia sudah bangun. Dia tidak sabar-sabar lagi. Jadi minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Mengenai dengan kenyataan bahawa ada orang dalaman terlibat, saya katakan bahawa setakat makluman yang saya terima, tidak ada orang dalam sama ada daripada syarikat-syarikat minyak ataupun pihak-pihak tertentu. Walaupun demikian, kerjasama daripada syarikat-syarikat minyak cukup baik sekali.

Minggu yang lalu, hari Khamis, saya adakan mesyuarat dengan mereka. Mereka yang hadir menyatakan kalau Dato' dapat bekalkan, ada tindakan-tindakan kepada *dealers* mereka yang mereka rasa untuk boleh atau perlu kita ambil tindakan disiplin, kita ambil. Malah an kerjasama yang kita perolehi, saya ucapkan jutaan terima kasih daripada syarikat-syarikat minyak mahupun agensi-agensi yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik...

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bangun]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Ya, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Janganlah marah, Yang Berhormat bagi Bagan, sabarlah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bukan! Sudah banyak kali berdiri.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Masih berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, ada masa, nantilah.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tadi, Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan bahawa 400 juta liter diesel telah dibekalkan kepada persatuan nelayan. Dalam ucapan saya, saya ada menyentuh perkara ini. Nelayan betul-betul tidak menerima faedah ini. Ini boleh dibuktikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di mana kawasan mereka ada terlibat dengan nelayan-nelayan.

Ini juga terbukti bahawa persatuan nelayan ini kita harapkan pagar, pagar makan padi. Mesti ada penyelewengan. Ini bukan antara satu-satu penyelewengan ini ialah diesel. Yang lain-lain juga banyak. Jadi, adakah Yang Berhormat akan berbicara balik sama ada kita masih akan membekalkan kepada persatuan nelayan atau kita *issue*, mengeluarkan sahaja kupon-kupon kepada nelayan sendiri supaya mereka sendiri boleh pergi ke stesen minyak atau mereka boleh pesan minyak daripada *suppliers* tertentu dengan harga subsidi. Ini baru betul-betul nelayan boleh dapat faedah subsidi ini.

Yang kedua, diesel subsidi dengan diesel industri, ia sama warnanya. Bolehkah ia diasingkan warnanya? *[Ketawa]* Mungkin satu hijau, satu kuning atau apa-apa yang sesuai supaya senang dikesan.

Yang ketiga, dalam soalan lisan saya, saya ada bertanya kepada Menteri, ini soalan secara spesifik, sama ada kerajaan akan memansuhkan subsidi diesel ini dengan menggantikan atau mengurangkan cukai jalan ke, cukai import alat ganti ke, tayar ke atau mana-mana yang sesuai supaya perkara ini tidak berbangkit-bangkit dengan penyeludup. Tetapi saya mendapat satu jawapan, dalam hubungan ini kerajaan ambil maklum perkara ini sahaja. Senang sahaja dia jawab, ambil maklum, tanpa memberi jawapan baik buruknya cadangan ini.

Yang Berhormat bagi Jasin ini, tadi dia kata naik harga minyak yang subsidi itu, di sini kami tidak boleh terimalah. Dia pun pernah kata mahu tutup SRJKC.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu pun kita tidak boleh terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu tidak payah bangkitlah. Menteri akan jawab.

**Tuan Lim Hock Seng:** Itu bawa sahajalah. Yang ini dia punya cadangan memang kita tidak boleh terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Hock Seng:** Ini Barisan Nasional membela rakyat, bukan dia mahu membela, dia menindas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Jadi, saya berharaplah Yang Berhormat boleh mengambil perhatian atas dua, tiga perkara ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** Saya ingat Yang Berhormat bagi Bagan ini geram kerana tidak dapat peluang, jadi sedialah soalan-soalan yang baik-baik. Rupanya dia soal bukan pasal diesel, dia soal pakai sekolah pula. Saya ingat Menteri Pelajaran bila sampai dekat situ, boleh tanyalah.

Yang Berhormat bagi Bagan ini bertanya tentang nelayan, saya sudah sebut, mungkin Yang Berhormat tidak dengar kot. Saya sudah beritahu tadi, saya akan kaji semula mengenai dengan pemberian terhadap persatuan dan kumpulan-kumpulan nelayan ini supaya dia ada keberkesanannya. Apa yang kita hendak pastikan supaya nelayan mendapat bekalan ini. Ini yang saya hendak buat, insya-Allah, saya akan pastikan untuk nelayan-nelayan ini dapat kita berikan.

Mengenai dengan warna ini, sebenarnya sepanjang ini saya hendak jawab nantilah ya dengan apa yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini dan insya-Allah nanti berhubung kait, termasuklah mengenai cadangan *road tax*, saya juga akan mengambil perhatian sebelum Yang Berhormat bagi Bagan cadangkan. Itu pun sudah ada dalam kepala saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, penambahan bilangan berdaftar baru kenderaan berenjin diesel dalam tahun 2004 adalah sebanyak 17,784 buah kenderaan berbanding dalam tahun 2003, iaitu 16,683 buah kenderaan atau meningkat 6.6%. Sekiranya dilihat jumlah pertambahan kenderaan diesel baru dalam tahun 2004, iaitu 6.6% berbanding pertambahan jumlah diesel bagi tahun 2004, iaitu 1.45 bilion liter atau 35%. Ia menunjukkan penyalahgunaan diesel bersubsidi yang diberikan oleh kerajaan di mana ianya diselewengkan kepada sektor industri dan komersial di negara ini dan termasuk diseludupkan ke luar negara.

Berasaskan bukti-bukti yang diperolehi adalah dipercayai bahawa terdapat pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan daripada pemberian subsidi oleh kerajaan ke atas jualan diesel di stesen-stesen minyak. Perkara ini perlu dibanteras agar wang rakyat tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Bagi tiga bulan pertama tahun ini, kementerian telah mengambil 44 tindakan kes di bawah Akta Kawalan 1961...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Datuk Mohd. Shafie bin bin Haji Apdal:** ....terhadap stesen-stesen minyak yang terlibat dalam penyalahgunaan dan penyelewengan diesel bersubsidi. Daripada bilangan tersebut, dua kes telah dibawa ke mahkamah, 25 kes di kompaun manakala 12 kes masih dalam siasatan. Bagi lima kes lagi kementerian telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada pemilik stesen-stesen berkenaan, mengapa lesen yang dikeluarkan kepada mereka di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 tidak boleh dibatalkan? Kementerian sedang menimbang alasan-alasan pihak berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita di sini pihak pembangkang, kita pun menyokong dengan sepenuhnya segala usaha untuk membanteras penyelewengan supaya mereka yang patut menikmati subsidi itu dapat tetapi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa untuk tahun lalu, perkara ini berlaku tahun lalu di mana negara sudah hilang lebih daripada RM1 bilion.



Masalahnya ialah kenapa kerajaan lebih lambat, lebih lewat untuk mengesan masalah ini sehingga RM1 bilion hilang dan siapa yang akan sebenarnya bertanggungjawab bukan sahaja penjenayah-penjenayah tetapi kerajaan. Bukankah kerajaan pun patut bertanggungjawab, oleh kerana ini menunjukkan kecuaiannya kerajaan.

Kedua kenapa selepas lebih daripada tiga bulan sistem kuota dikenalkan, masalah krisis kekurangan diesel masih bermaharajalela dan minggu lepas pada 5hb Ogos ada satu tinjauan dibuat dalam kawasan saya ialah Ipoh Timor mengenai masalah kekurangan diesel dengan izin dengan cepat "*canning*". Jalan Kompleks (Esso) satu minggu tiada diesel, Ipoh Garden (Shell) ada tetapi had RM 50, Canning Garden (Caltex) dua hari tiada, BP tiada, Taman Cempaka (Caltex) ada, Jalan Sultan Idris satu minggu tiada, Petronas had RM20, Shell satu hari tiada, Tebing Tinggi, kawasan Tebing Tinggi Jalan Sultan Iskandar Shah (Esso) ada tetapi Jalan Kapar (Shell) tiada, Caltex dua hari tiada, BP satu hari tiada, Mobile terhad RM20 dan sudah selama dua minggu Jalan Bendahara satu hari tiada, Jalan Sultan Idris (Shell) ada, Caltex ada, Esso ada, dan kawasan ketiga Pasir Pinji (Caltex) 10 hari tiada, Shell ada, Esso had RM20.

Ini yang menyebabkan kesusahan kepada orang ramai yang patut dibantu dan sehingga ada disebut seorang pun nyawa hilang, ambulans tidak ada diesel tidak boleh dapat. Kenapa masalah ini selepas tiga bulan masih begitu rumit. Bila masalah ini boleh di atasi?

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat]***

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Ketawa]*. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini katakan bahawa baru sahaja kita kenal pasti masa itu sebenarnya apa yang perlu kita bertindak untuk mengatasi masalah ini dan kita berhadapan dengan langkah-langkah untuk memastikan supaya seperti yang saya katakan pembelian diesel ini akan dapat kita berikan kepada mereka yang bertanggungjawab.

Mengenai dengan Yang Berhormat katakan bahawa di kawasan beliau tidak cukup minyak semenjak ada kekurangan subsidi. Saya katakan subsidi yang kita berikan mencukupi di seluruh negara bagi 2,000 kuota yang kita bagi untuk 2005 ini, kita

landaskan kepada pemberian 2003 pada peringkat awal iaitu 4.1 bilion liter, *it was best on 2003* dengan izin *the amount that we gave* dengan izin 4.1 bilion liter dan kita dapati tidak mencukupi *we make some adjustment along with it* dengan izin pertingkatkan sedikit itu pun tidak cukup dan saya telah melihat keadaan ini bahawa sebenarnya subsidi pemberian diesel di setiap pam stesen cukup. Cuma penyelewengan berlaku dan ini yang perlu kita atasi, ini langkah-langkah yang hendak bagi sekarang pun seperti yang saya katakan bagi 100,000 liter dia akan kering sehari, dua.

Di Perak kita bagi, di seluruh negeri Perak sahaja. Kita bagi pada setiap bulan untuk Januari 2.3 juta liter di seluruh negeri Perak. Februari meningkat lagi 2.4 juta, kita tingkatan pemberian subsidi. Tetapi kita dalam peningkatan pun tidak cukup dan saya yakin seperti yang saya sebutkan daripada 2003- 4 bilion lebih, meningkat 5.56 bilion, an *increase of 1 bilion liter itu artificial*.

Bilangan kereta yang dikeluarkan untuk menggunakan diesel tidak sebanyak keperluan yang kita berikan kepada stesen-stesen minyak. Ini cukup jelas bahawa sebenarnya ada penyelewengan berlaku. Ini yang perlu kita ambil tindakan langkah-langkah yang diambil saya terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang memberi sokongan dan saya berharap bukan hanya sokongan bila mana kita ambil tindakan-tindakan saya berharap pihak pembangkang juga akan turut menjadi pihak-pihak yang ke depan khususnya mengambil tindakan tegas terhadap sektor-sektor industri yang menggunakan banyak diesel. Saya dapati seperti yang saya sebutkan permintaan industri menurun 4 bilion liter *from 2001*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kepong Yang Berhormat, sudah sila Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payah dilayan sangat Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak layan, saya tidak layan cuma saya minta dia dengar dahulu sebelum kacau saya. *[Dewan Riuh seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ada ke Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji semula itu selepas subsidi apakah harga yang wajarlah bagi nelayan-nelayan dan petani-petani. Balik ke sekolah dahulu inilah.....*[Dewan Riu seketika]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....semua soalan, soalan dan pagi ini saya pun pergi ke stesen untuk itu diesel ada masalah termasuklah saya tengok itu masalah *queue* teksi yang itu gas tahu bukan sahaja diesel, gas pun masalah sepanjang masa dan diesel saya bangkitkan bukan sahaja diesel. Diesel ini selagi kita ada subsidi dengan begitu banyak berbilion-bilion ringgit akan timbul masalah, mesti akan timbul masalah walaupun ada mekanisme yang akan ditimbang. Saya rasa mana pun akan ada timbul masalah selagi perbezaan harga itu begitu banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masalah dengan teksi, adakah yang terhormat yang sedar bahawa perkhidmatan teksi termasuk di KLIA dan di Kuala Lumpur cukup buruklah sekarang. Cukup buruk kerana Menteri pun tidak ambil teksi, itulah masalah. Saya bercadang Yang Berhormat ambil teksi bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan itu. Sebab apa sekarang teksi itu berbaris panjang untuk gas dan sebagainya. Saya berharap Yang Berhormat pun dapat mengatasi masalah ini,.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat .

**Dr. Tan Seng Giaw:** ..... banyak lagi masalah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yalah cukup bagi dia jawab.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kepong ini dari dahulu lagi terkepong sahaja. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong tetapi dia pergi *Pump Station* bukan dia beli diesel. Kereta dia bukannya ada diesel pun, dia kacau sahaja.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai dengan apa, mengenai dengan masalah teksi ini saya akui bahawa perkara ini saya pun bagi cadangan kepada pihak Petronas untuk memperbanyakkan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat, *Helix* saya itu diesel.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya katakan mengenai teksi ini, saya pun sudah mencadangkan supaya teksi tempat-tempat untuk mendapatkan "NTV" *Natural Compress Gas* ini dapat diperbanyakkan dan insya-Allah selesai bincang dengan pihak Petronas minggu yang sudah dan sebelum itu saya pun berhubung secara peribadi dengan rakan-rakan saya di situ untuk menasihatkan supaya perbanyakkan kemudahan tetapi proses ini mengambil sedikit masa.

Walaupun demikian apa yang kita hendaklah untuk memastikan supaya bekalan ini dapat diwujudkan untuk tidak banyak panjang *queue* di tempat-tempat mendapat bekalan gas oleh teksi-teksi ini.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Mengenai dengan harga tadi disebutkan memang langkah-langkah saya hendak ambil perhatian bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Seperti saya katakan tadi sedikit masa lagi kita akan kemukakan perkara ini kepada pihak Kabinet tentang perlunya cadangan-cadangan untuk memperbaiki dan menghalusi tindakan-tindakan untuk mengatasi masalah penyelewengan subsidi ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi laluan?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua mengikut laporan daripada laporan syarikat-syarikat minyak.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang, Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ..... ya sekejap ya. Mengikut laporan daripada syarikat-syarikat minyak penggunaan warna yang berbeza dan pembezaan di antara diesel bersubsidi dengan diesel tanpa subsidi masih belum dapat memastikan

penyelewengan jualan diesel bersubsidi tidak berlaku di stesen-stesen minyak kerana kini terdapat teknologi yang boleh meneutralkan semula warna diesel untuk mengelirukan pihak berkuasa semasa menjalankan kawal selia.

Walau bagaimanapun cadangan ini akan dikaji dengan lebih teliti dengan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat minyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan penggunaan diesel untuk kenderaan, kita dapati sekarang ini banyak enjin diesel terutamanya kenderaan, ditukar kepada “*green-engine*”. Yang menjadi masalah adalah pencemaran disebabkan oleh *carbon monoxide* yang dikeluarkan, kerana diesel yang ada di Malaysia didapati mempunyai kandungan sulfur yang lebih tinggi berbanding dengan negara lain. Apakah kementerian sedar tentang masalah ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat bagi Pendang, saya sedar kandungan sulfur kita lebih baik daripada negara jiran yang lain, sebaliknya ..... tak tahu Yang Berhormat dapat laporan daripada mana, maka dengan itu banyak yang menyeludup, bukan hanya harganya cukup rendah berbanding dengan negara-negara jiran. Kalaupun harganya rendah, contohnya di Indonesia, di mana harganya lebih murah daripada kita tetapi dari segi kualitinya – *sulphur contentnya* adalah lebih baik daripada apa yang didapati di negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenderaan-kenderaan dari luar negara ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun. Hendak bagi jalan?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, ya.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekali, abang-abang saya yang lebih *senior, veteran*. Saya hendak tanya, setuju tak Yang Berhormat Menteri, oleh sebab mengikut kaedah ‘*Sadduz zar’ie*’ yang saya sebut hari itu ialah membasmi keburukan, *Maqasid syariah*, harta ini, diesel ini adalah harta kerajaan,

amanah rakyat, amanah Allah, kita berikan hukuman seberat-beratnya, bukan sekadar denda, penjara tetapi beri sebatan. Soal hendak beri berapa sebatan, saya tidak ada masalah, *Maqasid syariah*, Islam Hadhari, negara Islam Malaysia ini, kita kena ingat.

Yang kedua, saya baru balik dari kawasan .... lewat sedikit tadi, kerbau-kerbau besi, maksud kerbau besi ini ialah jentera *Kubota*, yang menggala, kerbau besi hari ini tidak boleh berjalan di kampung, kawasan Parlimen saya pasal tidak ada diesel. Kilang-kilang roti, IKS tidak dapat berjalan atau bergerak kebanyakannya kerana tidak dapat diesel – berkeliling merata-rata tidak dapat, maka penyelewengan ini akan berlaku sampai kiamat walaupun kita pantau dengan cara apa pun, apakah kita tidak boleh mengambil tindakan dengan menyelaraskan harga tadi...

**Beberapa Ahli:** Ya, ya. [*Menyuarakan tanda setuju*]

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** ..... harganya diselaraskan, ataupun tidak ada subsidi langsung kerana penipuan ini akan berlaku kerana yang duduk di belakang itu adalah gergasi-gergasi yang besar, semangat. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh yang bersemangat. Saya ada sebut tadi, Yang Berhormat bagi Ketereh pun ada sebut, rakan-rakan yang lain pun ada sebut bahawa dari segi perundangan memang saya ambil perhatian untuk kita halusi bagaimana kalau dapat, perlu ada perubahan, kita *review* undang-undang ini supaya dapat diperketatkan. Saya akui seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi, langkah-langkah tegas perlu diambil dan kita ambil tindakan yang tegas dan saya berharap bilamana pihak kementerian mengambil tindakan yang tegas dan insya-Allah kita harap akan mendapat sambutan dan sokongan, kita ambil tindakan tegas ini, kita landaskan dengan niat, *nawaitu* yang baik, bukan niat *nawaitu* yang jahat, hendak menyeksa ataupun menghukum pihak-pihak tertentu tetapi kita landaskan ..... bila saya mengambil tindakan ini contohnya mengambil langkah-langkah supaya ada kuota, kerana saya dapati bahawa banyak penyelewengan, duit kerajaan yang berjumlah berbilion ringgit diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu. Maka dengan itu kita mengambil tindakan walaupun ada setengah-setengah pihak menyatakan pihak kementerian mengambil tindakan yang tidak baik, bodoh dan berbagai-bagai tetapi kita tidak mengendahkan

perkara ini. Apa yang penting kepada kita ialah kita melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini dengan niat dan *nawaitu* yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenderaan-kenderaan dari luar negara, terutamanya kenderaan-kenderaan dari sempadan Thailand, kementerian telah mengeluarkan arahan supaya stesen-stesen minyak mengehadkan penjualan diesel sebanyak RM20 untuk sekali pembelian sehari sahaja, kerana saya dapati banyak kereta yang lalu-lalang dari Thailand sampai ke Perlis, tempat-tempat ini – Bukit Kayu Hitam, saya ada berbincang dengan rakan saya di situ, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kita dapati memang ada kebenaran dan dilihat perlu ada hadnya untuk tidak pula memberi bekalan yang tidak mencukupi nanti, dibimbangi pula kereta mereka tidak boleh bergerak dan ini akan menyusahkan tetapi dalam pada itu kita mengehadkan supaya mereka tidak mendapat bekalan yang berlebihan dan boleh diselewengkan.

Mengenai dengan penggunaan biodiesel, ia sedang dikaji dan diambil tindakan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Jerai, Kalabakan, Kuala Krau, Kubang Kerian, Pendang dan Putrajaya telah membangkitkan isu mengenai dengan produk halal. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, peruntukan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 tidak mewajibkan penggunaan perbahasaan “Halal” terhadap makanan, tetapi apabila perbahasaan halal digunakan, ia mestilah halal mengikut hukum syarak dan ini saya akan lihat dan saya ada berbincang dengan pihak JAKIM untuk memastikannya supaya mewajibkan perkara ini untuk kita mengubah sedikit perundangannya.

Berhubung kait dengan logo halal ini, suka saya jelaskan di sini bahawa Jemaah Menteri telah pun membuat keputusan bahawa pengeluaran sijil logo “Halal” diuruskan oleh pihak JAKIM, manakala penguatkuasaan sepenuhnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama pihak JAKIM berfungsi sebagai pakar rujuk dalam bidang syariah ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya telah mencadangkan di peringkat awal, contohnya direktori untuk produk halal dan telah pun dirasmikan oleh pihak JAKIM,

saya ingat Kementerian Agama akan menjawab nanti, dan saya telah meminta kepada pihak JAKIM untuk membekalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat direktori JAKIM ini. Saya dapati ia perlu ada tambahan kerana direktori ini hanya meliputi di tempat-tempat tertentu sahaja, tetapi di peringkat negeri juga mesti ada direktori untuk menjadi panduan kepada masyarakat kita .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, Yang Berhormat bagi Dungun.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kita sudah berbincang panjang berkenaan dengan masalah halal bukan sahaja berkaitan dengan makanan, sekarang ini ada cadangan daripada pelbagai pihak supaya pendekatan halal ini tidak bergantung kepada logo semata-mata dan tidak dibuat berasaskan kepada hukum syariah semata-mata, tetapi masalah halal ini melebihi daripada keperluan kita. Adalah dicadangkan supaya kerajaan membentuk suatu Lembaga Halal Malaysia yang seolah-olah mempunyai autoriti dan tanggungjawab kerana dalam masalah kilang makanan umpamanya, kalau hanya hendak menunggu pada setiap kali JAKIM ataupun penguatkuasaan daripada kementerian Yang Berhormat Menteri untuk menjalankan tugas tentang logo halal ini, pertamanya ia tidak praktikal lagi dalam zaman hari ini.

Yang dicadangkan ialah supaya kerajaan berbincang menjadikan konsep halal ini dalam bentuk sebuah lembaga yang mempunyai autoriti yang menggabungkan pakar-pakar sains, teknologi dan sebagainya dan bukan sahaja menentukan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengilangan dan pengeluaran makanan semata-mata kerana konsep halal ini ia harus juga ada dalam bentuk-bentuk yang lain, umpamanya kasut, dari kulit apa ia diperbuat dan sebagainya.

Jadi kalau kita hendak perhebatkan pendekatan halal ini, ia harus juga dilihat dalam bentuk seperti SIRIM umpamanya, ada ISO "Halal" itu sendiri, bukan dengan mengadakan pegawai-pegawai yang harus diletakkan di tiap-tiap kilang yang ada di seluruh negara kita, yang harus ada kepercayaan, imej yang baik untuk penggunaan di peringkat antarabangsa. Dalam kes yang berlaku baru-baru ini, kadang-kadang ia menghalang kita dalam menentukan kerana kadang-kadang kelemahan di peringkat



agensi kerajaan sendiri dan kadang-kadang ada beberapa proses penipuan yang berlaku di kilang-kilang.

Jadi untuk menyelesaikan masalah ini, kita berharap kerajaan boleh menimbang .... ini cadangan, apakah pandangan Yang Berhormat supaya dalam jangka masa yang terdekat ini kerajaan boleh menubuhkan sebuah lembaga seperti ala-SIRIM yang mempunyai ISO sendiri.

Sebelum saya duduk saya hendak minta izin Yang Berhormat untuk merakamkan ucapan Selamat Datang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin belia dari Parlimen Dungun yang diketuai oleh Saudara Mokhtar dan juga pemimpin seramai seratus orang tetapi tidak cukup ini, mungkin tersekat di luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat dari Dungun, memang rakyat Dungun beruntung mendapat ahli Yang Berhormat dari Dungun *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Beliau mengutarakan pandangan yang cukup bernas dan saya pun bila mana Yang Berhormat membangkitkan perkara ini dalam perbahasan, saya mengambil perhatian. Saya pun sudah mengetengahkan perkara ini untuk pertimbangan pihak-pihak yang tertentu dan cadangan itu memang cadangan yang baik, kita perlu melihat perkembangan makanan halal ini secara lebih menyeluruh. Bukan hanya konteks penguatkuasaan semata-mata, kita perlu melihat dari segi pembangunan yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam di negara ini. Kita selaku umat negara Islam dan juga selaku pimpinan OIC yang sudah pasti akan ada kelebihannya. Kita boleh mempertingkatkan untuk menjual barangan-barangan yang dikeluarkan daripada negara kita. Saya yakin langkah-langkah akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan supaya negara kita dapat dibangunkan sebagai satu tempat halal hub. Saya berharap bila mana seperti Yang Berhormat Dungun sebutkan tadi dalam sebarang tindakan pun memang kita sensitif dalam kes halal ini. Kalau diambil sebarang tindakan kita pun hendak masuk syurga juga....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....bukan hendak masuk neraka tetapi kalau ada tindakan yang kita rasa sangsi, seperti Yang Berhormat daripada Pasir Mas pun sudah katakan, was-was dalam al-Quran sudah katakan, kalau was-was jangan sentuhlah. Apa lagi hendak disentuh dan apa lagi yang penting kepada kita umat Islam perlu mengambil kesempatan daripada pembangunan sektor ini yang boleh dimanfaatkan bukan hanya dilihat hukuman demi hukuman kita kenakan kerana ini boleh membantutkan perkembangan ruang lingkup yang boleh diperluaskan kepada umat Islam untuk melibatkan diri dalam industri pembekalan barangan-barangan halal bukan hanya makanan, kosmetik, pakaian, kasut dan pelbagai yang boleh kita panjangkan seperti yang saya katakan di France, 2 bilion umat Islam, di United Kingdom - 1.5 bilion umat Islam yang perlu dibekalkan dengan barangan-barangan halal, makanan halal. Kalau ini dapat kita manfaatkan insya-Allah, ini akan dapat membantu bukan hanya negara kita tetapi saya yakin umat Islam yang menjadi pengeluar barangan-barangan halal ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri yang mana Yang Berhormat? Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang Di-Pertua, tindakan.....

**Tuan Yang Di-Pertua:** Hendak beri jalan kah Yang Berhormat?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya hendak habiskan dahulu, saya hendak habiskan. Tindakan penguatkuasaan berhubung halal turut dijalankan secara bersepadu yang melibatkan agensi-agensi berkaitan seperti JAKIM, JAIM, Kementerian Kesihatan, PDRM dan pihak berkuasa tempatan mengikut skop bidang tugas masing-masing. Berhubung dengan pendakwaan kes, kementerian mempunyai pegawai-pegawai pendakwa yang berpengalaman untuk mengendalikan kes-kes halal di mahkamah.

Kementerian telah mengambil tindakan untuk mempertingkatkan lagi langkah-langkah penguatkuasaan dalam menangani penyelewengan dan penyalahgunaan perbahasan halal. Bagi maksud ini, kementerian telah menubuhkan Unit Halal di semua pejabat cawangan bahagian penguatkuasaan dan ianya hanya digerakkan secara konsisten tetapi dengan tujuan untuk membantu pihak JAKIM dan agensi-agensi yang menjadi agensi utama dalam melaksanakan sektor halal. Adalah menjadi amalan

kementerian menentukan supaya pegawai-pegawai beragama Islam mengetuai serbuan berhubung dengan penyelewengan perbahasan halal.

Kementerian juga sentiasa menerapkan aspek nilai-nilai berhemah tetapi tegas di dalam melaksanakan tugas melalui kursus yang dijalankan dari masa ke semasa. Buat masa ini kementerian telah mencadangkan untuk menubuhkan makmal untuk menjalankan analisa ke atas produk makanan halal. Jika terdapat keperluan untuk membuat apa-apa analisa kementerian akan mengemukakan kepada pihak Jabatan Kimia. Dalam pada itu kementerian memberi sokongan yang penuh dengan niat pihak JAKIM untuk menubuhkan makmal sendiri yang akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Ya, Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua dan terima kasih kepada menteri yang telah mengambil tanggungjawab dalam masalah pemantauan halal haram kepada makanan yang telah disediakan kepada kita umat Islam di negara kita ini. Dalam dua, tiga hari ini Yang Berhormat Menteri saya berkesempatan bertemu dengan salah seorang bekas pegawai JAKIM yang sudah bersara. Dalam perbincangan panjang masalah makanan halal haram di mana Malaysia cuba untuk menjadikan sebuah negara halal haram tentang makanan, mengeluarkan makanan halal dan beliau telah memberi banyak pandangan. Di antara lainnya beliau menyebut kepada saya di waktu itu, dia kata bagaimana kita mahu menjadi negara yang mengeluarkan makanan halal, sedangkan di negara kita sendiri pun tidak selesai. Kita tanya lagi bagaimana pada pandangan Tuan yang dikatakan tidak selesai tadi. Di waktu saya bekerja dahulu di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 90-an, bukan baru. Sejak tahun 90-an dia kata bahawa pada suatu hari beliau dan rombongannya pergi membuat satu serbuan di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Sesampainya sahaja dia di sebuah hotel tadi dia diminta supaya menunggu sekadar 20 minit, dia pun menunggulah, kemudian penguasa hotel tadi terus masuk ke dalam dan kemudian keluar semula dan beritahu serta mengajak pergi melihat peralatan-peralatan di dapur dan di tempat-tempat yang disyaki.

Bila dia masuk segalanya sudah beres. Kemudian pada minggu hadapan beliau dan beberapa orang kawan lagi pergi ke hotel yang sama dengan tidak memberi apa-apa maklumat, terus masuk ke hotel dan terus masuk ke dapur. Di mana di dapur didapati daging babi berada di sebelah daging lembu dan bercampur gaul di antara satu

sama lain, kualinya sama, periuknya sama, penyeduknya sama dan segala-galanya sama.

Ini berlaku pada tahun 90-an dan hotel itu merupakan hotel tempat penginapan orang Melayu, orang Arab dan orang Islam. Dia kata ini bukan baru, ini ustaz sudah lama tahun 90-an di masa saya menjadi pegawai JAKIM pada masa itu. Kalau Menteri mahu pada nama hotel ini, saya boleh balik ke Kelantan, Pasir Mas pada hari Isnin hadapan saya boleh bawa nama hotelnya dan tarikh apabila dia buat penyerbuan kepada hotel untuk memastikan ia sungguh berlaku dan bukan perkara ini perkara baru. Ertinya makanan yang bercampur aduk di antara babi dan tidak babi sudah lama berlaku dan orang Melayu Islam kita sudah lama makan babi di Kuala Lumpur, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** [Ketawa] Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak katakan bahawa sudah lama orang Islam makan babi di Malaysia ini saya berharap ini bukanlah satu tanggapan bahawa ini menjadi amalan kita, ini tuduhan. Saya rasa kita kena berasas dalam berhubung kait dengan bab agama ini. Jadi kalau ada pun perkara-perkara yang rasa Yang Berhormat dari Pasir Mas yang perlu ambil tindakan sila kemukakan dengan saya. Jangan meng*highlight* dan hingga esok-esok kadang-kadang kita tidak tahu, macam baru-baru ini saya katakan kita ambil tindakan hantar pergi makmal, siasat tidak ada babi, ada daging biri-biri. Selepas itu daging biri-biri pula dipersoalkan yang ini *halalkah*, mula babi ada selepas ini - itu yang saya beritahu jangan kita ambil tindakan - bukan tidak ambil tindakan tetapi jangan kalut dengan izin, jangan kelam kabut sangat.

Ada peraturan-peraturannya, hikmah Allah SWT memberi perintah beramal, disiplin biar ada. Umat Islam berdisiplinlah mengambil tindakan beramal pun, itu yang penting kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Seputeh.....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Minta sedikit!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh, Yang Berhormat hendak berikah Yang Berhormat?

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja!

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kalau boleh bab halal ini, kalau boleh saya hendak serahkan perbincangannya yang lebih lanjut dengan pihak JAKIM kerana mereka yang menjadi badan utama, kita membantu. Saya suka memberi sokongan untuk dapat dilaksanakan oleh pihak JAKIM. Ya Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh sila.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Hendak respons sedikit sebab saya menyokong abang saya Pasir MAS tadi tetapi tidak semuanya masyarakat Islam Hadhari kita kena faham. Sekarang kita sudah ada anjakan paradigma, kita hidup bukan zaman 70-an, 90-an, kita sudah ada tahun 2005. Maka Yang Berhormat menteri saya setujulah kalau boleh bab-bab halal ini serah bulat-bulat kepada JAKIM. Dia ada penasihat syarie macam Bank Negara, Bank Islam pun ada penasihat syarie, ada kepakaran-kepakaran dalam itu dan saya cadang kalau Yang Berhormat setuju bawa ke Kabinet, saya tidak masalah. Kalau setuju kita beri hukuman kepada syarikat-syarikat, hotel-hotel yang menyediakan halal haram ini, dia kena hukuman berat, denda, penjara, sebat juga. Tadi pun saya beri sebat, orang yang tidak sebat dia tidak takut dan kalau boleh gantung lesennya....

**Beberapa ahli:** Gantung, gantung ye!

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Gantung lesennya - dengar dahulu ya, hendak bercerita ini, gantung lesennya, anak-anak syarikat dia, konco-konconya, gergasi, terima kasih. *[Dewan riuh seketika]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya setuju dengan apa Yang Berhormat telah utarakan tadi. JAKIM sebagai satu badan yang memang ada keupayaan dari segi ilmu, dari segi pengalaman, dari segi keagamaan, tetapi walaupun demikian, kita di peringkat kementerian, oleh kerana pengalaman dari segi penguatkuasaannya, telah diminta untuk membantu dan insya-Allah kita akan membantu untuk kepentingan umat Islam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah meminta penjelasan mengenai Syarikat Asia Command Sdn Bhd berkaitan dengan isu penggunaan *I-cash*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Syarikat Asia Command Sdn Bhd telah dilesenkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menjalankan perniagaan

jualan langsung dengan pelan pemasaran berbilang bertingkat untuk tempoh lima tahun iaitu mulai 23 Mei 2003 hingga 22 Mei 2008.

Walau bagaimanapun lesen jualan langsung syarikat tersebut telah dibatalkan mulai 20 Januari 2004 kerana adanya aduan yang diterima terhadap salah laku syarikat dan agen syarikat berkaitan jualan Kad *I-Cash*. Syarikat tersebut juga diminta untuk menyelesaikan semua urusan pentadbiran syarikat khususnya berkaitan pembayaran bonus kepada agen dan pengedar syarikat. Lanjutan daripada pembatalan lesen jualan langsung, syarikat tersebut telah mengemukakan rayuan kepada saya sendiri dalam surat bertarikh 15 Mac 2004.

Setelah mengambil kira rayuan syarikat khususnya mengenai jumlah keahlian syarikat yang melebihi 400 ribu orang di seluruh negara termasuk Brunei dan Indonesia, maka Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak membatalkan lesen jualan langsung selaras dengan Seksyen 11 Akta Jualan Langsung 1993 dengan meletakkan antara syaratnya iaitu pihak syarikat dikehendaki menyelesaikan segala tuntutan yang dibuat oleh pengedar dengan izin, *distribution center* mereka. Hingga kini, syarikat tersebut didapati beroperasi seperti biasa dan syarikat tersebut juga berjanji menyelesaikan sebahagian besar tuntutan oleh agen dan pengedar mereka.

Berkaitan dengan kes Millennium One Sdn Bhd di mana pihak pengedar syarikat tersebut telah menyuarakan masalah mereka dalam akhbar *Sunday Mail* dan *Malay Mail* pada 20 dan 21 Mac 2005 yang lalu, pihak kementerian telah bertindak dengan segera untuk memanggil syarikat tersebut dan hasil daripada siasatan yang dibuat, pihak syarikat telah memfailkan kes tersebut di Mahkamah Tinggi Melaka pada 16 Julai 2004. Sehingga kini keputusan mahkamah masih belum diputuskan. Kes ini berbangkit hasil ketidakpuasan hati seramai 12 orang pengedar yang ditamatkan keahlian oleh sebab pelanggaran kod etika. Pengedar-pengedar tersebut berkedudukan tinggi di dalam syarikat tetapi salah laku mereka telah menjejaskan imej syarikat. Syarikat Millennium One Sdn Bhd pada masa ini mempunyai seramai 189 ribu orang pengedar dan hasil jualan syarikat pada tahun 2004 ialah sebanyak RM115.4 juta. Oleh yang demikian, pada pandangan kementerian, adalah tidak wajar untuk kita membatalkan lesen jualan langsung syarikat semata-mata kerana sejumlah kecil pengedar yang tidak berpuas hati

sehingga menjejaskan majoriti ahli yang lain yang mendapat faedah dan keuntungan hasil daripada menjadi ahli syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mendapati, terdapat pengedar-pengedar jualan langsung yang tidak beretika dan penipuan syarikat jualan langsung di mana mereka menjadi ahli.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Pengedar-pengedar tersebut sering melakukan kesalahan seperti menukar pelan pemasaran tanpa pengetahuan syarikat, membuat jualan paksaan, menjual produk pada harga yang lebih rendah daripada yang ditetapkan dan lain-lain pelanggaran kod etika yang ditetapkan oleh pihak syarikat.

Apabila ini berlaku, pihak syarikat setelah menjalankan siasatan terpaksa membatalkan keahlian pengedar tersebut dan ini sudah tentulah menimbulkan ketidakpuasan hati pengedar terhadap syarikat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, Assalamualaikum Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Dalam kes seperti ini, pihak kementerian kebiasaannya tidak campur tangan kerana ia adalah urusan dalaman syarikat. Pengedar-pengedar yang tidak berpuas hati boleh mengambil tindakan sivil di mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Assalamualaikum.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh dan Jerai.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Jerai dahulu, selepas itu Seputeh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan berkenaan jualan langsung ini. Adakah pihak kementerian juga mempunyai bidang kuasa iaitu melihat produk-produk yang mereka jual ini benar-benar mendatangkan manfaat kepada pengguna-pengguna? Kerana kita lihat kadang-kadang produk yang

diedarkan itu seolah-olah memperdayakan pengguna. Kadang-kadang satu barang atau satu jenis ubat itu boleh mengubati beberapa jenis penyakit. Ini kadang-kadang menarik orang untuk membeli barang tersebut tetapi sebenarnya barang itu tidak mendatangkan manfaat dan mungkin mudarat kepada pengguna yang dibuat secara langsung.

Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kita tengok juga, walaupun dia jual secara langsung tetapi produk-produk yang dijual itu terutama sekali bahan-bahan makanan dan ubat-ubatan ini benar-benar tidak menipu pengguna dan juga merugikan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih atas membangkitkan persoalan ini, agak penting sedikit kerana ia berhubung kait dengan memperjelaskan kepada pengguna di seluruh negara. Memang kita ada kuasa, dengan itu proses untuk mendapat lesen jualan langsung ini kita teliti. Kadang-kadang ia mengambil masa yang begitu panjang sebelum kita memperakukan bahawa mereka boleh layak untuk mendapat lesen jualan langsung. Contohnya kalau melibatkan barangan ubat-ubatan, bukan hanya di peringkat kita akan kita teliti bahkan kita hantar ke Kementerian Kesihatan untuk diteliti agar ia mendapat perakuan. Kalau benar bahawa ubat ini memang ubat yang sesuai sama ada daripada negara-negara Jerman, Australia, walaupun negara membangun tetapi kita perlu siasat dahulu. Kadang-kadang kita dapati ada juga barangan yang tidak sesuai untuk dijual. Begitu juga berhubung kait dengan makanan. Kalau makanan itu ada tanda logo Halal, kita hantar, kita rujuk kepada pihak JAKIM, adakah sebenarnya barangan ini halal? Selepas itu kalau kita dapati bahawa perkhidmatan atau barangan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat jualan langsung ini selari dengan aturan dan prosedur yang kita kenakan, maka kita akan berikan lesen berpatutan ini.

Walaupun demikian, kalau Yang Berhormat mendapati ada syarikat-syarikat ini menjual barangan yang tidak selaras boleh menjejaskan keselamatan, kesihatan atau nyawa manusia di negara ini, saya berharap Yang Berhormat boleh kemukakan dan kita boleh mengambil tindakan. Tetapi sebelum tindakan tegas diambil, kita kena siasat ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua...



**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sedikit Yang Berhormat, sekejap ya, berkaitan dengan itu juga.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, sedikit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Berkenaan dengan Malaysia menjadi *dumping ground* kepada barang-barang yang sudah tidak laku di negara-negara Barat. Contohnya kita lihat iklan dalam TV, mereka juga mengiklankan benda-benda yang boleh menguruskan badan dengan hanya beberapa minit mengurut di bahagian-bahagian yang hendak dikuruskan. Jadi ini juga mereka buat secara jualan langsung – dia kata dalam 30 hari kalau tidak kurus, *return* duit itu balik tetapi menghadapi masalah untuk mendapat duit-duit itu balik. Adakah Malaysia ini kita hendak jadikan sebagai *dumping ground* kepada benda-benda yang sudah tidak digunakan di negara-negara asing dan dibuat promosi yang begitu tinggi melalui tv dan sebagainya untuk mendapat pasaran di negara kita ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang kita tidak setuju bahawa ini kita galakkan bahawa Malaysia menjadi satu *dumping ground* atau tempat penempatan barang-barang yang ditolak, di *reject* dengan izin, oleh negara-negara yang lain. Dengan itu, kita mengambil tindakan-tindakan tegas contohnya kalau ada peralatan elektronik yang dijual di tempat-tempat tertentu, pegawai penguat kuasa akan mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebelum Larut, saya minta Seputeh dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Dalam kes *I-cash*, saya sebenarnya pernah membawa pengadu yang dikatakan ditipu oleh Syarikat *Asia Command Sdn. Bhd.* itu untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri. Dalam perbincangan kita, Yang Berhormat kata lesen dipulangkan kepada mereka supaya mereka boleh menyelesaikan masalah dengan para pengadu dan juga agen mereka. Tetapi apa yang saya tahu selepas pertemuan itu sampai sekarang, saya pernah berjumpa dengan pengadu dari Indonesia yang berkata, dia juga ditipu dengan taktik yang sama dengan menggunakan gambar Perdana Menteri

kita dan berkata, Perdana Menteri kita juga adalah pemegang Kad I-Cash untuk menarik pelaburannya, selepas itu dia berkata sistem itu tidak boleh dipakai langsung dan dia ditipu. Saya pernah berjumpa dengan dia, saya ada nombor telefon dan kad pengadu itu.

Okey, kes kedua adalah pihak pengadu yang datang berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri itu, dia telah menang dalam kes mahkamahannya dan pihak *Asia Command* tidak menghantar peguamnya untuk *defends*, untuk mempertahankan kedudukan syarikat itu dalam kes itu. Dan, pampasan juga tidak diberikan kepada pihak pengadu, jadi syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian kepada *Asia Command* adalah untuk menyelesaikan masalah dengan pihak agen dan pengadu, ini langsung tidak dilakukan. Jadi, itulah yang saya rasa pihak kementerian harus menunjukkan keprihatinan terhadap kes ini.

Bagi kes *Melilia* - Kes *Melilia* juga dari apa yang saya baca dalam *Malay Mail* adalah syarikat itu telah hutang agennya RM8 juta dan mereka semua ini ditukar dengan cara yang tidak etika dan mereka pernah jumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan beliau juga telah menghebohkan perkara ini. Jadi, saya rasa kalau agen-agen syarikat jualan langsung ini terjejas, saya rasa pihak kementerian haruslah menjaga kepentingan mereka daripada menjaga kepentingan syarikat berkenaan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Seputeh. Seperti yang saya sebutkan tadi kita di peringkat kementerian lebih melihat menjaga kepentingan yang lebih ramai daripada hanya pihak-pihak tertentu. *I-Cash* ini, yang pernah saya berjumpa dengan mereka, saya nasihatkan. Kerana kalau kita batalkan lesen, ada duit yang diletakkan di bank yang sepatutnya menjadi milik ahli-ahli, sebahagiannya menjadi pemberian bonus atau dividen kepada pihak-pihak pengedar yang jumlahnya cukup besar hampir 400,000 orang di negara kita termasuk di Brunei dan juga Indonesia.

Setelah saya melihat bahawa sekiranya kita mengambil tindakan, dan kewangan ini akan disimpan dan tidak akan ada keuntungan kepada orang-orang yang menjadi ahli yang begitu ramai dan kemungkinan tidak akan mendapat manfaat kepada ahli-ahli dan saya mendapati bahawa kes ini adalah masalah dalaman. Masalah dalaman di

peringkat syarikat itu. Sebahagian daripada mereka adalah merupakan Ahli Lembaga Pengarah daripada syarikat itu, *dispute within them* dan saya tidak mahu campur tangan masalah dalaman syarikat ini.

Seperti yang saya nasihatkan, bawa ke mahkamah, kalau mahkamah memberi keputusan tentang hukuman tertentu, syarikat ini kena bayar kompaun ke, oleh sebab ada serba sedikit masalah, dia bayar kompaun tapi itu tidak bererti bahawa ia menjadi suatu ketetapan yang pihak kementerian hendak batalkan lesen dia kerana kita juga harus melihat daripada kepentingan orang ramai dan dia dapat *compensation* dengan, izin, daripada hasil hukuman mahkamah itu. Selepas itu saya batalkan lesen, orang ramai akan turut rugi yang menjadi ahli-ahli sama ada *I-Cash* ataupun *Melilla*.

Yang Berhormat bagi Seputeh, saya ingat perkara sudah panjang. Yang Berhormat pun sudah tahu yang saya sudah berbincang, sampai saya bagi *audience* kepada Ahli Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat daripada Larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat, baru balik daripada Manila duduklah. Yang Berhormat, saya nak bertanya sedikit tentang *direct selling*, dengan izin, jualan langsung ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tidak! Saya dengar bunyi yang tidak berapa baik di belah sana, jadi kena *check* sikit lah. Masalahnya ialah sama ada pihak kementerian melihat perkembangan *direct selling* ini dari sudut kawalan harga, sama ada satu *syiling* kawalan yang ditetapkan kepada mereka ini, kadang-kadang kita lihat kalau wujudnya kegiatan *direct selling* ini, satu apakah ia memberi satu persaingan yang baik kepada syarikat-syarikat lain? Kedua, dari segi kepentingan pengguna itu sendiri, dari segi penipuan kalau mungkin berlaku sebagaimana yang kita tahu *direct selling* ini bebas ke mana ke mari dia nak masuk dan sebagainya.

Dan, yang seterusnya ialah tentang syarat, apakah mereka yang terlibat dengan *direct selling* juga dikenakan syarat tentang peratus kuota penyertaan bumiputera sebagai satu galakan. Kalaupun *direct selling* ini juga mendatangkan satu keuntungan dalam perniagaan. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan, satu - harga. Bila kita membangunkan sektor jualan langsung ini, sebenarnya kita hendak melahirkan satu sektor yang memberi manfaat kepada pengguna. Maka dengan itu, bukan hanya dalam konteks harga yang menjadi perhitungan kita untuk menjadi perkara yang penting untuk kita pantau bahkan juga kualiti barangan ataupun perkhidmatan yang diberikan oleh *direct selling* ini.

Mengenai dengan syarat-syarat tadi memang kita pun berpandangan bahawa kita galakkan bumiputera terbabit dalam jualan langsung. Contohnya, CNI, satu syarikat yang terbesar di negara kita, malahan di Asia Tenggara yang melibatkan beratus juta ringgit, 70%, 80% daripada pengedarnya adalah tergolong daripada masyarakat bumiputera. Dan, mereka mendapat perolehan dalam sebulan saya difahamkan RM30,000. RM50,000 hingga RM70,000 daripada penglibatan mereka selaku pengedar-pengedar.

Ini merupakan satu sektor yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat di negara ini. Maka dengan itu, perlu kita suburkan lagi, perembangkan sektor ini untuk dapat dimanfaatkan oleh masyarakat rakyat kita, di samping ia boleh membantu memberi peluang pekerjaan dan juga pembangkitan industri-industri di negara kita, kerana yang terbabit, contohnya, industri kopi, teh, tongkat ali, adalah merupakan industri tempatan juga yang sebahagian daripada produk diedarkan oleh penjual-penjual langsung ini. Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita lihat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tadi, kadang kala syarikat multi *level* ini dia ambil kesempatan kepada masyarakat kita. Ada yang multi *level company* saya lihat ada barangan yang dibawa daripada luar negara, harga dia murah sangat - RM3, RM2.50, tetapi menggunakan sistem multi *level*

ini, dia *charge* pengguna kita RM30. Jadi, saya minta supaya kementerian kawal bukan saja pergerakan tapi barangannya.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya hendak - tadi Bagan, masa bila menimbulkan tadi, saya hendak minta dia betulkan *statement* dia itu kerana dia mengatakan bahawa saya, Jasin telah mengemukakan supaya sekolah-sekolah kebangsaan Cina ditutup. Saya minta dia *check* balik dan saya minta supaya dia tarik balik, Bagan tiada ya? Kerana saya tidak pernah dalam ucapan saya, minta dia *check* dalam hansard, saya menimbulkan tentang Sekolah-sekolah kebangsaan Cina. Malah di kawasan saya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekolah kebangsaan Melayu di kawasan Parlimen Jasin saya mengalu-alukan 10 orang guru-guru besar dari keturunan Cina yang menjadi guru besar di sekolah kebangsaan Melayu. Kita tidak ada sebut tentang Melayu, Cina, mengapa dia bawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini. Saya minta dia tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sepatutnya bantah masa dia bercakap itu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat telah katakan tadi mengenai dengan pemantauan harga ini sepatutnya kita laksanakan dan Insya-Allah di sepanjang masa pun kita melaksanakannya dan kalau sekiranya Yang Berhormat dapati di setengah barangan yang harganya murah selepas itu sampai ke pasaran ia meningkat, maklumkan dengan saya untuk kita ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Minta penjelasan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian kementerian ini berharap .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh hendak minta laluan, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Menteri, mengenai *I-Cash*. Saya minta penjelasan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak beri jalan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan kerajaan cuba membuka satu sektor lagi untuk pertumbuhan ekonomi kitalah. Tapi yang kebimbangan sekarang yang wujud ialah dalam kes *I-Cash* dan juga *Melilia* ini, kalau kita lihat *I-Cash*, saya faham yang tujuan Yang Berhormat Menteri untuk memberi balik lesen kepada syarikat berkenaan tetapi kalau kes seperti yang aduan daripada agen-agen ini yang kata mereka ini telah tertipu dan malah mereka menang dalam kes Mahkamah Aduan Kecil di bawah kementerian Yang Berhormat, yang mana pihak syarikat diarah untuk memulangkan pampasan kepada mereka, itu *fee* agen kepada mereka tetapi ini juga tidak dilakukan.

Jadi, kebimbangan kita ialah, adakah syarikat-syarikat jualan langsung ini kita membiarkan penipu-penipu ini untuk menggunakan nama syarikat untuk menipu agen kita. Saya rasa kalau ini berlaku, kementerian tidak harus lihat ini sebagai urusan dalaman tetapi haruslah melihat struktur dan juga keadaan perniagaan syarikat adakah mereka itu *genuine* ataupun tidak, terutamanya sekarang pihak Indonesia juga kata mereka sudah tertipu. *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh, saya sudah faham. Apa Yang Berhormat kata tadi sudah lama daripada tahun yang sudah. Saya sudah katakan heret ke mahkamah kompaun dan pampasan dibuat *that is enforcement*. Dari segi penguatkuasaan keputusan itu perlu ada dilaksanakan dan saya akan melihat perkara ini bagaimana, supaya keputusan yang dibuat oleh mahkamah ini akan dapat dipatuhi. Tapi dalam pada itu ianya tidak menjadi landasan untuk kita membatalkan lesen syarikat ini. Apa yang penting kehendak pihak tertentu *compensation* dapat diperolehi - diberikan. *Compensation or gift*, kalau tidak diberikan kita perlu berikan.

Tapi saya tidak mahu nanti dihubungkan supaya kumpulan ini pula mengharamkan syarikat ini, ya dan akan menjejaskan kepentingan 300,000 orang. Apa yang penting masalah *compensation* sahaja. *Let us settle compensation matter, not to delete*. Bukan hendak membatalkan lesen ini kerana ia tidak akan memberi keuntungan kepada semua ahli-ahli, ya. *We must be objective.....*

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** .....dengan izin *approach* kita.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi jalan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh yang demikian kementerian ini amat.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya ingat lepas ini kalau hendak *debate* kita boleh *debate* di luar Yang Berhormat Seputeh ya. Oleh yang demikian, kementerian ini amat berharap.....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** .....supaya orang ramai mengkaji syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarikat jualan langsung sebelum mereka menjadi ahli dan hanya memilih syarikat jualan langsung yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka. Orang ramai juga hendaklah terlebih dahulu mengetahui profil syarikat, pelan pemasaran dan produk mereka sebelum memberi persetujuan menjadi ahli syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sentiasa bersedia untuk membantu apa jua aduan yang dibuat oleh pengedar dengan syarat mereka mempunyai dokumen, sokongan yang lengkap berkaitan aduan yang dibuat untuk memudahkan siasatan dijalankan.

Kementerian ini sememangnya selalu mengambil tindakan tegas kepada mana-mana syarikat jualan langsung berlesen yang cuba menipu dan memperdaya orang ramai dalam urusan niaga mereka. Ini termasuklah menggantung lesen jualan langsung dan mengkompaun mereka yang melakukan apa jua kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung 1993.

Di samping itu, sepanjang tahun lepas sebanyak 25 syarikat jualan langsung telah dibatalkan lesen jualan langsungnya atas pelbagai sebab. Pemantauan yang

berterusan juga turut dibuat untuk memastikan syarikat mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Kementerian juga memang menyedari ada sebahagian syarikat jualan langsung yang menyalahi peraturan dan syarat-syarat Akta Jualan Langsung 1993. Pemantauan dari semasa ke semasa juga memang selalu dibuat hasil daripada aduan yang dibuat oleh orang ramai. Di sepanjang tahun 2004, sebanyak 25 buah syarikat jualan langsung telah dibatalkan lesen mereka di atas sebab pelanggaran syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga selalu menggalakkan mana-mana usahawan khususnya bumiputera untuk menjalankan perniagaan jualan langsung di negara kita bagi membolehkan industri jualan langsung berkembang. Ini dapat dibuktikan sehingga Disember 2004, industri jualan langsung dapat menjana pendapatan melebihi RM5 bilion daripada jumlah 522 syarikat jualan langsung yang dilesenkan. Dari segi jumlah pengedar pula sehingga Disember 2004, seramai 4.5 juta rakyat di negara ini telah pun mendaftar sebagai ahli jualan langsung. Berdasarkan kepada angka-angka tersebut, industri ini telah dapat membantu sebahagian besar penduduk di negara ini memperolehi pendapatan secara tetap ataupun sampingan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah membangkitkan isu mengenai caj pengeluaran wang dari mesin ATM di bank-bank perdagangan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, pihak kementerian sedar dan sentiasa mengadakan pemantauan dengan kerjasama pihak Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa bagi memastikan bank-bank perdagangan tidak menindas pengguna-pengguna yang mengeluarkan wang melalui ATM dengan mengenakan caj dengan sewenang-wenangnya.

Selain daripada itu, pihak kementerian melalui program pendidikan penggunaan dan kesedaran pengguna sentiasa memberi peringatan kepada pengguna supaya berbelanja secara berhemah, mengawal diri serta merancang pengeluaran wang mereka bagi mengelakkan diri dari membayar caj yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong telah membangkitkan isu mengenai keberkesanan Akta Sewa Beli dalam menghapuskan jenayah penarik kereta. Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan untuk syarikat-syarikat sewa



beli mengenai tatacara dengan izi, *code of ethics* bagi menjalankan perniagaan dikeluarkan oleh persatuan syarikat-syarikat sewa beli yang merangkumi juga tatacara yang sepatutnya diamalkan dalam urusan penarikan kereta. Siapa yang didapati tidak mengikut tatacara tersebut semasa menjalankan tugas dengan izin, *repossession* akan disenaraihitamkan dari persatuan dan tidak akan dibenarkan menjalankan urusan berkenaan. Jika terdapat tindakan-tindakan yang membahayakan laporan dan aduan boleh dibuat kepada pihak polis atau persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rembau telah membangkitkan isu mengenai keperluan meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor perniagaan dan mewujudkan jawatankuasa perniagaan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan sekalian, kementerian ini telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemasaran produk industri dan industri kecil dan sederhana seperti program pemasaran produk IKS *hypermarket, Tesco, The Store, Carrefour*, dan *Giant*. Kementerian ini juga giat menjalankan aktiviti-aktiviti lain dalam membantu memantapkan penyertaan pengusaha kecil dan sederhana (IPKS) melalui program seminar dan latihan seperti latihan peruncitan peringkat asas dan pertengahan dan juga seminar asas penubuhan syarikat, harta intelek, pembangunan jenama dan jualan langsung.

Walau bagaimanapun kementerian ini tidak menjalankan sebarang aktiviti berkaitan *franchise* dan vendor kerana pada masa ini terdapat satu bahagian khusus di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang memberi tumpuan kepada bidang tersebut.

Bagi perniagaan ICT pula kementerian ini masih dalam proses mengumpul maklumat bagi mengenal pasti peluang-peluang yang bersesuaian untuk diceburi oleh peniaga bumiputera. Walaupun pada masa ini kementerian tidak mempunyai sebarang dana untuk usahawan, kementerian sering mengadakan kerjasama dengan pemegang dana-dana usahawan seperti Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Credit Guarantee Corporation (CGC), Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Pembangunan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dalam menjalankan aktiviti yang melibatkan PKS.

Pada 25 Jun 2005, kementerian telah mewujudkan satu jawatankuasa pemandu pembangunan pemasaran produk IKS yang dipengerusikan oleh saya sendiri, dan saya ingat Ketua Setiausaha Kementerian dan ia berfungsi untuk membantu PKS membangun produk serta memasarkan produk tersebut. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memberi bantuan di dalam penyelesaian masalah-masalah yang dihadapi oleh PKS. Cadangan agar diwujudkan jawatankuasa perniagaan bumiputera akan dikaji oleh kementerian sama ada cadangan tersebut dapat membantu memantapkan penyertaan bumiputera dalam sektor perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** .... Ahli-ahli Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Yang Berhormat Menteri, tadi ada berjanji hendak menjawab berkenaan dengan *road tax*, berkenaan dengan warna diesel.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat Bagan, *you* tidak dengar dengan izin saya sudah jawab tadi. Kita hendak guna warna pun sebenarnya kita sudah guna daripada tahun 60-an. Hendak guna warna pelbagai pun pada masa sekarang ini bila kita gunakan tidak ada jaminan bahawa mewarnakan benda ini tidak akan dapat menyempurnakan pelaksanaan penguatkuasaan supaya penyelewengan tidak ada kerana dia boleh *neutralize*, dengan izin. Apa yang penting kita melaksanakan pendekatan. *Road tax* tadi saya sudah kata memang sebelum dalam pemikiran Yang Berhormat bagi Bagan, saya pun sudah fikir lama sudah. Nanti kalau saya umumkan pun bukan datang daripada Bagan, tetapi daripada Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan memberi pandangan ke atas perkara-perkara yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna. Bagi perkara yang tidak sempat saya beri jawapan yang sewajarnya, insya-Allah saya akan laksanakan secara bertulis. Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kementerian Pengajian Tinggi. Yang Berhormat Timbalan Menteri.  
**12.59 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masa telah pun suntuk. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja pada kali ini dan telah membangkitkan pelbagai isu, cadangan serta saranan yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi.

Dalam jangka waktu yang terhad ini penjelasan saya akan tertumpu kepada perkara-perkara yang spesifik sebaik yang boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 petang, Dewan yang mulia ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Sila.

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengizinkan saya meneruskan penggulungan, perbahasan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembayaran balik PTPTN, beberapa Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Dungun, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah bangkitkan tentang isu pembayaran balik pinjaman PTPTN.

Untuk makluman semua, soalan ini telah pun saya jawab secara terperinci pada 23 Mac 2005, soalan Yang Berhormat bagi Rasah, serentak dengan pertanyaan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya ingin menambah di sini ekoran daripada berita yang disiarkan di dalam akhbar pada 20 Januari 2005, bahawa PTPTN akan mengambil tindakan saman ke atas 200 peminjam yang gagal membayar balik pinjaman. Seramai 108 peminjam telah tampil untuk membuat bayaran balik atau memberi maklumat balas. Seramai 92 orang peminjam telah disiarkan nama mereka di dalam akhbar. Lanjutan daripada tindakan tersebut, 10 peminjam telah menghubungi PTPTN untuk membuat bayaran balik.

Bagi 82 orang peminjam telah diberi tempoh selama 14 hari untuk membuat bayaran atau tampil memberi maklum balas. Sejak maklumat ini disiarkan di dalam akhbar, sebanyak RM17.43 juta telah berjaya dikutip dalam tempoh 20 Mac sehingga 31 Mac 2005.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kaedah permohonan kemasukan ke IPT, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan Yang Berhormat bagi Lipis telah membangkitkan isu mengenai permohonan kemasukan IPT melalui e-aplikasi.....

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, adakah pihak-pihak yang lain seperti KWSP atau *income tax* atau pihak-pihak yang lain turut bersama untuk membantu PTPTN untuk memungut kembali wang-wang yang telah diberi pinjaman kepada pelajar-pelajar? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Ianya sedang diuruskan dan perbincangan terawal telah diadakan dengan KWSP untuk bantu kutipan balik PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, isu faedah permohonan kemasukan IPT. Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam dan Ahli Yang Berhormat bagi Lipis telah membangkitkan isu mengenai kemasukan IPT melalui e-aplikasi yang mana terdapat pelajar-pelajar yang mungkin menghadapi pelbagai masalah untuk menggunakan sistem *on-line* ini. Untuk makluman, permohonan melalui e-aplikasi ini mempunyai beberapa kelebihan dan kebaikan. Antaranya ialah sistem ini lebih murah iaitu 50% lebih murah berbanding dengan sistem terdahulu, menjimatkan masa dan dapat mengurangkan kesilapan pemohon mengisi borang permohonan.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mewujudkan perkongsian data dengan Lembaga Peperiksaan (LPM), Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Jabatan Pendaftaran Negara. Pemohon hanya perlu mengisi maklumat permohonan kemasukan ke IPT kerana maklumat peribadi dan keputusan peperiksaan didapati terus dengan jabatan berkaitan. Semua permohonan masuk ke IPTA adalah menggunakan aplikasi dalam talian, kecuali lepasan SPM yang masih boleh menggunakan borang permohonan.

Kemudahan Internet boleh digunakan di sekolah melalui projek *school net* KPM yang mana hampir 70% sekolah dilengkapi dengan kemudahan ini. Kementerian ini juga memohon kerjasama kolej komuniti dan politeknik untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam permohonan ke IPTA dan juga ingin menyarankan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya menyediakan kemudahan Internet bagi komuniti setempat di pusat khidmat komuniti wakil rakyat, Ahli Parlimen dan ADUN. Sehingga tarikh tutup permohonan kemasukan ke IPTA, bilangan yang memohon melalui aplikasi dalam talian adalah sebanyak 55,375 orang dari lepasan STPM dan 45,278 orang dari lepasan SPM 2004.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peningkatan mutu pendidikan di IPTA. Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Sik dan Yang Berhormat bagi Temerloh telah menekankan tentang peningkatan mutu penyelidikan atau R&D di IPT. Kementerian mengambil maklum akan cadangan untuk mewujudkan *database* dengan

izin, secara *online* bagi hasil-hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah. Kementerian sekarang ini sedang berusaha untuk mewujudkan sebuah *database* bersama dengan projek Kementerian Multimedia, yang mengandungi pelbagai .....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Dato' Fu Ah Kiow:** .....maklumat berkaitan IPTA termasuk hasil-hasil penyelidikan, pembangunan produk, perkomersialan, kepakaran tenaga pengajar, penerbitan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Untuk menggalakkan peningkatan mutu dalam R&D kementerian ini pada September 2004, telah pun mengadakan Majlis Anugerah Saintis Cemerlang yang meraikan kejayaan pensyarah, pendidik yang mencipta nama di pameran dan pertandingan peringkat antarabangsa seperti Inpex dan Geneva. Sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat petang. Saya harap Tuan Yang di-Pertua sentiasa cerialah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Petang-petang penting ceria....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Soalan. Ini mula-mula tidak payah.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua tidak sabarlah. Kena sabar, kena sabar. Petang-petang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa tidak cukup Yang Berhormat. Masa tidak cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Masa sentiasa ada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi saya laluan. Satu persoalan dan satu pertanyaan. Persoalan dan pertanyaan ini menimbulkan satu kehairanan.

**Beberapa Ahli:** Ohh...Ohh....!! [*Dewan gamat seketika*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kenapa lepasan universiti kita, mahasiswa atau mahasiswi sudah lulus universiti, tetapi kena ikut program, hendak kena kursus lagi yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia. Jadi seolah-olah lulusan lepasan

universiti masih tidak *qualified*, masih tidak layak. Persoalan Tuan Yang di-Pertua, haha...ini yang Tuan Yang di-Pertua hendak persoalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bukan saya hendak, Timbalan Menteri hendak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Timbalan Menteri. Yalah tetapi saya kena majukan kepada Tuan Yang di-Pertua, itu peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Mesti menghadapkan muka dan persoalan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini memang tidak salah. Tolong teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *[Ketawa]* Jadi, apakah mutu pensyarah-pensyarah kita di universiti tidak berkelayakan? Satu. Ataupun *syllabus* universiti ini tidak sesuai dan mengikuti peredaran zaman haha... Kenapa? “*You pass universiti* kena masuk lagi satu kursus lain, kalau tidak you tidak dapat kerja.” Maknanya, universiti kita mutunya macam mana? Kata, 100 top di dunia haha...hoho...ooooo *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sini bukan pasar, Dewan yang mulia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dewan yang mulialah yang saya menyebut ini Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah *wuuuuu...*, *hahaa...* *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]* Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua, kerana itu oooooo uuuuuu itu tunjukkan macam mana keseriusan, betul cakap saya?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Penekanan dalam perkara itu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Anggapan saya tidak serius.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak begitu serius.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua serius dan masalah ini masalah yang patut kita renungkan supaya hingga nanti kita hilang keyakinan kepada universiti. Kita hilang keyakinan kepada mahasiswa, mahasiswi, maknanya kau pun belum layak. Kena masuk satu kursus yang lain yang dianjurkan oleh kementerian yang lain. Bukankah boleh universiti kita mengkaji kelemahan ini? Bagi saya ini satu 'kemalu...' apa hendak cakap [*Ketawa*]

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan 'kemaluan', ini satu apa ini..... *sorry* Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak gunakan bahasa yang lebih tepat. Satu keaiban atau kelemahan, kena kaji. Pihak universiti jangan rasa bahawa perkara ini perkara remeh. Jangan anggap ini remeh. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa dan mengapa ini berlaku? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih. Sebenarnya soalan ini tidak ada kaitan dengan R&D. Nanti saya akan jawab soalan daripada Yang Berhormat selepas saya habis perenggan mengenai pengangguran siswazah. Selepas itu nanti saya akan sambung jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai R&D dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa kapasiti *research* kita di universiti-universiti Malaysia baik pun IPTA atau IPTA sangat rendah dan ini boleh ditunjuk daripada dua contoh dengan izin, ini adalah satu laporan yang terkini, "*Enrolment at Ph.D. level are currently low with only 244 doctoral graduates in 2002. At comparison Australia had 3,628 local Ph.D. graduates in 2002 and a further group of Australian doctoral graduates are trained internationally. Many Ph.D.s in Malaysia have been gain well cost work, and therefore,*



*there is often and even smaller base for both research and supervision officers yang pertama.*

Yang kedua, *in terms of research output, data on publications in the sciences and social sciences, so that in 1995 data yang terkini boleh dapat Malaysian publish only 587 scientific papers in total, compared with 18,088 in Australia, 5,393 in Korea, 1,914 in Singapore.* Inilah daripada *UNESCO and World Bank task force on higher education and society 2000.* Adakah kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-9 rela untuk ada satu *paradigm shift, satu revolutionary break through* mengenai *capacity* R&D untuk universiti-universiti Malaysia supaya kita boleh *compete* dengan universiti-universiti terbaik sekali di dunia.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat memang benar bahawa kapasiti R&D di IPTA dan termasuk IPTS kalau boleh perlu dipertingkatkan berkali ganda. Sebenarnya kalau kita lihat peruntukan yang didapati untuk P&P itu R&D ini, IPTA melalui Kementerian Pengajian Tinggi adalah amat rendah. Pada Rancangan Malaysia Ke-8 kita cuma dapat RM100 juta sahaja untuk *fundamental research* dan selain daripada itu, kita dapat lebih kurang RM667 juta untuk *industrial research*, dengan izin. Dan kalau kita banding peruntukan yang diperolehi ini adalah amat rendah berbanding dengan lain-lain negara dan kerajaan memang sedang berusaha menggalakkan lebih ramai lagi melanjutkan pendidikan mereka di *post graduate* dan *post doctoral* untuk meningkatkan kapasiti R&D. Kita juga telah memohon supaya dalam Rancangan Malaysia Ke-9, kita berharap boleh dapat sekurang-kurangnya RM300 juta untuk *fundamental research*.

Ini adalah peruntukan yang kita harap dapat dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Ini adalah tambahan kepada lain-lain peruntukan untuk R&D yang dapat ditawarkan oleh lain-lain kementerian. Dengan peruntukan tersebut, kita harap dapat mempertingkatkan lagi kapasiti R&D di universiti-universiti. Tentang penglibatan di jurnal-jurnal, ingin saya maklumkan untuk aliran sains, memang kita ada penglibatan mungkin adalah tidak mencukupi oleh sebab yang saya katakan tadi iaitu kekurangan peruntukan dalam bidang R&D. Tetapi ada juga penerbitan yang dalam bidang sosial sains sebab penerbitan adalah dalam Bahasa Malaysia maka mungkin dia tidak dilihat di jurnal antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan.....

**Dr. James Dawos Mamit:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Mambong.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Sila.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nampak di negara kita peruntukan R&D memang rendah daripada kerajaan. Tetapi, persoalan juga kenapa universiti ataupun kerajaan tidak menggalakkan peruntukan daripada pihak industri kalau dibandingkan dengan negara-negara lain seperti *Australia*, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah ataupun Jepun dan juga Korea. Industri memainkan peranan yang penting dalam R&D termasuk juga memperuntukkan belanja untuk R&D di negara-negara tersebut. Kalau dia buat begini, ini bermakna seperti yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, bermakna *articles* ataupun teknikal *papers* boleh diterbitkan di dalam jurnal kerana *researchers* terpaksa membuat demikian sebab sumber kewangannya dari pihak yang ketiga. Bukan dari pihak kerajaan.

Yang kedua tentang *doctoral student study, Ph.D.* Memang benar bahawa *doctoral students* kita memang sudah berkurangan. Saya dapat tahu bahawa di sebuah universiti mereka dihantar di luar negara untuk meneruskan pelajaran di dalam bidang-bidang tertentu peringkat kedoktoran. Tetapi mereka ini membawa hasil penyelidikan daripada Malaysia yang bercorak hanya *survey*, bukan satu penyelidikan yang mendalam. Walhal, *equipment* yang berada di universiti di negara maju adalah *state of the art equipment*. Kenapa mereka tidak menggunakan *state of the art equipment* dan buat *research* di universiti di luar negara. Ini adalah satu kaitan dengan kapasiti pelajar-pelajar kita sendiri.

Saya juga adalah pensyarah sambilan di UNIMAS dan mengajar di dalam kelas *masters degree* dalam bidang alam sekitar. Saya nampak pelajar-pelajar ini walaupun dalam peringkat *masters* tidak begitu mendalam pengetahuan mereka di dalam bidang-bidang tertentu dan mereka kurang cenderung di dalam R&D. Ini adalah satu masalah dan ini masalah yang memang berkaitan dengan sistem pengajian tinggi kita juga. Jadi ini kerajaan harus melihat. Sila perjelaskan. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya peranan sektor industri dan sektor swasta amat penting dalam menggalakkan aktiviti R&D di IPTA. Kementerian Pengajian Tinggi telah menyeru semua IPTA perlu mempertingkatkan kerjasama IPTA dengan pihak industri supaya kita dapat menggalakkan lebih ramai lagi pihak industri menyertai dalam aktiviti R&D di IPTA. Walaupun budaya ini perlu digalakkan, tetapi baru-baru ini kita lihat ada respons yang lebih menggalakkan, misalnya baru-baru ini di universiti Sabah juga ada sebuah syarikat yang menyumbang sampai RM1 juta untuk menjalankan aktiviti yang ada kaitan dengan kursus perhutanan. Jadi budaya itu perlu digalakkan. Ini bukan sahaja akan memperkayakan lagi proses pembelajaran dan pengajaran, tetapi juga ia dapat membantu industri khususnya industri kecil dan sederhana, di mana mereka tidak ada keupayaan untuk menjalankan R&D, maka ia boleh membantu kapasiti IKS menjalankan R&D demi manfaat pihak swasta dan pihak IPTA.

Tentang pelajar Ph.D yang melanjutkan pendidikan mereka dalam *postgraduate* dan yang kurang mendalam, saya perlu ada kes spesifik baru boleh jawab soalan ini. Tetapi pada umumnya kalau seseorang mengikuti kursus Ph.D, maka biasanya dia ada dua kaedah iaitu pertama melalui tesis sahaja dan yang kedua ialah melalui cara kuliah dan penerbitan tesis. Biasanya kalau dalam peringkat pembelajaran Ph.D tesisnya mesti ada apa yang dikatakan dengan izin, *originality*, tidak ada tesis Ph.D yang tidak mengandungi elemen-elemen *originality* boleh diterima sebagai satu tesis yang baik. Biasanya ia ada juga pemeriksa (*examiner*) daripada dalaman dan luar. Jadi amat penting kalau pelajar kita mengikuti kursus Ph.D, dia mesti mengikuti sesuatu yang cukup mendalam untuk mendapatkan tesis tersebut. Jadi izinkan saya meneruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mengenai R&D, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa antara sebab utama kenapa kapasiti pendidikan atau *capacity research* di universiti-universiti Malaysia begitu rendah ialah oleh kerana tidak ada budaya pendidikan. Bukan sahaja tidak ada budaya pendidikan, budaya kecemerlangan akademik, budaya meritokrasi semakin merosot dan kalau ini tidak diatasi apa tindakan pun tidak akan berhasil. Untuk mengatasi masalah ini adakah kementerian rela untuk menimbangkan dua cadangan. Pertama ialah pendidikan hendaklah diutamakan menjadi syarat utama untuk menyandang sesuatu jawatan

pengurusan akademik dari ketua jabatan, dekan, dan naib canselor. Ini patut menjadi satu syarat utama oleh kerana kemahiran mengurus adalah kedua. Dan mereka ini hendaklah terdiri dari mereka yang mempunyai penghormatan dan reputasi akademik cemerlang di dalam bidang masing-masing serta tidak terlalu akur dengan kerenah pemimpin politik. Kalau ini diutamakan kita akan mula kembali budaya *research* kecemerlangan, dan kedua bukannya tindakan juga perlu diambil untuk tidak menggalakkan akademik yang mengabaikan pendidikan. Pada masa sekarang tidak ada sebarang dasar untuk mengendalikan masalah akademik bukan penyelidik hinggakan mereka yang berkenaan merasakan diri mereka masih selamat, jika tidak menghasilkan sebarang penerbitan selama lima hingga sepuluh tahun. Kalau kedua-dua cadangan ini boleh diambil perhatian yang berat bukannya ini langkah bermula untuk ada budaya pendidikan, kecemerlangan dan meritokrasi di mana universiti Malaysia akan dianggap sebagai institusi yang cemerlang.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam peningkatan kenaikan pangkat dalam sesuatu jawatan di universiti, pencapaian dalam bidang akademik termasuk penerbitan sudah pun diambil kira sebagai salah satu kriteria dan tentang dasar untuk menggalakkan lebih banyak R&D, pihak IPTA masing-masing mengadakan skim insentif untuk menggalakkan pihak pensyarah menjalankan R&D termasuk perkongsian faedah daripada pengkormersialan hasil daripada R&D. Tentang kecemerlangan itu saya rasa tidak ada kaitan, cuma kita perlu juga sedar misalnya di kalangan profesional, *engineer*, akauntan dan sebagainya ramai tidak ingin melanjutkan pendidikan mereka selepas mendapat ijazah pertama. Mereka sibuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan mencari keuntungan. Biasanya ramai yang tidak melanjutkan pelajaran lagi. Jadi budaya untuk mendapatkan ijazah yang lebih tinggi memang perlu digalakkan, tetapi itu tidak ada kaitan dengan apa yang dikatakan tadi tentang kecemerlangan itu .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Terakhir, terakhir. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi bahawa ini sekarang diambil kira. Kalau begitu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menamakan naib canselor, timbalan naib canselor, dekan-dekan fakulti yang termasuk oleh kerana kewibawaan, kepimpinan mendidik mereka.

*Research* yang diakui bukan sahaja di dalam negara ini tetapi di dunia. Adakah nama atau seorang pun tidak ada?

*[Beberapa ahli pembangkang menyampuk tanpa pembesar suara]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kamu semua minta saya untuk menamakan mana-mana ahli akademik yang dilantik atas sebab itu tetapi semua pensyarah, dekan dan juga naib canselor, timbalan naib canselor adalah dilantik atas kriteria tersebut. Jadi kalau .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tidak, tidak. Misalnya kalau untuk .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk tanpa pembesar suara]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Itu pandangan Yang Berhormat. Saya tadi sudah kata kita sudah ada garis panduan yang tertentu dan semua Lembaga Universiti memang telah mematuhi dan mengikut satu sistem naik pangkat, kita ada cara memberi markah dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Temerloh bangun.

**Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sepanjang ingatan saya pada setiap kali perbahasan Titah Ucapan Diraja ataupun pembentangan belanjawan empat atau lima tahun yang lepas kita membincangkan soal R&D ini, mengapa Malaysia begitu terkebelakang dari segi pencapaiannya. Saya dan banyak Ahli Parlimen bangkitkan macam-macam sebab. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapa tidak kementerian sama ada dulu Kementerian Pelajaran sekarang Kementerian Pengajian Tinggi buat penelitian yang terperinci, di mana masalahnya.

Di mana punca masalahnya ini kita ini kurang sangat R&D. Adakah kerana budget tidak cukup, peruntukan wang tidak cukup ataupun pensyarah-pensyarah universiti kita tidak ada minat hendak buat R&D, hendak buat *research* ataupun mereka memang tidak reti langsung hendak buat *research*? Apa sebabnya?

Kita tidak pernah dengar sama ada Kementerian Pelajaran dahulu, Kementerian Pengajian Tinggi sekarang ataupun kementerian daripada multimedia pun menyatakan di Parlimen ini apa masalah utamanya? Kita ke belakang sangat. Kalau kita terus

begini Tuan Yang di-Pertua, ini negara yang kurang sangat mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan ini. Ini bukan ciri-ciri negara maju, tidak ada *standard* langsung kita hendak menjadi negara maju kalau kita sendiri tidak berupaya untuk menggerakkan penyelidikan terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya berapa kali bangkitkan di Parlimen, pada saya universiti Tuan Yang di-Pertua, *research*, penyelidikan tidak ada yang lain. Universiti, *research*, kalau universiti kita tidak boleh mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan yang bermutu tidak guna kita ada universiti. Sebab itulah hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mampu hendak jadikan universiti kita bertaraf dunia kerana kita tidak dapat mengeluarkan hasil penyelidikan yang bermutu, tidak ada. Jadi saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh. Kementerian sebenarnya telah melihat daripada khususnya 3 sudut untuk menggalakkan lebih banyak lagi aktiviti R&D iaitu yang:-

- (i) Harap mendapatkan peruntukan yang lebih tinggi;
- (ii) Menggalakkan penglibatan daripada pihak swasta dan industri;
- (iii) Melihat cara kita membaiki insentif-insentif kepada pensyarah-pensyarah untuk menjalankan aktiviti R&D, ini termasuk intensif yang dapat dikongsi daripada hasil pengkomersialan dan juga peluang peningkatan dalam jawatan mereka.

Ini adalah yang telah dikaji oleh kementerian dalam penggalakan R&D. Tapi saya juga ingin maklumkan bahawa ada satu perkembangan yang amat menggalakkan ialah kita lihat pihak IPTS pun telah menitikberatkan aktiviti R&D misalnya di MMU, banyak R&D dijalankan bersama dengan pihak industri dan juga di satu lagi IPTS iaitu APIT yang menekankan pendidikan dalam multimedia dan mereka pun telah menunjukkan pencapaian yang amat menggalakkan. Jadi saya berharap dengan peningkatan pada masa akan datang kita akan dapat meningkatkan lagi aktiviti R&D ini di IPT negara ini.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya meneruskan pergulungan saya. Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Santubong.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Hendak R&D lagi?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masih soalan R&D. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu, beberapa tahun saya berbahas di dewan ini memang banyak membangkit soalan-soalan R&D. Soalan-soalan pendaftaran *patern* dan sebagainya, ini hasil daripada R&D dan persoalan yang kedua ialah soalan *rating university* di Malaysia. Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa universiti di Malaysia belum pun sampai ke tahap yang memuaskan daripada segi *rating, international rating*.

Walaupun jawapan yang telah diberi oleh pihak kementerian bahawa mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu untuk menghakimi ataupun menilai satu-satu universiti itu sebelum boleh dikatakan universiti yang boleh ditandingkan sebagai universiti yang bertahap antarabangsa umpamanya Ivy League di America dan world class university di Britain, macam Oxford, Cambridge, Ivy League di America macam *Cornell*, MIT dan sebagainya.

Jadi saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar supaya *rating university* di Malaysia ini ialah oleh kerana satu tahap kelemahan daripada segi R&Dnya, itu yang pertama. Yang kedua, kriteria juga dilihat ialah oleh kerana penulisan daripada dalam journal-journal antarabangsa yang tertentu yang diiktiraf oleh panel-panel profesional di dunia yang disebutkan banyak Ahli-ahli Parlimen di sini. Dan yang ketiga ialah oleh kerana pendaftaran hasil daripada penyelidikan-penyelidikan ini.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat, ini maklumat yang saya terima daripada Kementerian Inovasi ini. Jadi diberitahu pada tahun 2002 hanya 378 *pattern industrial design trademark* yang difail oleh di Malaysia dan tahun 2003 - 380, tahun 2004 hanya 573. Walaupun jumlah ini menunjukkan peningkatan, tetapi kalau kita bandingkan dengan syarikat *international* antarabangsa umpamanya Mitsubishi pada tahun 2002 mempunyai 9000 pendaftaran *pattern*. Jadi sebuah negara kalah oleh sebuah syarikat.

Jadi ini adalah amat bukan kata menggerunkanlah tetapi amat menyedihkan bahawa data-data dan maklumat-maklumat menunjukkan bahawa masih banyak perkara yang perlu dibuat oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mempertingkatkan lagi kita punya *R&D*, mempertingkatkan lagi kita punya penulisan dan mempertingkatkan lagi keseluruhannya di negara kita ini bukan sahaja daripada segi universiti tetapi juga daripada peringkat industri kita untuk mengeluarkan lebih banyak lagi penemuan-penemuan yang boleh dianggap boleh didaftar dan boleh diregisterkan ini.

Jadi apakah tindakan khusus supaya kita tidak tertinggal. Universiti kita mempunyai *rating* yang rendah tetapi dalam masa yang sama kita hendak *create* Malaysia ini sebagai *education hub* di kawasan ini tetapi pandang-pandangannya adalah kabur dan tidak memuaskan. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua saya akan jawab nanti tentang *rating*, isu *rating* bila sampai ke tajuk tersebut nanti saya akan cakap itu. Tentang *pattern* yang didaftarkan adalah benar bahawa *patern* yang telah didaftarkan oleh IPTA sekarang adalah rendah sebab aktiviti R&D adalah tidak mencukupi sehingga kini lebih kurang pada tahun 2003 sehingga tahun 2005 cuma 170 *pattern* yang didaftarkan oleh IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Ayer Hitam, Kuala Terengganu, Santubong, Jerai, Bagan Serai.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat. Sedikit sahaja.

**Dato' Fu Ah Kiow [Kuantan]:** Banyak ini lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Ini mustahak R&D yang akan menentukan masa depan Malaysia. Oleh kerana, lagi satu faktor yang mustahak untuk kejayaan satu budaya R&D ialah untuk menghayati, untuk menghormati satu *autonomy academy*, dan kebebasan akademik. Di sini saya ada satu kompelin saya ada terima, bahawa akademik-akademik ada mengadu bahawa mereka telah disenaraihitamkan kerana penerbitan atau komen mereka yang dikatakan memburukkan kerajaan walaupun hasil penyelidikan itu betul. Itu mengikut penyelidikan mereka.

Akademik sepatutnya digalak menerbitkan hasil penyelidikan mereka walaupun dia kritikal terhadap mana-mana pihak. Mereka tidak sepatutnya ditakut-takutkan atau diugut dengan tindakan tahanan, mahkamah, disiplin. Adakah kerajaan rela untuk membebaskan semua para akademik daripada belunggu ..... ini bahawa mengikut



penyelidikan apa-apa hasil akan dihormati oleh kerajaan, tidak akan menganggap mereka semacam antikerajaan, lebih dahsyat antinasional sehingga akademik yang terulung di Malaysia Prof. Jomo apabila nampaknya dihalau daripada Universiti Malaya, kenapa?

Akademik yang termasyhur di Malaysia ialah Prof. Jomo tetapi nampaknya dia dipaksa untuk dihalau daripada Malaysia. Dipaksa pergi *United Nations*. Bukankah ini menunjukkan bahawa budaya kecemerlangan, penyelidikan dan universiti kita perlu betulkan kalau kita mahu universiti-universiti setaraf dengan universiti-universiti antarabangsa.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan kementerian sentiasa menghormati autonomi dan kebebasan sesuatu universiti menguruskan hal akademik dan hal pengurusan universiti. Adalah tidak benar ada yang mengatakan kerajaan campur tangan kalau sesuatu kakitangan atau ahli akademik diambil tindakan tertentu oleh pihak universiti, ia telah pun melalui penyiasatan jawatankuasa tatatertib dan sebagainya. Jadi tidak boleh kita menuduh kerajaan sewenang-wenangnya campur tangan dalam segala pengurusan universiti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Kuala Terengganu, Santubong, Jerai dan Padang Serai, secara umum saya telah jawab, kalau ia telah diambil tindakan saya pasti ia telah melalui penyiasatan jawatankuasa. Itu tidak bermakna kerajaan campur tangan. Itu adalah keputusan universiti masing-masing.

Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Kuala Terengganu, Santubong, Jerai, Padang Serai, Tanjong dan Kuala Pilah telah menyentuh dan memberi beberapa cadangan mengenai isu pengangguran siswazah di negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kementerian sentiasa peka dengan keperluan industri dan sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti graduan terutamanya bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang-bidang lain seperti komunikasi, keterampilan diri dan pembangunan watak, meningkatkan keupayaan mengguna pakai bahasa Inggeris bagi mengatasi masalah pengangguran di Malaysia.

Bagi memastikan kursus yang ditawarkan mempunyai kualiti yang tinggi, Bahagian Jaminan Kualiti dan LAN ditubuhkan untuk memberi tumpuan terhadap kualiti kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS. Fungsi Bahagian Jaminan Kualiti

dan LAN adalah untuk memastikan semua kursus yang ditawarkan ini di IPTA dan di IPTS mencapai tahap kualiti yang diperlukan bagi melahirkan graduan yang berwibawa dan sesuai dengan...

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Fu Ah Kiow:** ...pasaran pekerjaan semasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Maran.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Biar saya habiskan perenggan ini, nanti saya bagi peluang. Sememangnya cadangan-cadangan Yang Berhormat telah pun dipraktikkan di IPT di mana kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk melahirkan siswazah yang kompetitif dan *marketable*, dengan izin.

Antara strategi jangka masa pendek yang telah diambil ialah:

- (a) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ianya bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga;
- (b) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus;
- (c) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri, IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan tenaga kerja di sektor berkenaan; dan
- (d) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah.

Strategi jangka panjang pula antaranya melibatkan:

- (a) cadangan kursus pengajian secara *double major*, dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan Kursus Pengajian Islam dan Ekonomi, Pengurusan dan Teknologi Maklumat;
- (b) penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar, input daripada industri bagi memastikan

- kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini;
- (c) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta;
  - (d) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek pembinaan pengurusan dan budaya kerja dalam industri;
  - (e) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan yang sedia menunggu di pasaran; dan
  - (f) menyokong usaha JPA yang mengadakan Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) dan Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan Skim Latihan Graduan dengan menggalakkan siswazah-siswazah untuk menyertai program ini selepas mereka menamatkan pengajian sekiranya masih belum mendapat pekerjaan.

Dengan langkah-langkah ini diharapkan pihak IPT dapat melahirkan siswazah yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan yang cemerlang malah mereka juga mempunyai keterampilan serta budaya berfikir secara kritikal dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, saya pernah terbaca satu artikel yang menyatakan bahawa masih banyak terdapat pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri sama ada di US, di Jepun dan juga di Asia Barat yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia, tetapi sebaliknya ramai daripada pelajar-pelajar kita yang belajar di sana dan dihantar ke sana. Ini saya kira akan menyumbang kepada masalah pengangguran di kalangan pelajar-pelajar kita, khususnya yang kembali daripada luar negeri.

Saya hendak tahu apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan dalam mengatasi masalah ini dan berapakah sebenarnya jumlah pusat-pusat pengajian tinggi yang di luar negara ini yang tidak diiktiraf oleh kerajaan tetapi pelajar-pelajar kita masih dihantar ke sana dan masih belajar di sana. Terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penghantaran pelajar-pelajar kita ke institusi luar negara bukan semua diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Ada agensi-agensi masing-masing yang menghantar mereka tanpa pengetahuan dan ada juga yang tidak merujuk kepada kementerian untuk mendapat tahu sama ada sesuatu institut pengajian tinggi di luar negara mendapat iktiraf daripada kerajaan atau tidak. Jadi kita sentiasa menyeru mana-mana pihak yang menghantar pelajar-pelajar kerajaan mesti dihantar ke institut pengajian tinggi luar negara yang mendapat pengiktirafan supaya apabila mereka kembali ke negara, mereka layak memohon kerja dengan kerajaan.

Tetapi ada juga kursus-kursus yang ditaja oleh pihak swasta iaitu mereka mungkin tidak perlu pengiktirafan daripada kerajaan sebab mereka bertujuan untuk bekerja di bidang swasta sahaja.

Tadi Yang Berhormat bagi Parit...

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Datuk Fu Ah Kiow:** Nanti saya jawab Yang Berhormat bagi Parit dahulu ya. Yang Berhormat bagi Parit telah bertanya sama ada apakah kita perlu mengadakan latihan daripada Kementerian Sumber Tenaga Manusia, sedangkan mereka pun telah menamatkan pengajian mereka di IPTA atau IPTS, adakah ini bermakna kursus yang ditawarkan di IPTA dan IPTS itu tidak berkualiti. Ingin saya beritahu di sini bahawa sesuatu kursus yang ditawarkan oleh IPTA, ini tidak bermakna kursus yang ditawarkan oleh IPT tidak berkualiti. Cuma ada aspek-aspek yang tertentu di mana mereka masih lemah dan itu perlu ditokok tambah dan boleh diperbaiki dengan latihan tambahan.

Itu tidak menjadi masalah. Misalnya dalam penguasaan bahasa Inggeris, tentang mengetahui budaya kerja di sektor swasta dan juga kursus keusahawanan. Itu tidak menjadi masalah, malahan ia akan menambah nilai kepada siswazah yang berkaitan.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Daripada penelitian saya sendiri, saya nampak bahawa bukannya kursus di IPTA ataupun di IPTS yang tidak berkualiti. Begitu juga kualiti pensyarah-pensyarah kita, tetapi yang saya lihat adalah masalah sistem pengajian tinggi di negara kita.

Di kebanyakan IPTA mereka telah pun mengguna pakai sistem semester. Sistem semester ini adalah satu sistem yang bermula daripada Amerika Syarikat tetapi IPTA di negara kita tidak mengikuti *integrated system* seperti yang diguna pakai di Amerika Syarikat. Ini adalah satu masalah.

Yang keduanya, apabila pelajar-pelajar kita masuk ke universiti, kita seolah-olah menekankan mereka untuk mempercepatkan pengajian mereka dan untuk mempercepatkan penamatan pengajian mereka. Dengan cara begini kita hanya mengeluarkan ataupun menghasilkan graduan-graduan yang *exam-oriented*. Mereka ini hanya belajar untuk lulus di dalam ujian ataupun peperiksaan mereka dan selepas mereka keluar, mereka tidak tahu apa yang telah mereka belajar.

Oleh yang demikian, saya rasa satu fleksibiliti adalah lebih baik lagi. Jangan menekankan mereka supaya mereka terus belajar dan keluar daripada universiti, tamat pengajian dalam tempoh tiga tahun. Biarkanlah mereka belajar ikut *rate* mereka sendiri supaya mereka boleh memahami dan boleh master apa yang mereka belajar. Kalau begini, di dalam *interview*, di dalam temu duga sudah tentu mereka boleh meyakinkan *potential employers* bahawa mereka boleh bekerja. Kalau hanya untuk *exam*, ini ada susah sedikit kerana kita menekankan mereka hanya untuk lulus dalam *exam*.

Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada menyebut tentang pembangunan watak, ini memang benar. Pembangunan watak adalah penting juga untuk melahirkan seorang graduan yang *all rounded*. Ini juga penting tetapi kalau dia *all rounded* tidak tahu apa yang mereka telah belajar ini juga adalah satu kegagalan sistem kita.

Oleh yang demikian, bolehkah kementerian *review* lagi sistem bagaimanakah yang terbaik untuk negara kita? Janganlah kita hanya mementingkan kuantiti tetapi ketiadaan kualiti. Sila menjelaskan Timbalan Menteri, terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan tinggi kita ada *major* dan *minor*. Subjek *minor* adalah bertujuan untuk memberi pendidikan *general*, iaitu selain daripada *core* subjek mereka juga di galak untuk mengambil subjek-subjek yang dalam pilihan kursus *minor* dan dengan itu kita berharap ia akan melahirkan graduan-graduan yang berpengetahuan, bukan sahaja terhadap *core* subjek saja tetapi juga ada pengetahuan dalam lain-lain bidang. Misalnya, kalau seorang yang *major*

dalam sains dia boleh juga ambil *minor* yang berkaitan tetapi tidak semesti semua tumpu kepada sains sahaja.

Tentang fleksibiliti yang dibagi oleh pelajar. Kalau kita tidak ada had masa untuk menghabiskan sesuatu kursus ia juga akan timbulkan masalah. Tetapi kementerian kini sedang mengkaji bagaimana kita boleh memberi fleksibiliti dari lain segi. Misalnya, kalau antara pihak IPTA dan IPTS mungkin boleh mengizinkan *credit transfer* dan sebagainya. Ini sedang dalam kajian dan *the flexibility* cuma boleh diperkenalkan secara peringkat demi peringkat. Perubahan tidak boleh dijalankan secara drastik. Kalau tidak ia akan menimbulkan banyak masalah persediaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup tertarik apabila Mambong tadi bertanya tentang falsafah dan dari segi sistem pendidikan di universiti sendiri. Tentang apa yang hendak kita lahirkan daripada universiti ini, apakah hanya untuk menjadikan mereka itu sebagai pekerja sahaja, menjadi tenaga kerja sahaja. Kalau ini pegangan kita, mungkin kita lihat pengajian universiti itu dalam konteks *utilitarianisme*, dalam konteks utilitinya sahaja tetapi kita harus lihat pula dari sudut bahawa pendidikan di universiti itu sebagai pembangunan manusia secara keseluruhannya 'The Whole Person Pyridine' bukan pula dalam bentuk a *very fragmented*, dengan izin.

Di sini saya kira falsafah universiti itu harus sentiasa melihat tentang hakikat sebenarnya untuk kita membina manusia ini, bukan sekadar melihat universiti itu sekadar menara gading sahaja tetapi juga melihat universiti ini tempat kita melatih manusia dengan idealismenya, dengan intelektualismenya dan dengan *activismnya*, dengan izin. Malah saya kira ini adalah merupakan sesuatu yang harus difikirkan sungguh-sungguh dalam usaha kita menjadikan universiti kita sebagai, dengan izin, 'The Knowledge Power House' ataupun sebagai gedung ilmu untuk kita menerokai kemajuan bangsa dan kesejahteraan rakyat untuk masa hadapan. Mungkin ada reaksi daripada Yang Berhormat Menteri tentang pandangan itu.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, falsafah pendidikan tinggi ini boleh dilihat daripada dua aspek:

- (i) Pembangunan manusia atau *wholesome medication*; dan

(ii) *Knowledge* dalam bidang-bidang tertentu

Kedua-dua aspek ini tidak bercanggah kalau di terjemah dalam bahasa yang lebih spesifik dan lebih praktikal. Kalau kita lihat sistem Amerika, di mana mereka dalam tahun pertama, selain daripada kursus *core* subjek, mereka juga menekankan pembelajaran lain-lain aspek yang mungkin tidak berkaitan dengan *core* subjek, misalnya seorang daripada kursus kejuruteraan mungkin belajar tentang falsafah tentang muzik, tentang *art* dan sebagainya. Dan, ini kepada saya adalah selaras dengan arus pembangunan negara di mana kita telah melangkau ke era *knowledge* ekonomi, di mana kita memerlukan banyak tenaga manusia, banyak bakat yang kreatif, inovatif dan sebagainya.

Kita perlu *knowledge* yang *general*, pada masa yang sama kita juga perlu pengetahuan yang spesifik yang mendalam dan *specialize* dalam sesuatu bidang. Itu adalah graduan-graduan, kita harap akan dapat dilahirkan pada masa-masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan sebab ada banyak isu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan cadangan untuk mengadakan sistem kurikulum yang *flexible*, pihak kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji kesesuaian pelaksanaan di IPTA dan IPTS. Berkenaan dengan saranan bagi pengambilan mata pelajaran menerusi IPTA dan IPTS, kementerian berpandangan bahawa cadangan adalah satu cadangan yang baik, ini kerana sistem sedemikian akan dapat mendedahkan pelajar kepada pengalaman, persekitaran yang berbeza dan pelbagai. Ada tiga aktiviti seumpamanya; dilaksanakan melalui program, dengan izin, *joint the ward*, pemindahan kredit dan lain-lain bentuk kerjasama antara IPT. Kementerian akan mengkaji dasar yang lebih menyeluruh mengenainya.

Berhubung dengan skim penempatan dalam industri, kementerian sentiasa menggalakkan IPTA dan IPTS melaksanakan skim penempatan. Ini bergantung kepada keperluan bidang dan peringkat pengajian. Skim penempatan ini boleh diambil kira untuk pemikiran kredit bagi tujuan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, isu proses akreditasi oleh LAN. Yang Berhormat Ayer Hitam telah membangkitkan isu kerenah birokrasi LAN dan meminta agar proses

akreditasi dipendekkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat tiga peringkat dalam proses jaminan kualiti LAN, iaitu:

- (i) kelulusan pengendalian yang dipohon sebelum kursus dijalankan;
- (ii) standard minimum yang menilai pematuhan standard yang ditetapkan dalam pengendalian kursus; dan
- (iii) proses akreditasi yang menilai kecemerlangan dalam pengendalian kursus yang dilaksanakan di peringkat akhir pengajian.

Proses kelulusan dan standard minimum merupakan proses wajib, manakala proses akreditasi pada prinsipnya adalah merupakan proses sukarela dan dijalankan apabila IPTS mengemukakan permohonan. Manakala bagi Program 3+0 adalah diwajibkan.

Izin saya untuk memfokuskan kepada proses wajib manakala proses akreditasi. Pihak LAN telah menetapkan piagam pelanggan proses penilaian perakuan akreditasi dalam tempoh tujuh bulan dari tarikh dokumen permohonan lengkap.

Penetapan tempoh ini mengambil kira keperluan melaksanakan proses penilaian yang objektif, *credible* dan telus serta menepati amalan terbaik antarabangsa. Proses ini melibatkan penilaian pakar berdasarkan dokumen dan lawatan premis yang merangkumi aspek pengajian dan pembelajaran, kualiti guru, kemudahan dan pengurusan. Sebagai perbandingan, pihak *Quality Assurance Agency (QAA) United Kingdom* melaksanakan *subject review*, dengan izin, dalam tempoh 60 minggu.

Tuan Yang di-Pertua, isu *e-learning*, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam supaya kementerian menyediakan satu garis panduan tentang proses pengendalian *e-learning*, dengan izin, memandangkan ada pelajar yang melanjutkan ke pengajian tinggi tanpa mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Kementerian sedang menggubal dasar yang menyeluruh mengenai pendekatan pendidikan terbaru dan inovatif termasuk *e-learning*. Dalam pada itu sukacita dimaklumkan di sini bahawa LAN telah pun menerbitkan buku Garis Panduan Prosedur, Kriteria dan Standard Kualiti kursus pengajian yang dikendalikan secara jarak jauh bagi IPTS termasuk pengajian secara *e-learning* di IPTS. Garis panduan edisi terbaru 2004 juga boleh didapati secara percuma dengan muat turun dari laman web LAN – [www.lan.gov.my](http://www.lan.gov.my).



Promosi IPTS di peringkat antarabangsa - Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Subang telah menyentuh tentang isu promosi IPT untuk menarik lebih ramai pelajar asing, untuk menyambung pengajian mereka di Malaysia dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Terima kasih di atas saranan dan cadangan tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pengajian Tinggi merujuk pelajar asing adalah kepada pelajar antarabangsa atau pelajar dari luar negara yang menuntut di IPTA atau IPTS tanpa melibatkan pelajar dari luar negara yang menuntut di sekolah menengah. Pada tahun 2003, bilangan pelajar asing yang menuntut di Malaysia adalah seramai 31,288 orang, iaitu seramai 6,130 orang di IPTA dan seramai 25,150 orang di IPTS. Pada tahun 2004, bilangan pelajar asing telah meningkat kepada 32,254 orang, iaitu penambahan seramai 996 orang atau tiga peratus dari tahun 2003. Dari jumlah tersebut, 6,315 merupakan pelajar IPTA dan 25,939 pelajar di IPTS. Pada masa ini pelajar asing yang menuntut di IPTA dan IPTS berasal dari 139 negara di seluruh dunia. Kementerian Pengajian Tinggi akan berusaha dengan lebih gigih untuk menambah kemasukan pelajar asing ke IPTA dan IPTS.

Kementerian sememangnya komited untuk mempromosi Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan sentiasa mengambil tindakan bersama dengan IPTA dan IPTS mempromosikan pengajian tinggi Malaysia untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa belajar di Malaysia. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi menarik minat pelajar-pelajar asing ke negara ini adalah seperti berikut:

- (a) penubuhan Jawatankuasa Persaingan dan Pemasaran Pengajian Tinggi Negara;
- (b) pengantarabangsaan pendidikan tinggi swasta Malaysia;
- (c) menaiktarafkan IPTS yang bukan bertaraf universiti kepada kolej universiti atau universiti swasta;
- (d) mendapatkan pengiktirafan antarabangsa ke atas kelulusan IPTA dan IPTS dari negara-negara luar;
- (e) menubuhkan Pejabat Promosi Pendidikan di luar negara iaitu di Beijing, China, di Ho Chi Minh City, Vietnam, Jakarta, Indonesia

dan Dubai. Pejabat promosi ini menjalankan aktiviti promosi di negara penempatan pejabat tersebut dan negara-negara sekitarnya;

- (f) menyertai pameran pendidikan antarabangsa di dalam dan luar negara;
- (g) menggalakkan IPTA dan IPTS menjalankan promosi pendidikan secara persendirian ke luar negara;
- (h) menghantar bahan berkaitan dengan pendidikan di Malaysia ke Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara seperti kedutaan, konsulat, MATRADE, Pelancongan Malaysia dan MIDA untuk disebarluaskan kepada rakyat negara berkaitan;
- (i) menyediakan *website* untuk rujukan pelajar antarabangsa; dan
- (j) mengadakan misi *fact-finding*, dengan izin, tentang potensi pasaran di negara-negara yang dilawati, manakala di IPTA kementerian telah menyusun semula struktur organisasi semua IPTA dengan mewujudkan jawatan Timbalan Naib-Canselor atau Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) yang akan memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan termasuk .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Dato' Fu Ah Kiow:** ..... nanti saya habiskan, sekejap lagi, termasuk mempromosi IPTA di luar negara. Selain itu kementerian juga sedang berusaha meningkatkan bilangan program peringkat ijazah tinggi serta menarik lebih ramai pakar dari luar negara untuk berkhidmat di IPTA tempatan bagi tujuan menarik minat pelajar-pelajar asing ke Malaysia. Kementerian ini juga meneruskan program pertukaran pelajar bagi membuka peluang kepada para pelajar asing untuk belajar di Malaysia. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menarik pelajar-pelajar asing dan beliau ada menyebut mengenai promosi pendidikan di luar negara seperti di Beijing, Vietnam,

Indonesia, Dubai, Emirate, dan baru-baru kita dapat lihat bahawa kegiatan yang begitu hebat, yang dijalankan oleh negara-negara lain seperti U.K., Australia, New Zealand, Canada, Singapura yang juga ada membuat promosi pendidikan seperti Malaysia – *supplement* diadakan, ada pameran dan sebagainya, adakah Malaysia ada menganjurkan pameran atau promosi pendidikan di negara-negara tersebut – Singapura, Australia, New Zealand, U.K., Canada? Tentu tidak!

Bukankah ini menunjukkan bahawa taraf institusi-institusi pendidikan kita, universiti-universiti atau kolej-kolej tidak setanding dengan negara-negara semacam ini. Bukankah ini merupakan satu kelemahan yang perlu kita atasi dan menjadi satu aspirasi, *towering* aspirasi bahawa kalau kita mahu institusi-institusi pendidikan kita setaraf dengan yang terbaik di dunia, kita mesti sampai ke satu tahap di mana kita ada keyakinan untuk mengadakan promosi pendidikan bukan sahaja di negara-negara yang lebih mundur dari segi pendidikan atau *opportunity* pendidikan semacam U.K., Canada, Australia, New Zealand, Singapura tetapi hingga boleh bersaing dengan mereka. Adakah kita sedia mewujudkan aspirasi semacam itu?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lihat logik dalam usaha promosi sedemikian. Dalam mana-mana strategi pemasaran, sudah tentu tapak, lokasi kita mengadakan pameran adalah di tempat sasaran pasaran kita dan kalau kita bandingkan kepada keadaan di sini, pasaran utama kita ialah di negara China, Indonesia dan Thailand, Pakistan dan juga Middle East dan itu adalah paling ramai bilangan pelajar yang akan datang untuk belajar di Malaysia. Sudah tentu itu menjadi usaha dan keutamaan dalam kita memilih lokasi untuk mengadakan pameran.

Tetapi apa yang penting ialah kita perlu menyedari bahawa dalam bidang pendidikan ini, persaingan kian hebat di pasaran antarabangsa dan itu adalah faktor pertama, dan faktor kedua ialah, kita lihat banyak negara telah mengikuti langkah yang dijalankan oleh Malaysia untuk memperkembangkan kapasiti IPTA mereka sendiri dan juga menggalakkan pembangunan IPTS di negara itu sendiri. Jadi kita lihat industri ini kian hebat, persaingan kian hebat, tetapi sesuatu produk kalau ingin diterima di pasaran antarabangsa, saya anggap yang paling penting ialah kualiti program pengajian yang ditawarkan oleh negara kita. Jadi amat penting kita sentiasa menggesa supaya semua

IPTS menjaga kualiti mereka dan mengadakan perkhidmatan yang bagus dan baik terhadap pelajar-pelajar, menjaga kebajikan mereka dan sebagainya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Satu pengakuan bahawa kita paling layak untuk *low end* dalam kecemerlangan industri pendidikan di dunia, tidak boleh untuk *high end* dalam kecemerlangan industri pendidikan?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kalau kita ikut, kita tidak boleh ikut logik dan tidak kenalah. Kalau usaha adalah untuk mendapatkan pelajar, kita pergi ke mana pasaran yang mempunyai potensi itu yang penting. Kalau bila kita anggap itu potensi, kita pergi ke situ tetapi setakat ini potensi ialah di negara-negara yang saya sebutkan tadi dan saya ingin memaklumkan juga di sini saya merasa bangga sudah pun ada IPTS kita yang telah dapat berjaya mengeksportkan ke program *twinning* kepada lain-lain negara, misalnya MMU yang saya tadi telah sebut telah pun dapat mengeksportkan ke program *twinning* kepada 8 negara lain, maknanya lain negara telah bekerjasama dengan IPTS untuk mengadakan program *twinning*, ini adalah terbukti bahawa program IPTS telah diterima di peringkat antarabangsa termasuk salah satu program akan diadakan dengan negara Singapura. Saya rasa bangga dengan usaha telah pun dijalankan oleh IPTS kita dan ini juga ada IPTS telah mengadakan kerjasama dengan IPTS di China untuk mengadakan kursus berkembar.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** [Bangun]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** [Bangun]

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya, sila.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Ya, siapa dahulu yang di beri?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Temerloh.

**Dato' Mohd Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Temerloh? Ok. Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua dan Timbalan Menteri, saya bukan hendak bersetuju dengan pandangan Ketua Pembangkang tadi tetapi saya kira institusi pendidikan kita tidak semestinya harus melihat di mana kita ada pasaran. Saya rasa tidak berapa kena Tuan Yang Di-Pertua, kalau kita kata, kita hanya hendak tarik pelajar daripada Bangladesh dan Pakistan dan lain-lain. Kita hendak pendidikan kita ini biar bertaraf dunia dan kita boleh mengeluarkan graduan siswazah yang mempunyai pandangan yang lebih luas. Saya hendak tanya dengan Timbalan Menteri, apa peranan... kita baru saya ingat tahun

ini kah atau tahun lepas kita lantik duta mewakili Kementerian Pendidikan, universiti kita. Apa kita panggil *special envoy* ini. Saya kira *special envoy* ini adalah untuk hendak meluaskan pasaran pendidikan kita, untuk bukan sahaja menarik pelajar luar negara datang ke sini di samping untuk meneliti di mana kita boleh mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti bertaraf dunia di luar negara. So, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat menteri sedikit.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Sebelum saya menjawab soalan yang kedua itu ingin saya menjelaskan sekali lagi, saya tidak bermakna kita tidak mahukan IPTS kita mencapai taraf dunia, tidak. Cuma dari segi promosi sudah tentu dalam membuat sesuatu keputusan untuk meletakkan dan mengadakan pameran di sesuatu, kita mengadakan pasaran yang ada potensi iaitu dari segi promosi itu aje. Tentang *envoy* kerajaan dan beliau telah bertugas untuk menarik dan beliau telah melaporkan kepada Perdana Menteri dan bertujuan untuk menarik universiti-universiti yang terkenal untuk mengadakan program kerjasama dengan IPTS dan IPTA tempatan dan beliau pun telah membuat usaha dalam dengan beberapa universiti yang terkenal buat masa kini, ya lagi satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, satu lagi Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak [*Sambil memandang ke arah belakang dewan*] ..kenalkan orang-orang kuat daripada kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian, Ketua Pemuda, Ketua Wanita kawasan saya Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*] Angkat tangan!

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kembali kita kepada persoalan ini tadi. Saya hendak tanya Timbalan Menteri soal pengiktirafan, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian supaya kelulusan yang dibuat oleh universiti kita diiktiraf oleh negara-negara di luar negara kerana ini ada banyak perkaitannya dengan soalan promosi . Oleh sebab saya dimaklumkan bahawa banyak orang datang mengaji di Malaysia ataupun masuk ke IPTS di Malaysia daripada masuk ke IPTA, oleh kerana pengiktirafan negara-negara tersebut kepada kelulusan yang dibuat oleh IPTA. Dan IPTS ini dilanggan oleh pihak pelajar daripada luar negara bukan oleh sebab sijil yang

kita beri tetapi oleh kerana sijil *twinning* program yang diberi oleh IPTS. Dan ini bermakna dia bukan berkehendakkan sijil daripada Malaysia tetapi sijil daripada umpamanya *twinning* dengan *Monash University* di Australia dengan *Queensland University* di Australia dan dengan *Nottingham di University* ataupun apa sahaja di universiti di luar negara yang ada nama dan sudah menempah nama dalam dunia ini.

Kalau pengiktirafan ini tidak diperbaiki kedudukannya nescaya kita hanya cakap menjual orang punya nama tetapi nama kita sendiri tidak dapat dijual Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian ini kerana amat penting kalau kita hendak membangun Malaysia sebagai satu negara yang *educational hub di South East Asia* ataupun di kawasan ini, terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada rakan-rakan daripada kawasan Santubong. Tentang pengiktirafan galakkan oleh IPTS dan IPTA Malaysia ini ingin saya beritahu bahawa sistem pengiktirafan adalah berbeza dari suatu negara ke suatu negara. Misalnya di Malaysia ini biasanya kita memberi pengiktirafan terhadap sesuatu kursus daripada sesuatu universiti. Ini bermakna kita biasanya tidak mengiktiraf semua kursus yang ditawarkan oleh sesuatu universiti, manakala ada negara yang mengiktiraf secara universiti demi universiti.

Ini biasa menimbulkan sedikit masalah dan oleh kerana sistem pengiktirafan yang berlainan maka masa yang diambil untuk mengiktirafkan sesuatu ijazah atau kelayakan mengambil masa. Adalah benar bahawa begini ramai pelajar antarabangsa yang belajar di Malaysia ini memang mereka minat kepada galakkan yang ada kaitan dengan universiti luar negara. Tetapi kita juga berharap dengan naik taraf universiti atau IPTA dan IPTS kepada tahap kolej universiti maka universiti kolej tersebut perlu mula mengadakan ijazah sendiri dan mempromosikan dan menjaga nama baik dan membina jenama kolej komuniti tersebut sehingga satu hari kita dapat pengiktirafan daripada pengakademian antarabangsa dan juga daripada negara-negara lain seperti yang tadi saya kata memang sudah pun IPTS yang telah kian mendapat penerimaan di pasaran antarabangsa.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Bangun]

**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya, sila.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minggu lepas baru lebih kurang 260 orang pelajar di Kolej Lim Teck, Ipoh. Mereka adalah terdiri daripada pelajar tempatan dan pelajar asing dari negara China dan tergendala sebab dengan tiba-tiba kolej tersebut meminta mereka berpindah ke Negeri Sembilan, ke kolej yang lain ke Kolej Lagenda kononnya.

Sebelum ini saya juga pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini kerana kolej pertama di Ipoh juga, yang telah diberi kebenaran oleh kementerian, pada masa itu Kementerian Pelajaran untuk mengambil pelajar asing, pelajar dari negara China juga. Di pertengahan itu kolej tersebut kena tutup juga. Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, mengapakah kolej-kolej tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kuat dibenarkan untuk mengambil pelajar asing dan apakah langkah-langkah oleh pihak kementerian untuk mengetatkan syarat-syarat sebelum sesebuah atau seseorang individu atau syarikat dibenarkan untuk membina kolej dan lebih-lebih lagi untuk membina kolej dan lebih-lebih lagi untuk mengambil pelajar asing. Sebab mereka ini yang tergendala *half away* dengan izin, yang tidak puas hati mereka balik ke negara mereka dengan sendiri akan menjadi publisiti dan akan memberi publisiti tentang negara kita bahawa jangan datang ke Malaysia untuk belajar sebab banyak kolej yang menipu, itu hak dan itu kenyataan, itu adalah kenyataan.

Mereka akan jadi *walking or publicity* kepada semua niat baik, semua promosi, Yang Berhormat terbang sini, terbang sana, semua itu habis, itu lebih kuat dari terbang sana sini untuk promosi. Jadi apakah pastikan ini tidak berulang lagi dan apakah tindakan oleh pihak kementerian untuk membantu pelajar-pelajar Kolej Lington kita ini?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih. Yang pertama, sepatutnya Yang Berhormat tidak bangkitkan isu dalam perbahasan. Kalau mengikut peraturan, itu memang masa.....

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti, nantilah, patutnya mengikut peraturan, kalau tidak dibangkit, saya tak perlu jawab tetapi saya akan jawab juga. Baiklah yang pertama, jangan kata ini adalah satu *fact*. Sebenarnya apa yang dikatakan tidak tepat. Yang saya ingin katakan, isu Kolej Lington ini adalah akibat sebab sesuatu IPTS yang pada masa dahulu memang kuat dan dapat menarik ramai pelajar, tetapi oleh kerana

persaingan yang kian hebat di industri IPTS tempatan, maka mereka tidak dapat meningkatkan daya saing untuk berjaya di bidang ini. Sebab itu kita sentiasa menggesa semua IPTS perlu mengambil pelbagai langkah untuk terus memperbaiki daya saing mereka termasuk peningkatan dan penambah baik kemudahan infrastruktur guru-guru perkhidmatan kepada pelajar dan juga mutu kursus yang ditawarkan kena relevan dan berkualiti. Ini semua perlu diambil untuk IPTS untuk meningkatkan daya saing.

Mana-mana IPTS yang masih enggan mengambil tindakan untuk memperbaiki daya saing, maka mereka akan ketinggalan dan mereka akan menghadapi masalah seperti Lington dan Lington adalah kolej salah satu yang utama ditubuhkan di Ipoh tetapi malangnya sampai satu tahap mereka tidak berdaya saing lagi dan mereka menghadapi masalah kewangan dan akan diambil oleh Kolej Lagenda.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menguruskan mereka yang terlibat, kementerian telah berbincang dengan pihak Kolej Lagenda dan apa yang telah dibayar dalam segala *fees* mereka akan dibayar balik dan mereka juga diberi peluang untuk meneruskan kursus mereka di Lagenda dan kalau mereka tidak ingin meneruskan di Kolej Lagenda, kita akan cuba mencari lain tempat untuk membolehkan mereka melanjutkan pendidikan. Ini juga menunjukkan bahawa semua kolej kena bekerja kuat untuk terus berdaya saing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta untuk meneruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah saya tahu berapa lama lagi yang diperlukan oleh Yang Berhormat?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya ada 15 muka lagi dan saya harap jangan terlalu banyak tanya lagi. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan Sik telah menyentuh tentang pengiktirafan antarabangsa kepada IPTA. Ini mempunyai 17 buah institut pengajian tinggi dan 11 buah universiti dan enam buah kolej universiti.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong bangun.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti, nanti, tentang yang hendak tanya itu nanti saya akan bagi peluang.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*



**Dato' Fu Ah Kiow:** Ya? Apa dia? Ada peluang nanti ya. Dua buah IPTA yang tersenarai dalam 200 universiti terbaik di dunia iaitu Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia adalah merupakan antara IPTA yang telah lama ditubuhkan. Pemilihan yang diadakan oleh *The Times Higher Educational Supplement* itu adalah berdasarkan kepada kriteria seperti *peer review citation*, dengan izin, dan atas hasil penyelidikan nisbah pensyarah, pelajar, bilangan tenaga pengajar asing dan bilangan pelajar asing. Kita amat bangga kerana UM dan USM telah disenaraikan dalam 200 universiti terbaik dunia. Walau bagaimanapun, kementerian berharap kedua-dua universiti ini terus berusaha dengan lebih gigih supaya tersenarai dalam *ranking* yang lebih baik. Bagi lain-lain IPTA khususnya IPTA yang telah lama tertubuh, Kementerian Pengajian Tinggi akan terus memberi bantuan dan sokongan bagi mempertingkatkan keupayaan setiap IPT agar dapat mencapai kejayaan seperti UM dan USM.

Bagi mempertingkatkan keupayaan IPTA agar menjadi terkenal di peringkat global, Kementerian Pengajian Tinggi akan memberi tumpuan kepada aktiviti pengantarabangsaan antara..

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti saya habiskan perenggan ini, siapa lagi? Saya bagi nanti ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okey.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Antara strategi yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut;

- (i) meningkatkan pertukaran kepakaran pensyarah serta pelajar antara universiti kita dan universiti terkemuka di dunia serta mendapatkan input daripada pakar-pakar dalam pembangunan kurikulum program pengajian di IPTA;
- (ii) meningkatkan peratusan pelajar ijazah tinggi dan *post doctoral*, dengan izin, bagi menyokong dan memantapkan aktiviti pendidikan di IPTA; dan
- (iii) menyusun semula struktur pengurusan IPTA dengan mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor atau Timbalan Rektor Akademik

dan Pengantarabangsaan bagi memberi fokus kepada aktiviti pengantarabangsaan.

Kementerian Pengajian Tinggi berterima kasih kepada cadangan Yang Berhormat bagi Sik supaya UM dan USM diberi anugerah Diraja kerana tersenarai sebagai top 200 dalam *Times Highest Education Supplement*. Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya amat berbangga dengan pencapaian UM dan USM disenaraikan sebagai universiti terbaik di dunia. Kementerian Pengajian Tinggi melihat pencapaian berkenaan sebagai satu persaingan sihat di antara semua IPTA tempatan.

Berkaitan dengan cadangan untuk menganugerahkan gelaran Anugerah Diraja kepada UM dan USM berikutan kejayaan kedua-dua universiti berkenaan, kementerian ini berpandangan bahawa adalah wajar sekiranya lebih baik insentif lain diberikan kepada kedua-dua universiti berkenaan seperti tambahan peruntukan kewangan dan kelengkapan agar kedua-dua universiti tersebut dapat memperbaiki kedudukannya dalam senarai top 200.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan ini adalah mengenai sikap yang patut diadakan mengenai *ranking* kedua-dua universiti; Universiti Malaya dan USM dalam *Times Highest Education Supplement* di mana Universiti Malaya di tempat 89 dan USM 111 di mana reaksi kerajaan dan Yang Berhormat Menteri berkenaan, semua bangga, sangat gembira, itulah *great achievement* sehingga dalam Universiti Malaya ada satu masa, ada satu kempen, sebanduk, *streamer* yang kata Universiti Malaya sangat bangga bahawa kita mencapai tempat ke 89. Bukankah kita patut rasa kesal, bukan rasa gembira atau bangga oleh kerana kita tidak boleh mencapai universiti yang terbaik dalam Malaysia, tidak boleh dapat *ranking* yang lebih baik. Jika dibandingkan dengan Australia, di mana ada enam universiti dalam golongan 50 universiti terbaik di dunia dan ada lapan universiti dalam 60 universiti terbaik di dunia atau Singapura ada dua universiti dalam 50 universiti yang terbaik di dunia.

Bukankah kalau kita mahu *powering Malaysian*, kita perlu ada *powering aspiration* di mana kita mahu universiti kita *powering* di dunia, bukan 89 kita kata sangat terbaik. Dua hari lepas, saya ada baca dalam surat khabar apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada di Australia dalam satu ucapan beliau, dia ada ditanya oleh pelajar-pelajar dan dia mengakui yang dia tidak puas hati, sungguhpun dahulu dia

kata tidak puas hati. Kita perlu tukar sikap – 89 *no good enough, just not good enough*, kita rasa malu bukan bangga oleh kerana kita patut dalam lingkungan *under 20* sekurang-kurangnya. Patut ada tiga atau lima universiti dalam top 50 *universities* barulah kita rasa bangga. Jangan kata 89 *very proud*. Kita patut rasa *ashamed*, adakah kementerian berkenaan rela membuat pendirian itu? 89 dan 111 untuk UM dan USM, sungguhpun dua universiti sahaja tetapi kita tidak puas hati. Kita rasa malu, kita mahu lebih baik. Itulah sikap *first world mentality, first world infrastructure, first world mentality* ataupun *first world infrastructure, third world mentality*. Itulah satu ujian.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih, tadi nampaknya Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak mendengar dengan baik, jawapan saya mengatakan kementerian berharap kedua-dua universiti akan terus berusaha dengan lebih gigih supaya tersenarai di dalam *ranking* yang lebih baik. Itu jelas sikap kementerian tapi kita juga dapat kredit seperti anak kita dalam peperiksaan, bila kita dapat kredit, tak kan kita kata dia malu. Kita menggalakkan dia dapat *distinction*, itu sepatutnya sikap kita.

Jadi saya harap kita perlu ada sikap yang lebih positif, tapi kita tidak pernah mengatakan kita sangat puas hati, kita tidak ingin IPTA kita perbaiki *ranking*, tidak, tapi kita nak memberikan galakan dan pada masa yang sama kita terus berusaha, itu adalah sikap yang positif. Yang Berhormat Puchong.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa langkah-langkah untuk menambahbaikkan universiti terutamanya IPTA negara kita, sedarkah Yang Berhormat sekarang ini ada satu kecenderungan atau satu *trend* di pasaran sekarang ialah, kebanyakan pihak swasta mereka lebih suka mengambil siswazah-siswazah daripada IPTS kerana *degree* mereka ataupun ijazah mereka, kebanyakan mereka daripada universiti luar negara *right?* Manakala di IPTA kecuali daripada dua, tiga universiti seperti MU, USM, UTM, UKM dan pihak swasta trendnya ialah mereka macam tiada

*confident* terhadap IPTA, graduan IPTA yang lain. Dan ini telah menimbulkan satu masalah pengangguran di mana siswazah-siswazah daripada IPTA agak sukar untuk mendapatkan pekerjaan pada masa sekarang. Apakah pandangan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan gap ini ataupun perbezaan ini? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya rasa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjang lagi ke?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya akan pendekkan kalau Tuan Yang di-Pertua berpendapat saya tidak seharusnya melayan lagi, saya boleh teruskan dan menghabiskannya dengan secepat mungkin.

Itu tidak, saya rasa pandangan itu tidak berasas mengatakan pihak majikan lebih suka mengupah graduan-graduan daripada IPTS, tiada data yang mengatakan tersebut. Ini sama ada semua diterima bergantung pada sikap dan cara menjalankan di masa *interview* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan telah menyarankan supaya Pusat Latihan Asas Tani di Putatan di naik taraf untuk dijadikan IPT berteraskan pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, KPT tidak bercadang untuk menaik taraf Pusat Latihan Perindustrian Asas Tani di Putatan menjadi sebuah IPT berteraskan aktiviti pertanian. Ini adalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tumpat bangun Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti habis dululah. Ini adalah kerana penubuhan sebuah IPT melibatkan komitmen kewangan yang tinggi bagi menyediakan tenaga pengajar dan infrastruktur yang selesa kepada para pelajar. Kualiti program juga perlu diteliti bagi memastikan IPT berkenaan menghasilkan graduan yang berkualiti tinggi, seterusnya suka saya maklumkan bahawa Universiti Putra Malaysia telah dipilih sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang pertanian.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga ingin bertanya berkaitan dengan prestasi yang begitu rendah di peringkat antarabangsa yang dicapai oleh universiti-universiti tempatan. Sebagaimana

kita maklum semenjak beberapa tahun akhir ini, universiti-universiti tempatan telah mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat terhadap kebebasan pelajar-pelajar dan juga pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan lainnya dengan harapan sebagaimana yang diumumkan supaya tumpuan sepenuhnya kepada akademik, tetapi jelas dalam bidang akademik pun menurun. Adakah kementerian pernah buat kajian bahawa sebenarnya tekanan-tekanan seperti ini bukan meningkatkan pencapaian akademik malah sebaliknya menurun, menjatuhkan lagi pencapaian akademik universiti kita.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, tadi sebahagian pun telah dijawab, saya ingin maklumkan di sini misalnya kita perlu anggap *ranking* ini sebagai satu *reference*, satu rujukan untuk kita memperbaiki prestasi IPTA , tapi kita tidak boleh mengambil keseluruhan sebagai satu pengukuran yang tepat misalnya saya nak beri satu contoh, dalam *ranking* ini salah satu kriteria ialah bilangan pelajar asing, tetapi kita sedia maklum bahawa IPTA di Malaysia kita tidak mengizinkan pengambilan terlalu ramai pelajar asing, kalau kita mengambil kriteria itu untuk mengukur IPTA kita dengan IPTA luar negara, maka ia tidak adil.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh minta sedikit penjelasan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Perlu ada kefahaman terhadap kriteria-kriteria yang di ambil kira.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa pandangan Tumpat itu, satu pandangan yang sempit kerana kita masih yakin dengan kedudukan universiti kita ini di antara yang terbaik dalam negara-negara yang terbaik.

Soalan saya Yang Berhormat, sama ada satu kajian secara profesional akan dibuat ke atas masalah siswazah yang menganggur pada hari ini , sebagai contoh tentang masa depan ke atas kursus-kursus pengajian yang akan diduduki oleh mereka ini tentang peluang pekerjaan pada masa-masa akan datang. Dan apakah masalah ini juga berlaku di negara-negara yang lain, di negara lain tentang apa yang kita hadapi pada hari ini. Jadi minta sedikit pandangan Yang Berhormat tentang kajian yang boleh

dilakukan oleh pihak kementerian tentang masalah yang kita hadapi pada hari ini untuk masa depan, masa yang mendatang supaya tidak berulang, saya rasa pandangan daripada Tumpat tadi mungkin lah satu pandangan yang seolah-olah masa depan pelajar kita ini terlalu gelap kalau diikutkan apa yang disebutkan oleh Tumpat tadi. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih, sebenarnya soalan ini telah dijawab lebih awal tadi. Bagaimana pun Kementerian Pengajian Tinggi telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mendapatkan data profil mereka yang menganggur dan juga dengan *traces study*, dengan izin yang telah dijalankan oleh IPTA masing-masing, kita berharap dapat gambaran yang lebih menyeluruh dan di mana kelemahan kita akan ambil tindakan untuk memperbaiki kursus-kursus yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, isu bantuan dan program khas.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sebelum itu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Cukuplah.

**Cik Fong Po Kuan:** Soalan akhir saja.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti lain isu saya bagilah.

**Cik Fong Po Kuan:** Satu, satu, satu soalan pendek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi Yang Berhormat, dia belum bagi Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya dua-dua tak bagilah. Nanti lain isu, saya bagi.

**Cik Fong Po Kuan:** Pendek saja, satu soalan pendek saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Minta maaf. Yang Berhormat Larut dan Sik telah menarik perhatian kementerian terhadap bantuan atau program khas kepada pelajar-pelajar pintar seperti Nur Amalina binti Che Bakri yang mendapat 17A1 semasa peperiksaan SPM tahun lepas. Untuk makluman kerajaan akan menawarkan biasiswa kepada Nur Amalina melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Cambridge di UK.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau dan Larut telah menyentuh tentang isu perkembangan sukan di IPT. Terdapat cadangan agar pelajar-pelajar aktif bersukan yang mewakili universiti dan negeri diberikan insentif biasiswa dan insurans. KPT telah pun mencadangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 31 Mac 2005 supaya pelajar-pelajar atlet diberi biasiswa dan juga komputer riba.

Untuk makluman Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya mempunyai jalinan kerjasama yang erat untuk memajukan sukan di negara kita khususnya di sukan prestasi tinggi. Sukan SUKMA iaitu di antara institusi pendidikan Malaysia yang melibatkan institut-institut di bawah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun ini akan diadakan pada bulan Ogos di Seremban, Negeri Sembilan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Bagi saya habis dulu ya. Yang Berhormat Kuala Lipis juga telah menyarankan supaya diwujudkan Kolej Komuniti yang menjurus kepada bidang sukan bagi melatih pelajar yang tidak cemerlang akademik tapi cemerlang dalam sukan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi tidak bercadang untuk mewujudkan Kolej Komuniti yang khusus untuk melahirkan jurusan dalam bidang sukan, ini adalah kerana tujuan sebenar Kolej Komuniti ditubuhkan adalah untuk menawarkan kursus yang menjurus kepada kemahiran dan *skills* untuk mengatasi masalah pelajar yang tercicir.

Walau bagaimanapun kursus jangka pendek yang berkaitan dalam bidang sukan boleh dirancang mengikut keperluan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, syabas kepada kementerian kerana telah menimbang untuk memberi biasiswa kepada para pelajar yang cemerlang dalam sukan dan mewakili peringkat universiti. Kita berharap agar 'Mat Som' akan terus melihat SUKMA dan akan mengambil bahagian dalam SUKMA di Kedah yang akan datang.

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat, apakah perkara tentang Nur Amalina ini telah dimaklumkan kepada pelajar dan keluarga tersebut? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, biarlah pihak agensi kerajaan yang telah menentukan memberitahu kepada mereka, saya rasa lebih baik ya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gombak telah membangkitkan berkenaan kos pembelian bangunan *Malaysian Hall* yang bernilai 13 juta *pound* dan diubahsuai dengan kos 3 juta *pound* tetapi amat kecil dan tidak menepati matlamat atau fungsi *Malaysian Hall* itu sendiri. Beliau turut mendedahkan bahawa bangunan tersebut terdapat keretakan dan kebocoran.

Untuk makluman, perolehan premis *Malaysian Hall* di *Queens Borough Terrace* sebanyak 13.5 juta *pound* untuk menempatkan Jabatan Penuntut Malaysia United Kingdom dan Dewan Malaysia London telah dibuat bersama dengan Jawatankuasa Penilaian dan Runding Harga yang mana telah dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi dan dianggotai oleh pegawai-pegawai berikut, iaitu Penasihat Undang-undang Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jawatankuasa Penilai Perkhidmatan Harta, Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Kerja Raya Cawangan Pendidikan.

Beberapa premis telah dikenal pasti oleh Jabatan Penuntut Malaysia United Kingdom dan pemilihan York Hotel telah dibuat berlandaskan pertimbangan berikut:-

- i. lokasinya di W2 dan boleh disifatkan sebagai masih dalam kawasan *Central London* dan mempunyai kawasan persekitaran yang tenteram, bersih, terjaga dan selamat;
- ii. terdapat pelbagai kemudahan pengangkutan seperti bas dan *underground station* dengan izin, pusat komersial dan taman rekreasi yang terdapat di sekitar hotel memudahkan lagi keperluan para pelajar dan komuniti Malaysia di negara tempatan;
- iii. keadaan bangunan masih lagi baik dari segi struktur dan pemasangannya dan tidak memerlukan banyak kerja lebih baik pulih dan ubah guna wang;
- iv. kewujudan bilik-bilik yang boleh dijadikan bilik kediaman pelajar, warden dan juga pegawai-pegawai yang melawat London; dan



- v. kafeteria yang terdapat di premis yang mana terletak di *basement* dengan izin, akan sesuai untuk pengunjung memandangkan pintu masuk adalah berasingan dengan Jabatan Penuntut Malaysia UK dan Dewan Malaysia London.

Syarat hak milik hartanah yang bebas telah memberikan pemilikan berkekalan kepada Kerajaan Malaysia dan akan memastikan nilai bangunan ini sentiasa berada di tahap nilai pasaran yang baik. Kenaikan kadar nilai pasaran bangunan seperti ini di *central London* ialah dalam lingkungan 8% setahun. Setakat ini tidak terdapat sebarang retakan yang terdapat pada bangunan berkenaan.

Masalah kebocoran yang berlaku di premis berkenaan adalah disebabkan oleh penyalahgunaan bilik-bilik mandi dan *negligent* dengan izin, oleh pengguna. Oleh sebab lantai bangunan berkenaan dibuat daripada kayu dan bukannya dari kemas simen, maka terdapat kesan kebocoran di beberapa tempat bilik yang berpenghuni.

Berkenaan dengan persoalan iaitu ketulusan pemilihan kontraktor seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, ingin saya menyatakan di sini bahawa pemilihan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian di Dewan Malaysia London telah dibuat melalui tender terhad oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang disertai oleh lapan orang kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Labuan, Kinabatangan dan Cameron Highlands telah menyentuh dan memberi saranan serta cadangan tentang isu IPTS yang bertaraf universiti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi IPTS yang ditawarkan untuk dinaiktarafkan menjadi kolej universiti adalah disyaratkan menghentikan kursus pengajian yang dijalankan secara kerjasama dengan institusi pengajian tinggi luar dan dalam negeri secara berperingkat-peringkat dalam tempoh lima tahun. Ini adalah bagi menggalakkan kolej universiti yang akan ditubuhkan menawarkan kursus-kursus pengajian yang digubah sendiri pada peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Berkenaan dengan pemantauan kualiti ijazah yang ditawarkan dari universiti luar pula, suka saya tegaskan di sini bahawa semua kursus pengajian yang ditawarkan secara kerjasama di antara institusi pengajian luar dengan IPTS tempatan dipantau kualiti pengendaliannya oleh LAN melalui proses jaminan kualiti yang disebutkan tadi. Manakala bagi IPT yang ditempatkan di luar negara yang menawarkan kursus secara

*on-line* dengan izin, Kementerian Pengajian Tinggi tidak ada kuasa terhadap IPT luar negara. Pengesahan pengiktirafan kelayakan luar negara boleh dirujuk kepada agensi di bawah kementerian seperti Jabatan Pengurusan IPT dan LAN.

Pada dasarnya pihak KPT tidak mengikat penawaran kursus pengajian secara kerjasama di antara IPTS dengan universiti luar negara. Walau bagaimanapun IPTS dan universiti luar negara adalah bertanggungjawab untuk memenuhi ketetapan berkaitan kualiti pendidikan yang telah digariskan. Dari segi prinsip program kerjasama IPTS sebagai rakan kongsi bertanggungjawab menyediakan prasarana seperti guru dan kemudahan yang bersesuaian serta perlu membayar royalti kepada IPT induk di luar negara berdasarkan terma masa tertentu.

Untuk sesebuah IPTA yang ingin menjalankan sesuatu program usaha sama akademik sama ada secara kerjasama atau dengan kawal selia IPTS tempatan, sesebuah IPTA perlu melihat kepada kekuatan tenaga pengajarnya dan kelengkapan yang dimiliki. Di samping itu keupayaan dipihak IPTS dari segi tenaga pengajar dan kelengkapan yang dimiliki juga turut diambil kira. Adalah penting untuk semua IPTA memastikan semua program yang ditawarkan terutamanya program usaha sama akademik dengan IPTS atau institusi luar negara diiktiraf, berkualiti tinggi serta memenuhi keperluan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ampang bahawa LAN tidak merujuk kepada Lembaga Jururawat Malaysia dalam membuat penilaian kursus di IPTS sehingga mengakibatkan hampir pelajar-pelajar kejururawatan IPTS tidak diiktiraf oleh JPA. Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah membangkitkan isu pengiktirafan LAN bagi kursus kejururawatan. Untuk makluman, LAN sebenarnya telah mempunyai kerjasama dengan Lembaga Jururawat Malaysia yang mana penilaian melibatkan panel daripada IPTA yang dilantik oleh LAN dan juga pakar daripada lembaga. Laporan hasil penilaian juga dirujuk kepada pihak lembaga bagi tujuan pengesahan. Pihak LAN masih dalam usaha memantapkan lagi kerjasama tersebut.

Berkait dengan perakuan Akreditasi berdasarkan ketetapan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996. ia merupakan proses sukarela yang mana penilaian akan dilaksanakan oleh LAN sekiranya pihak IPTS mengemukakan permohonan. LAN tidak

boleh memberi perakuan Akreditasi sekiranya tiada permohonan daripada IPTS. Penilaian pula dilaksanakan setelah kursus berada di peringkat akhir pengajian. Bagi penilaian perakuan Akreditasi pihak LAN melihat semua aspek kecemerlangan dalam pengendalian sesuatu kursus pengajian. Ini termasuklah aspek kokurikulum, sistem pengajian dan pembelajaran, guru, kemudahan dan pengurusan.

Berdasarkan rekod sehingga Mac tahun ini, 19 kursus pengajian kejururawatan yang ditawarkan oleh 16 IPTS telah mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri. Dari jumlah tersebut hanya 5 kursus pengajian yang memohon perakuan Akreditasi dengan tiga kursus telah mendapat perakuan Akreditasi dan satu gagal dan satu masih dalam proses pemilihan. Kursus pengajian yang gagal adalah disebabkan IPTS gagal memperbaiki kurikulum dan melantik guru yang berkelayakan di bidang kejururawatan dalam tempoh pertimbangan yang diberikan. Pihak IPTS terbabit telah mengemukakan hasrat untuk memohon semula perakuan Akreditasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Puchong telah menyentuh mengenai Kolej Komuniti di mana beliau telah mencadangkan supaya lebih banyak Kolej Komuniti ditubuhkan di setiap daerah dengan menawarkan kursus yang menjurus kepada kemahiran dan seterusnya untuk mengatasi masalah pelajar yang tercicir akademiknya. Jemaah Menteri telah bersetuju di mesyuarat pada 8 September 2004 bahawa penubuhan Kolej Komuniti adalah mengikut keperluan di peringkat daerah berasaskan kepada beberapa kriteria yang telah ditetapkan.

Antara kriterianya adalah dari segi kepadatan penduduk dan kegiatan ekonomi masyarakat setempat. Selain daripada itu penubuhan Kolej Komuniti juga mengambil kira kawasan-kawasan yang tidak mempunyai institusi-institusi lain latihan seperti Institut Kemahiran Mara, Institut Latihan Perindustrian (ILP), Politeknik dan sebagainya. Sehingga kini terdapat 34 buah Kolej Komuniti yang sedang beroperasi di seluruh negara. Kolej Komuniti menawarkan sebanyak 19 kursus sepenuh masa di peringkat sijil.

Tempoh pengajian adalah selama dua tahun. Penentuan kursus adalah bergantung kepada aktiviti ekonomi setempat dan kemudahan infrastruktur yang wujud. Kursus-kursus ini memberi penekanan secara *hands on*, dengan izin, dengan nisbah 25% teori dan 75% praktikal.

**Tuan Lau Yeng Peng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kelayakan minimum bagi kursus, nanti saya bagi, ya. Bagi kursus sepenuh masa ini adalah lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, pelajar-pelajar yang tercicir akademiknya mempunyai peluang yang luas untuk mengikuti kursus-kursus di kolej komuniti. Kolej komuniti turut membudayakan pembelajaran sepanjang hayat melalui kursus-kursus pendek yang dijalankan mengikut keperluan dan kehendak masyarakat setempat. Sepanjang tahun 2004, 961 kursus pendek telah dijalankan. Kursus-kursus tersebut telah disertai seramai 25,628 orang dari pelbagai golongan masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut satu laporan, semalam di akhbar tempatan bahawa terdapat lebih daripada 5,561 remaja di antara 16 hingga 18 tahun telah melakukan kes-kes jenayah lebih daripada 3,800 dan kes pembunuhan yang melibatkan remaja ini di antara umur 16 hingga 18 tahun itu, lebih daripada 24 kes. Ini menunjukkan masalah ini serius, remaja ini.

Tadi, Yang Berhormat telah menyatakan bahawa pembinaan sesuatu kolej komuniti bergantung kepada kepadatan penduduk dan juga keperluan harian. Sebagai contoh, di kawasan saya, saya ingat, kalau mengikut unjuran kami, pada tahun 2008 ini, keperluan kolej komuniti ataupun sekolah-sekolah vokasional, *school* yang lain, memang perlu dipindahkan di sini. Bukankah ini satu fenomena atau satu kecenderungan masyarakat kita ini, bahawa masalah-masalah remaja ini semakin hari semakin serius, yang telah memberikan banyak masalah sosial? Apakah rancangan Kementerian Pendidikan Tinggi ini, bahawa apakah yang dimaksudkan kesesuaian? Kalau ada ramai penduduk ataupun ramai pelajar mempunyai masalah ini, bolehkah memberi keutamaan ataupun *emphasize* yang lebih serius lagi kepada kawasan-kawasan tertentu untuk memberikan institusi untuk mendekatkan lagi lebih kemahiran seperti kolej komuniti ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kadar kewangan mengizinkan, kerajaan ingin membina lebih banyak lagi kolej komuniti sebanyak boleh. Tetapi, kalau

kawasan Yang Berhormat memerlukan satu kolej komuniti, Yang Berhormat boleh memanjangkan permohonan tersebut dan kita akan buat kajian kesesuaian dan kita memberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pelantikan pensyarah dan Naib Canselor. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Sik, urusan pelantikan Naib Canselor di IPTA adalah seperti termaktub di dalam peruntukan seksyen 12(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Pelantikan Naib Canselor dibuat oleh Yang Berhormat Menteri selepas berunding dengan Lembaga Pengarah Universiti. Calon-calon yang dipilih merupakan mereka yang menunjukkan prestasi yang cemerlang di dalam akademik dan pengurusan. Tempoh bagi pelantikan ini adalah selama tiga tahun dan dalam beberapa kes pelanjutan perkhidmatan diberi kepada Naib Canselor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pengantarabangsaan IPTA - Seramai beberapa Ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Puchong dan Ahli Yang Berhormat bagi Sik telah membangkitkan isu berkaitan pengantarabangsaan IPTA. Yang Berhormat bagi Sik juga turut memberikan beberapa saranan yang baik kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Mengenai cadangan mewujudkan kerusi-kerusi di peringkat antarabangsa, sukacita dimaklumkan pihak Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun menubuhkan kerusi-kerusi pengajian Melayu di *Ohio University USA*, *Victoria University of Wellington*.....

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pendang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Nanti saya habis dulu, ya. *Victoria University of Wellington, New Zealand, University Laiden Netherlands*, yang sedang mengadakan proses untuk menubuhkan kerusi pengajian Melayu di *Beijing Foreign Studies, University of China*. Kementerian Pengajian Tinggi juga sentiasa mengenal pasti lokasi-lokasi yang sesuai untuk menubuhkan kerusi-kerusi baru untuk memperkembangkan lagi pengajian Melayu di seluruh dunia.

Selain daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi juga merancang untuk menarik lebih ramai tenaga akademik cemerlang serta tokoh-tokoh akademik dan pendidik daripada luar negara untuk berkhidmat dengan IPT. Kementerian Pengajian

Tinggi sedang meneliti cadangan mewujudkan satu skim khas pertukaran tenaga pengajar yang bertujuan memantapkan lagi kemampuan dan pengalaman pensyarah dalam kaedah pengajaran, pembelajaran dan pendidikan secara tidak langsung, mengantarabangsakan tenaga pengajar IPT. KPT sedar akan kepentingan untuk mengadakan hubungan yang baik dengan universiti-universiti di luar negara, sama ada di Eropah ataupun di negara-negara Asia yang lain. Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya tentang Naib Canselor tadi ini. Seperti mana yang kita tahu, di Universiti Utara Malaysia, Naib Canselor yang ada sekarang ini telah lama sakit dan segala urusan yang melibatkan pentadbiran tertinggi tertangguh banyak kali. Jadi, saya hendak tahu daripada kementerian sendiri, bilakah agaknya Naib Canselor ini akan diganti baru?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pendang. Soalan ini adalah soalan spesifik yang tidak dibangkitkan di dalam perbahasan. Jadi, saya bercadang bagi satu jawapan bertulislah. Tetapi, jangan ragu sebab segala tugasnya masih berjalan oleh ketiga-tiga orang Timbalan Naib Canselor (TNC) yang sedia ada.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja dapat saya menjelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi, yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan, akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih ke atas keprihatinan, teguran, saranan dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Yang Berhormat Menteri, sila.

**4.27 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai pelbagai

isu dan agenda berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja. Izinkan saya untuk menjawab dan membuat penjelasan dalam isu-isu dan pandangan yang telah dibangkitkan. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan terdapat lima perkara besar yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat secara panjang lebar. Lima perkara tersebut ialah:

- (i) pembasmian kemiskinan;
- (ii) pembangunan prasarana, utiliti dan *amenity* sosial;
- (iii) pembangunan masyarakat;
- (iv) pembangunan wilayah; dan
- (v) kemajuan pembangunan teknologi maklumat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal pembasmian kemiskinan, pihak kementerian akan terus menjalankan tanggungjawabnya untuk membela nasib rakyat miskin, terutama golongan miskin tegar. Kementerian secara positif akan bekerja keras supaya menjelang tahun 2010, jumlah rakyat miskin hanya akan berada pada tahap 0.5%, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Dungun menyentuh mengenai penyelarasan usaha pembasmian kemiskinan perlu dibuat di antara agensi-agensinya bagi mengelakkan pertindihan. Ribuan terima kasih diucapkan atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Dungun. Buat pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, semua program pembasmian kemiskinan telah diperkemas di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang diselaraskan oleh unit penyelarasan dan pelaksanaan (PPM),0 di peringkat Persekutuan.

Manakala di peringkat negeri, diselaraskan melalui Pejabat-pejabat Pembangunan Negeri atau Jabatan Pembangunan Persekutuan. Untuk memastikan tiada pertindihan berlaku, pangkalan data mengenai data profil ketua isi rumah miskin tegar bagi negeri-negeri di Semenanjung telah dikemaskinikan pada tahun 2002 dan 2003. Bagi negeri Sabah dan Sarawak pengemaskinian sedang dijalankan. Akta ini dihubungkan terus dengan Pejabat Pembangunan Negeri, Jabatan Pembangunan Negeri Persekutuan dan pejabat-pejabat daerah. Dengan cara ini diharapkan, program bantuan kepada golongan miskin tegar dapat dilaksanakan secara berkesan.

Ini dapat mengelakkan pertindihan dan memastikan kumpulan sasar mendapat faedah daripada program yang dijalankan oleh kerajaan. Sehubungan itu melalui SPKR, kerajaan memang menitikberatkan kepada sumber bantuan sampai kepada sasaran dan tidak berlakunya pertindihan. Namun demikian usaha penambahbaikan sentiasa dilakukan agar objektif pembasmian kemiskinan dapat dicapai sepenuhnya. Yang Berhormat bagi Dungun juga menyentuh mengenai takrif kemiskinan tegar agar tidak hanya berasaskan kepada pendapatan semata-mata dan menyarankan agar paras kemiskinan dikaji semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Petrajaya bangun.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan profil kemiskinan bagi kawasan bandar dan luar bandar, terutama pesisir bandar. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, tadi dikatakan Jabatan Pembangunan Negeri dan juga pejabat daerah terlibat. Pada masa yang sama, kita ada juga mendengar penjelasan daripada Kementerian Kewangan mengatakan bahawa *local council* juga terlibat dalam pengumpulan data maklumat ataupun isi rumah. Jadi dapatkah ini diperjelaskan dan apakah mekanisme ataupun kaedah yang kita gunakan untuk memastikan data-data ini dapat diperkemaskinikan dengan secepat mungkin supaya ianya tidak ada ketinggalan dalam data-data tersebut. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua memang inilah yang sedang dijalankan dan insya-Allah perkara ini akan diselesaikan secepat mungkin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa pula yang bangun.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengikut catitan-catitan kemiskinan luar bandar sekarang ini 11.4% dan kemiskinan di bandar 2% satu.

Yang kedua, kemiskinan di negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan 12.4%, Terengganu 10.7%, Kedah 10.7% dan Perlis 10.1%.



Yang ketiga, negeri Sabah yang tertinggi dari kelas kemiskinannya ialah 16%, Perak mempunyai kemiskinan 7.9% yang tertinggi di kalangan negeri di Pantai Barat. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, bagaimana penyesuaian hendak dibuat supaya kemiskinan-kemiskinan ini sampai ke 0.5% dalam tahun 2010. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat terima kasih banyak. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bukanlah hanya satu kementerian yang akan menyelesaikan masalah ini. Pelbagai kementerian turut sama dan insya-Allah penyesuaian akan dibuat supaya satu, tidak ada pertindihan dan kedua menentukan bahawa setiap apa yang dilaksanakan diteruskan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu bahagian pelaksanaan dan bagi negeri-negeri pula kita ada mempunyai Pejabat Pembangunan Negeri dan juga Pejabat Pembangunan Persekutuan seperti yang ada di Kelantan dan di Sabah. Dengan cara ini maka, diselaraskan pula kepada pejabat-pejabat daerah dan perkara yang diragukan itu mudah-mudahan dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaacob:** Terima kasih. Saya ingin menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai sasaran 0.5% miskin tegar pada tahun 2010. Jadi persoalan saya ialah 0.5% itu adakah berdasarkan garis kemiskinan yang ada pada hari ini? Sebab kalau pihak kementerian dalam rancangannya untuk menaikkan garis kemiskinan, saya rasa adakah 0.5% ini akan tercapai? Sebab kalau dinaikkan mungkin orang miskin akan bertambah. Kalau sekarang misalnya kemiskinan ini biasa, RM529 dengan tiga bilangan anak sekeluarga. Jadi kita dapat peratus kemiskinannya. Kalau dinaikkan kepada RM800 atau RM1000 misalnya dan kemiskinan itu akan terus meningkat mengikut kadarnya yang kita naikkan. Jadi 0.5% ini, adakah berdasarkan *rate*, kadar sekarang ataupun kadar garis baru yang akan dibuat oleh pihak kementerian?

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Perkara ini sedang dijalankan dan mudah-mudahan saya akan jawab di perenggan tertentu nanti, insya-Allah.

Yang Berhormat bagi Dungun juga menyentuh mengenai takrif kemiskinan tegar agar tidak hanya berasaskan kepada pendapatan semata-mata dan menyarankan agar paras kemiskinan dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak, untuk makluman Yang Berhormat bagi Dungun ketika ini Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri sedang menyemak semula takrif kemiskinan termasuk kemiskinan tegar.

Oleh yang demikian, dengan kajian yang sedang dijalankan, insya-Allah paras pendapatan, garis kemiskinan yang baru akan dikeluarkan setelah kajian tersebut selesai dijalankan seperti yang dimaklumkan Yang Berhormat bagi Bera tadi, perkara ini kita akan selaraskan sebaik mungkin.

Yang Berhormat bagi Dungun turut mencadangkan agar Ahli-ahli Parlimen mengetuai Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan di peringkat daerah. Kementerian menyambut baik cadangan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat pihak kementerian telah menghantar kertas cadangan penubuhan Jawatankuasa Kemajuan Kawasan Parlimen atau JKPP KKLW kepada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan JPM untuk tindakan selanjutnya. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar atau BBC, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada BBC kerana sedia bersama-sama dengan kementerian bagi melaksanakan program untuk rakyat yang telah membentuk kerajaan yang stabil pada masa ini.

Matlamat penubuhan Jawatankuasa ini adalah untuk menyelaraskan program pembangunan di kawasan Parlimen masing-masing. Jawatankuasa ini dicadangkan akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen sendiri. Kementerian berharap kelulusan penubuhan Jawatankuasa ini dapat disegerakan setelah diteliti oleh ICU.

Yang Berhormat bagi Labuan membangkitkan cadangan jumlah peruntukan perumahan rakyat termiskin dinaikkan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian telah menubuhkan pasukan petugas bagi mengkaji pelbagai aspek pelaksanaan PPRT.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang telah dicadangkan oleh Yang

Berhormat Menteri sekejap tadi, iaitu untuk mewujudkan sesebuah Jawatankuasa di peringkat Parlimen. Apa yang saya mohon iaitu supaya Ahli-ahli Parlimen daripada parti Pembangkang juga terlibat sama kerana kemiskinan ini bukan sahaja....dia menyeluruh kepada semua rakyat, tidak kira Pembangkang, tidak kira kerajaan, satu.

Yang kedua, bagi membasmi kemiskinan ini kerajaan hanya menyediakan infrastruktur kepada rakyat di kampung-kampung jalan raya dan berbagai-bagai lagi.

Yang ketiga, saya kira bagaimana kerajaan mahu pastikan sungguh bahawa kemiskinan ini diturunkan kadarnya sehingga serendah-rendah sampai pada peringkat tidak ada di kampung ataupun tidak ada di negeri kita ini orang miskin, dengan cara kita bagi wang kepada dia, ataupun bagi apa-apa yang dia perlu. Saya rasa kalau kita bagi sedemikian, jadi tidak habis-habis itu. Kena bela dia sepanjang hayat dia. Jadi bagaimana caranya saya hendak tahu. Boleh kita kongsi sama sebagai seorang Ahli Parlimen di kawasan masing-masing. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengetepikan hasrat rakyat. Itulah sebabnya anak siapa juga pun boleh masuk ke sekolah kita, anak siapa juga pun boleh masuk ke pentadbiran kerajaan. Oleh sebab itu sementara saya di sini Yang Berhormat, insya-Allah hajat itu akan disempurnakan. Demikian juga dalam hal-hal lain. Kita akan pastikan rakyat mendapat faedah untuk kepentingan bersama.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Minta laluan sekejap. Saya menuruti jawapan itu cukup menariklah. Saya yakin Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini cukup potensi dan prihatin sangat. Cuma, saya berasa ragu-ragu Yang Berhormat. Penyelarasan di antara kementerian-Kementerian tadi untuk membasmi kemiskinan.

Saya mengambil sedikit contoh di peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Negeri-negeri *Malay Belt* ataupun Negeri Melayu yang dikuasai oleh dominan Melayu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu peruntutannya dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak RM6.5 bilion dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan meningkat kepada RM15.6 bilion. Tetapi negeri-negeri maju seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Pahang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan dalam Rancangan Malaysia Kelima

sebanyak RM12.4 bilion tetapi dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan RM62.4 bilion. Di sini kalau kita tengok bahawa *Malay Belt* ini telah merosot daripada RM28.5 bilion dan Rancangan Malaysia Kelima kepada RM15.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan . Tetapi negeri-negeri yang maju telah meningkat begitu ketara daripada RM54.4 bilion kepada RM62.4 bilion. Bagaimana dalam peruntukan ini kita hendak capai dalam masa terdekat ini iaitu tahun 2010 sedangkan peruntukan ini begitu ketara. Bagaimana caranya?. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita boleh iktibarkan lebih banyak gula lebih banyak semut. Kalau tidak ada gula maka tidak adalah semut. Negeri-negeri yang tidak dijangka dalam *Malay Belt* ini ialah negeri-negeri yang sedia maju dan kita harus menyediakan infrastruktur dan prasarana yang membolehkan lebih banyak pelabur datang dan pelabur yang datang ini memberi keuntungan dan keuntungan itu kita agihkan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Yang Berhormat sedia kata the *Malay Belt* itu. Alhamdulillah inilah yang kita lihat anak-anak kita umpamanya di dalam Dewan yang mulia ini kalau Ahli Parlimen baik dan pegawai-pegawainya baik asalnya dari kampung dan anak-anak kampung ini ditolong oleh negeri-negeri yang dikatakan tadi mendapat keuntungan lebih.

Oleh sebab itu kita harus jangan melihat bahawa sementara kita mengalihkan statistik kadang-kadang statistik boleh dipengaruhi oleh suasana yang kita membuat anggaran yang silap. Sebab itu pada masa ini sebenarnya *the Malay Belt or not the Malay Belt we are enjoy the same prosperity as Malaysian* dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya ulang balik. Untuk makluman Yang Berhormat untuk pihak kementerian telah menubuhkan satu pasukan petugas bagi mengkaji pelbagai aspek pelaksanaan PPRT. Antara kajian yang dijalankan ialah mengenai pereka bentuk rumah, bahan binaan dan juga jumlah bantuan. Insya-Allah menjelang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan dapat mengemukakan jumlah bantuan baru hasil daripada kajian yang sedang dijalankan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan prasarana utiliti dan *amenity social* dilihat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan.

Syabas dan tahniah diucapkan kerana Yang Berhormat menunjukkan minat yang begitu tinggi terhadap masalah luar bandar.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Ledang bangun.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** *[Ketawa]* Sila, sila.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja. Saya cuma hendak bertanya adakah kementerian mempunyai suatu perancangan untuk membina dengan harga yang baru rumah-rumah PPRT dengan menentukan *design* yang standard supaya rumah-rumah tersebut kualitinya dapat dikawal, harganya dalam lingkungan yang munasabah dan tidak ada semacam perbezaan di antara satu sama lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih banyak Yang Berhormat. Itulah yang kita cadangkan sekarang bahkan pernah di satu ketika semasa saya di Johor saya mengumumkan peruntukan sebanyak RM14,000 walhal pada masa itu ialah RM10,370. Kita menyedari bahawa kalau kita hendak memberi sesuatu biarlah memberi keselesaan kepada orang yang menerima. Sekian, terima kasih.

Minat besar ini iaitu soalan yang dibangkitkan tentunya didorong dan dipengaruhi oleh harapan besar rakyat itu sendiri yang ingin melihat dan menikmati pembangunan dapat dijalankan di kawasan mereka. Kementerian akan menjalankan tugas secara positif, Insya-Allah.

Ahli Yang Berhormat Tebrau menyentuh supaya disegerakan penyaluran peruntukan untuk Ahli-ahli Parlimen untuk projek jalan kampung dan *amenity social*. Terima kasih. Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada surat kementerian yang bertarikh 2 Mac 2005 yang telah dihantar kepada 148 Ahli Parlimen kawasan luar bandar dan 39 Ahli Parlimen pinggir bandar yang berjumlah semuanya 187. Surat tersebut telah menyenaraikan projek-projek jalan kampung dan *amenity social* yang perlu diberikan keutamaan oleh Ahli-ahli Parlimen berkenaan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]:

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Di samping itu surat berkenaan telah menyatakan jumlah peruntukan untuk projek-projek berkenaan mengikut kawasan Parlimen yang terbabit. Saya sedar jumlahnya tidaklah mencukupi namun demikian sehingga 1 April 2005 iaitu tempoh sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat mengembalikan surat tersebut kepada kementerian terdapat sejumlah hanya 106 .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua Ahli yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** ..... Ahli Parlimen telah mengemukakan senarai projek jalan kampung dan projek *amenity social*. Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum mengembalikan senarai cadangan projek jalan kampung dan *amenity social* diharap dapat berbuat segera kepada pihak kementerian untuk tindakan selanjutnya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua-dua bangun Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Datuk? Mana?.....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang mana hendak bagi mana, Jasin dengan Sri Gading? **Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Jasin lepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jasin dulu.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Jasin dahulu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ini wakil Jasin. Semua orang tahu wakil Jasin ini wakil luar bandar tetapi kementerian telah mentakrifkan Jasin ini kawasan pinggir bandar. Yang ini yang memeningkan kepala saya hendak menjawab surat yang diedarkan kerana tak cukup Yang Berhormat RM400,000 untuk Jasin malah kawan-kawan kita pada hari yang dapat surat yang mengatakan dapat RM1 juta pun kata tidak cukup. Inikan pula saya Jasin RM400,000 sahaja dan begitu juga dengan *aminlty social* kerana pada hari ini rakyat lebih-lebih lagi di Jasin, Yang Berhormat, 5 DUN - 62 JKK. Kalau RM50,000 *aminlty* ini hendak bagi kepada 62 JKK bayangkan Yang Berhormat . Begitu juga dengan RM400,000 untuk jalan kampung. Dengan harapan ini di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat, saya berharap Tuhan panjangkan umur Yang Berhormat

mintalah lagi Yang Berhormat, ini permintaan orang kampung Yang Berhormat supaya jalan kampung diperbanyakkan lagi dan *aminty social* ini dipergandakan lagi peruntukannya supaya semua rakyat kita dapat nikmat daripada kenikmatan negara kita. Terima kasih. Yang Berhormat

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab saya minta Yang Berhormat Sri Gading mungkin dia ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sri Gading, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabatku Menteri.

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga,  
Hancur badan di kandung tanah,  
Budi baik Dato' dikenang juga.*

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Hem.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa] [Dewan riuh sebentar]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dapat peruntukan kawan Yang Berhormat ye!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Soal cukup memang tidak cukup. Memang tidak cukup. Yang Berhormat sedar saya pun sedar. Semua orang di Dewan yang mulia ini pun sedar. Yang Berhormat ialah satu-satunya Menteri yang berjiwa rakyat. Hah, Hah. Ooo!..... Hebat Menteri ini. Hatinya mulia. Saya kenal Yang Berhormat 40 tahun lebih. Semangat juangnya untuk memberikan kebaikan kepada rakyat khususnya di luar bandar memang hebat sebab itu memang kena pada tempatnya Yang Berhormat jadi Menteri Luar Bandar.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak minta tambahanlah tu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, tetapi ada cadangan. Saya tahu hati Yang Berhormat mulia. Saya tahu Yang Berhormat ini kalau ada, semua Yang Berhormat hendak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Cuma masalahnya..... Tuan Yang di-Pertua sabar sedikit. Ini pun termasuk kawasan Tuan Yang di-Pertua ini yang hendak saya sebutkan ini. Tetapi masalahnya kementerian Yang Berhormat tidak ada duit. Bukan soal Yang Berhormat tak hendak bagi. Soalnya kementerian ini tidak cukup duit kerana tidak diberikan peruntukan yang banyak. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, saya hendak cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan. Orang Perbendaharaan ada hari ini, orang Perbendaharaan.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Tak ada.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tolong bagi RM2 bilion untuk jalan luar bandar, jangan alang-alang.

Ada dua perkara kalau kerajaan berani memberi RM2 bilion, RM2 bilion ini bukan besar sangat. Kalau bagi saya seorang, memang lumayan. Tetapi bagi negara, RM2 bilion bukan besar. Kata orang Indonesia, "Ya, begini aja pak. Kecil aja itu". RM2 bilion tidak ada apa-apa bagi kerajaan, bagi sebuah negara.

Bagi RM10 juta untuk tiap-tiap Parlimen. Sabah Sarawak bagi RM20 juta kerana kita tolak juga, daripada seluruh negara ini, ada kawasan bandar, kita tolak, kita ada 219 Parlimen, tolak lebih kurang 87 kawasan bandar, bandar sudah siap. Yang luar bandar ini 100 lebih bagi RM10 juta kalau yang di Semenanjung ini. Yang di Sabah Sarawak RM20 juta. Dua perkara untung, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukan minta benda yang keterlaluan. Yang pertama masalah jalan selesai. Berapa tahun hendak tunggu,? Ada orang sampai mati, dari muda minta jalan tar sampai mati tidak dapat. Ada orang dari muda minta jalan tar, waktu mayat dia dibawa, baru jumpa jalan tar. Ini berlaku ini. Jadi bagi RM2 ribu, RM10 juta satu Parlimen.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukan daripada kerajaan, kerajaan berbelanja, kontraktor-kontraktor kelas F ini akan hidup. Kalau dia hidup, ini akan *generate* kita punya ekonomi – warung hidup, bas hidup, teksi hidup, kedai makan hidup, kedai baju hidup, semua orang *happy*, jalan selesai, ekonomi kita berganda gerakannya.



Tuan Yang di-Pertua, tentu setuju saya rasa, cuma saya harap Ahli-ahli Parlimen semua sekali sokonglah apa yang saya nyatakan supaya benar-benar benda ini dapat diselesaikan. Boleh sokong?

**Beberapa Ahli:** Sokong!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat dengar, Perdana Menteri dengarlah, inilah rintihan dan rayuan Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih banyak kepada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Tentunya kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, hari ini daripada KSU sampai kepada ketua-ketua bahagian di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada dan mereka mendengar apa yang telah diperkatakan dan insya-Allah, mereka sedang buat catatan dan dengan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah apa yang diminta akan diperkenankan. *[Tepuk]* Terima kasih.

Oleh sebab itu, pertanyaan Yang Berhormat Jasin telah pun terjawab kerana kawasan ini adalah kawasan pinggir dan tentunya dia sudah pun menikmati alam yang dipanggil bandar. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun, Yang Berhormat Menteri. Ya, Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin membuat rayuan di sini kalau dapat dipertimbangkan. Pada tahun 10 tahun yang lepas ini, saya duduk di Dewan yang mulia ini, apabila kita minta pertolongan untuk membuat jalan kampung, memang selalu dipersetujui oleh kementerian dan kadang-kadang pertolongan itu termasuk walaupun atas nama jalan kampung, meratakan tapak rumah panjang, oleh kerana di Sarawak begitu banyak rumah panjang dan orang yang ingin membuat rumah panjang.

Oleh kerana ini adalah satu *investment* yang besar, mereka memerlukan pertolongan daripada kerajaan. Tetapi pada tahun ini saya difahamkan tapak pembinaan rumah panjang ini tidak lagi dapat diluluskan dan saya merayu supaya ini

diluluskan oleh kerana pada tahun-tahun yang lepas tidak ada kesulitan berlaku oleh kerana tapak ini pajang dan lebarnya memang ditentukan oleh pihak-pihak pegawai daerah ataupun pihak yang mahir dalam bidang ini.

Kalaulah begini, saya rasa orang di rumah panjang ini yang menyokong kuat Barisan Nasional memang rasa kecewalah. Bolehkah tidak kementerian menukar balik pendirian supaya bantuan ini boleh diteruskan seperti di masa-masa yang lepas. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sri Aman, sebenarnya ini di luar daripada pengetahuan saya. Sekiranya permohonan itu dibuat, sudah tentu kementerian tidak akan menolak kerana rumah panjang tidak didirikan hari-hari. Oleh sebab itu bolehlah kita pertimbangkan nanti, insya-Allah.

**Tuan Teng Boon Soon:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat bagi Tebrau bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Tebrau, sila.

**Tuan Teng Boon Soon:** Yang Berhormat Dato' Menteri, saya minta sedikit penjelasan. Tebrau hari itu dalam dialog saya ada timbulkan, ia disalah anggap sebagai kawasan bandar. Sebenarnya, Yang Berhormat Dato', kawasan Tebrau adalah 60% luar bandar. Jadi saya tidak tahu rayuan yang saya suarakan semasa hari dialog itu akan diambil kira. Itu yang merisaukan saya bagi pihak rakyat di kawasan Tebrau.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Kalau Yang Berhormat risau sekali, saya risau sepuluh kali. Oleh sebab itu telah saya katakan tadi sebabnya pegawai-pegawai daripada kementerian saya hadir supaya mereka sendiri mendengar rintihan daripada masalah-masalah Yang Berhormat-Yang Berhormat hadapi semasa menghadapi rakyat sekalian. Terima kasih banyak.

Yang Berhormat bagi Tuaran, Sandakan dan Beluran telah membangkitkan soal pembangunan infrastruktur terutama jalan, bekalan air dan elektrik ke Sabah dan Sarawak. Yang Berhormat bagi Dungun turut membangkitkan perlunya tumpuan pembangunan fizikal diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat sekalian, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat bagi Dungun walaupun berada di Terengganu tetapi sebagai wakil rakyat Barisan Nasional yang bertanggungjawab, beliau tidak lupa kepada negeri Sabah dan juga Sarawak. Seperti juga daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Itulah sebab saya jatuh cinta kepada Barisan Nasional ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagaimana yang terkandung di dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka adalah menjadi dasar dan tugas kementerian ini untuk mempertingkatkan pembangunan prasarana asas di luar bandar seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Kita sedar kedua-dua negeri ini agak ketinggalan dalam banyak aspek pembangunan terutama dalam pembangunan prasarana asas berbanding dengan negeri-negeri lain. Di antara strategi-strategi yang dirancang ke arah mencapai matlamat ini ialah dengan cara menyediakan peruntukan yang lebih tinggi bagi Sabah dan Sarawak.

Bagi mencerminkan komitmen ini, kementerian telah memohon peruntukan sebanyak RM17.624 bilion bagi Rancangan Malaysia Kesembilan di mana RM2.486 bilion diperuntukkan untuk negeri Sarawak dan RM2.4 bilion untuk Sabah. *[Tepuk]* Bagi pembangunan prasarana, utiliti dan *amenity* sosial dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah memohon sebanyak RM8.8 bilion. Peruntukan ini bagi melaksanakan projek-projek jalan kampung, jalan luar bandar, bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan program *amenity* sosial.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.66 bilion diperuntukkan untuk pembangunan prasarana, utiliti dan *amenity* sosial bagi Sarawak dan Sabah, insya-Allah. Daripada RM2.66 bilion itu, sebanyak RM1.36 bilion dicadangkan untuk negeri Sarawak dan RM1.29 bilion untuk negeri Sabah.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Ini Kelantan tidak disebut.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya berterima kasih kepada abang saya, Menteri, kerana saya pandai jadi politik kerana dialah. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli

Yang Berhormat, kalau balik kepada masyarakat Islam Hadhari dalam Fiqh Aulawiyad, kementerian Yang Berhormat Dato'lah yang paling aula daripada aula yang lain. Aula itu afdallah, lebih utama daripada yang utama.

Maka saya rasa dalam kaedah [*bercakap dalam bahasa Arab*], dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dwibahasa tidak faham, dia cepat lulus. Perbendaharaan dia tidak susah dwibahasa, bahasa dia tidak faham, dia lulus lah. Saya menyokong penuh kalau Yang Berhormat Menteri setuju, kita jangan tolak hak yang dikemukakan dalam RMK-9 ini. Sebab saya fikir saya hendak tanya satu sahaja, setuju tak negeri Kelantan diberi *priority* kerana negeri Kelantan satu-satunya negeri Pembangkang. Minta maaf Yang Berhormat, abang-abang saya Pas. Terengganu dahulu Pas tetapi balik ke UMNO kerana jalan licin. Boleh tidak Kelantan kita buat licin belaka, biar Pas balik ke UMNO, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun jangan lupa kepada Rukun Islam yang keempat, zakat tetap ada. Oleh sebab itu, tidak ada akan seterusnya orang akan senang dan kaya semua kerana ini ada mukjizat yang lebih besar dan rahmat yang paling ketara..... bagi manusia untuk menjadi manusia yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [*Bangun*]

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** [*Ketawa*] Ada lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada lagi yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri mana, ada dua yang bangun.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [*Bangun*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Takpa, takpa bagi dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [*Bercakap dalam bahasa Arab*].

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju sangat dengan apa yang dicadangkan oleh Yang

Berhormat bagi Pasir Puteh sekejap tadi. Di mana perlu sangat Kerajaan Pusat melihat kepada Kelantan. Kerana kalau hendak cari Islam, cari di Kelantanlah.....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** ....kalau hendak cari Melayu juga, cari di Kelantanlah. Di sana lubuk, lubuk Melayu dan lubuk Islam. Saya rasa elok benar kalau Pusat hendak pergi di Kelantan. Kemudian licin, tidak licin kita selesai kemudian daripadanya. Kalau jalan licin, kembali, tidak kembali yang pentingnya sebagaimana yang disebutkan tadi *[bercakap dalam bahasa Arab]* keutamaan mesti diberikan kepada Kelantan.

Kelantan itu tinggal lamalah Tuan Yang di-Pertua, Kelantan tinggal lama barangkali Pusat tidak bantu. Sekarang ini zaman Perdana Menteri kita baru ini, insya-Allah boleh membantu Kelantan dan boleh menghulur sebanyak-banyak dekat negeri Kelantan, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju, tetapi janganlah katakan kita tidak bantu, sebab hampir  $\frac{3}{4}$  pendapatan yang ada di Kelantan khususnya membayar gaji-gaji yang bekerja dengan Federal adalah datang daripada Persekutuan. Demikian juga misalnya guru, *nurses, doctors are all paid*. Semuanya di bayar oleh Kerajaan Pusat. Oleh sebab itu, menafikan apa yang dibuat oleh Kerajaan Pusat adalah tidak berapa adil. Namun yang demikian, kita tidak pernah melupakan Kelantan kerana Kelantan adalah sebahagian daripada Malaysia.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai bangun dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Jerai.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Bagi Timbalan dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Oklah, ok.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Islam Hadhari, tidak apa, tidak apa.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa yang Pasir Mas sebut tadi terlalu angkuh, yang kita tahu di Kelantan ini, Patung Buddha yang Besar, yang bersila, yang baring, itu yang kita nampak di Kelantan.

*[Dewan Riu Seketika]*

Yang Berhormat saya amat tertarik dengan perasaan, kesungguhan, apa yang telah Yang Berhormat bentangkan tentang masalah prasarana yang masih lagi perlu kita ketengahkan, kita berikan perhatian. Cuma sedikit sahaja Yang Berhormat saya minta, ambil kesempatan Yang Berhormat untuk direkodkan kerana kalau saya tidak cakap ini pun tidak berapa sedap sebagai wakil rakyat di kawasan saya, saya ambil kesempatan ini Yang Berhormat walaupun agak spesifik.

Satu, masih ada lagi yang telah kita umum dan kita luluskan belum dilaksanakan. Saya kalau boleh untuk direkodkan pada Yang Berhormat satu jambatan gantung di kawasan Parlimen saya. Saya telah bawa perkara ini pada ICU dan benda ini telah pun dipersetujui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika itu sebanyak RM1.8 juta di Sungai Seputeh, Ulu Selama di Larut. Saya sudah pun serahkan perkara ini kepada Ketua Pengarah ICU dalam satu perjumpaan baru-baru ini. Saya mintalah sangat kerana ini sudah pun diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ketika melawat ke kawasan saya.

Setidak-tidaknya saya dapat balik dengan hati yang agak lega Yang Berhormat, dengan apa Yang Berhormat cuba utarakan tadi kerana kita faham sangat kesungguhan kerajaan untuk mempertingkatkan lagi prasarana, kemudahan-kemudahan kampung ini, terutamanya jalan-jalan yang menggambarkan bahawa kita telah pun merdeka dan bertamadun. Tidaklah sebagaimana yang digambarkan oleh pihak Pembangkang. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut. Saya tidak berjanji untuk mengadakan jambatan gantung serta-merta tetapi dalam peruntukkan tertentu, tentulah kita mengambil kira kerana perkara ini telah pun

disampaikan kepada Timbalan Perdana Menteri kita, insya-Allah catatan dibuat dan mudah-mudahan Yang Berhormat berjaya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya ada lagi, ya Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sabarlah, sudah lama ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, pertamanya saya hendak sampaikan salam orang kampung daripada Jerai kepada Yang Berhormat Menteri.....

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....depa kata terima kasih banyak kepada Menteri yang cukup ambil berat pasal orang susah di luar bandar dan orang kampung pun terima kasih yang kena *tsunami* baru ini Dato' Menteri turun, Dato' Menteri bagi peruntukan dan sedang, insya-Allah akan dijalankan.

Tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat Dato' Menteri, Dato' Menteri kata hendak minta kepada kerajaan berapa bilion tidak tahu. Kita agak-agaklah Yang Berhormat Dato' Menteri banyak mana agaknya kerajaan hendak bagi dekat kementerian Dato' ini. Kita ini menaruh harapan ini, sebab itulah kami wakil-wakil rakyat ini semua dok harap tolong sat di luar bandar.

Saya tau Dato' Menteri ini orang yang berjiwa rakyat, Dato' mai daripada akar umbi sampailah umur la ni, maknanya berjuang cukup lama. Saya hendak minta satu, saya hendak minta, pertamanya tolong satlah ni orang kampung yang tiada rumah ini. Tidak larat yang saya hendak teriak sudah Yang Berhormat ni. Sebak, sedih, sayu, sungguh. Tolonglah selesai carilah duit ke mana, hutang dekat siapa pun. Selesai sat rumah-rumah di luar bandar ni Dato' hai. Kalau Dato' pilah di kawasan saya tu, Dato' pasang teriak tiga, empat kali dalam perjalanan. Sedih menengok keadaan, kalau kita hendak banding dengan kawasan-kawasan bandar, Kepong apa semua, dia bukan susah hati apa. Mana dia pernah cakap pasal rumah PPRT, dia fasal penyakit kulit, penyakit kencing manis dia tahulah. *[Ketawa]* Itu pun dia *charge*.

Saya hendak haraplah orang kampung doalah bagi Dato' sihat, panjang umur, murah rezeki, kita doa dan kita minta di Dewan yang mulia hari ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kewangan, jangan dok potong duit Kementerian Pembangunan Luar Bandar ni, jangan, kerana hendak tolong orang kampung luar bandar yang susah, yang telah berjasa dan berkhidmat, berbudi kepada negara kita.

Saya hendak minta ni, kemudian Pas jangan dok marah kami, mintak elok-elok kita bagi, kalau ambil jangan dok mengata. Jangan dalam ceramah dok mengata kata ini macam, kita hendak bagi, jangan kata tidak mahu bagi kita pun kasihan kat Pasir Mas tu....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....kan, esok tidak kasihan esok, entah kena kencing manis kita pun tidak tahu kan, kasihan kat dia. *[Ketawa]*

Kita berharap kita pakat-pakat doa supaya kerajaan akan bagi peruntukan kepada kementerian Yang Berhormat secukupnya untuk kita hendak tebus kemiskinan luar bandar dan prasarana di luar bandar. Terima kasih Dato', minta penjelasan Dato'.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Oleh sebab kita ada Rancangan Malaysia ke Rancangan Malaysia. Oleh sebab itu, kita sedar bahawa kerajaan apabila dia membuat perkiraan dia mesti menentukan keupayaan yang sebenarnya. Jangan kita ada RM10, kita belanja RM11, bankrap kita. Kalau kita ada RM10, kita belanja RM9, insya-Allah RM1 itu bolehlah menampung masa hari hujan.

Demikian jugalah apa yang dibuat oleh kerajaan, sementara, semenjak tahun 57 sampailah sekarang. Insya-Allah pandangan-pandangan yang dibuat itu tidak akan dilupakan dan saya pun berasal dari kampung, orang miskin. Kalau Yang Berhormat tahu miskin, saya pun tahu miskin sebab mak saya penoreh getah, penoreh getah sekeping, sekeping tu dibahagi dua, separuh untuk tuan getah, separuh untuk kami makan berdua. Adakah Yang Berhormat fikir saya tidak memberi perhatian kepada masyarakat kampung? Sudah tentu. Oleh sebab itu janganlah diragukan insya-Allah.

Boleh saya sambung Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Daripada RM2.6 bilion itu, sebanyak RM1.36 bilion dicadangkan untuk negeri Sarawak dan RM1.29 bilion untuk negeri Sabah. Berdasarkan angka yang dinyatakan itu, mudah-mudahan kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak turut sama mendapat nikmat hasil daripada kemajuan pembangunan negara, Insya-Allah. Adalah diharapkan kesamarataan pembangunan prasarana di antara negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah serta Sarawak seperti



yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Beluran dan Dungun dapat dimanfaatkan nanti, Insya-Allah.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa kementerian telah memohon peruntukan yang besar untuk Sabah dan Sarawak kerana rakyat di kedua-dua negeri ini tidak pernah gagal mewujudkan Kerajaan Barisan Nasional yang stabil dan kuat khususnya Sarawak kerana semenjak tahun 1963, rakyat Sarawak tidak pernah mengecewakan Perikatan mahupun Barisan Nasional hari ini.

Bagi Program Bekalan Air Luar bandar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sandakan dan Beluran, kita menyasarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, liputan bekalan dapat sampai kepada sekurang-kurangnya 90 peratus kawasan di Sabah dan Sarawak, Insya-Allah. Ahli Parlimen bagi Jerai membangkitkan mengenai masalah ketiadaan bekalan air di kawasan Bedong, syabas kepada Yang Berhormat bagi Jerai kerana membangkitkan persoalan ini. Ini juga membuktikan bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Jerai bekerja kuat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Buat pengetahuan Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi kawasan Jerai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak enam projek bekalan air luar bandar telah dilaksanakan dengan nilai RM942,886.00. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ketiadaan air di Bedong, saya memohon kepada Yang Berhormat bagi Jerai untuk mengemukakan senarai kampung yang terbabit bagi tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan juga telah menyentuh mengenai Lembaga Kemajuan Tanah Wilayah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang sangat prihatin dengan kawasan luar bandar. Yang Berhormat membincangkan soal air luar bandar. Pertamanya, saya hendak rekod di sini

ucapan terima kasih saya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada tahun lepas, kawasan saya dapat hampir saya dengan Jerai di empat kawasan iaitu air luar bandar. Cuma di Kelantan, bila buat bekalan air luar bandar, apa yang kementerian lakukan ialah menyambung bekalan daripada *main pipe* besar bawa ke dalam kawasan kampung tetapi yang rakyat hendak ialah bekalan air dibawa masuk ke rumah.

Dulu bekalan air luar bandar ini dia ada satu kos tambahan iaitu *household water reticulation* – bila masuk bekalan air, *main-pipe* masuk, kemudian tiap-tiap rumah diberi satu paip percuma. Pada masa sekarang tidak ada, yang ada ialah *main pipe* jadi sebenarnya bekalan air luar bandar di Kelantan ini membantu Kelantan *Water* sahaja tetapi tidak membantu rakyat .... nak kena minta pula. Bolehkah tidak saya hendak minta Yang Berhormat Menteri supaya ada peruntukan *that* RM400 *household water reticulation* supaya setiap rumah akan dapat satu paip untuk bekalan air dan kemudian kalau dia hendak tambah, itu soal dialah *but we provide them* dengan bekalan air asas ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, hanya doa saya supaya air di Kelantan terus ada dulu sebab kalau air tidak ada, apa pun kita hendak rancang tidak akan menjadi. Oleh sebab itu kita selesaikan satu-satu perkara supaya kita dapat selesaikan perkara yang lebih penting. Namun demikian, Yang Berhormat diminta menulis sedikit kepada kementerian supaya kita dapat memberi perincian yang lebih teliti terhadap masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan juga telah menyentuh mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Padang Serai.

**Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang dikasihi oleh semua. Yang Berhormat, berkenaan dengan bekalan air, saya ada sedikit pandangan. Buat masa sekarang, apa yang berlaku ialah projek-projek air yang kita kemukakan melalui JKA ataupun melalui daripada SDO semua dilaksanakan oleh konsultan dan kita dapati bahawa ada masalah di antara konsultan dan JKA sebab bila projek itu siap, dia hendak serah kepada JKA

untuk *maintenance*. Kadang-kadang kita dapati bahawa JKA tidak ada kuasa dalam menentukan waktu untuk melaksanakan projek.

Di sini kalau boleh saya hendak cadangkan supaya projek-projek ini diserahkan pengendaliannya kepada JKA - JKA yang akan kemukakan senarai projek itu terus kepada JKA untuk dilaksanakan. Dengan cara itu, kemudian hari JKA perlu *maintenance* – terus kepada JKA. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, apa yang baik untuk rakyat, itulah yang akan kita laksanakan, Insya-Allah. Perbahasan juga telah menyentuh mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah serta peranan agensi di bawah kementerian seperti FELCRA. Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyarankan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah di Sabah. Suka saya mengumumkan di sini, untuk makluman Yang Berhormat sekalian bahawa Kabinet telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Ranau di Sabah. Insya-Allah, persekitaran kawasan meliputi daerah Kudat, Beluran, Kota Merudu, Kota Belud dan Kitas akan turut mendapat faedahnya, Insya-Allah. Kementerian akan berusaha secara positif dan diharap Yang Berhormat bersabar. Pihak kementerian kini sedang menyediakan pelan tindakan penubuhan Lembaga Wilayah berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau meminta supaya Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan DARA diwujudkan semula. Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua kawasan ini dilihat semakin pesat membangun. Ini bermakna kedua-dua kawasan tersebut telah mencapai matlamat penubuhannya. Buat pengetahuan Yang Berhormat, sebelum pembubaran DARA dibuat pada 1 November 2000, Jemaah Menteri pada 28 April 1999 memutuskan supaya DARA diswastakan kepada Teras DARA Konsortium. Perjanjian Penswastaaan DARA antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan TDK ditandatangani pada 15 Jun 1999. Melalui perjanjian ini, TDK dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja khidmat bandaran dalam kawasan wilayah Pahang Tenggara dan merupakan kawasan bekas operasi DARA selama lima tahun dengan peruntukan sebanyak RM10 juta setahun. Kontrak ini telah dilanjutkan sehingga 2010 dan peruntukan tahunan ditambah daripada RM10 juta kepada RM12 juta setahun.

Untuk wilayah Jengka pula, keadaannya adalah baik. Setakat ini tiada permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada pihak Kerajaan Negeri Pahang. Malah kementerian dimaklumkan bahawa kerja-kerja khidmat bandaran Jengka pada masa ini dilaksanakan dengan baiknyanya oleh Majlis Daerah Maran. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan DARA kerana kementerian yakin kedua-dua kawasan tersebut kini sudah mampu untuk berdikari dan didoakan selamat maju jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Yang Berhormat bagi Maran.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan tentang penutupan dua, tiga Lembaga Kemajuan Wilayah termasuk Jengka dan DARA. Saya dimaklumkan semasa pembubaran kedua-dua agensi wilayah ini, saya masih berkhidmat di negeri Pahang dan saya difahamkan semenjak tidak ada kedua-dua agensi pembangunan wilayah ini, kadar pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan termasuk di tempat saya sendiri, Parlimen Maran, telah berkurangan. Kita dimaklumkan dulu bahawa kerajaan berjanji peruntukan yang dulunya diagihkan melalui agensi wilayah ini akan disalurkan terus kepada agensi-agensi lain di bawah kementerian-kementerian yang berkenaan di peringkat negeri dan juga daerah. Tetapi saya dimaklumkan oleh kementerian ataupun jabatan-jabatan berkenaan, peruntukan-peruntukan ini sebagai peruntukan tambahan tidak disampaikan kepada agensi terlibat. Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan perhatian kepada perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Maran, saya akan membuat kaji selidik supaya perkara ini dapat kita selesaikan dengan cara yang terbaik, Insya-Allah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Boleh saya hendak tanya sedikit sahaja lagi, *last, last*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Mengenai Lembaga Kemajuan Wilayah ini, Yang Berhormat, di Kedah kita ada KEDA, jadi saya hendak ucap tahniah kerana KEDA telah banyak berjasa kepada rakyat yang susah melalui penempatan semula dan sebagainya. Tetapi baru-baru ini Yang Berhormat, saya telah minta taklimat daripada KEDA dan mereka telah memberi taklimat kepada saya.

Saya dapati bahawa peruntukan yang mereka minta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini telah dipotong sedikit. Jadi, saya minta kalau boleh, yang depa minta itu tidak payah potonglah Dato'. Tidak banyak mana sangat pun potong, jadi bagilah cukup-cukup yang dia minta, saya ingat kalau tidak silap saya RM160 juta atau RM200 juta tetapi lebih dipotong menjadi RM160. Saya lupa *figure* itu ada dalam *briefcase* saya itu. Jadi, kalau boleh, pasal banyak lagi kementerian yang hendak kena buat, jadi tidak usahlah potong, tidak usahlah kerat Yang Berhormat Menteri, bagilah yang depa minta itu. Terima kasih, Dato' sebab Kedah miskin Dato', negeri yang berkorban untuk rakyat, menanam padi. Terima kasih, Dato'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar rayuan dan puji-pujian ini saya takut kadang-kadang, ada makna itu [*Ketawa*] Walaupun demikian, apa yang berlaku di KEDA ataupun di mana-mana juga keadaan wilayah, mereka tidak pernah menyebut wang yang terkumpul, yang ada di dalam tangan mereka. Yang mereka sebut ialah mereka perlukan lebih banyak peruntukan. Oleh sebab ini sebuah kerajaan yang adil dan kita tidak pernah menafikan apa jua untuk kepentingan rakyat yang menyokong kita. Wilayah-wilayah ini sebenarnya adalah kawasan yang menyokong. Oleh sebab itu, takkan kita sampai hati untuk meletakkan mereka dalam keadaan yang darurat. Insya-Allah kita buat apa yang terbaik, terima kasih banyak.

Sekarang ini saya pun tidak tahu di mana hendak mula. *[Ketawa]* Okey, saya ulang balik, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Yang Berhormat bagi Bera pula menyentuh mengenai penyelarasan program antara FELCRA dan FELDA, manakala Yang Berhormat bagi Cameron Highlands pula mencadangkan agar FELCRA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti FELDA dan beranggapan seolah-olah FELCRA bertanggungjawab kepada dua kementerian, iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bera, walaupun FELCRA telah dikorporatkan, pihak kementerian sentiasa memastikan matlamat asal penubuhannya tetap dipertahankan. FELCRA masih melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan program utama, iaitu pemulihan dan penyatuan tanah. Bagi tahun ini sahaja, projek pemulihan dan penyatuan tanah akan diteruskan dengan melibatkan kawasan seluas lima ribu hektar, manakala bagi program tanaman semula melibatkan 4,854 hektar.

Mengenai persoalan FELCRA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan soal pertindihan antara dua kementerian, suka saya menjelaskan bahawa FELCRA selama ini tidak pernah diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun demikian, FELCRA mempunyai beberapa program kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini bukan soal pertindihan sebaliknya merupakan pengukuhan program untuk kebaikan rakyat jua. Harapan saya kepada semua Ahli Lembaga Pengarah dan pegawai-pegawai yang berkenaan, marilah kita sama-sama beri perhatian kepada warga FELCRA ini. Kasihanilah mereka dan bantulah mereka yang sepatutnya. Walaupun FELCRA telah diperbadankan melalui Kementerian Kewangan semenjak 1 September 1997, namun begitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah masih menjadi *regulatory body*, dengan izin, ertinya kita mengawas. Peranan FELCRA jelas ia membantu kerajaan membangunkan ekonomi penduduk luar bandar dan pada masa yang sama turut membangunkan kawasan-kawasan luar bandar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan masyarakat, Yang Berhormat bagi Larut menyentuh mengenai peranan KEMAS sebagai agen pembangunan

masyarakat dalam memberi kesedaran ibu bapa, mendidik anak-anak supaya cemerlang di dalam pelajaran, terima kasih banyak Yang Berhormat. Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa di peringkat kementerian kini, kita sedang dalam persiapan terakhir untuk melancarkan kempen kesedaran ibu bapa luar bandar dalam menjayakan pelajaran anak-anak. Kempen ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada ibu bapa betapa pentingnya mereka bersama-sama menggalakkan anak-anak belajar untuk mencapai kejayaan.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyeru ibu bapa untuk memastikan setiap anak-anak di sekolah rendah mengulang kaji pelajaran mereka di rumah selama dua jam sehari, manakala bagi yang bersekolah menengah pula, tiga jam setiap hari. Program ini secara tidak langsung akan dapat memastikan anak-anak kita tidak berkeliaran di merata-rata tempat yang nantinya boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan kementerian, kempen ini nanti mendapat sokongan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana kementerian ini yakin melalui pendidikan, kita bukan sahaja memperoleh warga yang berilmu tetapi pada masa yang sama, kita yakin usaha pembasmian kemiskinan akan dapat diselesaikan dengan cara yang lebih berkesan lagi, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kementerian ini mempunyai satu institut yang dinamakan Institut Kemajuan Desa (INFRA). Di sini, kita antara lain menganjurkan kursus-kursus dan latihan dari semasa ke semasa. Bagi tahun 2005 ini, contohnya tujuh siri kursus untuk JKK akan dilaksanakan di INFRA. Di samping itu, 14 kursus pelan tindakan kampung tahap satu dan dua akan juga diadakan. Tuan Yang di-Pertua, setiap kursus akan disertakan dengan mata pelajaran simpan kira-kira atau *book keeping*, dengan izin. Dengan cara inilah, baru orang-orang kampung kita akan dapat menghargai, apakah ertinya perniagaan, apakah ertinya perjalanan hidup yang tersusun supaya tidak melakukan pembaziran. Tujuan kursus ini membimbing JKK mengenai struktur pentadbiran dan mengenal pasti potensi kampung mereka dan seterusnya merancang projek dan aktiviti di kampung masing-masing bagi tujuan menaikkan taraf sosioekonomi masyarakat kampung mereka masing-masing.

**Dato' Razali bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu bangun, Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi telah disentuh mengenai peranan KEMAS dalam usaha membangunkan modal insan yang begitu penting sekali tetapi satu perkara yang tidak harus kita lupakan ialah membina modal budaya itu sendiri yakni dari segi motivasi, ibu bapa dan keluarga. Tadi, telah dibicarakan dari segi usaha untuk menaikkan taraf keluarga yang boleh mempengaruhi aspek kesihatan, aspek kesedaran sivik dan bermacam-macam lagi. Jadi, dalam usaha kita hendak menggemburkan dan memugar potensi modal insan itu, perkara yang fundamental, dengan izin, adalah membangunkan modal budaya itu sendiri, mudah-mudahan dalam perancangan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini tidak melupakan aspek-aspek pembangunan modal budaya itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Insya-Allah Yang Berhormat akan menjadi salah seorang peserta untuk membimbing kita dalam hal menghidupkan budaya ini, terima kasih. Sementara itu, KEMAS melalui program pembelajaran sepanjang hayatnya sentiasa memberikan kesedaran tentang pelajaran – bermula dari tadika untuk anak-anak di peringkat prasekolah, aktiviti pusat sumber untuk golongan remaja, kelas jahitan dan memasak untuk golongan dewasa. KEMAS, sebenarnya sentiasa berada di tengah-tengah masyarakat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran penduduk luar bandar.

Yang Berhormat bagi Papar mencadangkan penambahan pegawai KEMAS di Sabah bagi tujuan melaksanakan program kekeluargaan dan kemahiran isi rumah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Papar, KEMAS Negeri Sabah telah pun diperkukuhkan. Sebanyak 72 jawatan telah ditambah menjadikan bilangan jawatan keseluruhannya bagi negeri Sabah berjumlah 84 jawatan. Bagi pengisian jawatan kontrak, seramai 1,594 orang telah dilantik. Sehubungan itu, adalah diharapkan KEMAS Sabah akan sentiasa, dari masa ke semasa memperluaskan aktiviti program-programnya secara aktif.



Yang Berhormat bagi Rembau mencadangkan supaya Gerakan Daya Wawasan ditukar semula kepada nama asalnya, Gerakan Desa Wawasan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, dahulu kita dengar Gerakan Daya Wawasan, sekarang kita dengar pula Gerakan Desa Wawasan telah habis. Oleh sebab itu, elok kita terangkan sedikit. Untuk pengetahuan Yang Berhormat...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, sebelum itu, Sabak Bernam bangun. Masa Ahli Parlimen bertanya Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh duduk kalau tidak, penat nanti.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Oh! Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya ada dua perkara, yang pertama ialah mengenai KEMAS. Peranan pegawai KEMAS ini sebenarnya sangat penting, kita dapati ada di antara pegawai KEMAS ini yang jelas tidak berkesan perkhidmatannya, dan mereka ini orang yang sudah lama, kalau kita hantar kursus juga, saya rasa kita tidak akan dapat mengubah sikap mereka itu. Oleh sebab itu apakah pandangan ataupun cadangan Yang Berhormat Menteri terhadap pegawai-pegawai yang jelas tidak berkesan ini, itu pertama.

Perkara yang kedua, berkaitan dengan JKKK. Yang Berhormat Menteri, JKKK ini adalah satu institusi ataupun unit kecil yang sangat kritikal dan penting peranan dia. Sebab daripada unit kecil kampung inilah maka kita boleh menyelesaikan banyak masalah. Oleh sebab itu, kita berpandangan bahawa JKKK ini perlu diperkasakan dan dalam konteks ini saya ingin memberi pandangan JKKK ini selalu merujuk kepada wakil rakyat, Ahli Parlimen untuk peruntukan. Saya memberi pandangan bahawa JKKK ini termasuklah persatuan belia di kampung itu, harus diberi ruang untuk terlibat dalam projek ekonomi yang ada potensi komersialnya. Jadi maknanya apabila mereka terlibat dalam projek ekonomi yang berpotensi komersial ini, maka peruntukan untuk mereka menggerakkan jentera-jentera ini boleh datang daripada sini.

Dan yang ketiganya ialah, Sabak Bernam berharap supaya dalam JKKK ini dipastikan agenda, dua agenda penting harus dipastikan ada. Yang pertama ialah

agenda pendidikan ataupun pelajaran dan yang keduanya ialah agenda gejala sosial khususnya agenda membanteras salah guna dadah. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. Walaupun KEMAS ada setengah tu dah uzur, tapi belakang parang kalau diasah pun tajam juga. Kalau diasah tidak tajam juga, maknanya sepuh dia lemah. Yang lemah sepuh ni kita sihatkan dia dulu, kita ambil yang baru dan dalam hal ini kita tidak payah hilang akal, kita cari yang terbaik dan insya-Allah kita akan jumpa yang baik juga.

Demikian juga dalam soal JKKK, saya faham bahawa inilah sebenarnya nadi kepada kampung, bagaimanakah untuk kita mengatasi masalah nadi ini supaya dia berdenyut terus. Oleh sebab itulah saya utarakan tadi dalam kursus-kursus yang akan datang di INFRA, , kita akan adakan simpan kira. Kerana kita dapati di kampung, apabila dia buka gerai dia dapat RM10, dia belanja RM10, dia ingat itu sudah untung, walhal RM10 itu termasuk modal dia sendiri. Kalau dia belanja RM10, dapat RM10 maknanya tutup kedailah pada keesokan hari. Oleh sebab itu JKKK baik, ataupun badan-badan individu persendirian, dia mesti ada latihan iaitu simpan kira supaya dia dapat menjalankan usaha dengan baik dan Insya-Allah dengan adanya institusi penghulu, dengan adanya ketua kepada JKKK dan juga Yang Berhormat Ahli Parlimen dan ADUN bekerjasama, insya-Allah nadi denyutan ini akan terus dapat membawa keadaan kampung itu kepada harapan seperti semua orang harap maju.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sekali lagi Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sikit saja lagi. Boleh tak pengalaman yang lepas dijadikan satu iktibar. Saya maksudkan, saya lihat kementerian melalui Jabatan Pertanian, belia melalui Jabatan Belia, kemudian Kementerian Pembangunan Usahawan, ia fokus kepada kampung tetapi akhirnya tidak ada usahawan contoh, tidak ada projek contoh. Maknanya daripada pengalaman yang lepas walaupun banyak peruntukan turun tetapi akhirnya tidak ada nampak satu kejayaan, jadi saya berharap seperti yang pernah dibuat

oleh kementerian ini, dulu nampak ada satu usaha sama dengan kementerian lain seharusnya kementerian ini boleh menyelaras supaya projek dan peruntukan ini dapat dikoordinat untuk memastikan keberkesanannya. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai cadangan itu. Seperti pernah saya sebut tidak semua benih yang ditanam akan tumbuh, berbunga dan berbuah, setengah tu langsung tidak pernah tengok buah dia tapi dia tumbuh. Sebab itu apa yang dirancangan, kita akan memastikan daripada JKKK yang telah dilatih, kita mesti ada ulangan kepada mereka iaitu pemantau. Kalau sekiranya kita latih seseorang itu dan tidak kita pantau, ia akan hanya pergi berkursus dan tidak akan mendatangkan hasil apa-apa untuk orang kampung. Kerana manusia ini sebenarnya dia perlukan gembala, seperti dalam Dewan ini kalau tidak ada Tuan Yang di-Pertua, dah naiklah kasut melayang di antara satu sama lain tapi alhamdulillah oleh sebab kawalan Tuan Yang di-Pertua ada, maka kita mempunyai gembala yang baik dan begitulah diharapkan JKKK ini nanti. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Papar, Gemas, negeri Sabah telah pun diperuntukkan tadi 72 jawatan dan insya-Allah mereka akan bergerak secara aktif. Yang Berhormat Rembau mencadangkan supaya Gerakan Daya Wawasan ditukar semula kepada nama asalnya, Gerakan Desa Wawasan. Saya ulangi semula, mengapa gerakan ini bertukar nama? Kerana negara kita sentiasa melalui dan mengalami masa yang berubah secara dinamik. Semasa Gerakan Desa Wawasan dilaksanakan, tumpuan kepada ketika itu menjurus pada penekanan pembangunan fizikal, fasa tersebut telah berjaya kita lalui.

Pada 26 Julai 2003, Perdana Menteri kita mengambil keputusan menukar Gerakan Desa Wawasan kepada Gerakan Daya Wawasan. Persoalannya, mengapa desa bertukar kepada daya? Daya membawa pengertian kepada pembangunan potensi insan, ekonomi dan sosial. Tegasnya kita mahu luar bandar mempunyai insan yang berdaya tahan, ekonomi yang berdaya saing dan berdaya pasaran. Manakala sosial pula memperkukuhkan dan memperkasakan institusi sosial seperti JKKK, Gerakan Koperasi, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan untuk menjadi lebih mantap dan kukuh.

Oleh yang demikian, pertukaran dari Gerakan Desa Wawasan kepada Gerakan Daya Wawasan adalah lebih tepat, baik dan bermakna pada ketika ini. Mudah-mudahan Yang Berhormat Rembau akan berpuas hati dengan penerangan yang diberi ini.

Mengenai pembangunan ICT di luar bandar, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Baram, ketika ini kementerian sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang digital di antara luar bandar dan bandar. Bagi mencapai matlamat tersebut, kementerian memperkenalkan program yang dipanggil Medan Info Desa. Setiap Medan Info Desa berharga lebih kurang RM345,000 sebuah. Sehingga kini kita sudah membina 17 Medan Info Desa di seluruh negara dan pada masa ini sebanyak 12 Medan Info Desa sedang dalam pembinaan. Manakala 10 lagi Medan Info Desa baru akan dibina pada tahun ini juga, insya-Allah.

Medan Info Desa adalah merupakan prasarana teknologi maklumat yang disediakan di luar bandar, mudah-mudahan penduduk luar bandar dapat turut sama dalam perkembangan kemajuan teknologi ini secara aktif, insya-Allah. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian adalah menjadi harapan kementerian ini semoga semangat untuk melihat kawasan luar bandar dapat dibangunkan akan terus bersemarak di setiap hati dan sanubari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hendaknya. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih. Sekarang saya jemput pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**5.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya inginkan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja, Mesyuarat Pertama Penggal

Kedua, Parlimen Yang Kesebelas. Saya ucapkan terima kasih khas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, Larut, Kota Belud, Tanjung, Rasah, Maran, Padang Serai, Jerai, Putrajaya, Rembau, Tuaran yang telah pun memberi perhatian dan membangkitkan beberapa isu, pandangan, cadangan dan pendapat yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Titah Diraja Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ayer Hitam ada menyarankan supaya kerajaan memberi pengetahuan kepada syarikat pembinaan tentang selok belok menjalankan perniagaan di luar negara.

Sukacita saya maklumkan Pusat Khidmat Kontraktor di bawah kementerian berperanan dalam meluluskan lesen kepada kontraktor sebaliknya tugas yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat lebih dimainkan oleh CIDB di bawah Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun PKK ada melaksanakan Latihan-latihan Pengurusan Kemahiran Teknikal, Program Khidmat Nasihat dan dialog dari semasa ke semasa. Kemahiran teknikal yang diperolehi boleh juga dijadikan panduan untuk meneroka di bidang pembinaan di luar negara.

Yang Berhormat juga ada menyentuh tentang kelewatan memproses pinjaman kepada IKS. Ingin saya maklumkan kepada umum, kelewatan memproses pinjaman adalah disebabkan kebanyakan permohonan yang dikemukakan tidak menyertakan dokumen-dokumen asas yang lengkap, contohnya syarikat tidak menyertakan akaun yang diaudit. Ada kalanya pemohon sendiri lewat mengemukakan maklumat tambahan yang diperlukan.

Sehubungan dengan ini saya difahamkan MAMPU di bawah Jabatan Perdana Menteri telah menjalankan satu kajian berhubung dengan pengurusan dana-dana kerajaan. Kajian tersebut mendapati peraturan dan prosedur yang diamalkan oleh institusi yang mentadbir dana-dana tersebut adalah mengikut peraturan dan masa yang diambil adalah munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut ingin tahu usaha dalam memastikan pelajar cemerlang mendapat pendidikan yang sempurna di sekolah berasrama. Seperti yang kita sedia maklum salah satu sekolah berasrama ialah Maktab Rendah Sains Mara di bawah kementerian. Kejayaan MRSM dalam memberi

pendidikan yang sempurna telah terbukti dilihat dari kejayaan pelajar-pelajarnya dalam peperiksaan. Sebagai contoh semua 5,887 orang pelajar dari 27 buah MRSM telah pun mendapat Sijil Pelajaran Malaysia atau lulus 100% dan keputusan terakhir 2004 seramai 100 orang telah pun mendapat 1A dalam semua mata pelajaran dan seramai 395 orang pula ada yang mendapat keputusan 11A, 10A.dan 9A

Kecemerlangan dalam pencapaian PMR dan SPM dalam semua mata pelajaran telah mengatasi pencapaian keseluruhan di peringkat kebangsaan.

**Dato' Razali bin Ismail:** [*Bangun*]

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah kementerian terdapat 170 buah Pusat Giat Mara dan 15 buah Institut Kemahiran Mara di seluruh Negara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** ....dan sebahagian besarnya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya menengar tentang MRSM dan kolej-kolej di bawah Mara. Saya mendapati bahawa meskipun dia masih dapat mengekalkan prestasi akademik yang baik tapi bila saya tinjau dan dapat berbincang dengan beberapa orang guru di situ bahawa penekanan kepada kemahiran berfikir yang dahulunya banyak digunakan model-model daripada *court thinking advert dbono* tetapi nampaknya sekarang perkembangan terakhir sekali kerana mungkin terlalu *exam oriented* dengan izin maka kemahiran-kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif itu sudah agak terabai. Bagaimanakah statusnya sekarang ini. Apakah itu sengaja diadakan ataupun mungkin kerana guru itu terlalu menjuruskan perhatian mereka kepada peperiksaan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak fikir keadaan berlaku begitu kerana kalau kita tengok kolej-kolej Mara umpamanya banyak pun daripada kolej-kolej Mara yang mengikuti kursus-kursus kemahiran telah pun memenuhi dalam pasaran kerja ini. Mungkin kalau Yang Berhormat kata di peringkat

sekolah menengah ini akan kita ambil perhatian dan penelitian mungkin terdapat perkara-perkara ini dan saya akan beri perhatian dalam hal ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah kementerian terdapat 170 buah Pusat Giat Mara dan 15 buah Institut Kemahiran Mara di seluruh negara yang sebahagian besarnya terdapat di kawasan-kawasan luar bandar. Lulusan Giat Mara dan IKM telah berjaya mendapat pekerjaan. Selain itu, ramai juga yang telah menjadi usahawan dan menjalankan perniagaan sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan tertubuhnya Universiti Kuala Lumpur, lulusan Giat Mara dan IKM di luar bandar berpeluang meningkat.....

**Tuan Teng Boon Soon:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tebrau bangun.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya tentang MARA mengenai 10% di *reserve* untuk bukan Melayu.

**Seorang Ahli:** Bukan bumiputera.

**Tuan Teng Boon Soon:** Ya, bukan bumiputera, *sorry*. Bukan bumiputera dan apakah sambutannya sehingga sekarang. Saya baca dalam surat khabar bahawa sambutan itu agak dingin. Jika sambutan itu dingin apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan atau oleh kementerian untuk memperbaiki kedudukannya. Minta penjelasan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** 10% yang diperuntukkan kepada bukan bumiputera diteruskan. Laporan yang menyatakan dingin itu saya tidak nampak dingin. Tetapi walau bagaimanapun ada lagi tempat-tempat kekosongan yang perlu diisi oleh bukan bumiputera. Hal ini kita akan menunaikan rayuan-rayuan yang akan dibuat oleh pelajar-pelajar bukan bumiputera seterusnya.

**Tuan Teng Boon Soon:** Sedikit lagi. Adakah tindakan-tindakan tertentu diambil untuk menyiasat tentang sebab-sebabnya sambutan yang dingin dari kalangan bukan bumiputera itu sungguhpun 10% tempatnya yang telah di *reserve* untuk mereka. Adakah sebarang langkah atau tindakan diambil untuk mencari sebab-sebabnya.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Kita tidak dapat memberi maklumat *detail* tetapi setahu saya apabila kaum kumpulan minoriti memasuki dalam kumpulan majoriti dia agak rasa terkeluar ataupun tersisih. Dengan sebab itu dengan sendirinya, bukan paksaan tetapi dengan sendirinya kehendak pelajar itu keluar daripada sekolah yang berkaitan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan sedikit. Mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya tentang peratus yang telah Yang Berhormat sebutkan di Universiti Kuala Lumpur tadi bukan kerana masalah pengambilan tetapi mungkin mereka yang bukan dari bumiputera ini masih agak baru.....

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, bukan Universiti Kuala Lumpur, MRSM.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Universiti Kuala Lumpur?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** MRSM yang dimaksudkan 10%.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, MRSM. Adakah mereka merasakan mereka kurang jelas apa dasar yang telah dibuat oleh Mara untuk menempatkan 10% pelajar bukan bumiputera ini supaya mereka tidak keliru lagi. Saya rasa mungkin penjelasan tentang pengambilan 10% pelajar MRSM itu kurang diperjelaskan kepada mereka yang berkenaan kerana saya ingin nyatakan di sini bahawa baru-baru ini saya balik dalam satu Majlis Penyampaian Skim Galakan Pelajar Cemerlang ada seorang pelajar dari kawasan saya Larut, adalah anak seorang daripada keturunan India. Mereka terima masuk ke MRSM yang telah disebutkan tadi, terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tidak timbul masalah tidak jelas kerana kelayakan adalah mengikut prosedur yang kita tetapkan.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pendang.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya tentang Giat Mara tadi yang disentuh oleh Yang Berhormat. Apabila kita melawat kawasan Giat Mara kita dapati banyak terutamanya yang mengikuti kursus motor mekanik, mereka masih kadang-kadang menggunakan enjin yang kita katakan *out of date*, yang lama.



Misalnya kalau *gear box* itu masih menggunakan *gear box* yang manual. Kalau enjin diesel itu tidak menggunakan *direct injection* diesel enjin. Maknanya masih menggunakan enjin-enjin bentuk lama padahal kereta sekarang ini banyak menggunakan enjin-enjin yang moden. Apakah tindakan Giat Mara seterusnya untuk mengupdatekan kursus-kursus terutamanya dalam bidang motor mekanik. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Giat Mara memang kita memberi pendidikan asas daripada segi pendidikan. Walau bagaimanapun kita akan beri perhatian untuk melihat supaya dapat kita perolehi peralatan-peralatan yang lebih baru. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan tertubuhnya Universiti Kuala Lumpur, Giat Mara dan IKM di luar bandar juga berpeluang meningkatkan tahap pendidikan mereka dan peringkat Sijil Giat Mara ke peringkat Diploma IKM dan seterusnya Ijazah Universiti Kuala Lumpur.

Kursus yang ditawarkan adalah selari dengan kumpulan industri dan ini akan dipertingkatkan lagi. Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan isu (CHAM) *Container Holiars Association of Malaysia* dengan izin, dan *Association of Malaysian Holiars* (AMH) dengan izin, yang tidak mematuhi kadar pengangkutan kontena yang ditetapkan oleh LPKP dengan mengenakan *surcharge* tambahan. Saya cari Tanjong, ada?

Kementerian sedar adanya tindakan CHAM dan AMH yang telah menggunakan *surcharge* tambahan yang dinamakan *fuel adjustment factor*, dengan izin, sebanyak 10.15%.

Perkara ini berlaku adalah disebabkan kenaikan harga minyak diesel pada tahun lalu, mereka berbuat demikian atas alasan syarikat mengalami kerugian disebabkan kenaikan harga diesel. Berhubung dengan perkara ini, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan atau lebih dikenali dengan LPKP telah menerima beberapa surat bantahan dari Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia dan Persekutuan Pengilang Malaysia. Saya ingin memaklumkan LPKP telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil dari pengusaha *holiars* iaitu CHAM dan AMH dan mengarahkan supaya *surcharge* tersebut diberhentikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 20 buah syarikat kontena yang masih berdegil dan meneruskan *surcharge* tersebut. Oleh yang demikian, LPKP telah pun menghantar surat kepada syarikat yang terbabit dan minta mereka mengemukakan surat tunjuk sebab.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sikit penjelasan Yang Berhormat? Yang Berhormat laju sangat, ke belakang sikit fasal IKM dan Institut Pengajian Tinggi Kemahiran MARA. Tadi, Yang Berhormat sebut mereka ini adalah merupakan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya fikir perkara itu telah diselesaikan. Balik ke tajuk yang lain.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bukan. Tadi saya tidak sempat, laju sangat Tuan Yang di-Pertua. Kalau laju sangat, saya hendak kena dengar hujung dia, dia langkau. Kalau tidak laju sangat, saya sudah bangun tadi. Fasal laju sangat, jadi sikit sahaja hendak tanya tentang pelajar peringkat sijil dan diploma sekarang ini sudah ada untuk IKM dan juga Institut Tinggi Pengajian MARA. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang Universiti Kuala Lumpur, yang awal tadi saya sebut. Tetapi, oleh kerana Yang Berhormat mengheret saya kepada MRSM. Saya hendak tahu, sejauh mana sambutan mereka ini, terutama daripada peringkat diploma yang telah ditawarkan tempat dalam Universiti Kuala Lumpur kerana Universiti Kuala Lumpur ini adalah yang ditaja oleh MARA.

Jadi, saya ingin mendapat sikit penjelasan, mungkin tidak spesifik, sekurang-kurangnya tentang sambutan. Adakah mereka yang masuk Universiti Kuala Lumpur ini, mereka yang lulus daripada sekolah biasa atau Yang Berhormat sebutkan tadi, mereka yang diberi peluang untuk belajar peringkat sijil di IKM dan peringkat diploma di Institut Tinggi Pengajian Kemahiran MARA. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sememangnya bila kita pergi ke IKM, mereka di peringkat diploma. Bila pergi ke Universiti Kuala Lumpur, mereka akan dapat peringkat ijazah di mana kita menjalankan kursus-kursus seperti *British Malaysian Institute, Malaysian France Institute, Malaysian Institute of Aviation, Malaysian Institute of Automotive, Malaysian institute of Chemical* dan *Institute Info-Tech* MARA dan ada beberapa lagi institut, fakulti yang kita lahirkan

dari Universiti Kuala Lumpur. Di situ, sememangnya ialah kebanyakannya pelajar daripada IKM dan kolej profesional yang kita angkat ke kolej universiti dan kita juga terbuka kepada pelajar-pelajar lain yang berminat di bidang bahagian fakulti kemahiran ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sikit lagi, hujung. Kalau begitu, saya berharap sangatlah supaya, saya sudah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan, institut pengajian tinggi yang dicadangkan di kawasan Parlimen saya itu di Larut, di Bukit Beliat Hulu Selama dapat disegerakan pembinaannya memandangkan ada masa depan yang cerah mereka yang dapat diploma untuk melanjutkan ke peringkat ijazah iaitu Institut Pengajian Tinggi Kemahiran MARA. Kalau boleh, disegerakan kerana peletakan batu asas pun telah dibuat, yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah MARA itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Tahniahlah Yang Berhormat. Dalam sekelip masa lagi, tender ada keluar. Bagi Kolej Kemahiran Tinggi MARA, bukan IKM. Kolej Kemahiran Tinggi yang diperuntukkan kepada Larut.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jerai. Bolehkah tidak Yang Berhormat Dato'?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Jangan dok banyak sangat. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak banyak. Pendek sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pasal MARA Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Okey.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Pertamanya, saya hendak tahu Yang Berhormat. Kita ada Pusat Giat MARA itulah. Yang buat elektrik, buat bata, buat enjin apa semua ini, ada. Cuma, saya nampak bagi kaum wanita, anak-anak kita di kampung ini yang dia tidak boleh pergi ke universiti dan sebagainya, kemahiran-

kemahiran tangan ini, pasal orang wanita ini tangan dia lembut Tuan Yang di-Pertua. Tangan dia lembut, jadi dia boleh menjahit dan sebagainya .

Jadi sekarang ini kita dok tengok macam Arau beritahu dekat saya, baju-baju yang ditenun itu, kita hendak bubuh segala manik-manik itu, sekarang hantar pergi Pakistan sampai ke India. Begitu juga baju kerawang yang dok tepuk pi, tebuk mai orang perempuan dok pakai itu. Hak itu pun, kita dok import mai daripada Indonesia, hak dok buat baju kebaya, hak pinggang ramping itu. Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan atau kementerian ingin mencadangkan supaya diwujudkan.

Walaupun dalam kampung itu macam kawasan saya, buat bata dengan *wiring*, tetapi saya hendak juga untuk beliawanis-beliawanis ini, kelas-kelas menjahit cara-cara moden supaya mereka boleh cari makan kerana otak depa *slow*, tangan depa bagus.

Yang keduanya, MRSM. Dulu, MRSM Itu patut buat di Yan. Kemudian, depa pelari pi di Pendang. Janji hendak bagi balik dekat Yan. Saya hendak tuntutan hari ini janji-janji yang kata hendak buat MRSM di Yan. Jadi, bilakah?

Saya minta Yang Berhormat balik beritahu dekat pegawai-pegawai hak janji-janji dulu itu, mana dia? Jadi, masalah saya fasal saya hendak jadi Yan itu industri pendidikan. Kita ada dah, ini hendak masuk mai agama, kita ada sekolah itu, sekolah ini. Jadi, MRSM ini adalah janji kerana pada masa itu, saya di Lembaga Pengarah MARA. Kemudian, mai pengerusi MARA yang baru, dia ambil projek itu bawa pi di kawasan dia di Pendang. Jadi, saya hendak tuntutan balik hak saya dulu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak mintalah sesiapa yang minta penjelasan, tolonglah jangan ambil masa yang panjang. Sebenarnya jawapan daripada kerajaan, kementerian-kementerian sepatutnya selesai semalam, minggu lepaslah. Tetapi sekarang sudah tambah satu hari dan saya takut kalau membenarkan, masa sia-sia, saya takut malam ini pun tidak boleh diselesaikan. Jadi, mintalah kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**.....selepas itu, kita akan memberi peluang untuk perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan akan dibincangkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dia bukan sia-sia Tuan Yang di-Pertua. Yang ini janji.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya faham, saya faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan sia-sia. Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hanya mintalah ikut peraturan, cara macam mana kita mengemukakan soalan untuk dijawab semasa itu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya. Itu sudah tertib dah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta kerjasama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dia tidak boleh tanya terus Tuan Yang di-Pertua. Dia kena tertib. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Saya mohon kerjasama.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Jerai, sebenarnya kursus Giat MARA memangnya bidang wanita ada. Di Parlimen saya, oleh sebab saya agaknya Ahli Parlimen wanita, saya pergi lihat tidak ada kursus-kursus itu, saya adakan dan hari ini memang kursus-kursus jahitan, jahit baju moden, labucikah, sulam-sulam macam mana Yang Berhormat sebut itu ada. Jadi kalau Yang Berhormat hendak Giat MARA Yang Berhormat ada benda-benda itu, sila hubungi dengan pegawai Giat MARA yang berada di kawasan Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak pernah pergi kot?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya yang meng*initiated*kan penubuhan Giat MARA di Yan untuk makluman Yang Berhormatlah. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, yang kedua, masalah Yan tadi, kalau saya tengok, kita hendak bangun lagi 13 MRSM. Nasib Yang Berhormat tidak baiklah. Di Kedah kita tambah dua lagi, tidak termasuk Yan. Tetapi tidak apa itu Yang Berhormat, sabar. Saya akan sampaikan salam ini kepada Menteri untuk tengok sama ada bolehkah tidak boleh kita masukkan untuk Yan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kena boleh Yang Berhormat, fasal ini janji. Janji mesti ditunaikan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Insya-Allah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat bagi Rasah mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengeluarkan satu surat tawaran khas kepada kereta-kereta sapu yang sedia ada beroperasi di KLIA untuk memohon menjadi teksi KLIA. Selepas tawaran ini, jika didapati ada lagi mana-mana kereta sapu yang datang, kita perlu ambil tindakan dan sepatutnya kes-kes ini tidak berlaku lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tidak bercadang menawarkan lesen teksi kepada pemilik kereta sapu untuk beroperasi di KLIA. Perkhidmatan teksi di KLIA perlu dikawal untuk memastikan tahap perkhidmatan yang baik, cekap, selesa dan selamat.

Oleh itu, ia perlu dikendalikan oleh syarikat yang berkeupayaan dan berpengalaman. Yang Berhormat bagi Maran menyarankan supaya kerajaan memberikan latihan berkaitan dengan konsep halal sebenar kepada pengusaha-pengusaha dan pengeluar-pengeluar berkaitan industri makanan. Kementerian saya sememangnya membangunkan usahawan dan semua bidang termasuk pengeluar industri makanan bumiputera yang berkonsepkan makanan halal. Mereka diberi latihan secukupnya dari pelbagai sudut termasuk sumber pengeluaran dan kebersihan. Walaupun pada asasnya mereka mengeluarkan produk-produk halal, tetapi sijil pengiktirafan halal perlu diperolehi oleh pengusaha menerusi JAKIM selaku pihak yang diberi kuasa untuk menentukan status tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai,

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, penting hal ini. Pertamanya saya hendak tanya Yang Berhormat, satu, pasal apakah produk yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha Melayu bumiputera ini memerlukan sijil halal? Saya tidak nampak logiknya sudah kita buat benda itu halal, hendak apa sijil halal lagi. Yang patut kita minta ialah sijil tidak halal, kalau kita buat benda yang tidak halal. Jadi kalau dia buat muruku, tak kan muruku itu pun kena buat tanda halal. Benda ini sudah halal. Jadi saya ingat itu benda yang sepatutnya diselesaikan dan satu lagi saya nampak usahawan-usahawan yang Yang Berhormat bangunkan ini.

Sekarang ini saya nampak tidak ada penyelarasan Kementerian Pertanian pun buat, Kementerian ini pun buat. Jadi saya hendak minta. Dari segi pengeluaran, pakat-pakatliah dengan Kementerian Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dia ada FAMA dan sebagainya jadikan satu pasukan mengeluarkan, memasarkan dan juga mengiklan benda-benda ini. Kalau tidak Yang Berhormat, saya dapat lihat produk-produk yang dibuat oleh usahawan-usahawan kita ini dia tidak sampai ke jauh mana. Kalau buat di Kuala Kangsar tidak sampai pun ke Kuala Lumpur, kalau buat di Yan, tidak sampai pun ke Alor Setar disebabkan oleh *network* pemasaran yang tidak ada dan juga dari segi *packaging* yang tidak baik. Jadi usahawan ini lambat untuk membangun benda-benda yang mereka keluarkan itu. Jadi mereka telah diajar sebagai usahawan, tetapi mungkin dari segi pemasaran.

Jadi apa salahnya kalau saya mencadangkan supaya Kementerian-Kementerian ini duduk, pakat macam mana. Panggil PPK atau panggil MARDI duduk sekali untuk kita *identify* produk-produk yang kita hendak buat dan bukan setakat dalam negeri dan kita boleh eksport. Bolehkah Kementerian Yang Berhormat ambil inisiatif ini untuk menjayakan usahawan-usahawan yang kita bangunkan pada ketika ini.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat bercakap mengenai sikap tidak perlu kita keluarkan sijil halal kepada pengusaha bumiputera yang melaksanakan produk-produk halal, saya akui Yang Berhormat. Tetapi di sini kena faham. Apabila halal bukan hanya apabila ayam itu disembelih - tidak masuk khinzir, itu yang dikatakan tidak halal Tetapi perbuatan cara suci-mensuci, halal, konsep halal perlu ada dalam melaksanakan produk-produk halal, itu kita maksudkan yang kita hendak pasti ia berlaku bersih. Terima kasih Yang Berhormat. yang kedua, apabila Yang Berhormat cakap pasal...*[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat kerana mendahului Kementerian. Sebenarnya apa yang Yang Berhormat mengutarakan sebentar tadi, kita di Kementerian dalam usaha 5 Mei 2005 nanti kita akan melancarkan program Gerak Usahawan, yang mana *tag line* kita kata Keusahawan Kerjaya Pilihan.

Dalam program ini dengan sendirinya kita akan melibatkan agensi-agensi seperti SIRIM, agensi-agensi sokongan perbadanan Pembangunan Industri Kecil.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Maran.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Nanti saya habiskan jawapan ini dahulu. ....Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Produktiviti Negara, Institut Penyelidikan, *Forest Research, Malaysian Venture Capital*, dan kementerian-kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Luar Bandar, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Perumahan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa supaya kita mempunyai hala tuju yang baik seperti mana Yang Berhormat maksudkan sebentar tadi, Insya-Allah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak menarik balik perhatian kepada Timbalan Menteri tentang apa yang saya kemukakan semasa saya membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong tempoh hari iaitu tentang latihan diberikan kepada pengusaha-pengusaha khususnya restoran-restoran makanan ini. Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa kursus ini diberikan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ataupun Islam. Saya maksudkan, cadangan saya ialah, kursus ataupun kefahaman ini diberikan bukan sahaja kepada pengusaha-pengusaha bumiputera ataupun Islam, tetapi juga kepada bukan Islam supaya mereka tahu, mereka faham batas-batas ataupun aspek-aspek, perkara-perkara yang bertentangan, yang haram, yang halal dan sebagainya supaya mereka dapat menghormati.

Kalau mereka tidak faham, kalau dia menjual benda-benda yang haram, dia tidak tahu benda-benda yang halal haram ini. tetapi kalau sudah berikan penjelasan kepada mereka, kita harap supaya mereka menghormati nilai-nilai ataupun etika ataupun batasan-batasan yang ada dalam agama Islam supaya mereka tidak sewenang-wenangnya mendapatkan label-label halal ini untuk ditampal di kedai-kedai mereka. Itu maksud saya. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat, kita akan ambil perhatian dalam bidang itu. Yang Berhormat bagi Padang Serai menyarankan diwujudkan projek-projek industri kecil dan sederhana di luar bandar untuk mengeluarkan produk-produk yang berasaskan pertanian. Kementerian saya sentiasa memberikan perhatian dan turut terlibat dalam mewujudkan projek-projek IKS di semua peringkat termasuk di kawasan luar bandar yang berasaskan kepada pertanian.



Kementerian telah memberikan tumpuan khusus melalui program Satu Daerah Satu Industri yang berteraskan komoditi penggunaan sumber setempat. Di antara produk dan perkhidmatan yang dihasilkan adalah produk makanan, produk kraft dan perkhidmatan *home stay*. Kementerian sentiasa memberi kerjasama dan galakan termasuk mengeluarkan peruntukan pinjaman kewangan sekiranya diperlukan oleh pengusaha IKS khususnya dari luar bandar.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Jerai, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah melaksanakan beberapa program bimbingan serta peruntukan kewangan kepada graduan menganggur yang berminat untuk berniaga dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya. Program-program tersebut ialah:

- i. Skim Usahawan Siswazah
- ii. Program francais siswazah
- iii. Program tekno-prono
- iv. *Incubator* siswazah

Jadi Yang Berhormat tidak perlu *detail* lah, ya? Program ini Yang Berhormat boleh tengok dalam *website* yang menjelaskan program-program yang saya maksudkan tadi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya hendak jelaskan satu sahaja. Skim *Incubator* siswazah adalah program baru yang kan diperkenalkan dari tahun ini bagi siswazah yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan tetapi belum mempunyai pejabat sendiri. Ruang pejabat yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan seperti komputer, telefon, mesin *facsimile*, mesin fotostat serta pusat sumber disediakan. Siswazah boleh menjalankan aktiviti-aktiviti awal untuk memulakan perniagaan seperti menyediakan rancangan perniagaan, membina jaringan perniagaan serta membuat kajian pasaran serta dibantu dan dipantau oleh pegawai dan program *incubator* ini turut diadakan di pejabat-pejabat MARA negeri dan daerah, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat bagi Petra Jaya mengenai perlunya memperbaiki dasar dan pelaksanaan yang di sedia ada untuk membentuk dan menggalakkan bumiputera menceburi bidang keusahawanan dan kawasan wilayah di luar bandar. Untuk maklumat

Yang Berhormat, kementerian sentiasa peka dengan perubahan dan senario semasa ekonomi dunia.

Justeru itu, dasar-dasar pembangunan usahawan yang sedia ada dikaji dan diubahsuai bagi memenuhi keperluan dan perubahan semasa. Dasar kementerian diterjemahkan dalam bentuk program keusahawanan seperti pembudayaan, latihan keusahawanan, pembiayaan, penyediaan premis perniagaan, pemasaran dan promosi yang bertujuan melahir dan membangunkan usahawan bumiputera. Program ini tidak terhad di kawasan wilayah malah meliputi di kawasan-kawasan luar bandar. Kementerian juga mempunyai agensi seperti MARA di peringkat negeri dan daerah dalam membantu serta membimbing usahawan dan bakal usahawan. Begitu juga Yayasan Tekun Nasional yang mempunyai pejabatnya di setiap negeri dan daerah termasuk kawasan wilayah dan luar bandar, seperti sedia maklum Yayasan Tekun Nasional berperanan menyediakan pembiayaan kepada usahawan-usahawan kecil sebahagian besar peminjam adalah dari kawasan luar bandar.

Bagi soalan kedua, untuk mewujudkan program kesedaran dan pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan produk halal, saya telah pun menjawab di peringkat awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Sikit Yang Berhormat, penting, penting. Tadi, Yang Berhormat telah membangunkan usahawan di bandar dan luar bandar. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat satu, saya puas hati apa yang MARA buat tetapi yang tidak saya berapa puas hati ini ialah UDA. Matlamat UDA yang kita tubuhkan dulu, saya ingat lagi, *Urban Development Authority*, dengan izin Pembangunan Bandar ye!. Tetapi Yang Berhormat, saya hendak tahu berapa banyak sudah bumiputera-bumiputera yang telah berada di pasar raya-pasar raya atau pun gedung-gedung yang besar. Kalau di Kuala Lumpur kita katakanlah di *Twin Tower* ke, Lot 10 ke, di mana-mana lagi yang besar ataupun di bandar-bandar besar, seperti Pulau Pinang ke, Ipoh ke, Johor Baru.

Di sana saya dapati bahawa ikhlas cakap bahawa UDA hari ini matlamatnya *bottom line*, mencari keuntungan dan saya difahamkan UDA pula telah pun diswastakan. Apabila sesuatu agensi kerajaan diswastakan saya sudah nampak saya sudah lihat,

kebanyakannya telah terkeluar daripada asas penubuhannya untuk menolong masyarakat bumiputera dan Melayu ini. Saya hendak tahu setakat ini apabila UDA, saya difahamkan diswastakan ataupun dijual, apakah matlamat asal penubuhan UDA itu masih kekal? Dan, bagaimanakah pihak kementerian atau kerajaan hendak mengawal di atas dasar-dasar yang kita letakkan semasa UDA itu diwujudkan? Saya bimbang kerana kalau tidak orang kita akan hilang tempat kerana orang Melayu tidak mampu lagi hendak memiliki, setakat ini tapak-tapak ataupun pusat-pusat perniagaan yang terkenal di ibu-ibu negeri. Adakah Yang Berhormat boleh memberi sedikit penjelasan kepada saya tentang sama ada hala tuju UDA itu masih kekal ataupun sudah diubah hala tujunya? Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, walaupun UDA sudah pun beroperasi sebagai syarikat awam yang pergi kepada *listing*, sebenarnya UDA masih berperanan meneruskan *social obligations* ataupun khidmat kepada rakyat membantu kerajaan dalam usaha membangunkan usahawan dan memperkukuhkan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Apa yang dimaklumkan sejak 1999 hingga 2000, kita telah pun memberi kepada 13 bandar di negara ini, iaitu sebanyak 9,878 unit permit premis perniagaan yang disewa dan dimiliki oleh bumiputera dan dari angka itu pada tahun yang sama UDA telah menjual dan menyewakan pula sebanyak 2,058 unit ruang niaga kepada usahawan bumiputera. Jadi, yang berkaitan dengan UDA, ia masih diberi di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua perkara. Yang pertama, Sabak Bernam mengucapkan terima kasih kerana Yayasan Tekun, walaupun terakhir tetapi sehingga kini telah membantu 120 orang usahawan niaga kecil dan berjaya, alhamdulillah. Yang kedua, ini bagi saya amat penting, MARA sejak beberapa tahun telah mengeluarkan bantuan yang cukup banyak kepada usahawan, berjuta telah dikeluarkan. Tetapi saya sukar hendak mencari usahawan contoh, khususnya saya hendak mengambil di negeri Selangor, Sabak Bernam, usahawan contoh daripada MARA supaya mereka ini kalau dapat diketengahkan, mereka ini boleh menjadi teladan

kepada orang lain untuk menjayakan projek mereka dan seterusnya oleh kerana mereka ini mendapat bantuan daripada MARA, membantu pihak kerajaan dalam projek kerajaan ini. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, kalau hendak sebut fasal usahawan contoh ini banyak. Cuba Yang Berhormat minta daripada MARA negeri mengadakan program ekspo. Macam semalam saya berkesempatan mengadakan ekspo di peringkat kawasan Parlimen. Di situ saya tengok banyak sekali usahawan kita yang boleh dijadikan sebagai contoh. Umpamanya, ada satu syarikat yang beliau berjaya membuat roti segar dan dia sudah menfrancaiskan dengan mendapat keuntungan yang begitu baik. Selain daripada itu, banyak lagi usahawan-usahawan kita yang telah dan akan kita bawa ke pameran atau *trade admission* kita di China untuk kita masuk dalam 44 *Parkson* di Queming dalam bukan Jun nanti, bekerjasama nanti dengan Hio. Di situ semuanya adalah merupakan usahawan bumiputera yang boleh kita jadikan contoh hasil pinjaman dari MARA.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Sedikit lagi, Yang Berhormat Menteri. Mengenai usahawan contoh ini saya hendak tanya, adakah satu bentuk buku, *booklet* yang merekodkan usahawan-usahawan contoh yang berjaya supaya ini akan lebih mudah untuk usahawan atau bakal usahawan menjadikan rujukan. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat berkunjunglah ke pejabat MARA di Jalan Raja Laut atau bukalah *website* untuk melihat apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat bagi Rembau juga menyarankan supaya disasarkan seorang usahawan bagi setiap keluarga, terima kasih, Yang Berhormat. Ini satu cadangan yang baik dan ia selaras dengan misi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk melahirkan dan membangunkan lebih ramai usahawan dalam pelbagai sektor. Hasrat ini dilaksanakan melalui 4 strategi utama, iaitu menyediakan persekitaran yang *conducive*, melahirkan usahawan, pembentukan usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing, pembangunan sumber manusia dan pembangunan kawasan pertumbuhan baru.

Kesemua strategi-strategi ini dilaksanakan melalui program dan aktiviti-aktiviti sebagai mana yang saya nyatakan sebentar tadi, pembudayaan, latihan keusahawanan, pembiayaan, penyediaan premis, perniagaan, pemasaran dan promosi.

Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan untuk mewujudkan jawatan kuasa pemantauan MPPB, iaitu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera, sukacita saya memaklumkan, mekanisme ini memang telah sedia wujud di mana Exco pembangunan usahawan di setiap negeri menjadi Ahli Jawatankuasa penyelarasan pembangunan usahawan Persekutuan dan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi sendiri. Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun, di mana maklumat dan isu berkaitan pembangunan usahawan dibincang bersama untuk dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah bersesuaian dengan dasar dan program di kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun] [Keluar Dewan]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat bagi Larut hendak keluar tu. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan tanggapan Ahli Yang Berhormat bagi Rembau yang mengatakan fungsi kementerian tidak terserlah dalam keusahawanan. Mana Rembau? Yang Berhormat, Kementerian Usahawan dan Koperasi mempunyai pelbagai agensi di bawahnya dan melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan. Agensi seperti MARA dengan latihan keusahawanan, program pembiayaan, program premis, program pendidikan serta latihan kemahirannya, juga Yayasan Tekun dan Tekun juga di bawah Kementerian sehingga 28 Februari 2005 telah memberi pinjaman kepada 104,600 usahawan dengan nilai pinjaman sebanyak RM501,880,500, termasuk sebanyak 233 peminjam Tekun dengan nilai sebanyak RM1.1 juta dari kawasan Ahli Parlimen Rembau sendiri. Selain itu, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad yang juga di bawah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi bila disebut tentang TEKUN dan MARA, tetapi apa yang lebih menarik

perhatian saya ialah tentang jumlah wang yang dipinjamkan kepada peminjam-peminjam itu. Saya hendak tahu apakah kedudukan budaya membayar balik pinjaman-pinjaman itu sama ada ke atas TEKUN mahupun ke atas pinjaman-pinjaman di MARA? Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Bayaran balik adalah 13%, tetapi tidak apa kita berusaha terus untuk memastikan budaya membayar balik itu diteruskan supaya lebih ramai usahawan kita dapat nikmat untuk meminjam dan melaksanakan program usahawan. Saya rasa kalau saya baca program apa yang dibuatkan oleh kementerian sendiri begitu banyak jumlah wang dan bilangan usahawannya, dan saya akan memberi secara *detail* kepada Yang Berhormat yang bertanya secara bersurat supaya ia dapat memuaskan hati Yang Berhormat.

Antara program yang dilaksana adalah Program Francais dan Vendor, usaha sama tulen mentor dan mantee, techno usahawan, usahawan dalam bidang pengangkutan dan pembinaan. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan secara keseluruhannya kementerian telah berjaya membangunkan 368,663 usahawan dalam pelbagai sektor. Dua pendekatan yang diberi penekanan ialah mewujudkan persekitaran yang conducive bagi melahir serta membangunkan usahawan, menanam budaya keusahawanan di kalangan masyarakat termasuk pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua cadangan supaya Dana Khidmat Nasihat diperluaskan sehingga ke kampung bagi membolehkan lebih ramai usahawan tani diwujudkan. Ingin saya maklumkan dana di bawah kementerian tidak terhad kepada usahawan di bandar tapi juga usahawan di luar bandar termasuk usahawan tani. Begitu juga dari segi khidmat nasihat yang diberikan oleh agensi-agensi di bawah kementerian seperti MARA dan Yayasan TEKUN. Kementerian telah menubuhkan pusat bimbingan usahawan di peringkat Pusat dan negeri, juga daerah bertujuan memberi bimbingan dan nasihat dalam bidang keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat Rembau juga diwujudkan Dana Modal Teroka, sukacita saya maklumkan dana tersebut sebelum ini memang telah dilaksanakan oleh kementerian. Walau bagaimanapun, dana tersebut telah diselaraskan semula dan kini diletak di bawah Kementerian Kewangan hasil

perakuan kajian penstrukturan semula dana-dana usahawan oleh Unit Perancang Ekonomi. Kajian oleh EPU tersebut bertujuan antara lain untuk mengelak berlakunya pertindihan di samping mempertingkatkan lagi kecekapan pengurusan dana. Dana Keusahawanan telah disusun semula mengikut 3 kategori iaitu Dana Semaian dan pewujudan Dana Asuhan dan Didikan serta Dana Pembangunan.

Bagi menjawab cadangan Yang Berhormat agar mempelbagaikan lagi Program Francais dan Vendor dengan memperkenalkan produk-produk francais dari luar negara. Kementerian sentiasa berusaha untuk menambah bilangan produk francais sedia ada di bawah program pembangunan *francais*. Salah satu strategi utama dalam program berkenaan adalah melalui aktiviti pembelian hak *francais* luar negara oleh agensi kementerian iaitu Perbadanan Nasional atau PNS.

Melalui penyertaan kementerian dalam pameran-pameran francais yang diadakan di luar negara umpamanya *The National Franchise Exhibition 2004* di Birmingham, United Kingdom, *Franchising Middle East 2005* di Dubai, produk-produk *francais* yang berpotensi dan terbukti berdaya tahan dan dapat dikenal pasti untuk dibawa masuk ke Malaysia. Selain itu, *Franchise International Malaysia*, dengan izin yang diadakan setiap tahun di Kuala Lumpur bertujuan memberi peluang kepada *franchisor* tempatan dan luar negara mempamer dan mempromosikan produk mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat juga di bawah Program Vendor, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meluaskan perniagaan IKS Vendor terutamanya pasaran luar negara melalui kerjasama syarikat-syarikat *Government Link Companies*, dengan izin atau CGC. Selain itu kementerian juga menganjurkan lawatan kerja dan misi perdagangan ke luar negara bagi mewujudkan hubungan kerjasama di antara syarikat-syarikat besar dan IKS Vendor Malaysia dengan syarikat-syarikat luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rembau ada menyarankan supaya kementerian memperbanyakkan lagi program seperti latihan keusahawanan dan pemasaran untuk meningkat keupayaan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sasaran peserta yang menghadiri program keusahawanan seperti kursus dan latihan keusahawanan yang dijalankan adalah sebanyak 148,820 orang, sehingga 31 Disember 2004 sebanyak 114,180 orang dan telah berjaya diberi latihan keusahawanan iaitu pencapaian sebanyak 77%.

Sasaran peserta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan adalah 280,365 orang. Pertambahan sasaran dibuat bersesuaian dengan penubuhan Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN yang baru diluluskan penubuhan oleh kerajaan pada Januari 2005. Dengan penubuhan INSKEN, program latihan keusahawanan dalam pelbagai bidang dapat dipertingkatkan.

Program promosi dan pemasaran turut dipergiatkan pada tahun ini. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pada 5 dan 6 Mei nanti kementerian akan menganjurkan pula Gerak Usahawan 2005 bertempat di Hotel Equatorial Bangi. Oleh itu, saya menjemput semua Ahli Parlimen untuk turut serta, yang mana program baru Gerak Usahawan akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Gerak Usahawan ini akan mengumpulkan semua kementerian dan agensi yang terlibat dengan keusahawanan untuk memberi maklumat perniagaan serta kemudahan yang disediakan dan khidmat nasihat kepada usahawan dan bakal usahawan. Selain itu sektor swasta juga dijemput untuk menawar peluang-peluang perniagaan yang diceburi. Yang Berhormat Tuaran telah membangkit persoalan tentang pelaksanaan program usahawan yang dijalankan di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pembangunan Usahawan dilaksanakan di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Hebahan dibuat melalui media masa, seminar-seminar, ekspo-ekspo dan laman web kementerian. Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya menubuh satu organisasi untuk melihat dan memantau program pembangunan usahawan. Pada masa ini telah ada pun *mechanism* yang memantau Program Pembangunan Usahawan seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi. Yang mana yang saya sebut tadi ialah penyelarasan antara ekspo di tiap-tiap negeri dan perbadanan-perbadanan kemajuan negeri bagi menyelaraskan semua program usahawan di peringkat negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk menyaran, memberi pandangan dan nasihat kepada kementerian. Kepada Ahli Yang Berhormat saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya jemput Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Yang Berhormat Menteri.

**6.28 ptg.**

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sri Adenan bin Satem]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan penghargaan yang tertinggi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan berkenaan dengan perkara-perkara yang di bawah penjagaan kementerian kita.

Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Mambong, Ketereh dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Mambong, menyuarakan kebimbangannya terhadap kualiti alam sekitar di negara kita.

Beliau mendapati bahawa kualiti air dan udara di negara kita telah menurun disebabkan pembangunan terutama di kawasan bandar tidak mengikut prinsip pembangunan lestari, sistem pengurusan alam sekitar yang tidak bersepadu, sifat andainya tidak ambil peduli rakyat serta kekurangan laporan pihak media yang berbentuk kesedaran kepada orang ramai. Datangnya daripada seorang yang begitu pakar dalam bidang alam sekitar kita ambil berat pandangannya. Kita sedar begitu pentingnya pembangunan lestari, *sustainable development*, dengan izin diamalkan bagi menentukan sumber asli negara diurus dengan sebaik-baiknya di samping ia memberi manfaat kepada rakyat negara ini.

Pembangunan lestari meliputi pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan pembangunan alam sekitar yang disepadukan dan menyeluruh. Ini memerlukan penglibatan secara bersungguh-sungguh semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, tempatan, swasta, badan-badan bukan kerajaan, media dan orang ramai.

Walau bagaimanapun, kita tidak berapa bersetuju dengan anggapan di kalangan beberapa pihak bahawa Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar hanya mengambil tindakan sesudah isu pencemaran...

**Dr. James Dawos Mamit:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Mambong bangun.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana hadir pada hari ini untuk menggulung sendiri perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja.

Yang Berhormat Menteri ini bukannya orang baru di dalam bidang alam sekitar. Pada tahun 1979 apabila beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri *backbenchers* di Sarawak, dialah yang pertama kali menyentuh tentang masalah alam sekitar di negeri Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, soalan.

**Dr. James Dawos Mamit:** Nantilah, saya mahu puji saya punya bos ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, tidak perlulah. *[Ketawa]*  
Boleh puji di tempat luar.

**Dr. James Dawos Mamit:** Pada tahun 1993....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa, tolonglah, soalan.

**Dr. James Dawos Mamit:** Tunggu dahulu, sekejap lagi. Pada tahun 1993, beliau adalah yang bertanggungjawab ke atas penggubalan Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak. Dia memang amat prihatin terhadap alam sekitar. Tetapi di dalam kementerian dia sekarang, ha inilah saya mestikan sampaikan kepada kementerian dia sekarang. Dia memang sesuai, tetapi jabatan yang menguatkuasakan sistem pengurusan alam sekitar tidak ada ataupun kurang kuasa untuk menguatkuasakan perkara-perkara yang tertentu.

Sebagai contoh, EIA. Sebelum EIA dijalankan, Jabatan Alam Sekitar tidak tahu sama ada kawasan itu dibangunkan atau tidak, sama ada EIA perlu dijalankan atau tidak, inilah satu masalah di dalam sistem pengurusan dan perundangan alam sekitar ataupun EIA. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru Yang Berhormat Menteri agar lihat daripada sistem pengurusan alam sekitar dan perundangan EIA.

Yang kedua, kelemahan EIA kita sekarang, kelemahannya kerana ia terbabit dengan kawasan yang terhad iaitu kawasan 50 hektar umpamanya, untuk pembangunan perumahan. Kawasan 50 hektar kah, 20 hektar kah, 5 hektar kah, kita sebenarnya tidak tahu apakah impak-impaknya sebelum pembangunan dibuat. Oleh

yang demikian, perundangan ini juga perlu dilihat agar ia boleh dipinda dan Jabatan Alam Sekitar memang banyak garis panduan untuk projek-projek yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sudah berucap. *[Disampuk]*

**Dr. James Dawos Mamit:** Oleh yang demikian bolehkah kementerian menukarkan garis panduan supaya ia menjadi satu *regulation* di mana Jabatan Alam Sekitar senang untuk menguatkuasakan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Adenan bin Satem:** Kita setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat, adanya kekurangan dan kelemahan di dalam Undang-undang Alam Sekitar, EIA dan sebagainya. Kita akan huraikan apa kelemahan ini, nantilah, biarlah kita lanjutkan ini dahulu.

Kita tidak berapa setuju dengan anggapan bahawa Jabatan Alam Sekitar dan Hutan akan mengambil tindakan hanya sesudah perkara ini diutarakan dan diketengahkan di dalam media massa. Kita sekarang memberi perangkaan tindakan-tindakan yang telah diambil.

Dari segi tindakan penguatkuasaan semenjak tahun 1995, Jabatan Alam Sekitar telah membawa sejumlah 2,084 kes ke mahkamah berkaitan dengan pelanggaran Akta Kualiti Alam. Sementara itu sejumlah lebih 60,000 kes telah dikompaun, manakala sebanyak 27,000 aduan pencemaran telah disiasat dan diambil tindakan sewajarnya. Di samping itu, kempen kesedaran alam sekitar juga telah dijalankan.

Dari tahun 1995 hingga tahun 2003, sebanyak 250 kem kesedaran alam sekitar telah dianjurkan. Dalam tempoh yang sama, sebanyak sembilan kali sambutan Minggu Alam Sekitar, lapan kali Debat Alam Sekitar dan sebagainya. Ini semata-mata untuk membangunkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya kita menghayati dan menjaga alam sekitar.

Dalam konteks pengurusan hutan pula, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengesan dan mengambil tindakan terhadap 642 kes pencerobohan hutan di dalam Hutan Simpanan Kekal bagi tempoh tahun 1992 hingga 2004. Usaha juga telah diambil dengan meminda Akta Perhutanan Negara pada tahun 1993 dengan menambah jumlah penalti yang dikenakan tentang mewujudkan hukuman penjara mandatori kepada pesalah pembalakan haram.

Berikutan pindaan ini, bilangan kes pencerobohan hutan telah menurun dengan ketara daripada 149 kes pada tahun 1993 kepada 18 kes sahaja pada tahun 2004. Dalam tempoh yang sama, seramai 26 orang telah disabitkan kesalahan dan hukuman penjara. Jumlah rondaan dan pemantauan yang telah dijalankan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2004, 16,723 terdiri daripada lawatan ke lapangan, sekatan jalan raya, pengawasan dari udara dan *remote sensing*.

Dari segi kompaun, jumlah kesalahan hutan yang dikenakan, kompaun bagi tempoh 2000 hingga 2004 adalah 612 dengan jumlah kompaun RM8.2 juta dan tindakan-tindakan ini telah kita ambil sama ada perkara-perkara yang diutarakan dalam media massa ataupun tidak.

Cuba bayangkan bagaimana buruknya keadaan pengurusan alam sekitar dan hutan jika sekiranya tindakan-tindakan tersebut tidak diambil. Kita tidak kata di sini semua tindakan ini mencukupi. Kita tidak kata tidak ada kekurangan dan sebagainya. Cuba kita lihat, dalam hal ini bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan, kementerian telah mengambil beberapa langkah yang lebih tegas lagi kebelakangan ini iaitu mempertingkatkan lagi aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang. *We'll increase, dengan izin, the number of patrol and monitoring.*

- (i) mewujudkan *flying squad* di bawah Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk mengambil tindakan proaktif membanteras kes-kes pencemaran dan kerosakan alam sekitar dan sumber perhutanan;
- (ii) menyediakan laporan bulanan mengenai kegiatan penguatkuasaan di lapangan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar;
- (iii) menyediakan bilik operasi dan *hotline* Jabatan Alam Sekitar yang dibuka dari 7.30 pagi hingga 11.00 malam untuk membolehkan orang ramai membuat aduan tentang kegiatan pencemaran alam sekitar; dan
- (iv) mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan kesedaran di kalangan semua lapisan masyarakat.

*I have told my officer*, dengan izin, kita hendak laporan tiap-tiap bulan apa mereka buat dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Putatan, telah menimbulkan isu mengenai penetapan saiz minda kawasan yang memerlukan kajian penilaian kesan terhadap alam sekeliling di bawah perintah kualiti alam sekeliling. Kita bersetuju dengan pendapat supaya saiz minimum projek yang memerlukan kajian penilaian kesan iaitu EIA dkecilkan lagi dan akan mengambil langkah-langkah sehingga termaktubnya pindaan undang-undang tersebut.

Walau bagaimanapun, bukan hanya faktor saiz yang menjadi isu, malah kesan keseluruhan projek pembangunan kepada alam sekitar di sesuatu kawasan juga perlu diambil kira. Jika kita menurun sekarang 50 hektar berkehendakkan EIA, dan kadangkadangkanya hendak mengelakkan iaitu 48 hektar, 49 hektar, kita turun kepada 20 hektar, mungkin ada yang menggunakan 18 hektar ataupun 19 hektar. Bukan itu sahaja hendak kita hendak kawal. Selain daripada menurunkan besarnya kawasan itu, kita juga melihat keadaan keseluruhannya juga dan jika perlu kita hendak EIA juga daripada kawasan-kawasan ini.

Yang Berhormat Kalabakan telah membangkitkan isu penguatkuasaan terhadap kegiatan operasi kuari di Sabah, yang telah mengakibatkan pencemaran yang teruk di kawasan-kawasan yang terbabit, contohnya di Kampung Tanjung Batu, di kawasan Parlimen Kalabakan. Bukan kita tidak ada mengambil tindakan. Pada tahun 1982 hingga Disember 2004, Jabatan Alam Sekitar telah melaksana sebanyak 16 pemeriksaan ke premis kuari di Kampung Tanjung Batu. Setakat ini kuari tersebut telah dikenakan kompaun berjumlah RM14,500 bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam, termasuk pengeluaran habuk daripada operasi kuari. Masalah ini telah diambil tindakan sewajarnya, walau bagaimanapun kawasan berkenaan masih menghadapi masalah debu yang berpunca daripada jalan yang tidak berturap.

Kementerian saya akan terus memantau supaya tindakan yang sewajarnya diambil untuk menangani masalah ini, dan meminta supaya pihak berkenaan menurapkan jalan yang tersebut dan jika jalan itu sudah terturap masih lagi ada debu, kita akan *check* lagi kuari ini, sama ada masih ada debu lagi.

Yang Berhormat Pendang telah membangkitkan masalah sekam padi yang dijadikan bahan bakar oleh sesetengah pihak di Pendang. Ini menyebabkan masalah kesihatan penduduk sekitar, mereka sudah membuat laporan kepada JAS tetapi tiada tindakan diambil untuk mengatasi masalah berkenaan. Kita telah mengambil tindakan bagi menangani masalah pembakaran sekam di Pendang. Tahun 2004 JAS telah menyasat 37 kes aduan pencemaran yang berpunca daripada kilang padi. Dari jumlah tersebut 28 buah kilang telah diberikan notis arahan untuk memperbaiki alat kawalan pencemaran udara di kilang-kilang berkenaan dan sebanyak 3 buah kilang padi telah dikenakan kompaun berjumlah RM6,000.

Di samping itu juga, dua sesi dialog bersama pengilang-pengilang padi di kawasan Pendang telah diadakan pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat mengatasi masalah tersebut sepenuhnya, oleh kerana kuantiti sekam padi yang sentiasa bertambah dan ini memerlukan langkah penyelesaian jangka panjang. Kita mengaku kita belum dapat mengatasi masalah ini dengan keseluruhannya, masih ada lagi. Ini oleh kerana sekam padi itu bertambah, bertambah, so dengan izin, *you have to have a long-term solution for this problem*, bukan hanya penyelesaian cara pendek sahaja.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Kota Belud, Tanah Merah, Kateroh dan Ledang, telah menimbulkan isu mengenai pengurusan hutan secara berkekalan yang dikaitkan dengan pembalakan, rancangan pembukaan kawasan hutan untuk aktiviti pembangunan tanah dan persepsi masyarakat mengenai pentingnya pengekalan kawasan hijau. Kita sedar dan sentiasa bertindak pro-aktif dalam mengurus sumber perhutanan negara. Dalam usaha menjamin kawasan hutan negara diurus dan ditadbir secara lestari, Akta Perhutanan Negara 1984 di bawah Seksyen 10(1) memperuntukkan supaya pihak berkuasa negeri, hutan adalah dalam bidang kuasa negeri, melalui pemberitahu dalam Warta, mengelaskan kawasan hutan simpanan kekal di bawah dua kelompok utama, iaitu hutan untuk pengeluaran dan hutan untuk perlindungan.

Sumber hutan diurus mengikut tiga kategori iaitu hutan simpanan kekal, hutan tanah kerajaan dan hutan tanah milik. Syarat-syarat pembalakan bagi ketiga-tiga kategori adalah berbeza, iaitu pembalakan di kawasan hutan simpanan kekal adalah lebih ketat kerana berteraskan kepada prinsip pengurusan hutan secara lestari dan

pemuliharaan. Pembalakan di kawasan hutan tanah kerajaan dan tanah milik adalah tidak mengamalkan prinsip pengurusan hutan secara lestari kerana kawasan-kawasan tersebut adalah untuk tujuan pembangunan seperti pertanian dan perladangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Tanah Merah bangun.

**Dato' Seri Adenan bin Satem:** Silakan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang telah diambil sekiranya kawasan hutan simpan ataupun kawasan hutan simpan kekal ini digondol sepenuhnya ataupun sebahagiannya digondol? Dengan alasan kawasan berkenaan diberi MC ataupun *Mining Certificate* untuk perlombongan dan kawasan ini dipecahkecilkan mengikut keluasan yang tidak mengenakan kajian EIA.

Apa yang berlaku di kawasan saya di Blok Sokoh, yang mana terdapat 21,800 hektar hutan simpan dan sekarang ini M.C. yang telah diluluskan adalah lebih kurang 10,000 hektar dan ini mengakibatkan separuh daripada kawasan hutan simpan di kawasan Blok Sokoh yang merupakan kawasan tadahan air bagi negeri Kelantan, sudah tercemar dan sudah pupus kayu-kayu balaknya di mana tidak ada *replanting*, dengan izin, tanam semula disebabkan oleh tanah ini telah diberi *private title* oleh kerajaan negeri kepada syarikat ataupun individu. Apakah tindakan kementerian, sama ada di bawah Jabatan Perhutanan ataupun di bawah Jabatan Alam Sekitar, untuk mengehadkan penggondolan ini terus berlaku dan mengakibatkan pencemaran dan mengakibatkan kerosakan kepada tadahan hujan dan ekosistem kawasan berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ini kalau kita tidak salah, pada mulanya dibangkit oleh Setiausaha Parlimen kementerian kita sendiri yang berasal dari Kelantan. Perkara ini sedang kita siasat tetapi yang kita tahu sekarang kawasan ini adalah dalam kawasan tanah kerajaan – hutan tanah kerajaan dan ini terpulanglah kepada kerajaan negeri yang berkenaan yang patut mengambil tindakan.

Walau bagaimanapun, lebih baik saya terangkan di sini, di dalam tiga jenis hutan ini – hutan simpanan kekal, hutan tanah kerajaan dan hutan hak milik, kawalan ketat di adakan untuk hutan simpanan kekal. Ini bukan bidang kuasa kita kerana ia tanah

kerajaan di mana kawalan tidak begitu ketat. Itulah kita minta kerajaan negeri memeralihkan (menukarkan) hutan tanah kerajaan itu menjadi hutan simpanan kekal, di mana kawalan adalah lebih ketat. Di sinilah selalunya berlaku pembalakan haram ataupun sesudah kawasan itu dilesenkan oleh kerajaan negeri, mereka tidak membalakkan kawasan dengan secara lestari. Kadang-kadang kita kasi (beri) sebidang kawasan ini untuk diperlesenkan, mereka curi di tempat lain. Ini pernah berlaku dan kawalan kita bagi hutan tanah kerajaan hanya mereka tidak merebak ke kawasan yang tidak dilesenkan.

Kadang-kadang ada juga mereka kononnya tadi minta lesen, lombong itu, lombong ini tetapi kononnya untuk membinakan jalan pergi ke lombong tetapi tebang pokok dan sesudah habis pokok ditebang, lombong tak lombong tidak kiralah. Jadi kadang-kadang itulah yang berlaku. Ada juga yang minta tanah kerajaan, kerajaan berikan, bagi lesen membalak, dibalak sesuka hati. Ini pernah berlaku dan mungkin sedang berlaku juga di kawasan-kawasan hutan tanah kerajaan. Itulah sebabnya kita minta kerajaan negeri, dalam bidang kuasa mereka hutan ini, supaya memindah sebilangan lagi kawasan tanah yang masih ada hutan ditukarkan kepada hutan simpanan kekal, di mana kita dapat mengawalnya dengan ketat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, minta penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, penjelasan.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Boleh, boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lepas itu saya, Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Menteri ada kata telah menasihatkan kepada kerajaan negeri supaya memindahkan tanah milik kerajaan kepada hutan simpanan kekal supaya kawalan ketat boleh diadakan, tetapi bukannya benar bahawa ini pun bukan satu *solution* yang jika dilihat kepada apa yang berlaku di negeri Melaka baru-baru ini di mana ada pendedahan oleh Setiausaha Agung DAP bahawa 41 hektar tanah hutan simpanan kekal di Bukit Beruang, ada pembalakan dibenarkan dan sungguhpun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada kata sudah *gazette* tetapi tidak boleh dapat kepastian dan ....

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kita akan jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** ..... okay, dan kita juga dapat maklumat bahawa ada satu lagi tanah – Sungai Udang seluas 26 hektar sudah di '*degazette*' untuk memastikan satu pembangunan yang lestari dan supaya ada keterbukaan oleh kerana masalah hutan simpanan dan juga pembalakan menjadi punca penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Bolehkah kementerian menasihatkan kerajaan negeri bahawa setiap kali ada *degazetting* hutan simpanan kekal, ia adalah merupakan satu proses makluman kepada orang ramai supaya ada transparensi dan untuk mengelakkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa supaya ada pembangunan lestari.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Fasal ada rasuah atau tidak itu kita tidak tahulah tetapi ada satu cara, jika kerajaan negeri dikatakan dengan sewenang-wenangnya menarik balik satu kawasan yang sudah diwartakan sebagai *state park* atau apakah, ada cara kita di Sarawak dan saya ingat di negeri Johor, di mana sesudah kerajaan negeri itu mewartakan kawasan itu sebagai *state park*kah, taman rekreasi dan sebagainya, mereka tidak boleh menarik balik ataupun menukar ataupun mengecilkan kewartaan itu kecuali dirujuk terlebih dulu kepada Dewan Undangan Negeri dengan cara terbuka. Keadaan sekarang ini, kita dengan secara *general*, sekarang EXCO sahaja yang ada kuasa untuk mewarta dan menarik balik warta.

Saya setuju kalau ini patut diperketatkan lagi terutama sekali di negeri-negeri yang tidak begitu besar dan negeri-negeri yang hutan mereka tidak begitu banyak, patut ada transparensi dan sebagainya, itu kita akan gesa kerajaan-kerajaan negeri supaya

mengikut seperti cara yang dibuat di negeri Johor dan juga yang sudah dibuat di negeri Sarawak. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Berapa kali?

**Tuan Lim Kit Siang:** Menteri ada menyemak sama ada peruntukan ini pun ada dalam negeri Melaka, sebagai contoh.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Setakat ini saya belum tahu tetapi yang saya tahu, Sarawak dan Johor ada, negeri lain saya belum tahu. Saya fikir mungkin belum adalah, mungkin belum ada. Tetapi janganlah kita pandang sebelah sahaja. Kadang-kadang penting bagi kerajaan negeri kerana pembangunankah, apakah, kadang-kadang penting bagi mereka menarik balik separuh kerana kepentingan pembangunan. Misalnya, kalau kita hendak buat *resort*, bagaimana hendak buat *resort*, buat rumah, buat *chalet*, buat jambatan dan sebagainya kalau tidak boleh tebang pokok? Bagaimana? Dan kedua, soalnya sini bukannya tidak boleh tebang pokok. Boleh tebang pokok tetapi kalau tebang dua sudah cukup, mengapa tebang sepuluh. Mengapa?

Begitu juga dengan undang-undang fasal tidak boleh tebang pokok yang diameternya enam sentimeter, *certain length*. Undang-undang tidak kata tidak boleh, bagaimana pemaju hendak buat itu dan ini, tidak boleh tebang satu pokok pun. Undang-undang bukan kata tidak boleh pegang pokok begini, dia kata boleh tebang pokok jika ada kebenaran dari kerajaan tempatan. Itu bukan ertinya tidak boleh tebang pokok semata-mata, bagaimana hendak bangunkan tempat? Kadang-kadang ada kekeliruan di bidang ini dan ada juga kekeliruan iaitu asal tengok pokok hendak tebang, *illegal logging*, secara haram. Kadang-kadang kawasan itu sudah diperlesenkan dan kadang-kadang ada kekeliruan sedikit sebanyak.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ya, beri laluan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Puas Ahli-ahli Yang Berhormat dengar penjelasan Yang Berhormat ini sebab Yang Berhormat jaga alam sekitar dan sumber asli. Kesejahteraan, kebahagiaan, ketenteraman anak cucu kita diletakkan di bawah kementerian Yang Berhormat Dato', yang ini tidak dapat kita nafikan fasal Yang Berhormat Dato' jaga sumber asli, yang *original* punya dengan alam sekitar. Cuma saya hendak minta tolong Yang Berhormat Menteri, saya ini bukanlah orang kata Kumpulan *The Green*, saya ini adalah manusia biasa yang ingin hidup aman nyaman. Tetapi Yang Berhormat, bolehkah kementerian Yang Berhormat, kita pakat dengan semua kerajaan negeri fasal saya dok tengok Yang Berhormat kena faham, saya pergi satu seminar berkenaan dengan fasal apa cuaca panas. Fasal apa cuaca panas la ni? Ada dia terangkan kepada kita, fasal minyak diesel kita *third class* mencemarkan alam dan sebagainya. Kawan ini pun terlampau, dia kata tidak usah pakai kereta, jenuhlah. Itu tidak apalah, itu cara dia.

Tetapi Yang Berhormat tengok, tidak usah kita pergi jauh, Dato' tengok di sekitar ibu kota kita ini – bukit dok elok-elok, bukan dia kacau siapa, pi tetak bukit itu, pi kerat bukit itu, pi buat rumah atas bukit, tebang segala pokok-pokok – Rindu Heights, Country Heights apa lagi heights, saya lalu ikut situ tadi, macam-macam Heights [*Disampuk*] Kemudian Tuan Yang di-Pertua, Jerai Heights tidak ada, saya tahan. Gunung Jerai hari itu depa hendak buat kuari, saya tahan Dato', jangan buat fasal. Fasal yang itu Tuhan sudah kata, Aku buat segala bukit bukau ini untuk menjadi pasak kepada bumi. Dunia kelam kabut Dato'...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat, Menteri sudah faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini serius Datuk, saya bercakap ini bagi pihak masa depan anak cucu Datuk. Tuan Yang di-Pertua pun ada anak cucu. Tengok gempa bumi di sana dan di sini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sudah bagi ucapan, itu panjang sangat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, masa kementerian ini saya tidak dapat peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tetapi ini bukan masa berucap Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, tidak berucap, penjelasan. Jadi saya minta Menteri, hendak beritahu manusia akan jadi bodoh apabila dunia alam sekitar ini sudah kelam kabut dengan keadaan cuaca yang hangat, dengan banjir, dengan gempa bumi, dengan itu dan ini, adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia yang mengganggu gugat hak-hak yang telah Tuhan cipta di atas muka bumi Dia. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Pasir Mas? Pasir Mas sudah balik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi bolehkah Yang Berhormat, saya minta tolong, tidak apa hendak buat perumahan, saya setuju tadi. Bukit itu dok elok-elok, hendak buat perumahan atas bukit hendak buat apa? Bawah bukit pun boleh buat. Ini bila buat atas bukit, tanah runtuh, salah kerajaan lagi – perairan tidak betul, yang itu tidak betul, tebang pokok. Dato', bila banjir bandar Kuala Lumpur, kerajaan belanja berapa bilion hendak selesaikan masalah banjir di Kuala Lumpur. Yang untung siapa? *Developers* yang buat rumah. Mereka tidak fikir fasal itu. Jadi depa dapat untung, rakyat kena bayar hendak selesaikan duit banjir di Kuala Lumpur. Di mana keadilan dari segi itu Dato'? Jadi, bukanlah saya hendak berhujah tetapi demi cinta anak bangsa Malaysia di masa akan datang *[Tepuk]*, demi untuk menghijaukan bumi Malaysia *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kadang-kadang saya pun ada terkeliru dengan apakah yang sebenarnya hujah Ahli Yang Berhormat *[Ketawa]* walau bagaimanapun kita setuju 100% dengan pandangan dan perasaan Ahli Yang Berhormat dan kita akan mengambil dan jika dapat mengambil tindakan seperti yang dicadangkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak mahu *go round the world*, tetapi oleh kerana ada timbul mengenai dialog, *round table* dengan Ahli-ahli Parlimen mengenai *climate change* baru-baru ini, timbul satu isu yang saya rasa perlukan satu penjelasan. Sama ada pendirian kerajaan mengenai cadangan mengadakan *Malaysian Climate Action Plan* yang ada dikemukakan, sebelas *point*....

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** *Malaysian?*

**Tuan Lim Kit Siang:** *Malaysian Climate Action Plan*. Oleh kerana satu respons kepada *United Nations Framework Convention* dan *Climate Change* dan KUITO, adakah kementerian berkenaan menerima sebelas *point action plan* ini dan ini akan diserapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagai dasar *action plan* kerajaan dan negara kita?

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kita ada menerima dan kita akan cuba mengambil tindakan yang dicadangkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu *on climate change* itu tadi. Tidak dapat dinafikan, di dalam abad 20, memang ada *increase in the temperature, temperature of our atmosphere* dalam abad 20. Ini jika dibiarkan, akan membahayakan bukan sahaja Malaysia bahkan seluruh dunia terutama sekali negara-negara *South Pacific* yang tidak begitu tinggi daripada *sea level*. Bolehkah saya lanjutkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat seronok mendengar penjelasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan Yang Berhormat bagi Jerai menyatakan bahawa segala permasalahan dunia ini berpunca daripada olah tangan manusia, bukan tangan sebenarnya, tetapi diri manusia itu sendiri. Barangkali punca masalah, kalau kita teliti sesungguhnya adalah kerana proses pembangunan manusia itu sendiri tidak *sustainable*. Proses asuhan dan pendidikan manusia itu sendiri tidak *sustainable*. Barangkali *paradigm* yang digunakan untuk kita mengasuh, mendidik anak-anak itu dilihat dalam konteks yang *very*

*fragmented*, tidak *whole person development*, dengan izin, . Maka saya kira sebab tadi telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Jerai. Saya amat bersetuju dan saya amat bersimpati dengan kementerian ini sebab tugasnya amat besar sekali yang juga bukan hanya hal alam ini tetapi berkaitan dengan sektor-sektor lain termasuk juga pendidikannya.

Maka dengan konteks ini saya suka mencadangkan supaya ada pendidikan yang berasaskan kepada *sustainable development, education for sustainable development* dengan izin, malah ini merupakan satu *consensus* yang telah dipersetujui dalam satu persidangan United Nation yang dianjurkan oleh UN di Karabi baru-baru ini – *The Karabi Commitment* yang mencadangkan agar *education for sustainable development* ini menjadi agenda di dunia malah di negara kita, Malaysia ini sendiri.

Satu lagi yang saya hendak cadangkan di sini ialah bahawa dalam penguatkuasaan kita ini, saya ingin mencadangkan supaya semua aktiviti pembangunan syarikat-syarikat itu mematuhi apa yang disebut sebagai EMS – *Environmental Management System* dengan izin, dengan mewajibkan setiap syarikat itu melaksanakan MS ISO 1400 siri yang memberi penekanan kepada alam sekitar dan kebersihan alam jagat ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kita selalu berkata, saya ingat mula-mula kita menjadi Menteri di Kuala Lumpur ini. Kita guna pepatah Inggeris, dengan izin, "*Don't kill the goose, that laid the golden egg*", janganlah kita bunuh angsa yang mengeluarkan telur emas. Ada cerita petani ini dia tamak sangat, dia ada angsa yang mengeluarkan telur emas tiap-tiap hari tetapi dia tidak puas hati, dia hendak mengambil lebih lagi telur emas dari angsa itu. Jadi, dia bunuh dan bedah angsa itu, ambil banyak lagi telur, tapi jumpa tiada telur dalam angsa. Tiap-tiap hari tiada telur lagi kerana angsa dah mati. So, "*Don't kill the goose that laid the golden egg*" Itulah pantun falsafah kita.

Dan, dalam kita mengejar pembangunan, terutama sekali pembangunan fizikal di negara kita, kita mestilah mencari keseimbangan di antara alam sekitar dan kehendak pembangunan. Berkenaan dengan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat tadi, iaitu menimbulkan kesedaran di kalangan orang kita. Apa pentingnya kita menjaga alam sekitar lebih baik kita bermula dari peringkat budak-budak sekolah. Kita mengadakan macam-macam program untuk budak-budak sekolah seperti yang

dibuatkan di negeri Jepun dan Eropah. Kerana mereka ini sedar pentingnya menjagakan alam sekitar.

Ini kita ada program untuk ini dan kita akan berbincang kalau boleh dengan Ahli Yang Berhormat, bagaimana kita lebih memperluaskan lagi kesedaran ini.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cameron Highland, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Menteri.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Menteri, Yang Berhormat Menteri maaf. [*Ketawa*]. Maafkan, maafkan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa segala perundangan sudah ada, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat EIA, OE, dia punya perundangan, dia punya ketatnya peraturan begitu dahsyat sekali. Tak perlu ceritalah, banyakkah, berlonggok-longgok dalamnya tetapi masalahnya saya hendak tanya, walaupun ada, apakah kalau ada segala-galanya ini masih ada pelbagai masalah. Apakah, seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu itu untuk melahirkan satu generasi mungkin 10 tahun yang akan datang. Dalam 10 tahun ini, apakah lagi alam sekitar itu masih lagi akan subur begini?

Kalau kita tidak buat sesuatu sekarang ini, saya rasa mungkin, 'nasi telah menjadi bubur'. Maka, rata-rata, 'manis bibir, jiwa parah'. Itu masalahnya. Maka, kalau kita tidak ada satu *political will*, adakah kita mempunyai satu *political will* untuk memastikan bahawa alam sekitar itu dapat diselamatkan. Itulah persoalannya? Maka, kita perlukan ketegasan. NGO memainkan peranan yang lebih *fantastic* di peringkat akar umbi, mereka yang membawa segala-galanya ke surat khabar, mereka yang membawa kita, tempias kita rata-rata, dia tampar kita rata-rata dengan macam-macam cerita.

Jadi, inilah, apakah kerajaan, soalan saya, bolehkah kerajaan mempunyai kekuatan dan tenaga untuk memastikan bahawa segala perundangan yang sedia ada dapat diamalkan. Kalau tak boleh 100%, 50%, dimintalah. Maafkan saya mungkin

suara tinggi, Tuan Yang di-Pertua, bukan kerana saya tidak hormat Menteri kita tetapi keprihatinan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Menteri sudah faham itu, Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kalau kerajaan tidak ada *political will*, tidak akan kita luluskan Rang Undang-Undang Kualiti Alam dan mewujudkan jabatan-jabatan untuk melaksanakannya. Walaupun sekarang tidak mencukupi 100% tetapi cuba kiralah apa akan terjadi kalau tidak adanya undang-undang ini dan tidak adanya Jabatan Alam Sekitar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi ke Yang Berhormat?

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kalau tidak banyak gangguanlah. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan banyak sangat gangguan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Boleh, boleh ganggu tetapi janganlah keluar banyak sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ha! Pasir Puteh Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Pasir Puteh.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Mana dia? Ya, dipersilakan. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih, abang saya Yang Berhormat Menteri, yang dikatakan Timbalan oleh Cameron. *[Ketawa]* Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai tinggi yang saya hormati, kasihi sekalian. Jangan tidak sebut pegawai tinggi, itu yang bajet tidak lulus. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Mereka buat, kita luluskan. Kita luluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jangan banyak bunga sangat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Tidak bunga ini, terus *to the point*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta penjelasan.



**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, alam sekitar-alam sekitar ini kalau kita balik kepada [*Bercakap dalam bahasa Arab*] dalam masyarakat Islam Hadhari, kena jaga harta, jaga alam sekitar. Saya hendak cadang kalau boleh ikutlah Sarawak dan Johor, semua hutan-hutan simpanan tidak lagi letak di bawah Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Negeri (EXCO) tetapi mesti balik kepada negeri, *back to* negeri, dengan izin, orang putih sikit, supaya di Kelantan boleh dibincang secara telus sebelum kita nak lulus hutan simpanan. Ini amanah Allah, amanah kerajaan, amanah rakyat, jangan kita membolot kekayaan tanpa mengira kepentingan negara, kepentingan negeri, itu tidak bersyarah, minta maaf. Hadhari.

Maka, saya cadanglah, syarikat yang hendak gali emas itu, kita cari yang pakar jangan beri kepada yang tidak pakar [*Menyebut ayat Al-Quran*] dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sandar kerja kepada orang yang bukan ahli, tunggulah kiamat. Kiamat itu hancur lebur. Maka, dengan sebab itu saya cadang, yang cari gali emas itu biar pakar, cari gali minyak biar pakar Petronas bagi, di Kelantan pun kalau hendak cari balak, cari emas biar yang pakar. Jangan kita hendak cari emas, tebang balak, gondol balak, mula susah hendak bayar kerajaan negeri, hasil tabur ini. Lepas itu senyap begitu. Setuju atau tidak kalau boleh balik kepada negerilah biar telus jangan kita gunakan hanya panggil senior EXCO, duduk empat, lima orang berbincang bukan kata Kelantan ni, seluruh negeri, 3,000 ekar, 4,000 ekar, itu ertinya tidak *justice* namanya. Itulah saya rasa minta pandangan Yang Berhormat Menteri. Minta maaf sikit.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ya, jawapannya senang saja, saya setuju, saya setuju. [*Ketawa*]. Dalam kawasan hutan tanah kerajaan yang sebahagian besarnya dirancang untuk pembangunan dan tanah milik, pembalakan dijalankan tanpa syarat-syarat yang ketat sebagaimana di dalam kawasan hutan simpanan kekal. Di sinilah ada kelemahan kita, jika pembalakan itu dikerjakan di hutan tanah kerajaan ataupun tanah hak milik kawalan dari segi undang-undang dan penguatkuasaan tidak begitu ketat. Ini bermakna, jika ada permohonan untuk pengeluaran hasil hutan dari tuan tanah, peranan Jabatan Perhutanan adalah untuk mengeluarkan lesen membalak sahaja. Bagi menambah baik serta melindungi sumber perhutanan dan alam sekitar, telah menggesa kerajaan negeri supaya mematuhi keputusan Majlis Perhutanan Negara ke 18, iaitu

menghendaki perancangan teliti dibuat terlebih dahulu sebelum sesuatu kawasan hutan tanah kerajaan dibuka untuk dibangunkan.

Di dalam keputusan tersebut, permohonan akan hanya dipertimbangkan jika disokong dengan pelan pembangunan dalam tempoh lima tahun dari tarikh permohonan. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, Ketereh dan Kuala Krai telah menyuarakan kebimbangan mengenai pembangunan tanah di negeri Kelantan, yang melibatkan penerokaan tanah hutan di kawasan tanah kerajaan dan tanah milik yang sudah disebutkan tadi. Mengikut pemerhatian kementerian, pembangunan kawasan-kawasan dimaksudkan kurang memberi perhatian kepada keperluan alam sekitar. Dalam hal ini, sukacita kita mengingatkan semua pihak supaya mengamalkan prinsip pembangunan yang seimbang.

Dalam keperluan untuk membangunkan sesuatu kawasan kita tidak harus lupa untuk memelihara khazanah negara bagi generasi sekarang dan akan datang. Kementerian menggesa Kerajaan Negeri mengambil tindakan segera dalam perkara-perkara tersebut. Mewartakan kawasan hutan dalam Hutan Simpanan Kekal menurut klasifikasi kegunaan.

Mewartakan hutan tanah kerajaan yang sesuai sebagai Hutan Simpanan Kekal seperti yang saya katakan awal tadi kebanyakan dikatakan *illegal logging* berlaku di kawasan Hutan Tanah Kerajaan Negeri dan kerana di sinilah peraturan tidak berapa ketat. Kita sentiasa menggesa Kerajaan Negeri supaya menukarkan hutan ini menjadikan Hutan Simpanan Kekal di mana kawalan lebih ketat lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Soalan terakhir Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ya, persilakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Yang Berhormat ini seorang penyabar. Cuma satu Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata minta Kerajaan Negeri mewartakan kawasan-kawasan Hutan Simpanan dan sebagainya. Boleh atau tidak saya hendak mencadangkan kita juga mewartakan kita *gazettekan* bukan setakat dalam hutan, dalam bandar ini pun kawasan-kawasan hijau-hijauan ini, bukit-bukit yang ada dalam kawasan-kawasan Bandar ini juga diminta seperti Kerajaan-

kerajaan Negeri *gazettekan* supaya menjadi tempat simpanan hijauan supaya ia akan mengekalkan keindahan dan kecantikan hijau-hijauan itu.

Tadi saya keluar sekejap Yang Berhormat, saya tengok ke laur tingkap keliling bangunan Parlimen ini adalah penuh dengan pokok kehijau-hijauan. Begitu lapang hati saya dan saya masuk balik ke Dewan dan idea ini datang meminta Yang Berhormat supaya mendesak Kerajaan-kerajaan Negeri kawasan-kawasan kehijau-hijauan dan bukit-bukit yang ada sedikit dalam Bandar ini juga diwartakan sebagai simpanan kehijauan untuk masa kini dan anak cucu kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Dan lebih daripada itu sebelum Ahli Yang Berhormat menyebut perkara ini kita memang sudah menggesa Kerajaan-kerajaan Negeri bahkan pihak-pihak Kerajaan Tempatan supaya menambahkan lagi bilangan kawasan-kawasan hijau dan kawasan-kawasan rekreasi di Bandar dan pesisir Bandar. Dan lebih daripada itu, sesudah mereka mewartakan jangan tarik balik kecuali ada seperti yang saya katakan pada mula tadi kebenaran daripada Dewan Undangan Negeri masing-masing. Dasar kita memang terus-terang makin banyak Taman Negara makin bagus. Tambah lagi, mungkin yang ada sekarang tidak berapa cukup tambah lagi. Inilah cara kita *conserve our forest*.

**Dr. James Dawos Mamit:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** [*Bangun*]

**Tuan Loh Seng Kok:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada tiga yang bangun. Hendak bagi yang mana? Mambong.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Tiga-tiga boleh. Nampaknya dia hendak cuba macam mana Menteri baru ini. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita bukan hendak cuba kerana dia berpengalaman di dalam bidang alam sekitar juga apabila di dalam Kabinet Negeri.

Persoalannya begini Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Jerai menyebut bahawa seharusnya Kerajaan Negeri mewartakan taman-taman di bandar. Tetapi di Kuala Lumpur bagaimana? Haruskah Kerajaan Persekutuan di dalam

Wilayah-wilayah Persekutuan mewartakan juga kerana di Sarawak seperti Yang Berhormat sedia maklum kita ada satu ordinan yang dinamakan *Park Sentry Ordinance* di mana Kerajaan Negeri jika sudah mewartakan sebuah taman di dalam bandar maka kalau ada pihak yang ingin membangunkan kawasan yang sama, ini bermakna *digazettement* haruslah dibawa di dalam Dewan Undangan Negeri.

Saya juga ingin menyarankan agar Kerajaan Persekutuan juga mewujudkan satu perundangan sebegini untuk mewartakan taman-taman di Wilayah Persekutuan supaya ia kekal menjadi kawasan-kawasan *parks and green*. Bolehkah Kerajaan Persekutuan.....

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Saya akan bincang perkara ini dengan Menteri Wilayah Persekutuan dan saya mungkin boleh katakan di sini tentulah Menteri tersebut bersetuju dengan cadangan yang baik ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sabak Bernam.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Sabak Bernam mungkin ingin membawa kes yang sedikit berbeza tetapi nanti mungkin boleh menjadi iktibar kepada kawasan lain. Hutan semakin pupus, semakin hilang kecuali di tepi sungai dan pantai. Babi hutan kehilangan hutan. Monyet kehilangan tempat bergayut.

Kesannya, ini yang penting Yang Berhormat Menteri. Sekarang lebih 21,000 ekor babi hutan telah ditembak dan diandaikan sebenarnya dijangkakan di situ sekarang ini ada lebih kurang 50,000 ekor babi sebenarnya berlegar bukan di hutan tetapi di kampung-kampung dan ini menjadi musuh kepada rakyat di Sabak Bernam. Monyet, tiga kampung berperang dengan orang kampung.

Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi babi ini nampaknya kita tidak ada alternatif lain kecuali menembak babi ini. Tetapi memang ia tidak akan kurang malah ia akan bertambah. Ini pandangan Yang Berhormat bagi Mambong saya telah dapatkan yang mengatakan ia akan terus bertambah dan ia akan menimbulkan masalah. Monyet ini Yang Berhormat Menteri saya ingin mencadangkan supaya diwujudkan di Sabak Bernam ini satu desa monyet, *sanctuary for the monkeys*. Ini nanti boleh menjadi satu destinasi pelancongan yang insya-Allah ramai orang akan datang ke Sabak Bernam. Terima kasih, apa pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Boleh kita buatlah. *[Ketawa]* Jabatan PERHILITAN ada satu program jika binatang ini buas seperti gajah dan sebagainya kita ada program tangkap pindah, *capture and relocate*. Pasal khinzir ini menjadi musuh, mintalah pertolongan PERHILITAN bagaimana hendak menghapuskan khinzir ini. Pasal desa monyet ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** *Sanctuary* Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** *Monkey sanctuary*, tempat perlindungan monyet kita boleh arahkan PERHILITAN supaya mengkaji perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Boleh saya beri satu penerangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jelas nampak Yang Berhormat, bukan setakat manusia sahaja marah kerana kita tebang pokok-pokok. Hari ini binatang-binatang pun telah menunjukkan perasaan mereka. Oleh kerana di Kelantan biasa harimau keluar daripada hutan dan cari pemimpin-pemimpin yang meluluskan hutan-hutan itu dipotong.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini memang berlaku dan mungkin Yang Berhormat Tanah Merah dan di Jeli....

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Mungkin dalam Dewan ini pun ada harimau juga.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada, ada. Ini menyebabkan Yang Berhormat Dato' kita dapat lihat bahawa kita juga kena pelihara kerana mereka juga adalah makhluk. Kalau kita biarkan begini kita akan hilang pupus binatang-binatang ini. Macam gajah dia naik angin Yang Berhormat pasal kacau dia. Gajah ini merupakan makhluk yang cukup baik dan taat. Tapi kalau dia naik angin susah kita hendak kawal dia.

Adakah Yang Berhormat fikir bahawa kita pandang jauh ke depan bahawa bagaimana binatang-binatang ini juga kita pelihara supaya jangan dia diganggu gugat rumah tangganya, tempat dia duduk Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat panjang lagikah Yang Berhormat? Kalau Yang Berhormat hendak bagi peluang semua nanti tidak boleh habis Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kebanyakannya mamalia di Malaysia ini adalah terlindung dan jika perlu kita akan tambah lagi bilangan haiwan-haiwan yang patut di lindung.

**Tuan Loh Seng Kok:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, kelana Jaya.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ada satu lagi. Kelana Jaya.

**Tuan Loh Seng Kok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi, telah menyebut tentang kita perlu menggesa kerajaan negeri untuk mewartakan tanah ataupun hutan-hutan simpanan dan juga menyebut tentang bagaimana kerajaan negeri telah digazette untuk memansuhkan warta tanah dengan kawasan-kawasan tertentu. Ini, kita minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Bukankah kerajaan mempunyai undang-undang yang boleh mengawal ataupun mengarah kerajaan negeri, tidak boleh melakukan perkara-perkara sedemikian kerana kita lihat di bawah Kanun Tanah Negara, di bawah Seksyen 24 ada mengatakan bahawa sekiranya sesuatu bidang tanah ataupun hutan simpan itu hendak dimansuhkan wartanya ataupun digazette, perlunya diadakan *public enquiry*.

Maka, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sehingga sekarang, berapakah *public enquiry* pernah diadakan sekiranya ada tanah yang hendak digazette? Itu yang pertama.

Yang keduanya, walaupun kerajaan negeri ada kuasa untuk membuat *alienation of land*, pemberi milik tanah. Walaupun ada kuasa, bukannya Kerajaan Persekutuan juga ada undang-undang untuk mengawal *the alienation of land*, mereka seharusnya mengikut lunas undang-undang yang diperuntukkan di bawah proviso Akta Perancangan Bandar dan Desa kerana Perdana Menteri dalam akta tersebut adalah sebagai Pengerusi Majlis Perancangan Fizikal Negara dan memang diperuntukkan kuasa untuk memantau segala perancangan yang harusnya mengikut undang-undang. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Seperti yang kita ketahui, di bawah Perlembagaan negara kita, tanah dan hutan memang di bawah *state list*, bidang kuasa negeri. Ada Majlis Hutan Negara, ada Majlis Tanah Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari kerajaan negeri dan sebagainya, dipengerusikan oleh Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri. Tetapi, dari segi undang-undang, Kanun Tanah Negarakah, kita tidak ada kuasa mengarah walaupun kita mungkin ada pengaruh tetapi, *frankly speaking* kita tidak ada kuasa pengarah. Walau bagaimanapun, jika sudah ada keputusan di Majlis Tanah Negara atau Majlis Hutan Negara yang dianggotai oleh wakil-wakil dari kerajaan negeri dan sudah adanya keputusan, mereka patutlah patuhi keputusan tersebut.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Lipis bangun Yang Berhormat. Lipis.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ada lagi? Dipersilakan.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Merujuk kepada *relocate* tadi, pengalihan binatang tadi, jadi saya rasa bukan satu kaedah yang sesuai kerana sebagai contohnya, dalam kawasan Parlimen saya, penduduk mengadu tiba-tiba banyak monyet datang dan bila saya tanya pada mereka, mereka kata ada kalanya di tengah malam ada lori yang membawa monyet ini, melepaskan monyet-monyet di dalam kawasan kampung mereka.

Jadi, kesannya orang kampung sudah tidak dapat hendak bercucuk tanam lagi kerana telah ada musuh baru. Kalau dulu, tidak ada monyet sebanyak itu di kampung mereka, sekarang telah banyak. Jadi, sistem *relocate* ini sebenarnya telah menyusahkan, bukan menyelesaikan masalah tetapi menyusahkan di tempat lain. Contohnya, mungkin monyet daripada Jerai dipindahkan ke Lipis, jadi Lipis pula mendapat masalah daripada monyet yang ada di Jerai. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri memikirkan sistem *relocate*. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Okey, kita boleh memikirkan. Itu sahaja jawapan kita. Terima kasihlah cadangan tersebut.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Santubong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ada lagi ya, okey.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Mungkin monyet itu kita boleh pindah ke Santubong. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh ke Bakunlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau skim yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi boleh dilaksanakan di Santubong pun boleh kita terima juga sebagai tarikan pelancong, sebabnya saya berbincang dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Menteri berhubung dengan penggubalan undang-undang, oleh kerana kita lihat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong tadi, mengatakan bahawa perundangan perlu diperkukuhkan. Memang benar, mana-mana tindakan dan dasar kita tidak akan boleh dilaksanakan kalau tidak ada perundangan yang mencukupi, dan saya telah bertanya kepada pihak kementerian berhubung dengan undang-undang ini, tetapi malangnya persoalan saya telah dipinda sedikit. Jadi, ia tidak menuju kepada sasaran yang saya tanyakan. Jadi, jawapannya juga telah terpesong sedikit daripada apa yang saya perincikan dalam persoalan asal.

Walau bagaimanapun, ada jawapan daripada kementerian dan jawapan itu saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian kerana akan menggubalkan beberapa akta dan beberapa peraturan baru, tetapi ada satu, dua persoalan berbangkit daripada persoalan ini. Umpamanya, kementerian telah mengatakan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 1989, , masih dalam semakan terakhir oleh Jabatan Peguam Negara. Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling, (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) akan juga dilihat.

Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 juga akan dilihat. Ini amat penting Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kereta-kereta yang banyak di Malaysia ini. Pada masa sekarang, saya



dimaklumkan bahawa yang pertama, tidak ada pengukur yang tertentu untuk mengatakan sama ada *emission* dengan izin, yang keluar daripada kereta itu dikatakan mencemar alam ataupun tidak, itu yang pertama.

Yang kedua, daripada segi perkakas dia, diberi kepada pihak jabatan dan kerajaan ini, apakah sokongan daripada kementerian ini untuk menyokong kementerian-kementerian lain yang melaksanakan penguatkuasaan berhubung dengan karbon dioksida yang dikeluarkan oleh kereta-kereta.

Perintah Kualiti Alam Sekitar, aktiviti ini berhubung dengan persoalan penilaian kesan alam sekitar, perkara ini tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong juga, oleh kerana perkara ini masih dalam penyelidikan, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberi kita dahulu draf peraturan-peraturan yang akan digubalkan ini kepada Ahli Parlimen supaya tidak dilihat yang pihak kementerian itu bertindak sendiri, tidak menggunakan kepakaran dan rintihan daripada Ahli Parlimen dan mereka juga tidak diberitahu apa yang berlaku, apa yang dibuat oleh pihak kementerian. Jadi, dalam keadaan demikian, banyak peraturan yang bakal dibawa, tetapi peraturan ini akan dibuat, digubal dan diguna pakai oleh pihak kementerian. Dalam masa yang sama, pihak Ahli Parlimen yang juga peka dengan keadaan ini tidak diberitahu dan akhirnya apa yang dibangkitkan tadi hanya apabila surat khabar keluar, baru kita lihat respons daripada pihak kementerian ataupun jabatan. Jadi, ini kita cuba hendak elakkan supaya jangan Ahli Parlimen merasakan mereka sendiri tidak lagi relevan dalam membangkitkan persoalan alam sekitar ini. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Terima kasih cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Santubong, kita akan cuba patuhi apa yang dicadangkan oleh beliau. Kita mengakui memang ada kelemahan Akta Kualiti Alam Sekitar dan sebagainya, memang ada dan kita sedang mengkaji peruntukan-peruntukan dan jadual-jadualnya supaya memperketatkan lagi dan memperluaskan lagi kawalan *environment* kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dibenarkan melanjutkan tanpa banyak gangguanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terpujang kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau Menteri bagi jalan, ia banyak gangguanlah.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Memperketatkan peraturan untuk mencabut keluar kawasan hutan simpanan kekal hanya dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat bagi Cameron Highland telah membangkitkan tentang isu menanam pokok sebagai ganti pokok yang telah ditebang. Beliau memohon penjelasan sama ada pokok-pokok ini mempunyai syarat-syarat tertentu seperti spesis-spesis yang sama ditanam atau seumpamanya. Penebangan pokok dalam kawasan hutan simpanan kekal dibuat mengikut peraturan-peraturan yang sangat ketat. Hanya pokok-pokok berukuran tertentu sahaja dibenarkan mengikut amalan pokok-pokok yang dibenarkan ditebang adalah berukuran diameter itu dan ini ada had diameter. Oleh yang demikian tidak wujud kaedah tebang habis, *we do not allow*. Kita tidak benarkan *clear fairly* dalam kawasan hutan simpanan kekal. Penanaman pokok dengan spesis-spesis utama seperti meranti dan keruing hanya dibuat di kawasan-kawasan bekas pembalakan, contohnya bekas jalan balak atau bakau, *log yard*. Kawasan yang telah dibalak tersebut akan diberi rawatan dan pemulihan melalui aktiviti *CB culture* di mana hutan berkenaan dijangka dapat diusahakan hasil kembali dalam tempoh pusingan 25 ataupun 30 tahun.

Yang Berhormat bagi Putatan telah membangkitkan masalah banjir yang berlaku di kawasan beliau serta masalah kekotoran air sungai. Itu disebabkan oleh kekurangan sistem saliran yang boleh mengalirkan air ke laut dengan cepat dan berkesan pada musim tengkujuh. Pencemaran juga disebabkan keadaan sungai Putatan yang telah menjadi sungai mati akibat longokan sampah sarap dalam sungai. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah mengambil langkah bagi mengatasi masalah tersebut iaitu menjalankan kerja-kerja pengorekan Sungai Putatan dengan kos sebanyak RM2.3 juta dan melaksanakan projek membina jambatan melintasi sungai Putatan dengan kos sebanyak RM3 juta.

Dengan siapnya kerja-kerja ini adalah dijangka pengaliran air sungai ke laut akan menjadi lebih cepat dan dapat mengatasi sebahagian besar masalah pencemaran sungai Putatan. Pihak Jabatan pengairan dan saliran juga telah menyiapkan pelan induk Saliran Petagas yang merupakan sebahagian daripada Sungai Putatan. Pelan ini

akan membolehkan pembangunan yang lebih sempurna bagi seluruh kawasan yang berkenaan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun, bagi Yang Berhormat?

**Dato' Seri Adnan bin Satem:** Boleh, biarkan kita habis dahulu, minta maaf ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Adnan bin Satem:** Yang Berhormat bagi Putatan juga menyentuh mengenai kepentingan untuk mempunyai maklumat bersepadan yang lengkap bagi Malaysia khususnya di Sabah dan Sarawak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, peta baru 1979 muka dua yang diwartakan pada 21 Disember 1979 menunjukkan sempadan pelantar benua Malaysia iaitu *Malaysian Continental Shelf*.

Yang Berhormat bagi *Cameron Highlands* telah menyuarakan kebimbangan mengenai kemungkinan Malaysia menghadapi krisis sumber air pada masa akan datang sekiranya tidak ditangani dengan cermat. Beliau juga minta supaya usaha membaik pulih sungai dipertingkatkan. Kita sedar tentang pentingnya sumber air negara diurus dengan sempurna. Majlis Perhutanan Negara telah membuat keputusan supaya kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan tadahan air yang belum diwartakan supaya diwartakan segera oleh semua kerajaan negeri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Adnan bin Satem:** Jabatan Pengairan dan Saliran....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Hendak bagi Jalan Yang Berhormat ?

**Dato' Seri Adnan bin Satem:** Maaf dahulu ya. ....dan saliran telah mengeluarkan manual saliran mesra alam sebagai panduan bagi pembinaan sistem perparitan dalam mencegah kejadian banjir. Persilakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Menteri. Yang Berhormat Datuk bukan orang baru, sebenarnya orang yang berpengalaman dan saya ucap tahniah Yang Berhormat menjawab dengan penuh keyakinan dan tepat pada soalan. Negara kita terkenal dengan banyaknya sungai.

Banyaknya sungai juga terkenal sungai-sungai yang tercemar, menjadi tugas utama Kementerian Yang Berhormat dan Yang Berhormat dengan penuh kesedaran memang berkehendakan supaya sungai-sungai kita ini dikawal daripada dicemari kerana selain daripada ianya memberikan kesuburan kepada tanah, ianya juga di antara punca air minuman kita.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, Kementerian Yang Berhormat sudahkah - senang sahaja jawapannya ia atau tidak. Sudahkah membuat pemetaan seluruh sungai kita di negara ini *the river mapping* ini supaya apabila kita kenal pasti sungai-sungai di seluruh negara kita, kita tahu di mana letak kilang-kilang di tepi sungai dan apabila kita mengetahui punca-punca pencemaran, bahawa mudah bagi kita hendak menguatkuasakan dan kalau benda ini dapat di usahakan, saya rasa pegawai-pegawai Yang Berhormat akan dapat lebih mudah hendak menyelia sungai-sungai ini. Kalau pertukaran pegawai pun failnya telah ada, jadi soal penyeliaan kepada sungai-sungai untuk mencapai sungai-sungai kita supaya lebih bersih pada masa akan datang, akan lebih mudah kita kawal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Adnan bin Satem:** Dengan kebetulan separuh jawapannya ada dikandungi dalam apa yang saya hendak katakan. Jabatan Alam Sekitar juga mengawal kualiti air sungai di negara kita sejak tahun 1978 menggunakan Indeks Kualiti Air. Sejumlah 926 stesen bagi memantau kualiti air sungai di 120 lembangan sungai telah diwujudkan. Penemuan pada tahun 2003 menunjukkan 412 stesen merekodkan air bersih, 448 stesen sedikit tercemar, dan 66 stesen di dapati tercemar.

Yang Berhormat bagi Sekijang telah membangkitkan masalah kempen 'Cintai Sungai Kita' yang kurang berkesan untuk mengawal pencemaran sungai. Untuk jawapan Yang Berhormat Mas Gading tadi, tambahannya, kita ada memantau bagaimana keadaan sungai-sungai kita dan terdapat ada yang masih selamat dan sihat, ada yang sederhana tercemar ada bilangan yang tercemar yang patut kita jaga dengan rapi. Kita juga ada menjalankan kajian *profiling* sungai itu dengan izin, *the river profile* berapa banyakkah penduduk di tebing sungai, adakah kilang dan sebagainya. Ada sebilangan sungai kita sudah lakukan, terutama sekali sungai-sungai yang kecil yang dikelilingi oleh macam-macam industri, memang ada perangkaan untuk memudahkan lagi tugas kita.

Berkenaan dengan kempen 'Cintai Sungai Kita', kita mengaku di sini tidak begitu berjaya. Kadang-kadang hanya tinggal sepanduk sahaja di tepi sungai. Kementerian saya akan melaksanakan Fasa ke-2 program ini iaitu satu negeri satu sungai. Dalam program ini, satu sungai yang tercemar, di setiap negeri akan kita cuba pulihkan ke tahap di mana sumber hidupan sungai boleh membiak dan boleh digunakan semula untuk kegiatan rekreasi seperti mandi dan renang.

Memang ada sebilangan sungai-sungai kita yang tercemar seperti yang ditunjukkan oleh stesen-stesen tersebut terutama sekali sungai-sungai yang kecil yang mana penduduk, industri dan kilang-kilang di sekitarnya sangat ramai. Selagi ada sebilangan orang kita tidak menukar sikap iaitu menganggap sungai sebagai tong sampah selagi itulah sungai tercemar. Kita sendiri telah melihat bagaimana rangka kereta, rangka motosikal, rangka peti ais, rangka katil, bateri-bateri serta apa sahaja sampah yang lain kesemuanya di campak ke dalam sungai. Sampai manakah dapat kita pelihara sungai ini dengan berjaya kalau tabiat ini belum dapat dihapuskan. Pihak-pihak yang berkenaan boleh menjalankan tugas memelihara sungai dan sebagainya tetapi tanpa kerjasama dan tanpa sebilangan orang kita tidak menukar sikap ini perkara ini memang susah.

Perumahan atas tanah pertanian. Mengenai perundangan tanah Yang Berhormat bagi Ledang mencadangkan supaya Kanun Tanah Negara dipinda bagi membolehkan lebih daripada satu buah rumah dibina di atas tapak pertanian bagi menjayakan skim Perumahan Mesra Rakyat oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Kanun Tanah Negara tidak perlu dipinda kerana menurut seksyen 1 (15) Akta berkenaan semua pihak berkepentingan di atas sesuatu lot pertanian iaitu pemilik atau mana-mana orang lain yang menduduki secara sah di atas tanah tersebut boleh membina rumah kediaman masing-masing di atas lot berkenaan tertakluk ia tidak boleh meliputi lebih daripada 1/5 keseluruhan tanah berkenaan atau 2 hektar mengikut mana yang kurang.

Yang Berhormat bagi Bagan telah menimbulkan isu pemilik tanah sewajarnya diberi kuasa untuk berunding supaya diberi pampasan oleh pemaju tanah sebelum dirujuk kepada mahkamah kerana pada tahun 1990 ada *precedent* di mana *resionable force* digunakan untuk mengeluarkan orang-orang yang menduduki tanah. Isu yang

dibangkitkan ini pada pandangan kita adalah lebih merupakan isu dasar dan bukan perundangan. Dari segi perundangan tanah orang-orang yang mempunyai hak ke atas sesuatu tanah itu disebut sebagai pihak yang berkepentingan dan mereka ini adalah orang-orang yang didaftar sama ada sebagai pemilik, pemegang pajakan, pemegang gadaian termasuk penyewa tiga tahun yang dikecualikan pendaftaran. Hak mereka ini dijamin oleh undang-undang. Perlembagaan Persekutuan menjamin hak pemilik tanah di bawah perkara 13 dengan menyatakan bahawa hak seseorang ke atas hartanya tidak boleh dilucutkan melainkan dengan pampasan yang secukupnya. Bagi penyewa-penyewa tanah juga mereka dilindungi sekiranya penyewaan tersebut telah dibuat dengan cara teratur.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini merupakan kes sivil yang melibatkan tuan tanah dan penghuni. Tujuan Akta *Relief Pacific Act 137* adalah untuk melindungi hak-hak pemilik tanah dan penghuni yang sah dengan menentukan *remedy* yang boleh diambil bagi mengeluarkan penghuni iaitu secara *prosiding* di mahkamah. Tindakan mahkamah di sini sewajarnya merupakan *remedy* terakhir *last resort* setelah gagal mengeluarkan penghuni secara rundingan. Soal pemberian pampasan adalah merupakan budi bicara mahkamah yang akan menimbangkan apa-apa rayuan penghuni semasa *prosiding* tersebut. Ertinya, jika perkara itu dapat dirunding dan dapat diselesaikan dengan cara rundingan bagus dan kalau tidak dapat sebagai langkah terakhir (*last resort*) kita pergi ke mahkamah.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah menimbulkan isu di mana ada orang tinggal di Batu Gajah selama 60 tahun tetapi tidak dapat geran (*title*) sedangkan ada satu kes pengambilan padang di tempat yang sama dapat *title* dalam masa dua bulan. Kita sedar di mana terdapat tunggakan dalam penyelesaian permohonan milik tanah disebabkan beberapa faktor seperti kekurangan anggota dan beban tugas yang bertambah di Pejabat-pejabat Tanah. Bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri, tanah seperti yang kita tahu dalam bidang kuasa negeri, bagi membantu kerajaan-kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Pasukan Petugas pada 1 Februari 2004 yang lalu. Pasukan ini mengandungi 406 jawatan pegawai-pegawai *etcetera* dan sebagainya dan kita telah berjaya menyelesaikan hampir 100% tunggakan *land dealing* kategori pertama jika kita menghitung tunggakan hampir

pada hari terakhir tahun 2003 dan juga 27.79% permohonan tanah, 64% pendaftaran hak milik serata dan 22% lebih penukaran hak milik. Ertinya dengan adanya *flying squad* ini kita telah sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah tunggakan dan jika ada kes-kes yang terperinci *individual case* bolehlah beritahu kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Minta maaf kalau kita hendak...

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** [*Bercakap kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang*] Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Kita pun ada jawab soalan dari Yang Berhormat Bukit Bintang di sini.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan isu bahawa masih ramai pemaju yang enggan atau ingkar untuk memohon hak milik strata bagi unit atau petak bangunan berbilang tingkat yang dijual di samping keengganan pemilik unit-unit berasingan membayar cukai tanah bagi unit yang dimiliki kepada Pejabat Tanah melalui pemaju. Beliau juga mencadangkan supaya urusan cukai pintu dan tanah bagi bangunan berbilang tingkat dijelaskan secara terus oleh individu. Kerajaan sedar bahawa masih banyak pemaju tidak memohon hak milik strata. Dianggarkan terdapat sebahagian daripada pemaju yang layak memohon tidak berbuat demikian. Kegagalan pemaju atau tuan tanah untuk membuat permohonan hak milik strata adalah disebabkan antara lain masalah hal-hal urusan tanah yang masih belum selesai seperti proses penyatuan tanah, pecah sempadan tanah dan penukaran syarat tanah. Kurangnya kefahaman pemilik tanah mengenai tanggungjawab dan kewajipan untuk permohonan hak milik strata, kelewatan di peringkat memproses sering kali terjadi disebabkan oleh permohonan yang dibuat tidak lengkap dan tidak memenuhi kehendak undang-undang seperti Akta Hak Milik Strata dan peraturan-peraturannya. Antara sebab-sebab terperinci ialah pelan strata tidak menepati kehendak atau peraturan ukur, kegagalan pemaju untuk melepaskan gadaian dan ketiadaan kelulusan

daripada pihak berkuasa tempatan dan atas pelan-pelan bangunan pindaan atau pelan-pelan yang dilukis semula.

Sebagai langkah pentadbiran, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mendidik pemaju mengenai tanggungjawab mereka dalam memohon hak milik strata. Antaranya adalah dengan mengadakan lawatan, mesyuarat, seminar dan sesi. Kementerian ini juga telah mencetak dan mengedarkan risalah dan buku panduan mengenai proses permohonan strata. Mengikut Kanun Tanah Negara bayaran ke atas cukai tanah perlu dijelaskan oleh pemilik tanah. Ini bererti bagi bangunan bertingkat yang mempunyai hak milik strata, cukai tanah akan dikenakan ke atas *master title* dan cukai dibayar dengan menggunakan Caruman Wang Pengurusan.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** *Yes, what is your problem?*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang sila.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Bintang Sila.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri tentang pemaju yang enggan memohon hak milik strata untuk penghuni walaupun Sijil Kelayakan Menduduki telah pun didapati oleh pihak berkuasa tempatan. Pandangan undang-undang yang sedia ada, bahawa pemaju haruslah memohon hak milik struktur pada tempoh 6 bulan, akan tetapi mereka tidak memohon bagi pihak menghuni.

Saya ingin tanya adakah Yang Berhormat berhasrat mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju untuk mendakwa mereka ke mahkamah jika ianya enggan memikul tanggungjawab yang mereka patut mematuhi dalam syarat-syarat yang dijanjikan dalam Surat Perjanjian Jual Beli, dan pada ada masa kini saya ingin tanya berapa jumlah pemaju yang telah didakwa di mahkamah oleh kementerian kerana mereka tidak memohon hak milik struktur untuk projek mereka, Terima kasih.

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Jika ada undang-undang yang membolehkan kita mengambil tindakan, kita memang berhasrat untuk membawa mereka sama ada ke



mahkamahkah, memberi amaranakah, supaya mereka patuhi undang-undang. Tetapi yang patut mengambil tindakan bukan Kerajaan Persekutuan tetapi Kerajaan Negeri kerana tanah pengeluaran *title* dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan setakat ini kita tidak tahu sama ada tindakan sudah diambil ataupun belum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya. Yang Berhormat, habis Yang Berhormat?

**Dato' Sri Adenan bin Satem:** Ya, ada dua, tiga muka lagi. Sebagai langkah penyelesaian mengenai kelewatan pembayar cukai dalam Skim Strata kementerian sedang mengkaji pindaan kepada akta tersebut. Kementerian amat menghargai,(ini penghujungnya) dan mengalu-alukan penglibatan serta input dari ahli-ahli Yang Berhormat pihak media masa, badan-badan bukan kerajaan serta orang awam dalam membantu meningkatkan kesedaran serta sikap bertanggungjawab di kalangan masyarakat terhadap penjajahan sumber asli dan alam sekitar.

Kita akan mengkajikan macam-macam jika adanya kelemahan dari segi undang-undang, kelemahan dari segi penguatkuasaannya, pemantauannya, dan sebagainya dan kita akan memanggil pegawai-pegawai kita supaya lebih proaktif lagi dalam usaha mereka mengawalkan alam sekitar dan hutan-hutan kita. Sekian Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik Yang Berhormat. Sekarang giliran jawapan daripada Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri silakan.

#### **8:04 mlm**

**Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Chua Soi Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Gombak telah menyentuh tentang Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan. Kerajaan pada masa ini di dalam proses melantik pakar perunding bagi meneliti pelaksanaan Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan yang dicadangkan itu. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa teliti sebelum melaksanakan Skim Pembiayaan Kesihatan

Kebangsaan ini, kerana kita pasti kita perlu memastikan rawatan yang saksama dan adil diberikan kepada semua penduduk di negara ini khasnya kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Cadangan Yang Berhormat Gombak supaya ditubuhkan satu badan kawalan *National Health Financing Authority* adalah cadangan yang baik dan sebenarnya telah diperakukan oleh kementerian kepada kerajaan untuk pertimbangan. Menyentuh tentang isu skala gaji pegawai perubatan, untuk makluman Yang Berhormat pada masa kini Pegawai Perubatan secara relatifnya menikmati skim gaji yang lebih tinggi berbanding dengan skim perkhidmatan awam yang lain, khususnya di peringkat awal.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan mengkaji cadangan untuk menyelaraskan semula skim gaji doktor dan hasil kajian tersebut akan dipanjangkan kepada agensi-agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia untuk pertimbangan dan kelulusan. Berhubung dengan isu kesamarataan pemberian elaun pakar kesihatan awam dengan pakar klinikal. Kementerian Kesihatan sedar bahawa sumbangan yang diberikan oleh pegawai pakar kesihatan awam adalah besar terutama dalam promosi kesihatan.

Kawalan dan pencegahan penyakit-penyakit berjangkit serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan kementerian menyokong cadangan menyamakan elaun pakar kesihatan awam dengan elaun pakar klinikal tetapi cadangan tersebut telah ditolak oleh agensi pusat. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung, Kementerian Kesihatan telah bersiap sedia dan sentiasa mengambil langkah pencegahan dan kawalan dalam menangani wabak selesema burung yang sedang melanda negara-negara jiran dan kementerian sentiasa bersiap sedia untuk menghadapi wabak tersebut.

Pemantauan kes di setiap klinik kesihatan dan hospital dilaksanakan secara berterusan. Begitu juga pemantauan *rumor* yang melibatkan pemantauan berita dari media masa dalam dan luar negara turut dilaksanakan bagi membolehkan amaran awal dikeluarkan. Dan *plans* tindakan untuk diguna pakai oleh semua kemudahan kesihatan awam bagi menghadapi wabak ini telah diedarkan. Makmal kesihatan dan perubatan juga telah bersiap sedia dan berkemampuan untuk melaksanakan ujian penentuan virus dan penyimpanan ubat-ubatan dan anti virus juga dirangka sebagai persediaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini badan pertubuhan kesihatan sedunia menyatakan belum ada bukti saintifik yang menunjukkan selesama burung dapat disebarkan dari manusia kepada manusia lain. Menyentuh isu kekurangan Pegawai Perubatan terutama di Sabah sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Kinabatangan, kementerian memang telah menyedari masalah ini dan sedang berusaha untuk menambahkan lebih ramai Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar secara tetap atau kontrak terutama ke negeri-negeri yang mengalami kekurangan mendesak seperti Sabah dan Sarawak melalui pelbagai cara.

Antaranya ialah menetapkan perkhidmatan wajib selama 3 tahun bagi Pegawai Perubatan yang baru dilantik, memberi elaun insentif nilaiian kepada Pegawai Perubatan yang berasal dari Semenanjung Malaysia bagi ditempatkan di Sabah dan Sarawak serta melantik pegawai perubatan pakar dan bukan pakar secara kontrak selepas bersara sehingga umur 60 tahun, dengan syarat mereka menjalankan kerja klinikal dan tertakluk juga kepada prestasi kerja dan kesihatan mereka.

Kebelakangan ini semua pengarah hospital dan pegawai kesihatan darah telah diarahkan untuk menjalankan kerja-kerja klinikal selama 10 jam seminggu selain daripada menjalankan tugasan pengurusan mereka. Ini akan diambil kira dalam urusan kenaikan pangkat mereka dan Pengarah-pengarah Kesihatan Negeri juga telah diberi kuasa untuk mengagihkan jawatan dan tenaga manusia daripada hospital yang kurang sibuk kepada hospital yang sibuk. Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:-** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Sri Gading hendak minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Menteri Kesihatan. Antara banyak-banyak kementerian, tanpa hendak menafikan kepentingan kementerian yang lain, Kementerian Kesihatanlah yang paling penting kepada rakyat di negara ini dan mungkin seluruh dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tadi KPLB, Yang Berhormat, penting juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah penting juga tadi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Satu kementerian yang sangat penting, Tuan Yang di-Pertua. Ia menyentuh seluruh rakyat dan saya lihat beban kerja kementerian ini begitu berat. Begitu berat, Tuan Yang di-Pertua. Seorang doktor saya difahamkan kena melayan lebih daripada 150 pesakit. Pukul 8 sampai pukul 10, doktor masih manis mukanya. Pesakit yang menunggu di luar masuk ikut giliran pun masih manis. Tetapi apabila naik pukul 12, pesakit yang telah menunggu tiga jam, mukanya masam. Masuk jumpa doktor yang mukanya pun sudah segi empat. Faham, Tuan Yang di-Pertua? Kita tengok, ini perasaan manusia.

Dia hendak melayan pesakit dia. Pesakit dia rasa marah. Doktor pun manusia. Dia ada perasaan. Kalau pesakit loyar buruk sangat pun dia marah. Doktor yang on-call, dia kena bekerja 24 jam. Soal kenaikan pangkat, soal kebajikan kakitangan hospital, kadang-kadang dikongkong oleh majikannya. Majikannya ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Dia tidak bebas bagaimana hendak naikkan pangkat, bagaimana hendak mengatur kakitangan, soal gaji dan sebagainya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, ringkas saya sebut untuk menyelamatkan masa, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya tubuhkan sebuah suruhanjaya yang dinamakan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan dan dengan adanya suruhanjaya ini, Kementerian Kesihatan di bawah suruhanjaya di bawah kementerian ini - bebas. Dia mempunyai kuasa mengatur, menyemak dan sebagainya untuk kebajikan kakitangan – kenaikan pangkat, perkhidmatan dan sebagainya, Tuan Yang di-Pertua. Ini cadangan saya supaya beri kebebasan kepada Kementerian Kesihatan dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cadangan supaya Kementerian Kesihatan diberi kebebasan melalui penubuhan Suruhanjaya Kesihatan, khususnya dalam soal pengambilan tenaga pekerja, ini adalah cadangan yang baik dan sebenarnya menjadi impian kepada kami, tetapi tertakluk kepada kelulusan pihak atasan. Ia memang menjadi impian kami dan saya ucap ribuan terima kasih. Mungkin kalau ada banyak rintihan, permintaan dan saranan daripada

Ahli-ahli Yang Berhormat, impian ini mungkin boleh dijadikan satu kenyataan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading berkaitan isu perkhidmatan farmasi yang perlu dibayar bagi mendapatkan ubat di hospital kerajaan, ingin dinyatakan di sini bahawa Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menswastakan perkhidmatan farmasi di hospital kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos perbelanjaan ubat-ubatan di hospital kerajaan semakin meningkat. Sebagai perbandingan perbelanjaan ubat-ubatan pada tahun 1996 adalah sebanyak RM228 juta, manakala pada tahun 2004, ia telah meningkat kepada RM808 juta.

Cadangan kerajaan untuk mewujudkan farmasi swasta hanya di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya sebagai hospital percubaan masih dalam peringkat kajian dan perbincangan. Dan dalam projek perintis ini, pesakit yang berkemampuan akan memilih untuk dirawat oleh pakar-pakar tertentu akan dikategorikan sebagai *full paying patient*. Mereka boleh membeli ubat-ubatan yang diperlukan di farmasi swasta tersebut dan perlu menjelaskan bayaran penuh untuk perbelanjaan perubatan mereka. Tetapi hanya untuk *full paying patient* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bintulu ada membangkitkan tentang proses penamatan atau penyambungan semula kontrak bagi doktor pakar warga asing. Proses penamatan kontrak dibuat secara teratur dan telus. Setiap pegawai perubatan bukan warganegara dikehendaki melalui peringkat penilaian prestasi perkhidmatan dalam tempoh tiga bulan pertama mereka menjalankan tugas. Manakala pakar perubatan bukan warganegara akan dinilai dalam tempoh enam bulan pertama mereka menjalankan tugas sebelum diwartakan sebagai pakar.

Jika mempunyai asas, ketua jabatan boleh mencadangkan penamatan kontrak pegawai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Kontrak, setelah dipertimbangkan cadangan penamatan akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Setiausaha Kementerian untuk persetujuan sebelum notis penamatan kontrak dikeluarkan kepada pegawai berkenaan.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ampang berkaitan masalah kekurangan jururawat di negara ini berbanding nisbah ideal yang diunjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia, usaha-usaha telah dijalankan untuk melatih lebih ramai jururawat dengan membina lebih banyak Kolej Sains Kesihatan Bersekutu yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan kolej-kolej yang telah dan sedang dalam pembinaan untuk melatih lebih ramai jururawat.

Yang pertama adalah Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sungai Buloh, Selangor, Kolej Kejururawatan Alor Setar, Kedah, Kolej Kejururawatan Sungai Petani, Kedah, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Kuching, Sarawak, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Kota Kinabalu, Sabah dan selain daripada kolej yang disebutkan di atas, terdapat dua buah kolej yang sedang dalam perancangan pembinaan iaitu Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Johor Bahru dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Ulu Kinta, Perak.

Selain daripada itu, bagi mengatasi masalah kekurangan jururawat itu, kementerian akan menghantar pelatih-pelatih untuk mengikuti latihan Diploma Kejururawatan secara *outsourcing* di institusi-institusi pengajian tinggi swasta dan di samping itu kementerian akan mengambil jururawat secara kontrak selepas mereka bersara wajib.

Menyentuh mengenai kira-kira 1,200 orang jururawat jurusan kolej kejururawatan swasta yang tidak diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara, perkara ini telah dapat diatasi apabila Jabatan Perkhidmatan Awam bersetuju untuk melantik 1,200 pelatih jururawat kolej swasta tajaan Kementerian Kesihatan ini secara khas untuk menyandang dan sehubungan dengan ini, tidak timbul lagi masalah penyelarasan di antara Kementerian Kesihatan dengan LAN.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ampang dan juga Yang Berhormat bagi Ayer Hitam yang membangkitkan tentang isu kadar kelulusan jururawat yang rendah di kolej-kolej kejururawatan kerajaan, pihak kementerian telah mengkaji masalah ini. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kadar kelulusan yang rendah adalah nisbah bilangan pelatih yang masih tinggi berbanding tenaga pengajar dan kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas dan tahap kelayakan masuk yang rendah telah memberi kesan yang negatif kepada prestasi pelatih.

Bagi mengatasi masalah tersebut, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti melaksanakan kaedah pembelajaran mengikut sistem kredit mulai pengambilan pada Januari 2005. Sistem kredit ini mampu mengujud mekanisme penilaian yang berterusan pada setiap semester dari segi pengetahuan, kemudahan dan sikap pelatih dan melalui kaedah ia dapat mengurangkan beban pembelajaran pelatih dalam menghadapi peperiksaan akhir.

Selain itu, kementerian juga telah menetapkan kelayakan minimum di peringkat ijazah pertama bagi Skim Perkhidmatan Tenaga Pengajar yang akan dilaksanakan sedikit masa lagi. Kami juga melaksanakan program meningkatkan kualiti tenaga pengajar, memantapkan lagi sesi ulang kaji bagi pelatih yang akan menduduki peperiksaan akhir Diploma Kejururawatan dan juga menetapkan bilangan pengambilan pelatih di kolej-kolej Kejururawatan supaya bersesuaian dengan kapasiti sebenar kolej dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat bagi Ampang juga membangkit tentang cadangan supaya diwujudkan hospital-hospital berkapasiti kecil di antara 20 hingga 30 katil, terutama bagi keperluan pesakit-pesakit di luar bandar. Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, bahawa sebenarnya kementerian sedang meneliti pelaksanaan kaedah hospital berkapasiti kecil ini.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, meminta penjelasan berhubung dengan pernyataan jururawat berbangsa Cina untuk memasuki kolej kejururawatan kerajaan, yang mana ramai antara mereka yang layak memohon memasuki kolej ini, tetapi didakwa dihalang semasa temu duga atau gagal dalam temu duga. Untuk makluman Yang Berhormat, ke belakang ini Jemaah Menteri telah bersetuju supaya kementerian kesihatan berbincang dengan Suruhan Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan pengambilan jururawat pelatih bukan bumiputera.

Menurut cadangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah, kementerian sentiasa berusaha untuk menarik minat lepasan sekolah untuk menceburi diri dalam bidang kejururawatan dan kementerian akan menganjurkan promosi dan kempen-kempen di sekolah serta iklan di akhbar-akhbar utama termasuklah akhbar bahasa Cina dan bahasa India untuk menarik minat pelajar dari berbilang kaum untuk menceburi bidang kejururawatan.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan bahawa untuk mengatasi masalah birokrasi kekurangan jururawat di negara ini, beliau mencadangkan supaya pengambilan jururawat diambil alih oleh Kementerian Kesihatan dan bukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, sebagaimana yang diamalkan sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya semua urusan pengambilan kakitangan awam adalah di bawah bidang kuasa SPA dan mudah-mudahan saranan dan rintihan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan dipertimbangkan oleh kerajaan untuk membolehkan semua kementerian mempunyai kuasa dalam pengambilan kakitangan masing-masing.

Yang Berhormat bagi Kapit telah membangkitkan tentang perkhidmatan kesihatan dan penyediaan prasarana kesihatan yang lebih sempurna di kawasan luar bandar, terutama di kawasan pendalaman di negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai mana yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia sebelum ini, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk segenap lapisan masyarakat walau di mana sekalipun. Penyediaan prasarana dan kemudahan-kemudahan kesihatan dirancang di dalam setiap penggal Rancangan Malaysia dan untuk Rancangan Malaysia Yang ke-9 ini, Kementerian Kesihatan akan memberi keutamaan kepada menyediakan prasarana dan kemudahan kesihatan, khasnya di Sabah dan Sarawak.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Mas, yang meminta supaya diwujudkan sebuah hospital di kawasan Lawas. Sukacita dinyatakan bahawa pembinaan Hospital Lawas adalah tertakluk kepada peruntukkan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-9. Walau bagaimanapun, permohonan daripada Yang Berhormat akan sentiasa di dalam perhatian kementerian.

Menyentuh saranan daripada Yang Berhormat bagi Batu Pahat, yang menyuruh Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Kementerian Penerangan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit-penyakit yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat pada hari ini, pihak kementerian sememangnya menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Penerangan di dalam penyiaran maklumat-maklumat kesihatan, khasnya melalui siaran radio dan televisyen. Bentuk kerjasama adalah meliputi sesi ceramah kesihatan radio, televisyen, iklan TV, tayangan



dokumentasi dan pelbagai langkah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang langkah-langkah pencegahan awalan yang sesuai bagi sesuatu penyakit ini.

Usaha mempromosikan kesihatan akan dipertingkatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Yang Ke-9, memandangkan penyakit-penyakit berkaitan dengan gaya hidup yang tidak sihat kian bertambah dan kementerian sedang mengkaji bagaimana promosi ini dapatlah diusahakan dengan lebih berkesan sehinggalah ke peringkat akar umbi. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu kerajaan dalam usaha mempromosikan kesihatan di kawasan masing-masing seperti memberi bantuan peruntukkan, sokongan moral kepada badan-badan bukan kerajaan yang aktif dalam bidang kesihatan di kawasan masing-masing dengan mengadakan kempen-kempen kesihatan dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Jerlun, ada membangkitkan tentang keperluan supaya dibekalkan mesin untuk mengesan penyakit buah pinggang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini pengesanan awal pagi penyakit buah pinggang merangkumi ujian darah, ujian air kencing, teknik *ultra-sound* dan lain-lain lagi. Pada masa ini boleh dikatakan semua hospital di negara ini dibekalkan dengan mesin hemodialisis secara berperingkat bagi keperluan pesakit-pesakit buah pinggang. Dijangkakan sehingga akhir tahun ini semua hospital akan mempunyai Unit Hemodialisis sendiri. Usaha ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM30 juta untuk mewujudkan Unit Hemodialisis di 40 buah hospital.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah kemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan.....

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sebelum itu, Pasir Puteh, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbincangan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Sebelum itu tutup, sokong sedikit.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Ya.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, atas kebijaksanaan menjawab segala persoalan dengan baik kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya hendak minta satu sahaja, mesin hemodialisis tadi perlu di *centralizedkan*. Kalau boleh setiap jajahan itu mesti ada, kerana Malaysia ini dia tidak boleh ramai, sebab orang satu hari pun, satu mesin kadang-kadang dua orang sahaja. Kalau boleh kita *centralized* kan di Pasir Puteh itu, bagi banyak sedikit, sebab tengok pergi Kota Bahru, dia tambang sudah berapa kemudian kena bayar lagi. Kalau kena empat kali sebulan, kita sudah habis beratus-ratus bagi yang tidak mampu susahlah.

Dan, yang keduanya, saya minta supaya Ahli-ahli Parlimen diberi sedikit kuasa untuk menyokong mana-mana yang susah, yang yakin yang dia itu susah boleh diberi pertimbangan sama ada separuh ataupun percuma. Beri kuasa kepada Ahli Parlimen, saya rasa ini Yang Berhormat Menteri, saya minta pandangan.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Sebenarnya di bawah Program Khas semua hospital kerajaan termasuklah hospital di peringkat daerah akan dibekalkan dengan sekurang-kurangnya empat buah mesin hemodialisis. Sebuah mesin hemodialisis sebenarnya berupaya untuk menjalankan, dikatakan *dialysis* tiga pesakit, satu hari tiga syif.

Ini bermakna empat buah mesin mampu atau dapat menampung keperluan 12 pesakit dan secara berperingkat kita akan menambah jumlah ini mengikut keperluan dan permintaan. Berkaitan dengan pembayaran kepada pesakit-pesakit yang miskin, sebenarnya di hospital kerajaan bayaran yang diperlukan hanya RM13 sahaja berbanding dengan swasta yang mana adalah jauh lebih tinggi. Sebenarnya untuk tiap-tiap pesakit yang menjalani dialisis atau mendapat rawatan dialisis di hospital kerajaan, kerajaan kena membantu dalam lingkungan RM10,000 setahun dan yang menjalani dialisis di NGO-NGO, kita bagi bantuan bagi setiap orang sekali menjalani dialisis sebanyak RM50 dengan syarat NGO itu adalah NGO yang bukan dikatakan *profit orientated* – dia mengendalikan NGO atau pusat hemodialisis tanpa keuntungan. Dengan cara ini kita dapat membantu golongan yang miskin. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi sokongan tetapi soal keutamaan adalah mengikut klinikal dan bukanlah bergantung kepada sokongan Ahli Yang Berhormat sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan mengenai pusat hemodialisis, tujuh atau lapan tahun dahulu, Parlimen yang mulia ini ada meluluskan satu rang undang-undang iaitu *Private Health Care dan Facility Services Act*, antara lain untuk mengawal selia pusat hemodialisis swasta dan hospital-hospital swasta supaya ada jaminan kualiti dan kenapa sampai sekarang akta ini belum dikuatkuasakan, bukan sahaja mengenai mengawal selia semua pusat yang disebut tetapi untuk mengelakkan perkara-perkara semacam apa yang berlaku di Melaka dan lain-lain tempat baru-baru ini, di mana pesakit itu menerima *billing* hingga RM100,000, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu apa masalah yang dihadapi untuk menguatkuasakan akta itu di mana Yang Berhormat pun ada mengambil bahagian, kalau saya tidak silap, untuk memberi protection kepada orang ramai tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya *The Private Health Care Facility Act Tahun 1998* telah diluluskan dan pada masa kini dikatakan masih dalam penelitian Peguam Negara supaya tiap-tiap peraturan itu dihalusi dan diteliti sebelum kita dapat melaksanakan atau menguatkuasakan akta ini. Saya difahamkan segala peraturan ini akan disiapkan atau disempurnakan menjelang akhir tahun ini.

Sementara ini mengenai hemodialisis, kebelakangan ini pihak kami telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk memastikan segala pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh pihak swasta dikehendaki memenuhi sekurang-kurangnya syarat-syarat yang telah ditetapkan. Di antaranya ialah supaya ruang di mana mesin hemodialisis itu disediakan adalah dikatakan mencukupi; dan yang kedua, pusat itu dikehendaki mempunyai mesin di mana dikatakan pesakit-pesakit yang mengidap penyakit hepatitis B atau hepatitis C atau HIV diasingkan kerana kita khuatir ada banyak pusat hemodialisis NGO yang wujud di negara ini. Walaupun kita ucapkan ribuan terima kasih kerana dia dapat sedikit-sebanyak membantu dari segi memberi rawatan hemodialisis tetapi kita akan sentiasa mengawasi supaya dia mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian, dan *on-the-spot inspection* telah dijalankan dari semasa ke semasa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Ini bukan untuk menyalahkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana masih baru lagi tetapi bukankah ini *scandalous* bahawa

walaupun sudah tujuh tahun akta ini diluluskan bertujuan untuk memberi perlindungan kepada orang ramai tetapi belum lagi dikuatkuasakan. Kenapakah tidak boleh akta ini dikuatkuasakan bahagian ke bahagian (*section by section*) supaya perlindungan yang bermakna boleh diberi kepada orang ramai. Itulah tujuan akta apabila Ahli-ahli Parlimen berbahas pada tahun 1998 bila mana Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Yang Berhormat bagi Kepong pun ada mengambil bahagian, tentulah tidak ada sesiapa pun percaya yang ia akan mengambil masa hingga tujuh, lapan tahun untuk dikuatkuasakan!

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Sebenarnya saya faham kita rasa *frust* kerana akta ini telah diluluskan pada tahun 1998 tetapi memandangkan ia mengandungi banyak peraturan so kita kena tunggu dan pihak kami sebenarnya dikatakan telah mengejar pihak pejabat *Attorney-General* supaya proses ini dapat dipercepatkan tetapi hingga penelitian dan penelitian itu dapat disiapkan, maka penguatkuasaan tidak dapat dijalankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sungguhpun Yang Berhormat bukan menteri pada waktu akta itu diluluskan dalam Dewan ini, bolehkah Yang Berhormat mengkaji bagaimana kita dapat menyegerakan dengan satu skim ataupun satu program yang tertentu dan memberi tahu kepada Dewan ini bagaimana kita boleh mencapai matlamat kita untuk menguatkuasakan akta tersebut. Ini Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan *Disease Control Center (CDC)* pada tahun lepas di mana diumumkan di dalam Dewan ini juga bahawa kita ada CDC dan sebagainya pada hal sebenarnya tidak ada. Kita mesti kaji bagaimana kita boleh keluarkan kenyataan yang tidak membayangkan keadaan yang sebenar. Saya ada banyaklah lagi soalan.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Soal CDC itu saya tidak boleh jawab kerana bukan saya yang mengeluarkan kenyataan atau membuat pengumuman pada masa itu, tetapi dari pengetahuan kami memang itu merupakan satu projek yang telah diperakukan kepada kerajaan dalam Rancangan Malaysia Yang Kelapan, tetapi malangnya apabila tidak ada peruntukan, ia hanya merupakan satu pengumuman sahaja dan tidak

menjadikan satu kenyataan. Walau bagaimanapun, pengumuman projek tersebut adalah di dalam senarai Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. *[Terus duduk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sudah habis?

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** *[Bangun semula]* Akhir sekali sebenarnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pelan untuk melaksanakan akta dialisis tadi ...

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Seperti yang saya sebut tadi, pihak kami telah bincangkan di peringkat kementerian, termasuklah menubuhkan satu jawatankuasa bagaimana kita dapat memastikan *haemodialysis center* atau pusat ini yang dikendalikan oleh pihak swasta khususnya, termasuklah NGO-NGO supaya kualiti yang disediakan itu dapat memenuhi piawaian yang ditetapkan dan di peringkat ini pihak kami telah menjalankan apa yang dikatakan lawatan ke pusat-pusat NGO ini dan pihak kami akui memang ada kelemahan-kelemahan di dalam pusat-pusat NGO ini, termasuklah soal tenaga yang mengendalikan mesin tersebut tidak mendapatkan latihan yang seharusnya diberikan. Pihak kami akan mengumumkan sebaik sahaja syarat-syarat ini ditetapkan dan kita berharap semua NGO yang mengendalikan pusat hemodialisis dikehendaki memenuhi piawaian-piawaian yang akan ditetapkan, mungkin dalam tiga, enam bulan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Seperti Yang Berhormat Menteri sebut lebih awal mengenai dengan masalah kekurangan doktor dalam perkhidmatan awam dan baru-baru ini beliau ada mengatakan di Australia mengenai skim baru untuk menarik balik *specialists* dan doktor-doktor. Kita bukan kata itu tidak bersetuju, tetapi bukankah lebih mustahak bahawa tekanan diberi untuk *retain* doktor-doktor yang sedia ada dalam perkhidmatan daripada tarik balik *specialists* dari luar negeri. Oleh kerana kalau kita tidak boleh berjaya untuk *retain* doktor-doktor yang kita ada, bagaimana kita akan berjaya untuk memupuk pakar-pakar ini balik dari luar negeri? Apakah tindakan khas akan diadakan supaya kita boleh *retain*, itu satu ujian sama ada kita boleh mengatasi masalah ini yang begitu lama, yang begitu kronik? Relakah kita adakan satu skim khas kenaikan gaji dan mungkin *condition* yang lebih sesuai untuk *an attractive*?

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Sebenarnya kekurangan doktor khususnya di negara ini termasuklah doktor-doktor di hospital kerajaan merupakan satu isu seperti Yang

Berhormat katakan tadi, adalah isu kronik yang sudah berlarutan semenjak kita mencapai kemerdekaan dan usaha untuk menangani kekurangan ini merupakan usaha yang bukan bergantung hanya kepada *retaining existing officer* yang ada. Ia dikatakan langkah-langkah yang boleh dijalankan merupakan langkah-langkah yang dikatakan pelbagai termasuklah kebelakangan ini Kabinet telah bersetuju supaya secara berperingkat, bilangan doktor pelatih akan dipertingkatkan secara berperingkat hinggalah dikatakan kapasitinya akan bertambah, kalau saya tidak silap, 25% dalam lima tahun.

Di samping itu, kita juga berusaha untuk menarik lebih ramai doktor yang berkhidmat di luar negara balik ke Malaysia untuk berkhidmat. Berkhidmat bukan hanya dengan hospital kerajaan bahkan di pihak swasta. Kalau mereka memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan, mereka boleh berkhidmat di swasta dengan harapan apabila kita mempunyai bilangan doktor yang mencukupi khususnya di pihak swasta, maka doktor-doktor yang berkhidmat di kerajaan kalau hendak meletakkan jawatan berhijrah ke pihak swasta, mereka dikatakan tidak dapat melakukan peletakan itu dengan sewenang-wenangnya, mereka akan berhati-hati kerana apabila pihak swasta dibanjiri oleh ramai doktor, maka persaingan yang hebat, doktor-doktor yang berkhidmat di hospital kerajaan akan dikatakan ambil kira soal pendapatan mereka sebelum meletakkan jawatan.

Masalah yang dihadapi sekarang ialah kita menghadapi kekurangan, bukan hanya di hospital kerajaan bahkan di swasta. Di swasta memang lebih lumayan dan kerajaan tidak mampu bayar setanding dengan swasta. Tetapi kalau di swasta persaingannya hebat dan pendapatannya tidak mungkin lumayan seperti sekarang, maka bilangan yang akan letak jawatan akan berkurangan, dan saya faham ada doktor-doktor termasuklah Ahli Yang Berhormat bagi Kepong yang merupakan seorang doktor swasta tidak bersetuju. Bersetuju dengan saya, bukan semua doktor swasta mempunyai pendapatan yang lumayan. Itu saya akui kerana saya pernah juga berkhidmat sebagai doktor swasta selama 17 tahun.

**Seorang Ahli:** Lumayan tidak?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak lumayan. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Saya tidak mengatakan saya tidak lumayan, saya mengatakan lumayan, saya akui. Saya tidak menjadikan hipokrit, menjadi tidak lumayan, saya bersusah payah dan tidak mendapat pendapatan yang lumayan. Semasa saya berkhidmat di swasta, memang saya akui lumayan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang ada ramai juga doktor yang berkhidmat bukan sahaja untuk pendapatan atau material sahaja. Yang penting tadi, bukan kerana doktor itu hendak gaji, emolumen atau pendapatan yang lebih tinggi. Ada segolongan doktor di mana-mana negara pun yang tidak mementingkan kebendaan juga. Kalau ada suasana, syarat-syarat dan alam yang *conducive*, memang mereka lebih suka untuk buat penyelidikan di dalam hospital awam untuk berkhidmat di hospital awam, memang ada. Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat, ini bukan kesalahan kementerian, kesalahan Yang Berhormat. Ini mengenai kemudahan di hospital termasuk hospital baru. Dalam sepuluh tahun ini kita membina banyak juga hospital baru tetapi kita nampak daripada zahirnya cantik, *paperless* dan sebagainya tetapi sebenarnya kalau kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masalah doktor belum selesai.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Doktor perlukan kemudahan. Yang Berhormat, doktor sahaja tidak cukup, kita perlukan kemudahan, kita perlukan hospital. Saya hendak tolong sahaja, macam mana pihak kementerian dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya pun hendak Yang Berhormat tolong saya, masa tidak cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tolong beberapa kementerian saya tidak ada di sini. Jadi, tolonglah, itu memang tolong sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah cukuplah Yang Berhormat, Menteri Belia pun tunggu, beberapa Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun tunggu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 30 saat, cukup. Ini mengenai hospital seperti Hospital Sultan Sulaiman di Tebrau, Hospital Temerloh dan sebagainya, pihak *Treasury* yang luluskan semua ini dan kemudian tidak dilaksanakan dengan baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepatutnya Yang Berhormat, bila hendak pergi Temerloh? Kata itu hari hendak ikut Menteri Kerja Raya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia tidak panggil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pergi dululah, pergi dahulu. Lepas balik ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya sudah pergi, saya sudah pergi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah pergi ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tengok itu tidak cukup. Jadi kita hendak tahu macam mana helipad boleh diluluskan, macam mana hospital boleh luluskan tanpa kerja-kerja yang tidak dipenuhi dan dapat CPC – *Certificate of Practical Completion* dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tolong Yang Berhormat kerana dia akan mengambil alih dan sama-sama tahu macam mana kita boleh memperbaiki keadaan itu? Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu boleh bincang di luar. Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya saya sudah di peringkat akhir dalam perbahasan ini dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk mengemukakan isu-isu, teguran dan pandangan kepada pihak Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong boleh ambil ingatan.

**Datuk Dr. Chua Soi Lek:** Dan teguran dan pandangan akan dianggap sebagai input kepada kementerian kami dalam usaha menambahbaikkan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.



**8.49 mlm.**

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat, teguran dan cadangan-cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sempena Perbahasan Usul Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen kali ini. Saya menyimpulkan pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada tiga bidang utama yang menjadi teras kepada skop Kementerian Belia dan Sukan dan bidang yang saya maksudkan ialah pembangunan sukan, pembangunan belia dan Rakan Muda.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam telah menyarankan agar kemudahan sukan dibina serentak di setiap kawasan Parlimen. Yang Berhormat bagi Jerai pula mencadangkan supaya kementerian bukan sahaja memberi peruntukan untuk membina kompleks sukan tetapi juga turut menyediakan tanah untuk tujuan pembinaan kompleks tersebut. Jawapannya ialah Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kementerian untuk membina 513 buah kompleks sukan komuniti di kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Namun demikian, kementerian tidak dapat melaksanakan projek secara serentak tetapi ianya hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan peruntukan tahunan semasa, kelulusan Unit Perancang Ekonomi dan kelulusan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2005 kementerian telah mendapat kelulusan untuk membina 30 buah Kompleks Sukan Komuniti dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Kompleks Sukan Komuniti adalah satu projek usaha sama di antara pihak Kementerian Belia dengan kerajaan negeri sebagai langkah menyediakan kemudahan sukan pada masyarakat, di mana kerajaan negeri menyediakan tapak projek dan kementerian pula akan menyediakan peruntukan bagi membina kompleks tersebut.

Yang Berhormat daripada Ayer Hitam menyentuh tentang penurunan mutu bola sepak negara dan cara-cara untuk menangani masalah tersebut. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian kita mengakui memang mutu bola sepak pasukan kebangsaan kita merosot prestasinya dibandingkan dalam tahun 70-an. Walau bagaimanapun ingin saya nyatakan di sini bahawa Persatuan Bola Sepak Malaysia

(FAM) menyedari hal tersebut dan baru-baru ini telah melantik sebuah syarikat perundingan untuk mengkaji kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam badan sukan tersebut.

Walau bagaimanapun ingin dinyatakan bahawa Pejabat Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan hanya dapat bertanggungjawab terhadap peraturan dan regulasi mana-mana peraturan sukan, tetapi tidak dapat campur tangan dalam hal harian pelaksanaan pentadbiran mana-mana persatuan sukan disebabkan syarat-syarat persatuan di bawah pendaftaran persatuan. Walau bagaimanapun Pejabat Pesuruhjaya Sukan akan tetap memantau mana-mana persatuan yang menjalankan apa-apa kesalahan mengikut peraturan-peraturan Akta Pembangunan Sukan.

Yang Berhormat daripada Larut telah menyentuh sikap penganjur sukan antarabangsa yang kurang peka mengenai protokol, yang mana melibatkan orang kenamaan dan juga adat resam negara. Beliau merujuk kepada insiden di upacara penyampaian hadiah kejohanan Le Tour de Langkawi dan perlumbaan Formula 1 2005. Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan oleh pihak kementerian, kita amat bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Larut, oleh itu kementerian telah mengarahkan Pejabat Pesuruhjaya Sukan supaya dalam memberi kebenaran kepada pihak penganjur dalam pertandingan sukan antarabangsa yang diadakan di Malaysia, diberikan penekanan lebih kepada beberapa syarat.

Pertama mesti diberikan syarat-syarat protokol, kedua diberikan *breakdown* dengan izin Tuan Yang di-Pertua tentang isu-isu *sponsorship*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ketiga berkenaan dengan syarat mesti adanya kemasukan satu wakil daripada Malaysia atau mana-mana ahli yang bertanding dari Malaysia dan akhir sekali mesti adanya dalam Jawatankuasa Penganjur wakil daripada Kementerian Belia dan Sukan ataupun daripada Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Yang Berhormat daripada Larut juga telah menggesa kementerian supaya mengutamakan Skim Pencen kepada lima orang pemenang pingat Olimpik. Saya ingin memaklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Sukan yang mesyuarat ketiga baru-baru ini telah bersetuju dengan memberikan Skim Pencen tersebut kepada lima orang pemenang pingat Sukan Olimpik bermula 1 Januari 2006. Tetapi Skim Pencen tersebut ditukar nama kepada Skim Imbuhan Tetap Bulanan kerana

kalau dipanggil Skim Pencen, syarat-syarat pencen akan diambil kira di bawah Akta Pencen dan ini bererti pemain-pemain badminton yang berjaya hanya akan dapat bantuan ini apabila berumur 55 tahun.

Jawatankuasa Kabinet tidak bersetuju malahan menyatakan pembayaran berkuat kuasa 1 Januari 2006 kepada lima orang pemain di mana pemenang pingat emas mendapat RM3,000 sebulan, pingat perak mendapat RM1,500 sebulan, dan pingat gangsa mendapat RM1,000 sebulan. Yang Berhormat daripada Lipis pula mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan lain-lain agensi bagi mencari formula untuk meningkatkan mutu sukan dan meminta Kementerian Belia dan Sukan untuk memikirkan kaedah terbaik untuk menangani masalah pelajar-pelajar dan juga untuk menangani masalah pelajar-pelajar yang cemerlang dalam sukan tetapi kurang memuaskan dari segi akademik.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet telah mengarahkan berkenaan dengan pelajar-pelajar yang cemerlang diwujudkan satu jawatankuasa teknikal yang dihadiri oleh semua KSU semua kementerian yang akan memberikan pemantauan kepada pelajar-pelajar yang baik dari segi akademik, dan pada masa yang sama adalah pelajar-pelajar yang menjadi atlet kepada negara.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, dalam Program Gemilang 2006 misalnya, dua orang atlet sekolah iaitu Duratun Nasihin dan Crystal Lim dan juga Ku Chai Lim diberi peluang untuk menangguhkan SPM mereka kerana menyertai Program Gemilang 2006. Manakala bagi Leong Mei Yin atlet olahraga yang kini berada di Program pra universiti telah dibenarkan tiga kali menangguhkan pengajiannya ke IPTA kerana mewakili negara sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hubungan kerjasama Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan agensi-agensi lain untuk mencari formula meningkatkan mutu sukan, Jawatankuasa Kabinet Sukan sebenarnya ada formula tersebut yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat membawa banyak keputusan dan keputusan dilaksanakan oleh semua kementerian yang terikat di bawah jawatankuasa tersebut.

Yang Berhormat dari Cameron Highlands mencadangkan Kementerian mengenal pasti calon-calon berbakat dalam bidang sukan dari kalangan 80,000 siswazah yang menganggur, dan mengesyorkan mereka diberi latihan kejurulatihan dan kepimpinan sukan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini cadangan yang baik tetapi agak rumit untuk dilaksanakan kerana dalam aspek latihan kejurulatihan dan kepimpinan sukan bukan semua individu itu minat untuk menjadi seorang jurulatih ataupun pemimpin sukan, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini tertakluk kepada minat individu tersebut, walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan di bawah Majlis Sukan Negara mempunyai Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan yang sentiasa membuka peluang dari masa ke semasa kepada sesiapa sahaja sama ada siswazah ataupun tidak yang berminat untuk menjadi jurulatih. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua kita telah berjaya melatih jurulatih tahap pertama 6,154, jurulatih tahap kedua 1,412, jurulatih tahap ketiga 83 orang.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kecergasan Kebangsaan yang baru-baru ini diwujudkan telah juga menawarkan kursus-kursus kejurulatihan jurulatih senamrobik kepada mana-mana individu yang berminat untuk menjadi jurulatih aerobik. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan kita akan menerima mana-mana individu yang berminat untuk meneruskan kerjaya dalam bidang kejurulatihan yang memang kita lihat pada hari ini memang sangat berkurangan.

Yang Berhormat daripada Arau pula menyatakan, menyokong sepenuhnya promosi untuk sukan ragbi dan memohon menyediakan prasarana bagi sukan tersebut. Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian sukan ragbi ditarafkan dalam kategori sukan untuk semua dan oleh itu Kementerian sentiasa menyokong dan untuk membantu mana-mana permohonan oleh persatuan-persatuan yang terlibat. Walau bagaimanapun, sukan ragbi ini Tuan Yang di-Pertua sangat-sangat menjadi satu sukan yang begitu kuat dan begitu hebat terutama sekali dalam Kementerian Pelajaran, iaitu dalam sekolah-sekolah berasrama penuh dan juga institut pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Papar pula menyentuh bahawa untuk meningkatkan prestasi sukan negara perlu ada peruntukan yang cukup terutamanya di Sabah. Beliau memohon peruntukan tambahan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan. Di sini Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian insya-Allah,

walaupun bagaimanapun baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet Sukan telah meluluskan peruntukan khas bagi pembangunan sukan akar umbi dan insya-Allah pihak Kementerian akan melaksanakan program seperti diatitkan kepada Jawatankuasa Kabinet.

Yang Berhormat daripada Jerlun pula mencadangkan supaya Kementerian tidak hanya menumpukan pada sukan prestasi tinggi, tetapi hendaklah memberi perhatian kepada sukan kecil di peringkat akar umbi bagi tujuan mengeratkan silaturahim masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian amat bersetuju dengan persoalan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerlun, kerana memang benar sukan di akar umbi perlu dijadikan penekanan yang lebih daripada prestasi tinggi, kerana sukan di akar umbilah yang akan mewujudkan budaya sukan yang akan mengeluarkan atlet prestasi tinggi kepada masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan apa yang telah dikatakan Program Kecergasan NFC peringkat akar umbi, bolehkah Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan di mana saya melihat dalam kerangka atau program yang telah dirangka itu, aktiviti ataupun pertandingan acara sukan hanya dinyatakan lima iaitu badminton, futsal, bola jaring, bola tampar dan sepak takraw. Bolehkah dipertimbangkan sukan seperti bola keranjang dan ping pong yang merupakan satu acara yang memang digemari dan mudah sangat mereka nak main bola keranjang. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah kedua-dua acara boleh dimasukkan sebagai acara yang diberi sokongan dalam program ini. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Majlis Kecergasan Kebangsaan menggalakkan apa-apa program kecergasan yang menjadi keutamaan Kementerian. Sebenarnya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam iaitu sukan *basketball* dan pingpong adalah dalam kategori sukan untuk semua yang memang menjadi salah satu daripada aktiviti Kementerian Belia dan Sukan.

Walaupun di dalam aktiviti yang dibentangkan dalam surat cara Majlis Kecergasan Kebangsaan ini tidak bererti bahawa sukan tersebut terikat kepada program

tersebut. Sebenarnya dalam bahasa Inggeris *you are not limited* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kepada cadangan yang dibuat. Walau bagaimanapun sebenarnya Majlis Kecergasan Kebangsaan dari segi bantuan kewangan ialah lebih kepada program kecergasan sahaja.

Sepatutnya program-program sukan untuk semua permohonan kepada bahagian sukan di Jabatan Belia dan Sukan yang sebenarnya disokong oleh Jawatankuasa Kabinet yang telah memberikan peruntukan sebanyak RM125 juta. Bagi pihak kementerian kita menunggu peruntukan ini turun dan insya-Allah mana-mana permohonan sukan untuk semua terutama sekali yang menggerakkan sukan di peringkat akar umbi akan diberikan perhatian utama oleh Kementerian Belia dan Sukan. Dengan izin biar saya sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat bagi Jerlun yang mahukan kementerian menyediakan modus operandi sewajarnya bagi mengatasi masalah kesuraman sukan di kalangan belia di kampung-kampung. Manakala Yang Berhormat bagi Jerai pula memohon kementerian mengatasi isu kekurangan tempat dan kemudahan sukan.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada persoalan masalah kesuraman sukan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengakui masalah isu sukan di peringkat akar umbi terutama sekali wujud kerana persatuan-persatuan sukan yang ada tidak dapat menjalankan program secara aktif di kawasan akar umbi. Ini kerana persatuan-persatuan memerlukan banyak kewangan apabila menjalankan program. Itu sebabnya Kementerian Belia dan Sukan, untuk menggalakkan program sukan di antara peringkat belia-belie di kampung-kampung galakan mewujudkan kelab-kelab sukan yang didaftarkan terus di Pejabat Suruhanjaya Sukan adalah salah satu cara untuk menggalakkan prestasi sukan dan mewujudkan kesegaran kepada belia-belie di kawasan-kawasan luar bandar khasnya.

Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, pertandingan sukan antarabangsa bola sepak di England sebagai contoh, kejayaan taraf bola sepak kerana sistem kelab sukan tersebut. Bukan kerana sistem sukan yang ditadbirkan oleh daerah mana-mana negeri

tetapi sistem kelab yang bertanding sesama kelab tersebut yang melahirkan juara dan juga calon bagi mewakili negara.

Berkenan dengan isu kekurangan tempat dan kemudahan, Jawatankuasa Kabinet Sukan mengakui bahawa antara masalah paling besar ialah masalah kemudahan dan padang-padang hijau, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu kementerian telah diarahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet yang keempat satu pembentangan khas akan dibuat supaya perbincangan yang lebih dalam dapat di bincang berkenaan dengan isu kekurangan tempat dan kemudahan riadah terutama sekali kepada masyarakat luar Bandar.

Kementerian juga telah mengarahkan persatuan-persatuan NGO yang terlibat dalam kaji selidik untuk membantu kementerian bagi membuat kajian berkenaan dengan kekurangan tempat dan kemudahan riadah terutama sekali kepada masyarakat luar Bandar Tuan Yang di-Pertua, dan insya-Allah keputusan ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kabinet dalam mesyuarat yang keempat, insya-Allah pada bulan depan.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jawab kepada soalan dalam aspek pembangunan belia. Yang Berhormat bagi Lipis mencadangkan supaya diwujudkan jawatan kontrak kepada pemimpin belia di peringkat daerah dan akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, kementerian belum lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat bagi Bera bangun.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, boleh saya ke belakang sedikit? Saya hendak Tanya tentang padang bola. Seperti yang kita tahu bahawa walaupun soal padang-padang bola adalah berkaitan dengan kementerian tetapi dari segi padang bola terutamanya di kawasan-kawasan di luar bandar, padang bola tidak ada kena-mengena dengan Kementerian Belia dan Sukan. Padang bola dimiliki oleh Majlis-majlis Daerah. Kalau di kampung-kampung, padang bola dibina oleh PLB di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar dan sebagainya. Jadi bagaimana pihak kementerian ingin mengatasi masalah ini? Adakah pihak kementerian mempunyai cadangan untuk mengambil alih padang-padang yang di bawah jagaan majlis-majlis daerah dan sebagainya. Begitu juga dengan pembinaan padang akan datang ini,

adakah di bawah Projek Pembangunan Luar Bandar ataupun di bawah peruntukan kementerian sendiri?

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Sebenarnya masalah padang bola yang di bawah bidang kuasa majlis daerah ataupun kerajaan negeri bukan kerana masalah itu sebuah padang tapi kerana masalah itu adalah sebuah tanah yang disebut sebuah padang. Ini bererti di bawah Perlembagaan Malaysia definisi semua kegunaan tanah di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Itulah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Bera kerana bidang kuasa pentadbiran apa-apa tanah ialah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui Majlis Daerah.

Kementerian mengakui ini salah satu daripada sebab mengapa masalah kemudahan menjadi isu yang sangat besar baru-baru ini dan Jawatankuasa Kabinet yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menimbulkan tentang isu *sport slunk* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau kita tengok di negara luar setiap rakyat itu dikhaskan sejumlah tanah kepadanya hak untuk bermain. Ini salah satu daripada tuntutan dalam aspek *United Nation* Tuan Yang di-Pertua, dari segi UNICEF iaitu satu badan yang menjanakan hak kanak-kanak yang menyatakan kanak-kanak ada hak untuk bermain. Salah satu daripada keutamaannya ialah padang permainan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet bersetuju untuk membincang dengan lebih mendalam dalam mesyuarat yang akan datang apakah peranan dan keputusan Jawatankuasa Kabinet dan juga kementerian khususnya. Adakah kalau kita hendak membaiki dan menyelenggara ataupun kita mengambil alih ini akan dibincangkan dan kemudian insya-Allah akan dibawa kepada mesyuarat-mesyuarat Menteri Besar selepas keputusan ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sama ada kementerian bercadang untuk menyelaraskan, maknanya meminta kerajaan negeri yang terlibat dengan stadium-stadium, stadium negeri terutamanya di bawah perbadanan ataupun yang dipimpin oleh mana-mana majlis



bandar raya supaya dapat dikendalikan oleh pihak kementerian supaya pihak kementerian yang terlibat dengan kegiatan sukan ini dapat mengurus dan mentadbir dengan lebih licin dan berkesan. Ini kerana pada masa ini masing-masing dengan cara masing-masing dan apabila berlaku kekurangan peruntukan kerja-kerja membaik pulih stadium akan menimbulkan masalah.

Saya tidak nafikan Stadium Nasional di Bukit Jalil terutamanya kompleks sukan yang begitu baik dan saya bolehlah secara pengalaman menyifatkan Stadium Bukit Jalil ini lebih baik dengan Stadium World Cup yang diadakan di Paris pada tahun 1998. Itu pandangan peribadi saya. Adakah pihak kementerian melihat selain daripada usaha Yang Berhormat Menteri sendiri hendak mewujudkan lagi kompleks-kompleks sukan komuniti yang bernilai RM2 juta mengikut kawasan-kawasan DUN sebanyak 500 lebih. Apakah pihak kementerian melihat bagaimana kementerian boleh mencadangkan kepada Jawatankuasa Kabinet supaya stadium-stadium yang dikendalikan oleh kerajaan negeri terutamanya ataupun badan-badan dan agensi yang lain diserahkan kepada kementerian.

Walaupun saya tahu stadium ini tidak menguntungkan kecuali perlawanan bola sepak. Katalah apa sekalipun perlawanan bola sepak orang hanya.... keuntungan kutipan hasil adalah kepada bola sepak dan stadium hanya dapat potongan daripada jualan tiket kalau hendak dibandingkan sukan-sukan yang lain. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi larut. Beliau sangat bijak tentang bola sepak memandangkan beliau adalah Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia yang mungkin soalan mengapa mutu bola sepak juga ditanya untuk dijawab oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah tentang mengendalikan hartanah ini satu soalan yang begitu mendalam kerana bagi pihak kementerian kalau pun kita memberikan kewangan untuk membantu kerajaan negeri untuk membaiki penyelenggaraan dalam bahasa Inggeris *maintenance* selalu menjadi isu.

Ini adalah kerana dalam aspek siapa yang hendak menyelenggara dan siapa yang akan membaiki ataupun menaikkan taraf mana-mana stadium. Tetapi bagi pihak kementerian memang ini satu isu yang perlu dikaji dengan lebih teliti memandangkan kalaulah kementerian diarahkan untuk memajukan sukan di peringkat akar umbi kita

perlu tempat untuk sukan tersebut dan stadium-stadium di daerah-daerah di Parlimen dan di DUN-DUN perlu diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan sama ada Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri.

Oleh itu, kenyataan ini hanya dapat dijawab dengan lebih mendalam selepas kajian dibuat dan keduanya, sementara kita hendak membuat keputusan siapa yang bertanggungjawab, kompleks sukan komuniti yang hendak dibina ini diharap mempunyai padang futsal, ada dua *court* futsal Tuan Yang di-Pertua. Diharap dapat sekurangnya mengurangkan masalah stadium-stadium di kawasan daerah yang banyak mengalami keadaan yang tidak begitu sesuai. Tetapi insya-Allah, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, jawatankuasa Kabinet memang peka kepada masalah ini dan insya-Allah, akan dikaji dengan telitinya. Izinkan saya sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, sila Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, dikatakan kekurangan kemudahan sukan di kampung tetapi di kawasan kediaman pun. Saya mendapati bahawa telah menjadi biasa padang diambil alih oleh Rukun Tetangga untuk membina pusat Rukun Tetangga dan juga diambil untuk membina pusat ataupun dewan untuk penduduk di sana.

Walaupun saya berpendapat pusat RT adalah penting, dewan serba guna adalah penting, tetapi saya rasa janganlah ambil padang itu. Adakah kementerian ini akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri ataupun *Local Council* supaya janganlah ambil tanah ataupun jangan ambil padang itu untuk kegunaan yang lain. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Bukit Mertajam, sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan tidak ada tidak ada kuasa kerana seperti yang saya katakan tadi, banyak daripada hal tanah tersebut adalah di atas tanah yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, jawatankuasa Kabinet hanya dapat membincangkan dan kemudian insya-Allah, diharapkan dapat diberikan kesimpulan daripada perbincangan di dalam jawatankuasa Kabinet yang akan datang tentang isu hartanah yang disebut oleh Yang Berhormat, supaya Menteri Besar-Menteri Besar dapat diikatkan sekali.

Saya melihat ini seperti masalah alam sekitar iaitu masalah isu penggunaan tanah sebab kita mengakui bahawa memang diperlukan oleh masyarakat. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat Bukit Mertajam, masalah ini ialah masalah masyarakat di kawasan perumahan perlu menuntut kepada tanah tersebut, kerana bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan, setakat yang kita boleh membina dan mengendali ialah hartanah di bawah bidang kuasa kementerian. Tetapi, di bawah Kerajaan Negeri khususnya Majlis Daerah, kami dimaklumkan antara perbelanjaan yang paling sedikit ataupun perbelanjaan yang langsung tidak ada ialah untuk sukan.

Itu sebabnya kenapa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, sebagai Ahli Parlimen banyak bertanggungjawab untuk membina sukan di kawasan Parlimen yang sepatutnya juga menjadi tanggungjawab Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga tanggungjawab Kerajaan Negeri. Tetapi masalah sekarang ini, timbul masalah ialah kerana masalah kos sukan. Itu sebabnya kalau kita tengok pada tahun ini, *United Nation* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mendeklarasikan tahun 2005 ialah Tahun Sukan Antarabangsa kerana dilihat dengan pembangunan sukan, kos hospital akan turun, kos pendidikan akan turun.

Tetapi, dalam kerajaan-kerajaan yang terlibat, banyak mengukurkan bahawa sukan tidak penting. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, memang tepat kepada isu bahawa perlu dibincangkan secara terbuka masalah padang yang tidak mencukupi, masalah *sports lung*.

Saya agak bangga dengan 15 Menteri-menteri Kabinet yang terlibat dalam jawatankuasa ini, yang semuanya daripada Barisan Nasional, kerana mereka menyedari ini satu isu yang mungkin sensitif tetapi kebenaran kepada hak rakyat. Itu sebabnya saya minta Yang Berhormat sabar hingga mesyuarat yang keempat, insya-Allah kerajaan pimpinan akan menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *[Bangun]*

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Indera Mahkota, Bandar Kuching bangun. Yang mana satu?

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Indera Mahkota.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sila Yang Berhormat.

**Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya berkenaan dengan padang itu tadi. Kebanyakan padang-padang permainan di kawasan-kawasan daerah ataupun di kampung-kampung yang telah dibina oleh PLB, juga padang-padang sekolah. Kalau dulu, kita tengok padang-padang sekolah ini dijadikan bangunan tambahan kepada sekolah dan padang untuk permainan kanak-kanak sekolah ini tidak dapat bermain dan juga padang-padang di kampung, di mana apabila sesuatu pembangunan untuk diadakan, yang dikorbankan adalah padang-padang. Contohnya pembinaan gerai, pembinaan masjid ataupun dewan yang akan mengorbankan padang-padang ini dahulu.

Saya prihatin sangat perkara ini kerana pihak kementerian hari ini memang memperjuangkan untuk mewujudkan padang-padang baru sedangkan padang-padang yang sedia ada telah diambil alih dan dengan ini, saya rasa tumpuan kita untuk memajukan sukan, terutamanya sukan bola sepak akan terkubur di masa-masa yang datang. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Parlimen iaitu Menteri-menteri Kabinet sering kali membincangkan tentang isu padang bola, isu *green lung*, *sports lung*. Kalaulah Kabinet tidak membincangkan isu ini, mungkin Yang Berhormat sekalian mungkin perlu rasa takut. Tetapi, saya ingin memberi jaminan perbincangan ini akan tetap dibincangkan dan dalam mesyuarat keempat, satu keputusan insya-Allah akan cuba dapat diselesaikan, kerana kerajaan bersetuju. Selalunya padang bola terutama sekali di sekolah dijadikan mangsa kepada pembangunan. Tetapi, saya minta sangatlah Ahli Parlimen bersabar sehingga mesyuarat yang keempat.

**Tuan Chong Chieng Jen:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandar Kuching.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Silakan.

**Tuan Chong Chieng Jen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat gembira kerana kerajaan mengutamakan sukan. Tetapi, di Bandar Kuching terdapat satu *track and field*, *400 meters track and field* yang sangat bermutu tinggi, yang setaraf ada *international standard*.

**Seorang Ahli:** *World Class*.

**Tuan Chong Cheing Jen:** Belum capai tahap *world class* tetapi sudah ada standardlah. *Track and field* itu adalah di bawah jagaan Majlis Bandaraya Kuching Selatan tetapi ia ditutup, tidak dibenarkan digunakan oleh orang ramai.

Semasa saya masih kecil, saya ada pergi sana untuk lari, untuk jogging. Banyak orang yang terlibat dalam sukan juga ada pergi sana untuk *training*. Tetapi, selepas *renovation* yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Kuching Selatan, ia ditutup, tidak membenarkan orang awam untuk menggunakan *track and field* tersebut kecuali pada hari yang tertentu, yang ada organisasi-organisasi untuk menyewa.

Alasan-alasan yang diberi oleh Majlis Bandaraya Kuching Selatan adalah kerana ia tidak mahu *track and field* itu digunakan kerap kali, *want to reduce the cost of wear and pay*. Bolehkah saya pohon Yang Berhormat Menteri, bolehkah bincang dengan Majlis Bandaraya Kuching Selatan supaya membuka *track and feild* itu untuk orang ramai pada setiap hari. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Menteri Belia dan Sukan tidak banyak kuasa. Kalau kita memaksa, mungkin Menteri Belia dan Sukan tidak boleh masuk Sarawak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini masalah dalam semua stadium di dalam negara kita yang dikendalikan oleh majlis daerah kerana kos yang begitu tinggi. Saya setuju tetapi bagi pihak kementerian, seperti kita kata mengikut undang-undang, apabila stadium di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat, baru kita boleh hak bersuara.

Seperti contohnya, Perbadanan Stadium Nasional yang mana pada hari ini dikendalikan oleh kementerian, kita mengarahkan stadium ini digunakan secara percuma setiap hari Jumaat, terutama sekali pada budak-budak sekolah. Itu yang setakat mampu oleh kerajaan. Tetapi, kalau dalam mesyuarat keempat yang akan datang, Kerajaan Pusat bersetuju harus dibincangkan lebih dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri berkenaan dengan kendalian ini sebab Yang Berhormat Bandar Kuching harus sedar, kos menyelenggarakan bukan begitu murah. Saya dapat memahamilah dalam aspek hendak ganti padang bola pun daripada Yang Berhormat. Di sini, saya dimaklumkan satu padang bola Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak

*refurbish* padang bola biasa, RM100,000. Ini, lagi satu perlima daripada kos pembangunan.....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Minta penjelasan. Setiap tahun ada bayar itu cukai pintu. Cukai pintu itu adalah untuk kemudahan-kemudahan sebegitu. 20 tahun lalu, Kerajaan Tempatan dapat berupaya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, dalam ucapan ini, Menteri telah memberikan.....

**Tuan Chong Chieng Jen:** Saya tahu, saya tahu. Tetapi, saya pohon Menteri berbincang dengan Majlis Bandarraya Kuching Selatan, kerana apa kegunaannya untuk kita mempunyai satu kemudahan-kemudahan sukan tetapi orang ramai tidak dapat pakai?

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya dijadikan wakil rakyat Kuching, mungkin saya dapat selesaikan. Tetapi, ini wakil Kuching ialah daripada parti Pembangkang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Wakil rakyat Bandar Kuching.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Bandar Kuching. Jadi saya minta maaf, bukannya saya tidak hendak campur tangan, tetapi bidang kuasa kami terhad kepada apa yang kita boleh buat. Tetapi saya jamin insya-Allah dalam mesyuarat ke-4 kita cuba, saya akan membawa isu-isu yang seboleh Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh atau tidak saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Silakan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat boleh saya hendak minta sedikit penjelasan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat,.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat sebut Larut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada sebut Larutkah?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebut, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:**

*Ikan kembong;*

*Ikan kerapu;*

*Wakil Kepong;*

*Jangan merapu. Duduklah!*

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, saya masih ingat kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengarahkan semua padang, termasuk stadium hendaklah digazetkan, diwartakan dan diletakkan di setiap negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri. Bukankah ini satu ruang untuk membolehkan kementerian masuk dan menyelaraskan padang-padang termasuk stadium. Saya minta melaksanakannya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan supaya semua padang termasuk stadium mestilah diwartakan sebagai tidak boleh diusik dan diletakkan di bawah negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri. Jadi sejauh mana kementerian telah memainkan peranannya supaya padang-padang bola ini dapat diselaraskan. Saya tidak bermaksud bahawa tanah memang tetap milik kerajaan negeri. Masalah sekarang ialah dari segi *maintenance*, dengan izin.

Itu yang menyebabkan kadang-kadang stadium-stadium atau padang setengahnya tidak terurus. Saya tidak fahamlah kalau di Bandar Kuching katakan bahawa *track* ataupun tempat latihan olahraga yang dimaksudkan itu tidak diberi untuk digunakan. Saya rasa mungkin itu ada masalah dalaman mereka sendiri. Tetapi maksud saya tadi ialah tentang arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua padang mestilah diwartakan supaya tidak boleh sesiapa jadikan ia untuk tujuan-tujuan yang lain. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat, saya punya pendapat sebab ini merupakan satu ruang untuk Kementerian Belia dan Sukan, kementerian Yang Berhormat saya rasalah untuk mengambil alih projek yang dimaksudkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya buat satu cadangan minta Ahli Yang Berhormat bersabarlah. Tunggu sampai mesyuarat kali ke-4 diadakan.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan saya pohon. Mana-mana soalan tentang *facility*, dengan izin tunggu sehingga mesyuarat yang ke-4. Sebab bagi pihak kementerian, kalau kita hendak jawab kita mungkin akan mengganggu penyelesaian yang mungkin dibuat oleh Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon dengan izin untuk menyambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung soalan tentang belia di mana soalan oleh Yang Berhormat bagi Lipis mengenai perlunya dibayar pemimpin belia jawatan secara kontrak. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian belum berhasrat untuk mewujudkan jawatan kontrak kepada pemimpin pertubuhan belia di peringkat daerah ataupun akar umbi, kerana sejarah menunjukkan bahawa pergerakan belia negara ini bertunjang kepada semangat sukarelawan dan salah satu pada usaha ialah ke arah memupuk semangat sukarelawan di antara generasi muda.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku bagi pihak kementerian ialah kita mewujudkan pembayaran secara kontrak kepada pegawai-pegawai penggerak Rakan Muda, iaitu pegawai-pegawai belia secara kontrak di bawah umur 25 tahun supaya menjadi orang tengah di antara persatuan belia dengan belia-belia di kawasan luar bandar khususnya. Oleh itu saya berharap sangat bahawa isu berkenaan dengan pembayaran kontrak kepada pemimpin belia ini dapat dilihat dalam pendekatan yang agak drastik Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pula menyarankan bahawa kerjasama perlu dibuat dengan Kementerian Usahawan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pertanian bagi mengadakan program bersama golongan belia.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah, sedang dan akan dilaksanakan. Sebagai contohnya, Program Belia Tani Kementerian dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.



Program Keusahawanan Belia Kementerian adalah dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Program Rakan Muda, ada diwujudkan program baru Rakan Muda, Jiran Muda dengan Jabatan Perpaduan Negara, Program Majlis Kecergasan Kebangsaan diwujudkan dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Jabatan Perpaduan, Program Belia Benci Dadah adalah dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian memang kita dengan tangan terbuka sentiasa bekerjasama dengan semua agensi kerajaan memandangkan bahawa fokus belia ini adalah kebanyakannya dalam semua kementerian kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong pula mengesyorkan pertubuhan belia tidak perlu mendaftar semula dengan kementerian kerana semua pertubuhan belia telah didaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang pada hari ini persatuan belia tidak berdaftar dengan kementerian, tetapi mereka hanya memaklumkan kehadiran kementerian bagi membantu kementerian untuk memberikan mereka bantuan organisasi iaitu bantuan kewangan. Dalam aspek ini, memang dalam cadangan kementerian untuk mewujudkan Akta Pembangunan Belia yang akan mendaftarkan semua persatuan belia seperti Akta Pembangunan Sukan yang mendaftarkan semua persatuan sukan di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan. Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengusulkan bantuan diberi kepada persatuan belia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan tetapi berdasarkan kepada kriteria yang telah disyaratkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka kerana inilah pendekatan kementerian sejak ianya ditubuhkan, adalah untuk memberi bantuan ke arah membangun, mengiat, mengaktif dan memperkasakan semua pertubuhan belia dalam negara kita tidak mengira bangsa, agama ataupun keturunan. Yang Berhormat bagi Tangga Batu pula meminta kementerian melihat semula dan mengkaji sedalam-dalamnya Akta Pertubuhan Belia serta mengkaji syarat-syarat pemberian penganugerahan belia. Di sini Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian bukan dalam keadaan tergesa-gesa untuk membuat Akta Pembangunan Belia, kerana akta ini yang dicadangkan pada tahun 2003 masih dalam

peringkat mengkaji, membahas dan dihalusi draf akta tersebut dengan persatuan-persatuan belia.

Dalam proses demikian, bagi pihak kementerian, penglibatan semua pihak adalah amat penting untuk memberikan pandangan mereka tentang kewujudan persatuan belia dan penglibatan ini mengambil kira komen-komen, pandangan dan cadangan-cadangan bagi memperkukuhkan draf yang sedia ada. Berkenaan dengan anugerah yang disebut tadi, iaitu anugerah pada Hari Belia Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak kementerian menjadi satu rakan kongsi kementerian dengan wakil belia melalui Majlis Perundingan Belia Negara dan Majlis Perundingan Belia Negeri. Ini dilihat sebagai kerjasama antara pihak kementerian dengan NGO-NGO Belia. Kementerian bersetuju pula untuk menyatakan di sini bahawa kementerian amat peka, bahawa persatuan belia memainkan peranan yang sangat penting untuk membangunkan belia-belie dalam negara kita.

Yang Berhormat bagi Larut pula mencadangkan supaya ahli-ahli biasa dalam pertubuhan belia dihadkan umur tidak lebih 40 tahun, tetapi tidak ada had umur bagi pemimpin pertubuhan.

Beliau juga mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan dipecahkan kepada dua kementerian, iaitu Kementerian Belia dan Kementerian Sukan Malaysia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tentang umur, umur ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat-sangat sensitif. Walau bagaimanapun, bagi pihak kementerian, kita masih membincang melalui forum, dialog dan konvensyen belia untuk membuat keputusan tentang isu umur. Kementerian mengambil kira bahawa kadang-kadang semangat belia yang ada pada mereka lebih daripada 40 tahun, ini memainkan peranan yang penting, yang pada hari ini memperkuatkan beberapa persatuan belia. Walau bagaimanapun, kita juga harus mengambil kira tentang isu yang disebut dalam bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *continuity to the leadership*.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, isu umur ini adalah satu isu agak sensitif dan masih dibincangkan di pihak kementerian. Berkenaan supaya Kementerian Belia dan Sukan dipecah kepada dua, ini bukanlah jawapan Kementerian Belia dan Sukan, tetapi jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya mencadangkan kepada Yang

Berhormat bagi Larut untuk berjumpa dengan Perdana Menteri dan memohon perkara ini dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat bagi Jerai.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak pergi kepada masalah persatuan belia yang sering kali dibuntui dengan masalah kewangan dan juga masalah pengurusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan tentang cadangan Yang Berhormat itu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cadangan Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya boleh berbincang dengan Yang Berhormat dekat luarlah. Kalau Tuan Yang di-Pertua pun boleh, kita sesama bincanglah. Tentang masalah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepatutnya penjelasan adalah berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, ya. Saya pergi pada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Tetapi masalah pengurusan dan pentadbiran yang sering kali dihadapi oleh persatuan belia. Kita tahu banyak sangat persatuan belia yang ada dalam negara kita ini, sama ada yang masih ibarat 'hidup segan, mati tidak mahu'. Masalahnya ialah boleh atau tidak kementerian melihat persatuan-persatuan yang bermaya ini supaya dapat dijadikan satu contoh, umpamanya katakan mana-mana pegawai kementerian tetapi ini kena diisilah. Semua setiausaha badan-badan belia terutama di peringkat negeri, daerah terdiri daripada pegawai-pegawai belia supaya mereka ini dapat memantau, mengikuti perjalanan persatuan-persatuan belia.

Sebagaimana yang diwujudkan dalam PIBG, sekarang ini semua PIBG walaupun pengerusinya atau timbalan pengerusinya dipilih di kalangan ibu bapa dan masyarakat, tetapi setiausahanya mestilah dipegang guru-guru.

Jadi apakah kementerian melihat kalau tidak boleh diadakan secara keseluruhan mungkin Yang Berhormat boleh melihat kalau pegawai-pegawai yang diletakkan dalam badan-badan belia yang dirasakan bukan badan belia yang bermaya yang boleh dijadikan contoh. Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan ini saya percaya masa yang terbaik bagi Yang Berhormat Larut membawa cadangan-cadangan ini apabila Kementerian Belia dan Sukan membentangkan Akta Pembangunan Belia di Parlimen barulah cadangan ini dapat dibawa kerana itu boleh dijadikan salah satu daripada peraturan dalam Akta Pembangunan Belia. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat bagi Jerai pula meminta supaya kementerian memfokuskan hala tuju belia dalam pertubuhan belia kerana kebanyakan belia menyertai persatuan hanyalah untuk keseronokan bersukan ataupun mengisi masa lapang tanpa memberi sumbangan khidmat kepada negara. Beliau juga bertanya kepada kerajaan bolehkah dengan memberikan peruntukan dan bimbingan kepada belia yang ingin berniaga.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hala tuju belia, ingin dinyatakan sebenarnya wujud satu dasar pembangunan belia negara dan juga baru-baru ini pada tahun lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional. Ini memang menjadi salah satu daripada ukuran kepada gerakan kepada mana-mana persatuan belia. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang bukan masalah kerana belia menjadi ahli untuk berseronok, masalah yang kementerian hadapi ialah belia tidak berminat hendak menjadi ahli persatuan belia. Itu sebabnya kementerian telah mewujudkan satu institut penyelidikan yang dipanggil Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Negara yang pada hari ini dan saat ini mengkaji sebab-sebab kenapa belia tidak mahu mengikuti persatuan belia. Insya-Allah apabila keputusan itu didapati kita akan maklumkan kepada rakyat.

Berkenaan dengan isu perniagaan, kementerian sedang berusaha mewujudkan semula Tabung Ekonomi Belia untuk menyediakan bantuan kewangan untuk memberi bantuan kepada belia-belia yang boleh berniaga. Insya-Allah, Kementerian Belia dan Sukan akan membawa semula isu ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulung pula mencadangkan supaya peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan dapat ditambah bagi melaksanakan program di peringkat

akar umbi, program belia khasnya dan beliau juga mengesyorkan supaya dibuat penurunan kuasa kepada daerah supaya penyaluran peruntukan mudah dilaksanakan. Beliau juga mengesyorkan supaya Majlis Perundingan Belia diwujudkan di daerah atau di kawasan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian kita menyedari bahawa kekurangan peruntukan bagi pertubuhan belia ini wujud. Oleh sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah memberikan satu pengkhususan lebih supaya diberikan peruntukan kepada persatuan-persatuan belia di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Berkenaan dengan pelaksanaan terhadap cadangan penurunan kuasa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, izin dikatakan Tuan Yang di-Pertua, ia hanya dapat dipertimbangkan jika memenuhi tatacara pengurusan kewangan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Mengenai syor menubuhkan Majlis Perundingan Belia di daerah mahu pun Parlimen, saya ingin memaklumkan bahawa bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan dengan wujudnya Akta Pembangunan Belia Insyah-Allah, perkara ini dapat dibincangkan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi pihak kementerian saya telah mengarahkan semua pegawai-pegawai belia di peringkat daerah dan pengarah-pengarah belia di peringkat negeri untuk sentiasa bertemu dengan pemimpin-pemimpin masyarakat dan persatuan-persatuan belia supaya isu-isu ini dapat diselesaikan.

Yang Berhormat bagi Setiu pula mencadangkan supaya kementerian memberikan tumpuan kepada pembangunan insan dalam siri latihan program di kalangan belia terutama sekali mereka yang bakal menjadi pemimpin pelapis pada masa hadapan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, untuk dimaklumkan kementerian telah lama menyarankan kepada persatuan-persatuan belia untuk menjalankan program-program kepimpinan. Apa yang jadi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan kementerian untuk mempertingkatkan gerakan belia dalam 3K iaitu kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Oleh sebab itu bagi pihak kementerian memang aspek pembangunan insan ini dijadikan agenda utama dalam latihan-latihan terutama sekali dalam program-program pimpinan. Ini

Insya-Allah, akan menjadikan hasrat negara kepimpinan belia sebagai pemimpin pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerlun pula mencadangkan supaya pertemuan kerap diadakan kepada pegawai belia di peringkat daerah dengan pemimpin setempat khususnya Ahli Parlimen. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, kementerian sendiri telah mengarahkan bukan sahaja pegawai-pegawai belia di peringkat akar umbi, malahan kepada pengarah-pengarah belia di peringkat negeri untuk sentiasa dan selalu berjumpa dan berbincang dengan semua wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun di peringkat Dewan Undangan Negeri kerana mereka adalah pemimpin masyarakat setempat supaya masalah-masalah belia dapat didengar dan juga dalam mesyuarat dengan *Exco-exco* belia dan sukan di semua negeri. Kementerian telah mengarahkan mereka supaya sentiasa berjumpa dan mendapatkan pandangan. Pada saat ini khas kepada perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan supaya suara-suara belia sama ada persatuan atau pun tidak dapat didengar di peringkat akar umbi kepada Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Gerik pula mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas usaha-usaha menyokong seruan kerajaan terhadap kempen budi bahasa. Bagi pihak kementerian kita mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gerik kerana kempen budi bahasa di peringkat kementerian telah disempurnakan di Pusat Belia Antarabangsa pada 24 Februari 2005 dengan kerjasama Bahagian Rakan Muda Kementerian Belia dan Sukan. Langkah-langkah yang dibuat di kementerian ini adalah menyahut saranan kerajaan dan memperluaskan kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni khasnya kepada generasi rakan muda iaitu belia-belie di bawah umur 25 tahun.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam pula mencadangkan kementerian mewujudkan satu pangkalan data yang lengkap mengenai remaja lepasan sekolah supaya dapat mengetahui apakah aktiviti mereka selepas tamat SPM. Jawapannya Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang berusaha mewujudkan pangkalan data dan profil secara *on-line* mengenai golongan belia di antara umur 15 hingga 25 tahun. Ini termasuk golongan belia lepasan sekolah yang terutama sekali mereka yang gagal memasuki program Khidmat Negara. Dalam kiraan kementerian 486,000 orang belia

berumur 18 tahun setiap tahun hanya 86,000 orang dapat memasuki program Khidmat Negara 400,000 orang tidak dapat diambil kira dalam sistem komputer. Itu sebabnya kementerian mengambil kira untuk mewujudkan semula program Khidmat Sosial yang pernah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan di mana kementerian ingin bekerjasama dengan semua badan beruniform yang berdaftar di bawah kementerian supaya dapat dijalankan program Khidmat Sosial dengan semua kelebihan 400,000 orang generasi belia yang berumur 18 tahun yang gagal untuk menjadi belia-belia yang didaftarkan dalam program Khidmat Negara untuk diambil kira oleh Kementerian Belia dan Sukan. Insya-Allah perkara ini akan dibawa kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau pula mengatakan bahawa kawasan Parlimen beliau tidak mempunyai penggerak Rakan Muda. Beliau juga ingin memaklumkan bahawa penggerak rakan muda yang dilantik bukan berasal daripada kawasan beliau. Ini menyebabkan timbul masalah untuk berkomunikasi dengan pemimpin belia setempat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Belia dan Sukan Negara telah membuat pelantikan penggerak rakan muda secara perintis di kalangan lepasan kursus Khidmat Negara dan menempatkan mereka untuk menjalankan tugas di peringkat Parlimen dan beberapa tempat di Dewan Undangan Negeri. Sayang seribu kali sayang kita tidak dapat menjalankan program penggerak rakan muda di semua kawasan Parlimen dan di semua kawasan Undangan Negeri atas arahan Kabinet. Walau bagaimanapun, Kabinet telah mengarahkan kementerian untuk membawa kembali analisis kejayaan program penggerak Rakan Muda iaitu dengan izin *SWOT analysis* supaya dapatlah Kabinet membuat dan kepastian sama ada hendak dilanjutkan program penggerak Rakan Muda yang dilihat dapat membantu gerakan belia dan juga pegawai-pegawai belia dan sukan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan di sini *Exco* belia dan sukan di negeri-negeri Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah dilantik menjadi *Exco* belia dan sukan di negeri-negeri banyak memuji program penggerak Rakan Muda kerana sekurang-kurangnya penggerak-penggerak ini dapat mengurangkan beban yang dipegang oleh pegawai belia dan sukan di peringkat daerah yang kadang-kadang ataupun yang sentiasa tidak mencukupi untuk membantu daerah-daerah yang banyak

bertanggungjawab kepada lebih daripada satu kawasan Parlimen dan lebih daripada satu kawasan Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat daripada Ampang pula masih kurang jelas dengan tugas dan peranan penggerak Rakan Muda. Sebenarnya penggerak Rakan Muda ini adalah segolongan belia di bawah umur 25 tahun yang dilantik secara kontrak untuk membantu dalam melaksanakan aktiviti pertubuhan belia dengan Kementerian Belia dan Sukan. Mereka wujud sama ada di kawasan Parlimen ataupun di kawasan Dewan Undangan Negeri tertakluk kepada tempat tersebut. Saya tidak dapat menafikan mungkin ada kelemahan dalam pelaksanaan mereka, tetapi sebenarnya ini adalah satu program perintis yang dilihat secara tidak langsung sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban pemimpin-pemimpin belia di peringkat persatuan di kawasan luar bandar dan juga pegawai-pegawai belia dan sukan di kawasan daerah.

Yang Berhormat daripada Tangga Batu pula menyatakan .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** Yang Berhormat boleh saya tanya sikit pasal Rakan Muda, Yang Berhormat. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat tentang Kompleks Rakan Muda. Terima kasihlah kerana di kawasan walaupun bukan dalam kawasan Parlimen saya tetapi Taiping adalah salah satu daerah yang meliputi Larut telah pun siap dengan perbelanjaan lebih kurang RM12 juta yang telah pun diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya kepada Pejabat Belia dan Sukan daerah Larut Matang dan Selama kalau tak silap saya pada penghujung tahun yang lalu.. Bilakah kompleks yang bernilai RM17 juta ini akan mula di guna pakai? Terima kasih.

**Datuk Azalina binti Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, Insya-Allah apabila semuanya selesai kompleks ini akan diguna pakailah. Jadi apa yang dapat dilaksanakan ialah saya boleh memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat bagi Larut berkenaan dengan kompleks tersebut. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu pula mengatakan ada ketikanya tugas penggerak Rakan Muda bertindih dengan peranan tugas persatuan-persatuan belia.

Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peranan penggerak Rakan Muda ini tidak bertindih. Ia adalah saling sokong-menyokong di antara persatuan belia dengan kerajaan. Penggerak Rakan Muda ini adalah aktivis Program Rakan Muda di



peringkat akar umbi yang bertindak sebagai, dengan izin, *front liner*, untuk meningkatkan keberkesanan dan usaha kementerian di dalam program-program untuk mendekati.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Program Rakan Muda ini banyak mempunyai komen-komen yang kononnya program ini tidaklah begitu berjaya seperti Program Rakan Muda tahun-tahun yang dahulu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian, Institut Penyelidikan Belia akan menjalankan kajian keberkesanan berkenaan dengan Program Rakan Muda.

Yang Berhormat bagi Padang Terap pula mencadangkan supaya Program Rakan Muda ini dikaji kerana dilihat menjadi faktor yang menghalang keaktifan persatuan belia, sebaliknya diadakan kerjasama dengan persatuan belia. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilihat bagi pihak kerajaan ialah Program Rakan Muda bukan penghalang kepada keaktifan persatuan belia. Ia diperkenalkan sebagai satu program pendekatan remaja berumur 15 hingga 25 tahun bagi tujuan mengisi masa lapang mereka dalam kegiatan yang berfaedah dan ini bagi harapan kerajaan dapat mengatasi masalah sosial remaja.

Walau bagaimanapun masalah Program Rakan Muda sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jumlah generasi Rakan Muda ialah antara 5.5 juta dan bajet kewangan yang diberi oleh Kementerian Kewangan untuk Program Rakan Muda setahun ialah RM11 juta. Ini bererti setiap daripada belia di bawah umur 25 tahun berhak pada jumlah wang sebanyak RM1.00 lebih dari segi program mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan, dengan izin penagih-penagih dadah di mana perbelanjaan satu kepala penagih dadah dalam Agensi Dadah Kebangsaan ialah RM340. Secara tidak langsung ini menunjukkan bahawa Program Rakan Muda akan mempunyai masalah pelaksanaan. Oleh itu, kementerian mengambil kira dengan meletakkan pendekatan yang baru kepada Program Rakan Muda dan insya-Allah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan diharapkan kerajaan akan menerima cadangan yang baru ini supaya dapat diperkukuhkan lagi Program Rakan Muda kepada generasi belia khususnya di kawasan luar bandar.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong mendakwa bahawa terdapat penggerak Rakan Muda terutama sekali di Johor yang masih belum mendapat gaji bulanan mereka

sejak tiga bulan yang lalu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah dapat diselesaikan. Sebenarnya ada sedikit...

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Setuju tidak kalau boleh Rakan Muda ini kita teruskan, betullah. Kita masukkan sedikit elemen *spiritual - Physical development* dan *spiritual development*. Maka kalau boleh nilai-nilai murni bagi yang bukan Islam ialah moral kita titik beratkan. Saya, kalau boleh Rakan Muda ini kita buat "Rakan Masjid". Apa salahnya hari-hari kebesaran Islam, hari-hari minggu atau hari Jumaat kita bawa ke masjid. Ahli-ahli Parlimen boleh urus untuk sekadar makan minum, kalau boleh ada duit pun lagi baik, Rakan Muda banyak duit. Setuju tidak Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Azalina binti Othman:** Sebenarnya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, memang bagi pihak kementerian, program *spiritual* dan *moral development* dipertekankan. Pada hari ini dan tahun-tahun yang lepas Rakan Muda amat terkenal dalam bulan Ramadhan di mana kita mewujudkan Program Rakan Muda Ramadhan, Tuan Yang di-Pertua, dan memang semua pemimpin masyarakat setempat diajak bersama. Insya-Allah, saya akan mengarahkan pegawai-pegawai kementerian untuk menentukan bahawa wakil-wakil Parlimen, khasnya yang Islam itu dibawa bersama dalam program ini mungkin sebagai jawatankuasa bersama, Tuan Yang di-Pertua.

Izinkan saya menyambung berkenaan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagikah, Yang Berhormat?

**Datuk Azalina binti Othman:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Datuk Azalina binti Othman:** *Last!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, bagus.

**Datuk Azalina binti Othman:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong menyentuh berkenaan gaji bulanan penggerak, sebenarnya masalah ini masalah teknikal yang tidak

disengajakan tetapi telah diselesaikan gaji mereka. Saya percaya masalah ini tidak akan timbul lagi, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak kementerian amat berterima kasih kerana ramai bersimpati dan telah menunjukkan keprihatinan dalam aspek memperkasakan generasi belia dalam negara kita dan juga pembangunan sukan negara. Bagi pihak kementerian kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan kementerian mengalu-alukan pandangan dan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini untuk memberikan cadangan-cadangan dan diharapkan Yang Berhormat terus memberikan cadangan-cadangan yang lebih positif untuk memberikan martabat kepada belia dan sukan dalam negara kita, insya-Allah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekarang giliran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**9.45 mlm.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan, pandangan dan teguran berkaitan dengan kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim telah bersedia sejak seminggu yang lepas untuk memberi jawapan penggulungan. Walau bagaimanapun beliau tidak dapat menggulungnya pada hari ini kerana telah dilantik menjadi menteri pengiring kepada Presiden Singapore yang membuat lawatan ke negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Ketereh, Kuala Krai dan Dungun membangkitkan perkara mengenai babak lakonan sikap pemuda Melayu di dalam LRT dalam iklan Kempen Budi Bahasa. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya akan meneruskan

kempen yang menunjukkan sikap sesetengah individu yang tidak mengamalkan nilai-nilai murni dan budi bahasa termasuklah yang telah dipertontonkan oleh lakonan di dalam LRT. Apa yang telah dipaparkan menerusi iklan tersebut memberikan kesan positif kepada penonton. Saya fikir tidak ada unsur memburukkan imej satu-satu bangsa kerana di dalam lakonan yang sama terdapat bangsa yang sama juga mengamalkan nilai-nilai murni.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya akan memperbanyakkan lagi *video clip* yang seumpamanya. Antara *video clip* yang telah dan akan ditonjolkan adalah seperti berikut:

- (i) senario petugas kaunter perkhidmatan semasa menjawab panggilan telefon;
- (ii) senario semangat bergotong-royong di kalangan masyarakat yang ditonjolkan semasa membersihkan sampah-sarap di kawasan *flat*;
- (iii) senario di kaunter pejabat yang menggambarkan ada pegawai yang tidur dan sikap acuh tidak acuh semasa bertugas;
- (iv) senario seorang pegawai yang tidak melayan pelanggan dengan senyuman semasa memberikan perkhidmatan;
- (v) senario sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab terhadap kebersihan, membuang sampah-sarap ke dalam sungai;
- (vi) senario murid-murid di dalam bilik darjah yang tidak mengambil tahu mengenai Rukun Negara. Guru bertanya kepada murid mengenai Rukun Negara namun tidak ada murid yang dapat menjawabnya;
- (vii) senario pemandu yang menunjukkan sikap kasar semasa di jalan raya;
- (viii) senario adab di meja makan. Seseorang digambarkan menggunakan sudu yang telah digunakan dan keadaan meja yang berselerak;
- (ix) senario seseorang yang bertanya kepada seseorang yang tidak memberi perhatian dan mengambil sikap acuh tidak acuh; dan

- (x) senario orang ramai yang menggunakan bahasa rojak. Sebagai contohnya, perkataan “*Sure Heboh*” boleh digantikan dengan istilah keadaan yang akan menjadi meriah dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Jerai mencadangkan Kempen Budi Bahasa dimulai dan disemai dari rumah dan seterusnya ke peringkat tadika, sekolah dan masyarakat keseluruhannya. Kepada Yang Berhormat bagi Jerai, saya bersetuju bahawa seharusnya Kempen Budi Bahasa disemai dari rumah dan seterusnya ke peringkat tadika, sekolah dan masyarakat keseluruhannya. Saya ingin menambah bahawa amalan budi bahasa semestinya bermula di peringkat individu yang kita sendiri, keluarga, alam persekolahan, alam pekerjaan iaitu tempat kerja dan pergaulan dalam masyarakat.

Saya juga bersetuju dengan beliau iaitu kita mesti mengamalkan Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni dari umur yang muda, bak kata pepatah Melayu iaitu “*Melentur buluh biarlah di waktu rebungunya.*”

Yang Berhormat bagi Gerik meminta supaya Program Jati Diri tidak dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sahaja, tetapi kementerian lain juga harus turut serta. Mengikut Kamus Dewan, “jati” adalah sesuatu yang menunjukkan kemurnian, ketulenan yang tidak bercampur dengan perkara-perkara yang tidak baik.

Program ini adalah sesuatu yang memerlukan komitmen pelbagai pihak. Lantaran itu, kementerian tidak akan bersendirian tetapi sebaliknya akan bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perpaduan dan Integriti Nasional, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan juga semua kerajaan negeri.

Yang Berhormat bagi Gerik juga menyentuh mengenai hala tuju FINAS yang harus dikaji semula sejajar dengan peranan asal penubuhannya. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya telah pun mengambil tindakan ke atas hala tuju FINAS. FINAS akan

dijuruskan kepada fungsi untuk pembangunan industri filem. FINAS akan menjadi penggalak kepada percambahan industri filem negara dan menjadikan filem tempatan diminati oleh negara-negara luar.

Kementerian telah menggubal Dasar Perfileman Negara (DFN) yang baru dan telah diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini. Perkara-perkara yang ditonjolkan di dalam Dasar Perfileman Negara adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) pembangunan tenaga kerja;
- (ii) permodalan dan insentif;
- (iii) pembangunan teknologi dan infrastruktur;
- (iv) pembangunan filem dokumentasi dan animasi;
- (v) promosi dan pemasaran;
- (vi) pengurusan dan pentadbiran.

Yang Berhormat bagi Kudat pula menimbulkan kehairanan kerana negara masih dilambakkan dengan hasil kraf tangan dari negara China, India dan Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, kemasukan hasil kraf tangan dari luar negara seperti dari negara China, India dan Indonesia memang berlaku. Perkara ini tidak boleh sewenang-wenangnya disekat memandangkan ia adalah berkaitan WTO dan AFTA. Walau bagaimanapun, kita boleh melaksanakan program-program untuk menyerlahkan kraf tempatan dan secara tidak langsung permintaan kraf luar negara akan luput.

Antara tindakan yang kita lakukan termasuklah menanamkan sikap bangga dengan hasil tempatan serta meningkatkan kualiti barangan buatan tempatan. Peniaga atau pasar raya perlu memberi keutamaan dengan menonjolkan hasil barangan tempatan. Kita boleh melaksanakan peraturan dalam pemberian lesen kepada pekedai-pekedai supaya mengutamakan jualan kraf tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peningkatan hasil jualan kraf, khususnya dalam pengeluaran batik telah menunjukkan peningkatan 40 peratus pada tahun 2004, berbanding tahun sebelumnya.

Yang Berhormat bagi Kota Belud menimbulkan isu pemeliharaan pokok supaya ia diberi pengawasan yang lebih ketat. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam isu pemeliharaan pokok, kementerian saya hanya bertanggungjawab menyimpan rekod pokok yang berunsurkan sejarah. Sebagai contohnya, pokok getah pertama yang

ditanam di Malaysia oleh *H.N. Ridley* telah membawa benih pokok getah dari Brazil yang telah ditanam di Kuala Kangsar.

Tuan Yang di-Pertua, itulah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya harap saya telah menjawab semua ini dengan jelas dan sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan terima pandangan, nasihat pada bila-bila waktu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Baik, giliran Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**9.55 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja dan menyentuh perkara-perkara berkaitan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan Islam Hadhari telah menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja. Yang Berhormat bagi Pasir Mas mempertikaikan pendekatan Islam Hadhari. Sukacita dijelaskan Islam Hadhari adalah satu pendekatan bagi meningkatkan kemajuan umat Islam di negara ini. Ia mempunyai strategi dan pelan tindakan yang diatur dengan rapi dan bukannya merupakan istilah sahaja seperti yang didakwa oleh setengah pihak. Istilah Islam Hadhari adalah menepati kaedah bahasa Arab dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Penggunaan istilah ini diakui oleh tokoh-tokoh agama di Timur Tengah termasuk pihak Al-Azhar di Mesir.

Sebagaimana saranan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, penjelasan mengenai Islam Hadhari memberi fokus kepada ketamadunan Islam. Oleh itu ia meliputi skop Islam yang luas dan menyeluruh termasuk bidang sains dan teknologi. Huraian kepada sepuluh prinsip Islam Hadhari yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan sendirinya membuktikan keluasan skop yang dibawa oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat bagi Kota Bharu menyarankan supaya pelaksanaan Islam Hadhari menggunakan pendekatan saintifik dan profesional. Sesungguhnya kerajaan amat komited dengan pelaksanaan gagasan Islam Hadhari. Pendekatan pendidikan bagi menyedarkan masyarakat merupakan strategi utama pelaksanaan jangka pendek Islam Hadhari yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Para penceramah profesional telah dilatih dan dilantik di peringkat pusat dan negeri bagi melaksanakan fasa-fasa penjelasan konsep Islam Hadhari kepada seluruh lapisan masyarakat yang sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Bharu juga membangkitkan beberapa isu mengenai penguatkuasaan undang-undang syariah di negara ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, segala tindakan berkaitan siasatan dan penguatkuasaan undang-undang syariah dilaksanakan berpandukan kepada Akta atau Enakmen Tata Cara Jenayah Syariah dan Akta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang berkuat kuasa di negeri-negeri di seluruh Malaysia. Di samping itu JAKIM telah menyediakan tiga garis panduan berkaitan penguatkuasaan undang-undang syariah. Garis panduan tersebut ialah:

- (a) garis panduan arahan tetap ketua penguat kuasa agama;
- (b) garis panduan tindakan penguatkuasaan terhadap ajaran salah;
- (c) garis panduan etika dan prosedur operasi penguatkuasaan.

Garis-garis panduan ini sedang dikemas kini oleh sebuah Jawatankuasa Khas di bawah Jabatan Peguam Negara yang mana ahlinya terdiri daripada Unit Syariah, Jabatan Peguam Negara, JAKIM, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Selangor dan Polis Diraja Malaysia. Mengenai saranan supaya dikaji semula sistem siasatan dan penguatkuasaan undang-undang syariah, kerajaan dari semasa ke semasa membuat kajian yang teliti dan mendalam serta mengambil kira pandangan dan ulasan dari pelbagai pihak yang bertujuan memantapkan lagi tugas siasatan dan penguatkuasaan undang-undang syariah. Kerajaan ber tanggungjawab memastikan semua tindakan yang dilakukan benar-benar dapat menjamin keamanan, keadilan dan keharmonian masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.



**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tentang konsep Islam Hadhari dan juga aktiviti promosi yang hendak dibuat itu, seharusnya promosi itu hendaklah ..... dan kerjasama untuk mempromosikan itu hendaklah mencakupi keseluruhan kementerian. Ertinya, ia hendaklah merentasi kurikulum kementerian-kementerian yang ada, dan bukannya hanya, saya dengar tadi, banyak disebut tentang JAKIM dan agensi-agensi yang bersabit dengan Jabatan Agama Islam sahaja. Ia harus merentasi sama ada kewangankah, sekolah, pendidikan sebab ini adalah merupakan sesuatu yang mencakupi aspek nilai, mencakupi aspek tamadun dan tamadun nilai ini tidak hanya dicapai melalui sesuatu jurusan sahaja. Mohon penjelasan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya apa yang saya terangkan sebentar tadi daripada pihak-pihak Jabatan Agama Islam adalah pada peringkat awal, yakni peringkat latihan penceramah Islam Hadhari. Kita memang ada dalam perancangan strategik Islam Hadhari, semua kementerian akan bergabung dalam pelaksanaan Islam Hadhari. Jadi dia tidak hanya melibatkan kepada kementerian yang bertitlekan kepada Islam sahaja, Yang Berhormat.

Penjelasan tentang hukum-hukum berkaitan kesalahan-kesalahan syariah kepada umum seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu telah dilakukan dari semasa ke semasa. Perkara ini akan dipertingkatkan lagi di masa akan datang untuk memantapkan dan memperkukuhkan pemahaman terhadap undang-undang yang berkuat kuasa sekarang. Berhubung dengan peranan tokoh-tokoh agama, sesungguhnya tokoh-tokoh agama memang dilibatkan dalam pelaksanaan hukum Islam di Malaysia.

Pandangan Yang Berhormat supaya fatwa dijadikan sebagai undang-undang secara automatik adalah tidak tepat. Sesungguhnya fatwa yang dibuat oleh mufti tidak boleh secara automatik menjadi undang-undang. Ini kerana mengikut Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri, selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah memaklumkan fatwa tersebut kepada Majlis Agama Islam. Selepas menimbang fatwa tersebut, Majlis Agama Islam hendaklah membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agong, sultan atau Yang di-Pertuan Besar atau Yang di-Pertua Negeri untuk mendapatkan perkenan bagi menyiarkan fatwa tersebut di dalam warta.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua negeri di Malaysia telah mengadakan peruntukan berkaitan kesalahan-kesalahan jenayah syariah dan perkara-perkara yang berhubung dalamnya di dalam akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah. Kerajaan sedar bahawa terdapat peruntukan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Putih]:** Saya menyokong sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setuju atau tidak, saya tanya senang sahaja, ringkas. Setuju atau tidak dari segi Islam Hadhari ini, satu pekeliling rasmi ditandatangani sama ada Perdana Menteri sendiri kepada semua negeri ataupun oleh Ketua Setiausaha Negara kepada KSU kementerian dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri untuk menguatkuasakan kementerian dan juga negeri dalam melaksanakan projek Islam Hadhari secara rasmi.

Yang kedua, menyentuh tentang kesalahan jenayah syariah, kita amat bersyukur kerana Setiausaha Parlimen walaupun baru dengan Menteri dia, dia sudah tahu buat kaedah-kaedah huraian tadi. Tetapi teknik intipan, siasatan, mesti diberi kemahiran kepada para pegawai agama. Kalau kita buat kalau tidak pun di ILKAP, kita latih di sana supaya betul-betul ada undang-undang, ada senjata. Bukan mesti boleh tembak orang dengan senang. Kita hendak supaya pegawai-pegawai ini mempunyai kemahiran *by example*, dengan izin, kalau orang dok menari atas pentas, jangan pergi serbu atas pentas. Sebelum dia naik, panggil dahulu, cerita pada dia, kalau naik, salah. Kalau masuk ke kelab-kelab malam at tempat minum, cerita dahulu jangan masuk, salah. Jangan kita serbu dari atas sebab menjejaskan imej orang-orang yang bukan Islam juga. Ini kita hendak cerita, maknanya teknik, cara intipan, tangkapan, risikan itu mestilah mempunyai kepakaran tetapi mesti ada latihan yang cukup. Setuju atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Berkenaan dengan satu pekeliling yang harus dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebenarnya Yang Berhormat, apabila Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri menyatakan hasrat kerajaan untuk melaksanakan Islam Hadhari, sepatutnya semua kementerian dan semua rakyat akan bergerak senada dan seirama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun tanpa pekeliling. Yang keduanya berkaitan dengan kesalahan jenayah, ya memang kita bersetuju bahawa satu latihan tentang kemahiran penguatkuasaan itu perlu ada tetapi di dalam pegawai-pegawai yang membuat tangkapan telah pun dimaklumkan bahawa tangkapan haruslah dilakukan dengan berhemah dan berbudi bicara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada dua lagi yang bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, saya hendak rujuk sedikit yang mufti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Yang Berhormat, yang mana satu? Larut?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Okey. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa mufti tidak boleh mengeluarkan fatwa kecuali selepas dirujuk kepada Majlis Fatwa Negara atau Majlis Raja-Raja. Apakah Yang Berhormat berpendapat bahawa apa yang dikeluarkan oleh mufti itu sebelum dirujuk oleh mana-mana badan tersebut adalah merupakan pendapat mereka masing-masing. Saya timbulkan perkara ini supaya tidak timbul kekeliruan sebab bila seseorang alim ulama itu biasanya bila mengeluarkan sesuatu pendapat, ia adalah dianggap sebagai satu fatwa. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Perlu kita faham bahawa bila disebut sebagai fatwa, fatwa itu sendiri membawa maksud pandangan ataupun ijtihad dan sebarang pandangan ataupun ijtihad ada kemungkinan benar dan salahnya. Kalau dia benar, dia mendapat dua pahala, kalau salah dia mendapat satu. Sebab itu tidak secara automatik boleh di jadikan sebagai undang-undang melainkan setelah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu-isu berkaitan persijilan dan produk makanan halal.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak menyentuh sedikit mengenai kesalahan jenayah di bawah Jabatan Agama Islam sama ada di peringkat Wilayah Persekutuan ataupun di peringkat negeri-negeri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa setiap tangkapan itu perlulah dilakukan secara hikmat. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua bila kita merujuk kes JAWI sebagai contoh, kalau ada pegawai-pegawai JAWI ini melakukan kekasaran, yang melakukan kesalahan, saya setuju pegawai itu diambil tindakan, tindakan tatatertib dan seumpamanya.

Tetapi apa yang berlaku bila media memainkan isu ini, seolah-olah imej JAWI itu diperburukkan, seolah-olah apa yang dilakukan oleh JAWI itu satu perkara yang di luar daripada undang-undang dan peraturan yang mereka jalankan sehingga ada peringkat Menteri yang seolah-olah menyokong sama tindakan itu. Saya mengharapkan supaya lain kali, Jabatan Perdana Menteri khususnya supaya berhati-hati, jangan ada pula di kalangan yang dianggap pimpinan ini seolah-olah memberikan lampu hijau kepada perkara yang berlaku. Saya setuju dan saya sangat bersetuju kalau ada kekerasan, kalau ada kesalahan pegawai itu yang diambil tindakan bukan imej itu yang cuba diperburukkan. Sekian, saya minta penjelasan.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebenarnya kita menerima teguran itu dengan lapang dada tetapi Yang Berhormat perlu tahu bahawa sebenarnya pegawai tadi tidak melakukan kesalahan besar sehingga memerlukan kepada tindakan. Apa yang berlaku hanyalah kesilapan dari segi teknikal sahaja dan saya menegaskan di sini bahawa tidak ada pihak pimpinan yang memberi lampu hijau ataupun merestui perkara-perkara sehingga melibatkan imej kepada JAWI sendiri tercemar. Apa yang berlaku yang dilaporkan oleh media, sebenarnya pihak JAWI belum pun lagi membuat atau mengeluarkan surat saman

sehingga menarik balik. Tidak ada surat saman yang dikeluarkan sehingga seperti yang didakwa bahawa pihak JAWI telah menarik balik. Kesalahan ini sebenarnya, tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa...

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Petrajaya Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Isu undang-undang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Ya, masih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Dalam perbahasan, saya rasa Yang Berhormat bagi Kuala Krau ada membangkitkan berkaitan dengan penyeragaman Mahkamah Syariah di mana ada celahan daripada pihak saya bertanyakan berkaitan dengan, mencadangkan sama ada pihak kerajaan sekarang ini ada mempertimbangkan bagi penyeragaman Mahkamah Syariah. Kalau kita tidak dapat membuat di peringkat Mahkamah Rendah sama ada kita akan mempertimbangkan di peringkat Mahkamah Rayuan sebagaimana yang wujud dalam Mahkamah Sivil sekarang ini, kita ada dua bidang kuasa di mana kita ada Mahkamah Tinggi Malaya dan juga Mahkamah Tinggi Borneo di mana Mahkamah Syariah diseragamkan di bawah Mahkamah Rayuan Persekutuan di mana undang-undang setiap negeri dilihat, dibicarakan rayuan itu berdasarkan undang-undang negeri tetapi diselesaikan di peringkat Persekutuan. Adakah perkara ini disentuh sebelum kita pergi kepada persijilan Halal? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Memang telah ada sebenarnya Yang Berhormat bagi Petrajaya bahawa pihak kita memang ingin melakukan penyeragaman bagi pihak negeri dan juga pihak Persekutuan tetapi setakat ini masih ada lagi beberapa negeri yang belum memberi jawapan persetujuan untuk penyeragaman tersebut. Kalau tidak silap saya, masih ada tiga negeri lagi. Kita terpaksa menunggu sebab keputusan ini adalah pada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu-isu berkaitan pensijilan dan produk makanan halal. Antaranya Yang Berhormat bagi Dungun, Santubong, Pendang, Kalabakan dan Labuan.

Yang Berhormat Dungun mencadangkan supaya diwujudkan satu standard MS ISO dalam pengeluaran sijil halal. Sukacita dimaklumkan bahawa JAKIM dalam proses mendapat *akredetasi* sebagai badan persijilan halal yang kompeten berdasarkan *ISO Guide 65* daripada Jabatan Standard Malaysia. Mengenai cadangan supaya ditubuhkan badan tertentu misalnya Lembaga Pengurusan Makanan Halal Malaysia, kerajaan bersedia meneliti cadangan tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan hanya akan menimbangakan penubuhannya jika ia dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan persijilan halal tidak membebankan syarikat dan tidak menyebabkan kenaikan kos operasi syarikat.

Berhubung dengan pemantauan produk halal sebagaimana saranan Yang Berhormat Dungun, Pendang dan Kalabakan. dimaklumkan pemantauan berkala dilaksanakan oleh JAKIM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwat Pengguna. Pemantauan berkala dilakukan oleh JAKIM ke atas pemegang-pemegang sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM bagi memastikan syarikat-syarikat mematuhi piawaian halal yang ditetapkan. JAKIM juga melaksana pemantauan jika terdapat aduan mengenai sebarang penyelewengan oleh mana-mana syarikat.

Di samping itu, pemeriksaan premis pengeluar produk halal diadakan dari semasa ke semasa yang melibatkan beberapa agensi seperti JAKIM, Kementerian Kesihatan, Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Selain itu syarikat juga disyaratkan mempunyai sekurang-kurangnya dua orang pekerja Islam yang akan memantau pengeluaran produk halal di kilang berkenaan bagi mempertingkatkan.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya nak habiskan dulu. Bagi mempertingkatkan kawalan, kerajaan akan mewajibkan syarikat-syarikat multi nasional dan industri kecil dan sederhana mewujudkan jawatankuasa halal dalaman yang bertanggungjawab memantau pematuhan piawaian halal di syarikat-syarikat berkenaan. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, ada dua. Yang mana satu Yang Berhormat? Ada dua, Santubong, Pasir Puteh? Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Setiausaha Parlimen dah pandang saya jadi saya ingat saya lah tu. *[ketawa]*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, malam-malam ni kena ada ceria sikit lah.

Pemantauan ini Tuan Yang di-Pertua, bukan perkara yang mudah, saya pernah melihat apabila kerajaan Brunei meminta bekalan ayam daripada Sarawak jadi syarikat yang membekal ialah satu syarikat *public leaser company* .dengan izin kepada Brunei. Apabila dibuat pemantauan yang sebagaimana difikirkan mencukupi dengan menghantar pegawai seorang atau dua orang macam itu didapati dalam pengurusannya kalau bekalan dikehendaki lima *refrigerator* kontena dihantar ke Brunei, didapati kalau bekalan tidak mencukupi pihak ini menggunakan bekalan daripada lain yang mana tidak ada kawalan dimasukkan ke dalam kontena ini yang disembelih tidak mengikut yang diterima oleh orang Brunei. Dimasukkan ke dalam ini, bila sampai di sana tidak siapa pun boleh mengetahui sama ada ayam yang 1A ini disembelih cara betul atau yang ini dibunuh begitu sahaja dan tidak disembelih secara betul.

Akhirnya pegawai daripada Brunei mengatakan tidak terima ayam ini dan hantar balik. Cara pengawalan dia adalah dalam tempat penyembelihan itu sendiri ada 10 orang Islam yang memang diterima pakai oleh orang Brunei, selepas itu bila disembelihnya dibuat, masuk dalam kontena disea/ dengan sea/ kerajaan Brunei, kalau dia hantar sampai pecah sea/ tu, dia hantar balik tak terima kata dia.

Ada sebab kadang kalanya kalau bekalan tidak mencukupi dalam tempat-tempat penyembelih yang halal ini, pembekal ini menggunakan bekalan dari tempat lain dimasukkan dalam kontena, dihantar bersama dengan yang halal yang boleh dipersoalkan kehalalannya. Kawalan sedemikian masih boleh diragui. Itulah kenapa saya mencadangkan kepada masa perbahasan saya mengatakan supaya syarikat yang dibenarkan untuk memproses bahan makanan halal ini mesti mempunyai pengurusan daripada peringkat bawahan sampai peringkat atasan *especially* dalam *procument section* dia, pembelian ini mesti mempunyai orang-orang yang berkepakaran dan orang Islam, kelulusan daripada universiti-universiti Islam dan sebagainya yang mempunyai latihan-latihan yang tertentu diserapkan dalam pentadbiran syarikat. Ini bukan

persoalan, berapa kos yang akan kita kena pada syarikat tapi persoalan yang berasas di sini ialah produk yang dikeluarkan di syarikat ini boleh diterima sebagai produk yang betul-betul diiktiraf oleh orang Islam. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, tunggu dulu, Setiausaha Parlimen.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak, saya tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua, kenapa panas Dewan ni? Sudah lah kita mesyuarat sampai larut malam, lepas tu diseksa pula kami semua, kenapa pula. Saya minta dengan perintah Tuan Yang di-Pertua, *air-cond* dipasang kuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, dia dah dengar Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong, saya bersetuju bahawa untuk melakukan pemantauan ini tidak mudah. Sebab pada masa sekarang kita hanya mengharap kepada pemeriksaan berkala dan juga kepada aduan tetapi untuk menerima cadangan daripada Yang Berhormat Santubong tu boleh dipertimbangkan cuma pada peringkat sekarang apa yang kita lakukan tidak semestinya pada peringkat bawahan sampai peringkat atasan diadakan pekerja Islam tetapi kita menumpukan pada pegawai operasi sebab bagi kita yang di atas kalau ahli Lembaga Pengarah kadang-kadang dia memang tak tahu kita lebih menumpukan kepada mereka yang bekerja itulah yang lebih tahu sama ada produk itu bercampur atau tidak bercampur.

Setakat ini, yang dilakukan oleh pihak JAKIM adalah memastikan atau mewajibkan adanya pegawai di peringkat operasi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Sebab bagi saya soalan ini Tuan Yang di-Pertua sebagai soalan yang penting bagi saya. Tiga minggu lepas, saya pergi ke suatu tempat yang mana orang di Kuching kalau beritahu dia, *Singapore Chicken Rice*. Semua orang pergi, duduk di sana tengok semua orang Melayu yang pakai jubah semua ada makan. Tapi pada satu pagi Tuan Yang di-Pertua saya melimpas (lalu) dekat belakang kedai tu, bila ....

**Seorang ahli:** Limpas itu apa?



**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Cakap orang Sarawak lah, di negeri Sarawak ni. Lalu, melalui,..... kadang-kadang sekali sekala kenalah cakap Sarawak. Lalu di belakang kedai tu, masa tu penghantaran bekalan ayam selepas disembelih. Saya terlihat di tempat menyembelih ayam tu, lubang dia kecil macam ini sahaja [*menunjukkan tangan ke arah Tuan Yang di-Pertua*] Saya berhenti, saya pandang betul-betul, ini bukan macam ayam sembelih biasa ini. Saya terus telefon, pada pagi tu saya pergi ke Kuala Lumpur, dari Kuala Lumpur saya telefon pejabat JAKIM, telefon pejabat Majlis Negeri Islam, bila saya balik daripada Kuala Lumpur empat hari lepas tu saya nampak semua tanda-tanda halal di kedai tu sudah turun. Ini menunjukkan bahawa orang Islam, orang Melayu sudah banyak makan di kedai itu, makanan-makanan yang betul-betul tidak halal tapi hanya digunakan tanda logo ini untuk mengatakan makanan dalam itu ialah makanan yang halal. Ini yang saya kata pemantauan ini tidak mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Santubong, tetapi masalah kita pada Akta yang ada sekarang. Akta sekarang bukan sahaja membenarkan seseorang itu mempamerkan logo halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM dan juga JAIN tetapi seseorang boleh dengan sendirinya menggantung tanda halal atau ditanggung halal atau makanan Islam tetapi sebaik sahaja dia menggantung tanda tersebut dengan secara automatiknya dia bertanggungjawab bahawa memastikan bahawa makanan itu adalah halal.

Tapi alhamdulillah kalau kita ada Yang Berhormat macam Yang Berhormat Santubong yang prihatin yang akhirnya dapat membuat laporan sehingga tangkapan itu dapat kita buat, kita perlu lagi membanyakkan rakyat yang begini. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** Pasir Puteh dulu sebab bangun duduk dua kali.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Saya ini, Keterehkah atau Pasir Puteh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Setiausaha Parlimen hendak bagi yang mana?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Kalau nak yang muda, Ketereh.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Yang muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ketereh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Yang muda.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pasir Puteh dah banyak bercakap dah, bagi Ketereh pula.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Dato' Setiausaha Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak balik pada tanda halal. Dalam celahan saya masa ramai kawan-kawan berucap, saya minta supaya kita *reverse* sekarang. Jabatan Kemajuan Islam tidak lagi mengeluarkan tanda halal tapi dia mengeluarkan tanda tidak halal dan kedai itu mesti berusaha untuk menghalalkan dirinya sebab *the moment* tanda tidak halal kena pada kedai dia, dia akan takut, dia akan serta-merta berusaha supaya halal itu datang.

Negara ini, negara Islam semua benda halal kecuali ada tanda tidak halal. So, *we reverse the* psikologi dengan undang-undangnya sekali. Mana-mana kedai yang hendak, bukan hendak halal sekarang, yang hendak menghalalkan diri dia sebab mana-mana kedai kita letak tidak halal. So, *you want to be* halal, *make sure it is* halal, jadi kerja kita lebih senang. Sebab lebih banyak benda halal daripada tidak halal, itu maksud saya. Saya sebut dalam celahan, saya minta Yang Berhormat bersetuju dengan celahan ini dan jalankan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya pendapat Yang Berhormat itu nampaknya ideal, tetapi tidak boleh kita laksanakan atas beberapa sebab. Pertamanya pengawalan tanda halal ini sudah ada di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Jadi kalau kita hendak letak tanda tidak halal ia tidak tertakluk di bawah akta berkenaan. Yang keduanya, kita bagi sijil halal ini bukan sahaja.....

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Bagi saya habis dahulu boleh tak?

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Akta kita boleh pinda Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Yang itu kita kena minta dengan KPDN.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Itu maksud saya. *It should from whole to part , not from part to whole*, dengan izin.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Yang keduanya Yang Berhormat, kita perlu peka bahawa sijil halal ini, bukan sahaja untuk orang luar melihat halal kita seperti mana yang kita dengar bahawa Yang Berhormat Menteri menggulung tadi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dia ada menyebut bahawa kita tidak perlu melihat dari segi penguatkuasaan sahaja, tetapi melihat dari segi pembangunan logo itu sendiri. Maknanya di sini kita memberi logo halal ini untuk membolehkan juga kita mengeksport barang-barang kita ini keluar dan yang ketiganya kita tidak boleh memberi tanda tidak halal, kerana bila kita kata tidak halal maknanya haram. Tidak halal maknanya haram.

Kita percaya bahawa apabila kita hendak minta orang *apply* atau memohon untuk mendapatkan tanda haram tidak akan ada orang yang akan memohon untuk mendapatkan logo haram, dan sebagai negara yang mempunyai masyarakat yang majmuk kita tidak boleh memaksa orang-orang bukan Islam menggunakan nilai Islam kita sebab halal haram ini berkaitan dengan agama. Selama mana ia berkaitan dengan agama kita tidak boleh memaksa penilaian atau pemakaian nilai ini kepada orang-orang bukan Islam, mengambil kira bahawa sebahagian besar yakni 80% daripada mereka yang meminta tanda logo Halal ini datangnya daripada mereka yang bukan Islam.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Ketereh bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** *You miss the point* Yang Berhormat Dato', *you miss the point*. Saya yakin ramai *miss this point* dengan izin. Maksud saya bila tanda tidak halal semua orang akan menjadikan dirinya halal sebab halal itu menyebabkan kedainya laku, makanannya laku.

So, kerja JAKIM cari yang tidak halal, tap! Tidak halal dan dia akan berusaha untuk mencari tanda halal, itu maksud saya. Saya bukan kata JAKIM mengeluarkan sijil, orang akan minta tanda tidak halal, tidak. Dia akan hendak halal. Bagaimana dia hendak halal, mengeluarkan tanda tidak halal. Sekarang ini dia hendak cari halal, bila dia sudah halal dia relax, dia tipu pun tidak apa sebab dia sudah halal. Yang ini terbalik.

*Don't miss the point. I understand what you mean.* Saya faham maksud kita tidak boleh tanda ini, tapi maksud saya ialah bila sesebuah kedai itu ada tanda tidak halal itulah yang paling dia takut. Tapi sekarang bila dia minta halal JAKIM pergi letak halal. Belum tahu benda itu halal. *Thank you.*

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Saya hendak sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua. Istilah tadi itu saya takut ramai orang *confuse*. Tidak boleh dipaksa orang bukan Islam menerima nilai-nilai Islam. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Ini tidak boleh paksa orang bukan Islam masuk Islam.

Tapi dalam nilai-nilai Islam Yang Berhormat bagi Santubong tadi sebut sepuluh tahun orang Islam makan dalam sebuah kedai yang sudah jadi darah daging kita, ayam tidak disembelih. Ini tanggungjawab siapa? Ini yang kita maksudkan supaya logo Halal itu ataupun yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi itu, negara kita ini didakwa oleh UMNO dan BN negara Islam. Jadi logo bukan halal itu penting. Siapa hendak tanggungjawab, sepuluh tahun makan nasi ayam yang tidak halal. Jadi ini nilai yang mesti diaplikasikan kepada semua rakyat. Kita tidak boleh paksa orang bukan Islam masuk Islam, jangan *confuse* di situ Tuan Yang di-Pertua.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Saya teruskan. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Itu nas tidak boleh paksa orang bukan Islam kepada Islam. Tapi kalau sudah jadi peraturan dalam negara Islam yang diisytihar oleh kerajaan boleh diwajibkan semua yang bukan Islam mematuhi. Itu kita kena faham.

Jadi bagi saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Tuan Yang di-Pertua, kalau bolehlah kita pegang kaedah Fiq. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Apa yang sedia ada, apa yang akan ada dengan izin. Yang sedia ada sekarang ini premis sudah ada, syarikat sudah ada tapi kita beri syarat sudah menjadi peraturan hendak dapat sijil halal mesti ada pengurus sekurang-kurangnya timbalan pengurus mesti Islam. Jangan hantar pergi *spot check*. *Spot check* itu kena buat juga tapi tidak cukup. Kena ada pengurus atau timbalan pengurus beragama Islam sebagai mata dan telinga dalam syarikat kalau syarikat itu dimiliki oleh orang bukan Islam kerana hari ini banyak syarikat orang bukan Islam. Kita tidak banyak. Tapi kita kena lantik pengurus atau timbalan

pengurus dimestikan dalam urusan pentadbiran. Boleh buat secara arahan pentadbiran, tidak perlu undang-undang. Arahan pentadbiran boleh jadi bukti dalam mahkamah kalau dia melakukan kesilapan. *Correct me right or wrong* dengan izin. Betul tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul!

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Haa, setuju semua. Semangat hari ini, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Ya, cukuplah.

**Seorang Ahli:** Cukuplah.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh dan juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya tidak tahu siapa yang *miss the point* di sini, sebab saya rasa yang *miss the point* ini Yang Berhormat bagi Ketereh. Kita sudah sebut pada peringkat awal tadi, bahawa yang ada dalam akta tapi hal ini boleh dipertimbangkan sekiranya pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sanggup untuk meminda Akta Perihal Dagangan yang sejak daripada 1972 tidak ada lagi sebarang pindaan. Kalau ada yang itu mungkin boleh dipertimbangkan tapi untuk meminta atau untuk melabelkan sebagai tidak halal ini adalah satu perkara yang saya rasa tidak wajar macam kita sebut tadi memaksa nilai.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Ayer hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berminat dengan isu halal tidak halal sebab masyarakat majmuk Malaysia. Saya mengaku bahawa isu halal ini adalah satu perkara yang amat sensitif dan sayangnya masyarakat bukan Islam kadangkala tidak faham apa itu '*pork free*' dengan halal. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagaimanakah pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya JAKIM memahamkan masyarakat bukan Islam, bagaimana ianya dapat mengeluarkan satu sijil halal dan membezakan apa yang tidak halal dengan apa yang dikatakan '*pork free*' kerana ini adalah penting sebab saya lihat baru-baru ini kes yang berlaku di Kuching, saya kasihan. Saya tengok tin itu diimport daripada China. Dia tulis '*minced*

*pork'* tapi dengan tanda logo Halal. Dia tidak faham benda itu, dia ingat mungkin itu logo Malaysia.

Jadi saya rasa ini dari segi *education* atau pendidikan yang kita buat tidak berapa sempurna. Jadi bagaimana dan apakah tindakan pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini? Bagaimana kita hendak memberi pendidikan yang secukupnya supaya kita jadi satu halal *hub* yang terkemuka, yang tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak demi kebaikan negara dan masyarakat Islam dan juga bukan Islam di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya merujuk kepada beberapa perkara di sini berkenaan dengan bagaimana kita hendak memberi pendidikan. Bagi mereka yang memohon untuk mendapatkan sijil halal, kita mewajibkan kepada pihak pengurusan untuk menjalani kursus selama dua hari. Maknanya dia kena melalui taklimat. Dalam taklimat itulah kita beri kefahaman kepadanya bahawa halal bukan makna '*pork free*' sahaja tapi ia melibatkan persoalan kebersihan dan sebagainya.

Merujuk kepada apa yang berlaku di Kuching berkenaan dengan satu tin yang ditulis '*minced pork*' tapi ada juga bertanda halal. Yang Berhormat kalau kita tengok kepada tanda halal yang ada pada tin tersebut ia bukan tanda halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM mahupun yang diiktiraf oleh pihak JAKIM, kerana pihak JAKIM misalnya kalau dia datang daripada China pihak JAKIM telah melantik adanya badan-badan Islam seperti *Chinese Muslim Association* untuk mereka ini memantau. Kalau kita tengok tiada pengesahan badan Islam pada tin tersebut, jadi mungkin pengusaha itu memikirkan bahawa dengan ada tanda halal yang ditulis sendiri akan diterima oleh pihak negeri yang hendak dieksport barangnya.

Jadi dalam hal ini kenalah kita semua sebagai pengguna perlulah.....

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** .....boleh saya habiskan dahulu sekejap Yang Berhormat. Kita sebagai pengguna sebenarnya harus prihatin dan memastikan bahawa tanda logo Halal yang ada pada tin tersebut adalah yang diiktiraf. Maknanya badan-badan Islam yang diiktiraf oleh pihak JAKIM. Kita sebagai pengguna kena ada kesedaran ataupun *awareness*. Silakan Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Memang betul Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tapi kalau kita lihat perkataan bahasa Cina pun dia tulis *pork*. Bermakna orang itu tidak ada niat hendak menipu. Tapi siapa yang mengawal dan siapa yang boleh mengeluarkan satu garis panduan dan membuat semakan dan pemeriksaan itu adalah orang yang penting. Sebab itu saya kata pendidikan tidak cukup.

Jadi yang tidak halal tetap tidak halal. Kita hendak beritahu mereka jika hendak mengimport itu bagi mereka kursus juga. Kalau tidak mereka anggap itu sebagai logo Malaysia. Mereka tidak tahu. Jadi itulah pandangan saya. Saya minta pihak kementerian mengambil kira perkara ini supaya kita dapat memantapkan sistem ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh cerita hal di Kuching ini Yang Berhormat Dato'?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalankah Yang Berhormat? Kalau bagi jalan semuakah.....

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya rasa, cukuplah kot saya hendak jawab yang Ayer Hitam tadi.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sikit, sikit. Cerita yang sama ini Dato'. Terima kasih Dato'. Sikit sahaja, sebab malam-malam ini mengantuk. Jadi, soalan yang *minced pork* ada tanda 'halal' di Sarawak itu, saya dimaklumkan tin ini juga disebar ke luar-luar bandar dan ada orang luar bandar teraniaya oleh lambang 'halal' ini. Dia pandang 'halal' sahaja. Orang luar bandar tidak belajar bahasa Inggeris, tidak tahu apa erti *pork*. Dia makan juga. Jadi, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam itu memang relevan.

Macam mana dan apakah tindakan yang boleh dibuat oleh pihak kementerian untuk melihat, mengawal barang-barang yang masuk ke sini, supaya tidak perkara yang sama berlaku, kerana orang kita di kampung umpamanya, dia tidak belajar bahasa Inggeris, tidak tahu makna satu-satu perkataan itu. Macam saya sebut satu perkataan Sarawak, dia orang sudah tidak tahu juga. Inikan pula orang kampung. Jadi, kita kena ada satu pertanggungjawaban kepada persoalan-persoalan yang mungkin mengelirukan. Yang Berhormat Dato', terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam dan juga Yang Berhormat bagi Santubong. Saya bersetujulah tetapi kalau kita tengok kepada barang-barang yang diimport, jadi kawalan kepada barang-barang yang masuk ini sebenarnya adalah tanggungjawab pihak kastam, bukan JAKIM yang hendak kena pergi buka kotak barang apa yang masuk. Jadi, dalam hal ini mungkin kita boleh memberi kerjasama dan menimbang cadangan itu untuk memberi maklumat kepada pihak kastam untuk membuat penelitian yang lebih baik lagi supaya tidak berlaku lagi seperti mana yang berlaku di Kuching tadi.

Mengenai saranan supaya Tabung Haji.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Gading bangun Yang Berhormat. Dia hendak apa itu?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Panjangkah Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak panjang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, teruskan Sri Gading, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soal halal, haram ini bukan perkara kecil. Perkara sensitif kata Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, perkara penting. Saya hendak menyarankan sikit sahaja. Jentera JAKIM itu dibesarkan, ramaikan, buat kerja penguatkuasaan. Apa yang sudah ada di dalam negara kita dari segi undang-undangnya, kita buat. Pergi menyusup mana-mana kampung, mana-mana kedai, mana-mana negeri, mana-mana bandar, siasat. Tetapi, kalau enam orang sahaja, Chow Kit pun tidak boleh selesai. Jadi, JPA pun satu juga. Jangan "tahi hidung masin" tentang perkara ini. Kata Islam, agama rasmi belanjalah betul-betul. Lantiklah penguatkuasaan JAKIM agaknya 5,000 orang.

Budak-budak penganggur universiti ini boleh ambil, latih dia. Bagi dia kerja. Kita sibuk halal, haram, halal, haram. Orang hendak menipu macam-macam cara. Undang-undang kalau dia hendak tipu, dia tipu. Jadi, saya harap kalau kita hendak bercakap tentang halal, haram, kita ini sediakan kita punya tenaga secukupnya, penguatkuasaan lantik 5,000. Ada wakil JPA di sini? Tidak ada. Dia tidak hendak dengar. Paling



“pelokeklah” jabatan ini. Saya cadangkan kalau betul hendak seriuslah halal, haram ini, lantik 5,000 orang seluruh negara. Barulah berkesan. Budak universiti menganggur 80,000 kata. Ambillah 5,000 latih. JAKIM bukan tidak mampu hendak latih mereka dan budak-budak ini budak-budak Islam ada asas agama. Sikit sahaja kita beri dia pengajaran, ilmu boleh jalan dah. Itu dia penyelesaian Dato’. Tidak payah bertengkar dekat sini. Itu punca dia. Terima kasih.

**Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya cukup bersetuju bahawa perkara halal, haram ini adalah satu perkara yang penting dan memang JAKIM sudah dalam proses untuk memohon daripada pihak JPA. Tetapi, sudah tentu bila kita memohon ia melibatkan persoalan peruntukan, kelulusan dan sebagainya. Tetapi, saya cukup kesali..... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Peruntukan kita luluskan dalam Dewan ini.

**Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Alhamdulillah. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mengenai saranan supaya Tabung Haji terlibat dalam industri.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Timor pula Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Islam Hadhari. Tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada sebut, senaraikan 10 prinsip Islam Hadhari. Tetapi, siapa *authority*, pakar untuk *interpret* 10 prinsip ini? Bukankah baru-baru ini pada 30 Mac, di mana IKIM menganjurkan satu seminar untuk kaum bukan beragama Islam dan untuk menjelaskan mengenai Islam Hadhari di mana ada banyak perkara yang ada ditimbulkan, sama ada oleh seorang Pesuruhjaya SUHAKAM ‘Raymond Nabranam’ atau *Malaysian Consultative Council* untuk Buddhism, *Christianity*, *Hinduism* dan *Sikhism* atau orang-orang yang lain, yang mengeluarkan mengenai 10 prinsip Islam Hadhari, sama ada adil atau tidak adil kepada agama-agama yang lain?

Seperti apa yang ‘Raymond Nabranam’ ada persoalkan, kenapa daripada 10 prinsip Islam Hadhari yang disebut, nampaknya baru satu sahaja ada berkaitan dengan rakyat Malaysia yang bukan Islam dan adakah ini adil kepada agama-agama yang lain dan sama ada semacam *reverend Buddhist spirit*, Sri Tama Nadu yang ada menyoalkan

sama ada IKIM rela untuk menganjurkan satu seminar menjemput wakil-wakil daripada agama-agama yang bukan Islam untuk terang kepada mereka yang beragama Islam mengenai agama-agama mereka. Ada dua *panelist* yang ada bertanggungjawab dalam seminar itu, Prof. Mohd. Kamal Hassan dan Prof. Hashim Kamali. Mereka kata bahawa, pendapat mereka ialah pendapat persendirian masing-masing dan dalam situasi ini, keadaan ini, siapa *expert* dan *authority* mengenai prinsip-prinsip atau Islam Hadhari. Yang kedua, adakah IKIM atau kerajaan rela mendengar pandangan-pandangan, kritik-kritik rakyat Malaysia yang bukan Muslim mengenai Islam Hadhari.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Menjawab persoalan siapa yang bertanggungjawab, kita katakan di sini bahawa JAKIM telah diberi tanggungjawab untuk menerajui kepada banyak agensi yang bergerak bersama-sama seperti IKIM, JASA, JAPIM, JPT, YADIM, KAGAT dan juga penasihat agama. Jadi, semuanya bergerak. Cuma, JAKIM bertindak sebagai penyelaras dan apabila seseorang itu mengeluarkan pendapat masing-masing, selama mana ia tidak bercanggah penafsirannya itu dengan apa yang dimaksudkan, kerana setakat ini pihak JAKIM juga telah mengeluarkan penafsiran terhadap *gist* tentang 10 prinsip Islam Hadhari. Ianya tidak bercanggah.

Kita menerima pendapat sebab kita terbuka untuk mendengar penafsiran. *Gist*nya itu telah diletakkan dalam 10 prinsip tetapi terbuka untuk ditafsirkan selama mana tidak terkeluar daripada apa yang telah dijelaskan oleh pihak JAKIM. Kalau ditanya tentang kerajaan rela mendengar, saya cukup bahawa kerajaan kita bersifat kerajaan yang adil dan amanah, berwawasan, sedia dan rela mendengar dan saya rasa, Yang Berhormat Menteri akan menggulung sebentar lagi tentang IRC dan juga antara agama, bagaimana mereka ini boleh berbincang tentang persoalan-persoalan yang berkaitan dengan agama.

Mengenai saranan supaya Tabung Haji terlibat dalam industri pengeluaran makanan halal, sukacita dimaklumkan pada masa ini, penglibatan Tabung Haji dalam industri makanan halal adalah melalui pegangan ekuiti dalam beberapa syarikat. Sebahagian daripada syarikat-syarikat ini tersenarai di bursa Malaysia. Contohnya seperti Nestle, Ajinomoto dan Frizers Berhad, syarikat pengeluar makanan halal yang

tidak disenaraikan di bursa Malaysia di mana Tabung Haji mempunyai pegangan ekuiti adalah East Johor Marine Farm Sdn. Bhd. dan Unilevel Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyarankan supaya sistem pengurusan zakat di negara ini lebih berkesan dan telus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat dua kaedah utama pengurusan zakat. Kaedah pertama ialah melalui keseluruhan kutipan dan agihan zakat diurus oleh jabatan zakat atau Majlis Agama Islam negeri dan kaedah kedua ialah menggunakan pendekatan amil korporat iaitu kutipan urusan zakat diserahkan dan diuruskan oleh MAIN kepada anak syarikat yang ditubuhkan khusus untuk tujuan tersebut.

Sukacita dimaklumkan bahawa tugas-tugas penyelarasan Baitulmal kini telah diambil alih oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji yang ditubuhkan pada bulan Mac 2004. Jabatan ini di peringkat akhir penggubalan satu lagi prosedur yang dinamakan prosedur standard agihan zakat untuk diguna pakai oleh MAIN. Prosedur ini akan dimuktamadkan pada bulan April 2005.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu berkaitan agama Islam.

**Tuan Haji Fadillah bin [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ada dua lagi yang bangun.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Last.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat bagi Petrajaya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** ....kepada kerajaan kerana bagi imbuhan, Imam RM 450 sebulan. Bilal pula sudah berbunyi, Siak pula sudah berbunyi, bolehkah tidak dipertimbangkan. Sebab apabila Imam dapat, Bilal kata macam tidak adil kita kepada mereka. Siak pula kata, 'kalau Bilal dapat aku kenapa tinggal?' Bolehkah tidak

dibincangkan agaknya macam mana? Bagilah imbuhan kepada Bilal dengan siak ini. Itu cadanganlah, ini permintaan sebenarnya daripada mereka. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya untuk makluman kita pun, bayaran imbuhan bulanan kepada Imam-imam masjid pun baru dilaksanakan pada tahun 2005. Perlu kita maklumkan bahawa dalam hal ini pun ada Imam-imam yang kadang-kadang di masjid ada Imam 2 ada, Imam 3 dan 4 dan sebagainya. Apa yang perlu kita fahamkan di sini ianya harus dikemukakan oleh pihak negeri, jadi kita harus minta daripada pihak Majlis Agama Negeri terlebih dahulu untuk mengemukakan cadangan ini dan saya percaya bahawa kerajaan sedia menimbangkan cadangan daripada pihak Majlis Agama Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Penjelasan. Sebenarnya saya ada juga terlibat dalam isu halal. Saya Ingin mendapatkan kepastian daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada menteri berkaitan yang menjaga hal ehwal perundangan akan menjawab berkaitan dengan apa yang saya cadangkan:

- (i) Akta khusus berkaitan dengan perkara-perkara halal, produk dan perkhidmatan halal;
- (ii) monitoring committee ataupun jawatankuasa syarikat yang ditauliahkan oleh JAKIM ataupun badan-badan keagamaan, jawatankuasa syariah yang memastikan pematuhan terhadap halal; dan
- (iii) definisi halal, iaitu adanya representasi berkaitan dengan sesiapa yang menyediakan produk halal mestilah apabila dia menjual kepada orang Islam, dia represent kepada orang Islam tersebut, perkara tersebut adalah halal.

Saya tidak pasti, ada beberapa perkara yang saya cadangkan tetapi tidak disentuh. Sebab itu saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada akan dijawab oleh menteri yang bertanggungjawab berkaitan dengan perundangan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Saya akan menjawab secara bertulis. Tetapi ringkas saya katakan di sini kalau

kita hendak mentafsirkan balik tentang apa yang dikatakan sebagai halal, satu manual telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Baru sahaja dikeluarkan mungkin kita boleh edarkan untuk difahami oleh semua bagaimana yang dikatakan sebagai halal dan juga tentang jawatankuasa, buat masa sekarang kita telah pun ada jawatankuasa teknikal yang dianggotai oleh beberapa jabatan seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan sebagainya, jadi belum ada lagi cadangan daripada pihak kerajaan untuk mewujudkan Jawatankuasa yang lain. Saya rasa saya akan jawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Petra Jaya memang sudah ada dalam rekod kita tetapi masa tidak mengizinkan, kita akan jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Hendak bagi peluang?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tidak benarkan memberi peluang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagilah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya kira penting Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Terpulang kepada Setiausaha Parlimen.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Cukuplah itu.....

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Mengenai ajaran sesat dan juga Tarikat, Perkim.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, ya teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** ....selepas itu pembebasan Ustaz Ashaari dan elaun Imam yang telah saya sebut bahawa masjid atau Pejabat Agama Islam Daerah telah memberi tauliah kepada tiga orang Imam tetapi untuk membolehkan dua orang Imam diberi elaun, maka diambil atau dibuat temu duga untuk membolehkan dua orang Imam mendapat elaun dan seorang Imam gagal. Maka Imam yang gagal ini merajuk termasuk juga elaun-elaun bilal-bilal dan juga tentang penaiktarafan jabatan

agama Islam dan juga pejabat agama Islam, serta jabatan-jabatan agama Islam di negeri-negeri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya akan jawab sebahagian sahaja Yang Berhormat. Saya merujuk kepada kenapa sebahagian Imam sahaja yang dapat. Kita perlu maklumkan di sini, kita hanya menerima cadangan daripada pihak negeri-negeri tentang Imam. Kalau kita lihat, misalnya negeri Perlis ia mencadangkan elaun untuk dua orang Imam, tetapi bagi negeri Kedah, Negeri Sembilan, dan juga bagi Kuala Lumpur dan Sabah, hanya mencadangkan satu Imam sahaja. Berbeza dengan Perak yang mencadangkan seramai empat Imam dan begitu juga Pulau Pinang. Jadi kita menerima cadangan itu daripada pihak kerajaan negeri. Jadi kalau Yang Berhormat hendak supaya ramai lagi Imam itu dapat, mestilah dicadangkan kepada pihak kerajaan negeri yang akan mencadangkan kepada pihak JAKIM yang akan dipertimbangkan dalam satu mesyuarat. Jadi, ini dia punya sistem.

Kita tidak boleh mengharapkan dan tidak semua keempat-empat Imam kalau satu masjid itu kesemuanya mendapat tauliah, hanya Imam yang diberi tauliah sahaja akan diberi elaun. Jadi kita kena faham. Kadang-kadang dalam satu masjid itu seorang Imam itu mendapat tauliah, tetapi dia sendiri melantik Imam lain sebagai pembantu dia. Jadi yang Imam ini kita tidak beri elaun kepada dia, melainkan kalau dilantik oleh pihak kerajaan negeri yang akan mengesyorkan pula kepada kita tentang Imam ini tadi yang telah diperakui.

Berkenaan dengan ajaran sesat dan juga pihak Al-Arqam atau pun Ustaz Ashaari, kita sebenarnya telah pun memanggil Ustaz Ashaari untuk mengingatkan dia tentang ajaran dia tadi. Tetapi dia tidak hadir dan kita dapat bercakap dengan isterinya Khadijah Am dan setakat ini kita merasakan bahawa isu ini masih lagi terkawal kerana setelah kita memberi amaran nampaknya pihak daripada Ashaari dapat mendengar nasihat-nasihat daripada pihak JAKIM.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu berkaitan agama Islam yang sempat dijawab. Mana-mana yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri ada tiga ucapan menggulung, Insya-Allah malam ini kita boleh tidur. Saya menyambung ucapan Setiausaha Parlimen dan selepas ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri daripada Padang Rengas akan melengkapkan lagi ucapan menggulung saya. Insya-Allah jam 11.30 kita boleh tamat malam ini kesemuanya sekali dengan kerjasama semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab tiga isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pertamanya, berkaitan dengan Unit Perancang Ekonomi khusus berkaitan rancangan ekonomi, Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan. Yang kedua isu-isu berkaitan dengan FELDA dan yang ketiga berkaitan dengan Petronas. Yang lain-lain akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di JPM daripada Padang Rengas.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang pertama dibangkitkan ialah berkaitan RMK-8 di mana Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Dungun, Ayer Hitam, Beluran, Putatan, Permatang Pauh dan Labuan antara lain telah membangkitkan pencapaian semasa kita melaksanakan Rancangan Malaysia Kelapan.

Sehubungan ini, saya ingin mengatakan bahawa kita cukup yakin dari segi pencapaiannya, kita akan dapat mencapai matlamat yang telah disasarkan dalam RMK-8. Dari sudut perbelanjaan umpamanya kita telah menyediakan peruntukan RM170 bilion dan ini semua akan dapat hampir kesemuanya pun, kalau pun tidak semua akan dapat dibelanjakan sehingga akhir tahun ini. Setakat ini kita telah membelanjakan kira-kira 82% daripada peruntukan RMK-8 dan dalam tempoh lapan bulan ini lagi, kita yakin akan dapat membelanjakan sebahagian besar daripada RM170 bilion yang telah diperuntukkan.

Dari segi pertumbuhan daripada tempoh 2001 hingga 2004, secara purata kita telah mencatatkan 4.3% pertumbuhan dari segi per kapita *income*. Pendapatan per kapita telah mencapai hampir RM17,000 dan dari segi kadar kemiskinan, kita telah berjaya mengurangkan kadar kepada 5.1% pada tahun 2002. Ini adalah di antara beberapa pencapaian yang telah kita dapat laksanakan setakat ini dan adalah tidak

benar jika dikatakan bahawa kita membuat kesimpulan bahawa RMK 8 telah gagal seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu-isu yang berkaitan dengan RMK 9 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat pertama Yang Berhormat bagi Ayer Hitam antara lainnya dua perkara yang dicadangkan. Pertama, beliau mencadangkan supaya Rancangan Malaysia Ke-9 ini projek-projek diurus dengan sistematik dan yang keduanya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam berpendapat bahawa peruntukan untuk RMK 9 akan berkurangan. Sehubungan dengan ini, ingin saya menyatakan bahawa angka 30% yang Yang Berhormat bagi Ayer Hitam sebut penguncupan peruntukan RMK 9 tidak membangkit kerana kita belum lagi memuktamadkan peruntukan RMK 9. Jadi terlalu awal untuk kita membuat andaian pada masa ini.

Berkaitan saranan supaya projek-projek diuruskan secara lebih sistematik, memanglah ini menjadi hasrat kerajaan memastikan tidak ada kelemahan berulang dalam tempoh RMK 9. Insya-Allah, pihak Unit Perancang Ekonomi bersama dengan agensi pelaksana termasuklah JKR, Kementerian Pelajaran dan lain-lain, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM. Kesemua jentera kerajaan akan digembelingkan bagi memastikan bahawa kita akan dapat memperbaiki lagi tahap prestasi dalam RMK 9 ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pandangan dikemukakan berkaitan dengan peruntukan, khususnya cadangan supaya peruntukan diberikan secara seimbang. Khususnya, cadangan supaya agihan sama rata, khususnya cadangan supaya pembangunan wilayah dapat kita beri perhatian lebih dalam RMK 9. Antara yang membangkitkan perkara ini ialah Yang Berhormat bagi Beluran, Kinabatangan, Pendang, Kalabakan, Kudat dan Bagan Serai. Ini adalah antara Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat yang memberi cadangan supaya dalam RMK 9 kita pastikan bahawa peruntukan cuba diseimbangkan, agihan sama rata dan pembangunan wilayah kita tingkatkan.

Sehubungan ini saya ingin menyatakan memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk menyempitkan lagi jurang perbezaan kemajuan pembangunan di kalangan negeri-negeri di Malaysia. Ada negeri yang kaya, ada negeri yang telah mencapai kemajuan, Negeri Selangor, umpamanya, Wilayah Persekutuan merupakan kawasan-kawasan yang maju manakala Sabah, Sarawak, Kelantan dan beberapa buah yang lain yang



merupakan negeri-negeri yang kurang maju. Oleh itu, menjadi matlamat kerajaan untuk memastikan jurang ini disempitkan.

Oleh yang demikian, kita menjangkakan dalam RMK 9 peruntukan akan diagihkan bertujuan untuk menyempitkan lagi jurang perbezaan pendapatan antara negeri-negeri supaya kita di Malaysia dapat menikmati kemudahan yang lebih baik supaya kita dapat seimbangkan nikmat kemajuan.

Dalam pada itu kita ingin menyatakan bahawa adalah sukar untuk menghapuskan sama sekali jurang perbezaan pembangunan ini yang kerajaan akan lakukan ialah kita akan berusaha dengan penuh komitmen memastikan bahawa jurang yang dapat kita sempitkan termasuk antara bandar dengan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat telah mencadangkan supaya kerajaan memastikan sebarang projek itu berdasarkan kepada *cost benefit analysis*, dengan izin. Memanglah apa juga cadangan yang kita bentangkan kepada Parlimen, kepada kerajaan, projek-projek ini berdasarkan kepada *cost benefit analysis*. Dalam erti kata jika sekiranya ia tidak memberi faedah dan manfaat kepada rakyat sudah pasti kita tidak akan melaksanakan projek tersebut. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kudat yang memberikan cadangan tersebut dan Insyallah kita akan cuba sedaya upaya memastikan bahawa prinsip *cost benefit analysis* ini kita akan ikuti dalam kita memilih projek-projek untuk RMK 9.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Putatan telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu kementerian khas untuk menyelia pembangunan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa di Sabah dan Sarawak memang sudah ada Jabatan Pembangunan Persekutuan yang telah ditugaskan untuk menyelia projek-projek pembangunan dan kita dapati bahawa tidak banyak perbezaan besar antara isu-isu masalah pembangunan di Sabah dan Sarawak di segi pelaksanaannya berbanding dengan negeri-negeri lain dan dengan adanya Jabatan Pembangunan Persekutuan di Sabah dan Sarawak ini, kita yakin dengan itu tidaklah perlu kita menubuhkan satu kementerian khas bagi menyelia pembangunan di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemiskinan, saya tidak ingin mengulangi apa yang telah dinyatakan oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah ....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebelum Yang Berhormat beralih kepada tajuk kemiskinan, mengenai RMK-9 dalam ucapan saya pun ada mencadangkan bahawa kalau kita mahu negara menjadi kompetitif dengan dunia dalam era globalisasi dan liberalisasi, adakah kerajaan rela mula dengan Rancangan Malaysia Ke-9 untuk *paste out*, dengan izin, sindrom subsidi dan budaya tongkat supaya kita negara sebenarnya dengan semua penduduk boleh berdikari, beri kompetitif bermula dengan Rancangan Malaysia Ke-9. *Paste out* subsidi mentaliti ini.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Subsidi ada buruk dan ada baiknya. Ada baiknya subsidi ini kerana kita dapat membantu orang-orang yang kurang kemampuan bagi mencapai taraf ekonomi yang baik, umpamanya subsidi untuk padi. Kita memberi subsidi kira-kira RM400 juta kepada penanam padi dalam bentuk jaminan harga padi. Ini penting kerana kalau tidak ada subsidi harga padi ini ataupun jaminan harga padi yang melibatkan kos sebanyak RM400 juta, maka sudah pasti kita tidak akan ada penanam padi dalam negara ini.. Ini melibatkan *food security*, dengan izin. Kalau ada kecemasan berlaku dalam negara kita, kita mungkin tidak ada makanan dan kita berada dalam kelaparan.

Jadi, ada subsidi yang kita rasa perlu kita pertahankan. Dalam pada itu kerajaan telah membuat keputusan, umpamanya aspek subsidi untuk petroleum, diesel umpamanya, di mana kita dapati bahawa ada kebocoran. Ratusan juta dibazirkan oleh kerana penyelewengan dan kerajaan sedang mengambil tindakan tegas bagi memastikan bahawa segala kelemahan ini dapat kita atasi dan subsidi ini adalah diberikan kepada mereka yang memerlukannya. Apa yang berlaku hari ini ialah mereka yang kaya juga menyeleweng. Dengan itu kita kerugian ratusan juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berhati-hati dan melihat pada isu subsidi. Kerajaan memanglah berhasrat kalau boleh kita hendak kurangkan subsidi tetapi untuk menghapuskan subsidi saya rasa pada masa ini kerajaan belum lagi bersedia tetapi untuk mengurangkan beberapa subsidi tertentu, ini sentiasa dikaji oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kemiskinan saya tidak ingin ulangi apa yang telah disebut oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya memberi penekanan di sini bahawa selaras dengan komitmen Perdana Menteri dan juga Barisan Nasional, kita akan pastikan bahawa kemiskinan tegar akan terhapus menjelang akhir RMK 9 dan langkah-langkah tertentu akan diambil termasuklah seperti cadangan oleh Ahli Yang Berhormat, kita mengemas kini profil kemiskinan tegar di Sabah dan Sarawak dan lain-lain langkah yang dicadangkan itu, kita ambil perhatian sesuai dengan hasrat kita untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang dalam tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Dungun ada mencadangkan supaya pihak kerajaan mengadakan dialog dengan Ahli-ahli Parlimen berkaitan dengan RMK 9. Memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk mendapat input yang terbaik dari semua pihak. Dan pihak Unit Perancang Ekonomi sememangnya telah pun mengadakan beberapa pertemuan dengan pihak-pihak tertentu NGO, pihak universiti, pihak akademik, pihak perniagaan, kerajaan-kerajaan negeri dan ini merupakan pendekatan yang kita ambil dalam RMK 9 dan kita mengambil sikap yang terbuka dan Insya-Allah kita akan mengadakan dialog seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Dungun. Itu isu-isu yang berkaitan dengan RMK 9 dan RMK 8 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin merujuk kepada penswastaaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya telah menyeru supaya RMK 9 ini juga menimbangkan dan memasukkan pembinaan SRJK(C) ke dalam RMK 9. Apakah pendirian kerajaan sampai hari ini? Yang kedua ialah tadi ada dikatakan dalam perancangan RMK 9 ini telah mengambil pertimbangan mengenai daerah atau *regional consideration* dan negeri, bagaimana dengan *general perspective*, adakah ia juga akan mengadakan analisis dari perspektif gender yang memang kerajaan mengatakan telah memulakan satu *final project* ke atas lima kementerian. Adakah ini telah dijalankan? Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, isu *gender* adalah isu yang penting kerana ia akan dianalisis dalam RMK9 dan ada bab yang akan memberi tumpuan kepada isu *gender*. Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa Malaysia telah mencapai banyak kemajuan bagi menangani masalah diskriminasi, masalah tidak seimbang antara *gender* tetapi kita mengakui bahawa banyak lagi perkara yang perlu dilakukan. Itulah sebabnya ditubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membela kepentingan wanita khususnya. Satu hari nanti mungkin perlu juga membela kepentingan lelaki, mungkin ya, tetapi setakat ini kerajaan beri perhatian kepada isu-isu wanita.

Mengenai SRJKC, apa jua tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah dalam konteks untuk memperkasa sekolah-sekolah kebangsaan. Ini merupakan dasar kerajaan dan apa jua tindakan akan didasarkan kepada dasar ini. Walau bagaimanapun isu-isu berkaitan perkara ini hendaklah dirundingkan di antara ketua-ketua parti komponen Barisan Nasional dan semangat musyawarah, tetapi ia tidak harus terkeluar daripada dasar umum kerajaan dalam konteks untuk memperkasa sekolah kebangsaan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jerai...

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah apa yang Yang Berhormat Menteri kata tadi bererti bahawa kerajaan tidak rela untuk menerima cadangan-cadangan yang ada dikemukakan oleh bukan MCA tetapi masyarakat Tionghoa dan rakyat Malaysia yang ada anak-anak dalam SRJKC bahawa kerajaan patutlah adil dalam perkara ini dan membina SRJKC baru selaras dengan permintaan atau keperluan dan tanpa menjejaskan matlamat untuk memperkasa sekolah kebangsaan. Bahawa di mana ada keperluan, tubuhkan SRJKC yang baru. Adakah ini bererti bahawa kerajaan menolak pendirian ini?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Kita mendengar pandangan tetapi kerajaan akan buat keputusan akhirnya dalam hal ini dan juga hal-hal lain seperti dalam konteks perpaduan dan dalam konteks dasar-dasar negara. Apa jua keputusan yang dibuat oleh

kerajaan dalam isu ini dan juga isu-isu lain adalah tertakluk kepada pertamanya dasar kerajaan, yang keduanya tertakluk kepada perbincangan di antara pemimpin-pemimpin dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya ingat cukuplah dalam hal ini. Saya sudah beri jawapan. Okey.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa dasar kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan tidak bercanggah dengan permintaan untuk membina lebih banyak SRJKC. Itu tidak boleh jadi alasan kerana bukan kita tidak ada kewangan untuk membina. Kalau ada pilihan, mesti memilih seperti pada zaman dahulu apabila ada anak lelaki dan anak perempuan kerana tidak mampu hantar kedua-duanya ke sekolah, jadi pilih yang satu.

Tetapi keadaan sekarang bukan macam ini, bukan seperti kekurangan kewangan. Saya rasa pendidikan adalah penting dan juga kerajaan perlu menghormati kehendak ibu bapa. Kalau ibu bapa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa ibu bapa berhak untuk memilih sekolah untuk anaknya. Inilah saya rasa kerajaan perlu mendengar, bukan sahaja parti komponen Barisan Nasional tetapi juga beratus-ratus ribu ibu bapa yang menghantar anak mereka ke SRJKC. Mereka, anak-anak ini pun juga anak-anak Malaysia.

Saya rasa kalau kita hendak menubuhkan satu masyarakat atau memupuk perpaduan dan mewujudkan bangsa Malaysia, kita mesti adil dalam isu pendidikan ini. Ini pun telah diminta juga oleh MCA. Saya rasa Gerakan pun tidak akan bantah dan MIC pun tidak akan bantah. MIC juga sudah sokong. Saya berpendapatlah bahawa kerajaan perlu lebih sensitif dan lebih adil dalam isu ini. Terima kasih.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Saya rasa kita tamatkan perbahasan mengenai perkara ini. Saya sudah jawab tadi, apa jua keputusan yang kita buat adalah dalam konteks dasar negara dan kerajaan mendengar pandangan-pandangan daripada semua pihak. Terima kasih.

Seterusnya berkaitan dengan penswastan, Yang Berhormat Jerai bertanya tentang bilangan syarikat kerajaan yang telah diswastakan. Bilangannya ialah 59

syarikat kerajaan, projek yang telah diswastakan adalah lebih kurang 500 tetapi bilangannya ialah 59 yang diswastakan dan setakat ini kita telah menerima kira-kira RM29 bilion, hasil daripada penjualan aset dan ekuiti dalam syarikat-syarikat tersebut, umpamanya dalam perkara berkaitan syarikat Telekom Malaysia Berhad, kita mendapat perolehan sebanyak RM2.1 bilion, Tenaga Nasional Berhad – RM3.7 bilion. Memanglah kerajaan mendapat hasil daripada penjualan syarikat-syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dua lagi perkara yang saya ingin bantah di sini sebagai jawapan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tahun lalu dalam bulan Julai, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada mengumumkan bahawa kerajaan akan buat satu kajian semula mengenai penswastakan supaya ia tidak *shortchange* kerajaan dan rakyat bahawa semua ciri-ciri yang tidak adil akan dikaji semula. Apakah hasil daripada kajian semula ini? Adakah itu semua sia-sia sahaja, omong-omong kosong sahaja? Atau bolehkah kita dengar apa projek penswastakan yang ada diubahsuai atau ada yang menjadi subjek dalam perkara ini di mana akan ada terma-terma diperbaiki demi kepentingan pengguna-pengguna?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kajian semula ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan dan beberapa pembaikan telah pun dilaksanakan. Secara umumnya kita ada dua kategori projek-projek ini.

Yang pertama, projek-projek yang lama ataupun yang hampir muktamad. Yang keduanya, projek-projek baru. Bagi projek-projek lama, kita ada sedikit kesukaran tertakluk kepada undang-undang dan juga perjanjian. Tetapi dalam kes-kes di mana ada persetujuan antara kedua pihak, kita telah pun membuat pindaan sewajarnya. Umpamanya, dalam kes SPANCO, kita telah meminda perjanjian penswastakan dan hasil itu kita telah dapat menjimatkan RM1.2 juta sebulan sewaan yang kerajaan bayar kepada SPANCO melibatkan RM18 juta setahun. Ini *savings*. Ini berkait dengan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan.

Bagi yang baru, kita telah melaksanakan beberapa pembaharuan. Umpamanya sekarang ini ada konsep *revenue sharing* dalam beberapa projek lebuh raya baru, umpamanya hasilnya melebihi sesuatu peratusan, maka ada *revenue sharing* antara kerajaan dengan pihak syarikat dalam kes terkini penswastakan PUAS kepada SYABAS

umpamanya, dalam menentukan kenaikan tarif air, ada dikenakan bersyarat termasuklah syarikat perlu memenuhi beberapa *key performance indicators*, dengan izin.

Ini semua merupakan beberapa perubahan penambahbaikan, dengan izin, *improvement* yang telah dilakukan oleh kerajaan. Kalau dahulu provisi-provisi ini, peruntukan ini tidak terkandung dalam perjanjian penswastaan, dalam perjanjian yang baru ini, kerajaan cukup prihatin dan kita akan pastikan bahawa dari masa ke semasa kita akan dapat memastikan bahawa rakyat akan mendapat faedah maksimum daripada projek-projek penswastaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada dua perkara lagi secara ringkas. Yang pertama berkaitan dengan FELDA. Ada cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Krau supaya bantuan sara hidup bagi peneroka FELDA ditingkatkan. Saya ingin maklumkan bahawa pada tahun 2003, elaun ini telah pun dinaikkan kepada RM250 sebulan kepada RM500 sebulan. Ia akan dibayar balik secara ansuran apabila ladang peneroka mengeluarkan hasil. Kalau kita naikkan bantuan, dia kena bayar balik lebih lagi, jadi ini akan membebankan peneroka. Kita merasakan bahawa RM500 sebulan ini

Sebagai usaha meningkatkan pendapatan, FELDA menggalakkan peneroka menceburi bidang keusahawanan. Beberapa bentuk pinjaman disediakan di bawah Skim Insentif Usahawan FELDA ini.

Berhubung dengan isu supaya ditubuhkan Universiti FELDA di Pahang, saya ingin maklumkan bahawa FELDA telah pun mengadakan beberapa inisiatif dalam bidang pendidikan, umpamanya FELDA telah menubuhkan Institut Teknologi Utama dengan tumpuan kepada bidang teknologi maklumat dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, FELDA sedang merancang, telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk mewujudkan sebuah kolej kejururawatan ..... ini telah dikemukakan kepada kerajaan. Dengan kerjasama MARA, FELDA juga sedang merancang mewujudkan MRSM, ini semua dalam perancangan, beberapa perancangan yang sedang dibuat oleh FELDA dalam bidang pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Yang Berhormat bagi Ledang, Kinabatangan, Penampang dan Kudat telah menyentuh beberapa isu berkaitan dengan Petronas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun banyak memberi perhatian kepada skim-skim FELDA di seluruh negara. Di akhir ini, setelah FELDA diletakkan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak bantuan yang diberikan kepada peneroka kita di seluruh negara. Cuma Yang Berhormat, adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan di FELDA – di tempat saya ada dua rancangan FELDA – Lubuk Merbau dan Bukit Tembaga, supaya mana-mana FELDA yang telah pun melangsaikan hutangnya supaya dibenarkan menubuhkan JKK di tempat berkenaan, kerana bila JKK ditubuhkan bolehlah Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan boleh memberi bantuan kepada mereka .... pada masa ini ada JKKR sahaja.

Yang kedua, adakah kita bercadang untuk membawa masuk industri kecil dan sederhana untuk memberi peluang pekerjaan kepada industri kedua yang agak ramai dalam skim-skim FELDA. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan lebih banyak lagi IKS di rancangan-rancangan FELDA ini adalah satu cadangan yang memang sedang dikaji dengan mendalam oleh kerajaan demi kepentingan generasi kedua, khususnya menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk FELDA yang semakin meningkat dari hari ke hari. Perkara ini akan diberi tumpuan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan – penubuhan IKS di kawasan FELDA.

Berkaitan JKK dan JKKR, yang sekarang ini memanglah wujud di FELDA, ada JKKR tidak ada JKK, jadi kalau ada JKK akan mendapat peruntukan daripada beberapa kementerian lain, dan kita akan kajilah cadangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai Petronas, Yang Berhormat bagi Ledang mencadangkan supaya Petronas menceburi bidang binaan, saya ingin menegaskan bahawa Petronas tidak akan menceburi bidang-bidang yang jauh terkeluar daripada kegiatan asasnya tetapi demi kepentingan negara, Petronas telah terlibat dalam dua projek hartanah iaitu KLCC Holdings, yang mana Petronas mempunyai ekuiti 100 peratus dan Putrajaya Holdings, di mana Petronas mempunyai saham majoriti dan segala penglibatan Petronas dalam bidang ini akan tertumpu cuma kepada dua syarikat



hartanah tersebut sahaja dan Petronas tidak ada cadangan untuk terlibat di dalam industri binaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang.

Ahli Yang Berhormat bagi Penampang, Kudat dan Kinabatangan banyak membangkitkan tentang sumbangan Petronas kepada rakyat Sabah, saya ingin memaklumkan bahawa pada tahun 2004, Petronas telah membayar royalti sebanyak RM254 juta kepada kerajaan negeri Sabah. Selain daripada itu, Petronas juga menyediakan biasiswa bagi anak-anak tempatan di Sabah, terlibat dalam pembangunan masyarakat. Sebagai contoh, *Sabah Valley Field Center*, *Sabah Kadazan Culture Society*, *Sukma Sabah Environment Award* dan beberapa jenis bantuan lagi, termasuklah bantuan kepada mangsa kemarau. Petronas sebuah syarikat yang amat prihatin kepada isu-isu kebajikan dan sosial dan Petronas telah banyak menyumbang kepada kegiatan-kegiatan ini di Sabah dan juga di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai industri petrokimia di Sabah, Petronas akan berbincang dengan Kerajaan Pusat berkaitan dengan perkara ini. Pada masa ini tidak banyak industri hiliran di Sabah. Yang ada hanya beberapa projek termasuklah *Gas Landing Terminal* di Kampung Gayang, Sabah untuk membekal gas kepada industri di kawasan perindustrian di Kota Kinabalu serta projek-projek lain yang berkaitan. Petronas juga telah membangunkan projek lain seperti beberapa loji pembotolan LPG dan depot produk petroleum di Sabah. Jadi, Petronas akan berbincang dengan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat tentang cadangan supaya ia terlibat dengan lebih mendalam lagi dalam industri hiliran petrokimia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Penampang bertanya kenapa banyak projek di Labuan berkaitan dengan industri petroleum ini, seperti yang sedia maklum, beberapa projek di Labuan dimulakan semasa Labuan dirancang, semasa Labuan masih lagi dalam Wilayah Persekutuan dan insya-Allah di masa akan datang pihak Petronas akan menimbangkan projek-projek tertentu di Sabah selari dengan kehendak Ahli Yang Berhormat dari Sabah supaya lebih banyak lagi industri hiliran akan dapat dibangunkan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah merujuk kepada EPU, RMK-8 dan RMK-9, penswastaaan, Petronas dan FELDA, dan jika ada perkara-perkara yang terlepas pandang, saya mohon maaf

dan mungkin Yang Berhormat bagi Padang Rengas akan dapat melengkapkan lagi jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada jawapan mengandungi 30 muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tiga puluh...?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tiga puluh muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa lama masa diperlukan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Panjangnya saya ingat kalau termasuk *diinterject*, saya ingat boleh makan satu setengah jam untuk menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sampai jam 12.00 malam tidak boleh habis?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sampai jam 12.00?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nak teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, boleh habiskah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan disambung besok ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak mengapa, saya ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** .... pasal Yang Berhormat Menteri ini hebat orangnya dan kita banyak hendak masuk campur. Jadi kalau main sekat-sekat, Yang Berhormat Menteri ini kalau sikit-sikit dia tidak puas, jadi bagi dia kepuasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah Yang Berhormat sudah rasa letih?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Bukan, saya bukan soal letih, Tuan Yang di-Pertua, saya mengenangkan masanya jangan diganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, Yang Berhormat kemukakan Usul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak kemukakan Usul supaya saya menggulung besok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab itu Usullah, Yang Berhormat boleh kemukakan Usul.

## USUL

### MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 12(1)

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Usul Penangguhan Dewan pada pagi ini, sekarang jam sudah 11.17 malam, Jabatan Perdana Menteri masih lagi belum dapat selesai menjawabnya, oleh yang demikian, tidak mungkin Dewan ini boleh menyelesaikan jawapan-jawapan Menteri pada malam ini juga, oleh itu saya mengemukakan Usul iaitu:

Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) dengan tidak menghiraukan kepada Usul yang terawal iaitu bagi kementerian menjawab, maka saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguh sekarang dan mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah seperti Usul yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini hingga jam 10.00 pagi hari esok.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.18 mlm]**

21 Mac 2005

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP.** (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. " Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. " Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. " Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. " Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) - UMNO
11. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. " Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO

14. “ Menteri Pelajaran, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin **Haji Aman** (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

#### SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO

2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ **Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO**
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN



22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin (Jerai) - UMNO**
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRIS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepang) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB

- 
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
  41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
  42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
  43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
  44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
  45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
  46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
  47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
  48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
  49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
  50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
  51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
  52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
  53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
  54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
  55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
  56. “ Tan Sri Dato’ K.S. Nijhar (Subang) - MIC
  57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
  58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
  59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
  60. “ Dato’ Seri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
  61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
  62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
  63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
  - 64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA**
  65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA

- 
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
- 88.** “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
- 90.** “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO

- 
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO
111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha  
Roosme binti Hamzah  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang  
Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha  
Muhd Sujairi bin Abdullah  
Lavinia a/p Vyveganathan  
Bazlinda binti Bahrin  
Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiyah binti Jamaludin  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Hairan bin Mohtar  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Mohd. Izhar bin Hashim

JURUBAHASA SERENTAK  
Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Cik Lee Jing Jing

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

BENTARA MESYUARAT  
Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER  
Zunaini bt. Mohd Salleh  
Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Siti Rohaini bt. Roslan  
Mohamad Faizal bin Harun  
Mohd. Faizol bin Mohd. Noh  
Zaini Azlina bt. Zawawi

PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor